

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUA BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

Bil. 33

Isnin

21 Jun 2010

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
USUL-USUL:	
Rancangan Malaysia Kesepuluh (2011-2015)	(Halaman 26)
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 63)
Menangguhkan Mesyuarat di Bawah P.M 16(3)	(Halaman 136)
UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN:	
■ Kembalikan Kebebasan Media Serta-Merta – Y.B. Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua (Batu)	(Halaman 137)
■ Aduan Penipuan Skim STG Corner – Y.B. Tuan Fong Kui Lun (Bukit Bintang)	(Halaman 139)

MALAYSIA**DEWAN RAKYAT****Isnin, 21 Jun 2010****Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi****DOA**

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]** minta Menteri Kewangan menyatakan adakah kerajaan bercadang memberikan pelepasan cukai pendapatan kepada isteri yang bekerja dan menanggung suami yang tidak bekerja sebagaimana pelepasan cukai yang diberikan kepada suami yang menanggung isteri yang tidak bekerja.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kerajaan telah pun mengambil langkah memberi layanan cukai yang sama kepada pembayar cukai individu tanpa diskriminasi gender. Dengan ini pembayar cukai sama ada lelaki atau wanita bebas untuk membuat pilihan untuk dikenakan cukai secara berasingan atau secara bersama dengan pasangannya. Di samping itu mulai tahun taksiran 2001, pelepasan cukai kepada isteri bekerja yang menanggung suami tidak bekerja diberi sebanyak RM3,000 sepertimana pelepasan cukai yang diberi kepada suami yang menanggung isteri tidak bekerja.

Sekiranya isteri atau suami tanggungan merupakan orang kurang upaya, pelepasan adalah sebanyak RM3,500. Rebat tambahan sebanyak RM400 bagi suami bersamaan jumlah rebat bagi isteri turut diberi sekiranya jumlah pendapatan bercukai tidak melebihi RM35,000. Terima kasih.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada jawapan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri. saya hendak tanya. Makluman yang didapati hasil Kajian Penduduk dan Keluarga Malaysia bagi tahun 2004 oleh LPPKN mendapati bahawa masalah utama wanita iaitu sebanyak 56.6% adalah mengenai kewangan dan sebahagian besar daripada wanita ini iaitu isteri-isteri ini iaitu sebanyak 36.8% terpaksa menyelesaikan sendiri masalah kewangan keluarga mereka.

Walaupun pelepasan cukai telah pun diberikan semenjak tahun 2001 seperti yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Menteri tadi, namun masih ramai lagi wanita ataupun isteri-isteri bekerja yang terpaksa menanggung suami tidak bekerja masih lagi tidak mendapat pelepasan cukai.

Soalan saya yang pertama ialah apakah bilangan dan amaun tuntutan pelepasan cukai yang dapat difikirkan oleh kerajaan supaya dapat lebih membantu isteri yang terpaksa menanggung suami yang tidak bekerja ataupun terpaksa menanggung suami orang kurang

upaya bagi tahun 2008 dan 2009. Adakah kerajaan mahu memikirkan mekanisme kewangan lain yang boleh diperkenalkan untuk membantu isteri-isteri ini dan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, ringkaskan.

Datuk Halimah binti Mohd. Sadique [Tenggara]: ...memperbaiki sistem *e-Filing* yang sedia ada. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya dari segi jumlah tuntutan yang telah dibuat oleh isteri-isteri untuk pelepasan suami yang tidak bekerja, yang menjadi tanggungan mereka. Dari segi jumlahnya, puratanya daripada tahun 2006 sehingga 2009 adalah lebih kurang 26,000 orang telah memohon. Jumlah yang diperoleh, pulangan pelepasan ialah di antara RM78 juta hingga RM80 juta setahun. Maknanya, sudah memang terdapat isteri-isteri yang telah pun mendapat manfaat daripada pelepasan ini. Namun begitu, barangkali masih ada juga yang tidak mengetahui dan kita boleh meminta kepada pihak Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) untuk menyebarkan maklumat ini supaya lebih ramai yang dapat memperoleh manfaat daripada pelepasan ini.

Tentang bantuan-bantuan lain untuk menyenangkan atau mempermudah beban kewangan isteri-isteri, barangkali ini tidak semestinya bergantung kepada pelepasan cukai semata-mata. Itu mungkin boleh dikaji dan dilihat apakah cara-cara lain yang boleh membantu mereka memandangkan statistik yang telah disebut oleh Yang Berhormat tadi, begitu ramai dan masalah ini begitu meluas barangkali. Maka ini boleh diambil kira dalam pertimbangan yang lain. Terima kasih.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Assalamualaikum dan selamat pagi. Soalan tambahan saya berkenaan dengan jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi. Walaupun kita tahu Seksyen 45 berkenaan dengan status dan sebagainya, telah lama diperjelaskan. Apa yang ditanya soalan pertama tadi sebenarnya telah termaktub dalam undang-undang ataupun Akta Cukai Pendapatan.

■ 1010

Soalan tambahan saya yang bersangkutan dengan status sama ada isteri ataupun balu dan sebagainya, yang menyentuh tentang pengesahannya terpaksa diterima atau diperolehi daripada kementerian atau jabatan lain. Sebagai contohnya, yang menyentuh tentang status ini mesti didapati daripada, barangkali jabatan agama atau majlis agama ataupun agensi-agensinya yang berkaitan tentang pengesahan status. Adakah Lembaga Hasil Dalam Negeri mempunyai kolaborasi atau bercadang untuk mempunyai bidang kuasa yang bertindih ini untuk diselaraskan? Sebagaimana satu masa dahulu, kita mempunyai masalah yang agak besar untuk melunaskan pertindihan di antara isu yang bersangkutan tentang zakat, pembayaran zakat atau rebat-rebat yang berkenaan dengan zakat. Sekarang ini kita mungkin juga ada masalah tentang pengesahan status sama ada isteri atau isteri-isteri yang memerlukan pada satu jabatan lain.

Adakah LHDN bersedia atau mempunyai cadangan yang serta-merta untuk menyelesaikan perkara ini? Kerana inilah yang sebenarnya yang banyak menimbulkan

masalah berkaitan dengan soalan pertama tadi iaitu pengabaian kepada isteri atau isteri-isteri. Terima kasih.

Dato' Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Yang Berhormat. Buat masa ini pengesahan isteri atau isteri-isteri ataupun pengesahan suami bagi isteri yang memohon untuk pelepasan suami, sudah tentu memerlukan pengesahan daripada pihak-pihak berkenaan dari jabatan agama dan sebagainya. Buat masa ini, LHDN tidak mempunyai cara pengesahan sendiri dan masih bergantung kepada jabatan-jabatan lain yang lebih berkenaan. Sama ada Lembaga Hasil Dalam Negeri perlu berbincang bagaimana memudahkan pengesahan ini, barangkali ini boleh dipertimbangkan. Terima kasih.

2. Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap] minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan:

- (a) sejauh mana usaha kerajaan setakat ini melaksanakan Subsidi Beras untuk Rakyat (SUBUR); dan
- (b) berapa ribu tan beras nasional dikeluarkan sebulan dan adakah benar-benar sampai kepada sasaran serta adakah kerajaan mengesan penyelewengan beras 15 peratus yang diluluskan oleh kerajaan dijadikan beras 5 peratus.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar]:

Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab soalan ini bersekali dengan soalan Yang Berhormat Tuaran pada 23 Jun 2010 dan Yang Berhormat Merbok pada 5 Julai 2010 mengenai isu yang sama.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

- (a) Pelaksanaan program Subsidi Beras untuk Rakyat (SUBUR) pada asalnya dipersetujui bermula pada 1 Disember 2009. Penerima bagi program ini menggunakan senarai golongan miskin tegar, miskin dan mudah miskin yang berdaftar dalam sistem e-Kasih yang diurus oleh Unit Penyelarasan Pelaksanaan (UPP) Jabatan Perdana Menteri seramai 223,669 keluarga.
Susulan daripada aduan dan rungutan daripada orang ramai termasuklah Ahli-ahli Yang Berhormat di dalam Dewan yang mulia ini yang mengatakan senarai golongan sasaran dalam sistem e-Kasih tersebut tidak merangkumi semua golongan yang layak. Maka pada 20 November 2009, kerajaan telah memutuskan untuk menangguhkan pelaksanaan program SUBUR. Penangguhan ini perlu dibuat bagi membolehkan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani dengan kerjasama Unit Penyelarasan Pelaksanaan Jabatan Perdana Menteri serta agensi lain termasuk Jabatan Perangkaan untuk menyemak semula dan membuat verifikasi

senarai nama dalam sistem e-Kasih dan memasukkan mana-mana keluarga yang layak yang tercicir.

Sehingga 25 Mei 2010, sebanyak 514,993 permohonan baru bagi program SUBUR ini telah dikemukakan oleh semua 222 urus setia Majlis Pembangunan Pertanian Parlimen. Senarai nama pemohon yang telah diperakukan di peringkat NPP ini merupakan tapisan peringkat awal dan akan disemak dengan lebih terperinci bagi memastikan kesahihan permohonan tersebut. Semakan terperinci ini perlu dibuat bagi memastikan hanya golongan yang benar-benar layak akan mendapat bantuan dan manfaat daripada program ini.

Semakan ini juga bertujuan untuk memastikan tidak ada permohonan bertindih dalam satu keluarga, ini kerana program SUBUR adalah berasaskan keluarga bukannya individu. Daripada sebanyak 514,993 permohonan baru yang diterima, didapati ramai yang memohon daripada keluarga yang sama. Setelah semakan ini disahkan lengkap, keputusan pelaksanaan program SUBUR ini akan dibuat oleh pihak kerajaan setelah mendapat kebenaran daripada Kabinet.

- (b) Mengenai Beras Nasional. Jumlah keluaran Beras Nasional ST15 peratus adalah sebanyak 40,000 metrik tan sebulan di Semenanjung Malaysia dan kira-kira 15,000 hingga 16,000 metrik tan di Sabah dan Sarawak. Bagi memantau penyelewengan Beras Nasional ST15 yang disubsidi oleh kerajaan, pegawai penguat kuasa kawal selia padi dan beras di negeri-negeri membuat pemeriksaan berkala di premis pengilang-pengilang, pemborong-pemborong serta peruncit-peruncit yang terlibat. Sesiapa yang melakukan penyelewengan akan diambil tindakan mengikut peraturan-peraturan dan kehendak Akta Kawalan Padi dan Beras 1994 dan peraturan di bawah akta tersebut. Pihak kementerian meminta kerjasama semua pihak tampil ke hadapan membantu serta sanggup menjadi saksi termasuklah menggunakan pengguna sendiri dan media massa mengenai salah laku mereka yang terlibat dalam penyelewengan bekalan Beras Nasional ST15 peratus. Jika SUBUR dilaksanakan kelak, beras subsidi akan dapat dipastikan sampai sepenuhnya kepada golongan sasaran iaitu keluarga miskin, mudah miskin dan miskin tegar. Mekanisme agihan subsidi di bawah sistem SUBUR akan dapat mengelakkan berlakunya ketirisan dan penyelewengan oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

Terima kasih.

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Soalan saya, adakah benar semasa pelancaran

SUBUR dibuat, tender untuk khemah diberikan kepada sebuah syarikat yang telah memasang khemah dua hari sebelum daripada tender ditutup dan berapakah nilai tender tersebut diberikan untuk pelancaran SUBUR ini?

Saya ingin bertanya berdasarkan kepada pengawalan yang dibuat oleh pihak kawal selia, pegawai-pegawai kawal selia padi dan beras, berapakah ataupun bagaimanakah penyelewengan terhadap Beras Nasional dikesan oleh pihak kementerian daripada 15 peratus yang di *packing* semula - dibungkus semula untuk menjadi beras 5 peratus. Terima kasih.

Datuk Seri Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Mengenai khemah ini saya sudah jawab dalam Dewan yang mulia ini. Walau bagaimanapun, saya beritahu sekali lagi bahawa masa hendak melancarkan SUBUR dulu, kita percepatkan - kalau tidak silap tiga hari lebih awal daripada tarikh yang asal kerana kesesuaian tarikh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada ketika itu. Tender dibuat mengikut peraturan-peraturan dan jumlah saya tidak pasti berapa jumlahnya.

Kedua, mengenai penyelewengan ST15. Ini masalah yang kita tekankan di mana Beras Nasional ST15 ini kita berikan kepada pengilang-pengilang kepada seluruh negara ada 73 pengilang. Daripada 73 pengilang ini, pengilang-pengilang ini pula akan mengedarkan kepada 531 pemborong-pemborong. Jadi pemborong-pemborong pula akan mengedarkan kepada 45,000 peruncit-peruncit beras di seluruh negara.

Jadi ketirisan ini berlaku ialah di antara pemborong dengan peruncit di mana waktu pemborong mengambil beras ini di kilang, harganya RM1.35 satu kilo atau RM31.50 satu beg, ia kena jual beras subsidi ini dengan harga RM18. Akan tetapi oleh sebab ia hendak untung lebih, ia 'tukar baju' - istilah yang mereka pakai. Pemborong 'tukar baju' - ia ubah plastik, daripada ST15 ia *convert* jadi ST5 atau ST10, yang harganya RM24 dan juga RM26 yang lebih mahal.

■1020

Jadi, mana-mana pemborong yang kita dapat tangkap dan memang pun ada kita telah gantung lesen pemborong-pemborong yang tidak bertanggungjawab ini yang ingin mendapatkan keuntungan daripada subsidi kerajaan, maka tindakan akan dapat diambil. Namun demikian, seperti mana yang saya nyatakan tadi, kita memang mengharapkan laporan-laporan daripada orang ramai jika dipercayai bahawa beras yang dijual di dalam pakej ST10 atau pun ST5 itu, kalau mereka lihat bukannya kualiti yang sebenarnya atau pun yang sebenarnya ST 15%, maka hendaklah dilaporkan kepada pihak kementerian. Terima kasih.

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Kejayaan Kerajaan Barisan Nasional membantu rakyat termiskin melalui bantuan beras ini adalah merupakan satu program yang sangat murni. Adakah kementerian bercadang supaya memberikan sokongan lagi kepada kumpulan rakyat termiskin ini yang sudah pun menubuhkan koperasi mereka agar pengedaran beras ini diberi peluang kepada koperasi-koperasi rakyat termiskin.

Dato' Seri Noh bin Haji Omar: Terima kasih banyak Yang Berhormat dari Jempol. Walaupun kita sudah ada bilangan pengedar dan juga pemborong beras ini di seluruh negara, 531 pemborong tetapi kementerian bersedia untuk menimbangkan jika ada permohonan-permohonan daripada mana-mana koperasi untuk menjadi pengedar dan juga pemborong-pemborong beras ini. Ini kerana, melalui koperasi saya lihat ia lebih mudah untuk kita pantau dari syarikat-syarikat individu ini. Terima kasih.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Lain kali lah.

Dato' Mahfuz bin Haji Omar [Pokok Sena]: Pasal khemah tadi tidak jelas.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah lah Yang Berhormat.

3. Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading] minta Menteri Dalam Negeri menyatakan:

- (a) jumlah pekerja asing berdaftar di dalam negara mengikut pecahan negara serta bidang kerja dalam tempoh 2005 hingga 2010; dan
- (b) jumlah pekerja asing tanpa izin (PATI) bagi tempoh 2005 hingga 2010 mengikut pecahan negara dan bidang kerja.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada sahabat saya Yang Berhormat dari Sri Gading. Untuk makluman Yang Berhormat,

- (a) Mengikut rekod laporan imigresen Malaysia, jumlah pekerja asing mengikut tahun adalah seperti berikut:

Tahun	Jumlah Pekerja Asing (Orang)
2005	1,815,238
2006	1,869,209
2007	2,044,805
2008	2,062,596
2009	1,918,146

Sehubungan dengan pecahan terperinci mengikut negara serta bidang kerja bagi tahun-tahun berkaitan, saya akan beri data-data berikut kepada Yang Berhormat secara bertulis memandangkan ianya terlalu panjang untuk dinyatakan dalam Dewan yang mulia ini.

- (b) Mengenai jumlah pekerja asing tanpa izin atau PATI bagi tahun-tahun berkaitan, kerajaan tidak mempunyai satu data yang tepat

berkenaan bilangan pekerja asing tanpa izin di Malaysia. Ini kerana kemasukan dan keberadaan mereka di negara kita adalah secara tidak sah dan tidak direkodkan oleh mana-mana agensi. Walau bagaimanapun, kerajaan menganggarkan pada masa ini terdapat seramai 1.9 juta orang PATI berdasarkan andaian seorang pekerja asing yang sah terdapat seorang PATI.

Sekian, terima kasih.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya puas hati atas jawapan itu. Cuma, pekerja asing ini baik sah atau tidak sah dikenal pasti jenis kerja dia seperti pembuatan, perladangan, pembinaan, perkhidmatan.

Seperti pekerja Indonesia, kita tahulah dia pembuatan, perladangan, pembinaan, perkhidmatan, pembantu rumah umpamanya, jelas. Saya tidak jangka pasal Yang Berhormat tidak jawab. Pekerja-pekerja daripada Afrika, apa bidang dia? Saya tidak tahu tetapi nampaknya makin ramailah dan ini menambah atau pun menimbulkan ketakutan rakyat. Kita rasa tidak selesa. Hidup dekat negara sendiri, tidak selesa. Ini pelik juga. Kita macam terancam.

Ini bukan salah sesiapa. Tidak tahu, saya tidak hendak menyalahkan sesiapa. Jadi, macam mana keadaan keselamatan kita berkaitan dengan pekerja asing, sah atau tidak sah. Umpamanya, ada dikatakan, ada satu pulau katakanlah di Batam. Di sini transit penjenayah, penjenayah daripada negara tertentu untuk masuk ke Malaysia membuat jenayah. Gunakan macam-macam lah ini.

Saya amat bersimpati dengan pasukan keselamatan kita. Begitu bertungkus-lumus tetapi kalau sudah ramai sangat...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, soalan Yang Berhormat.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Inilah soalan Tuan Yang di-Pertua. Semua siapa yang saya sebut dari awal ini semua soalan. Tidak ada yang tidak menyoal. Yang Berhormat Timbalan Menteri faham. Jadi, itulah. Yang daripada Afrika ini tadi. Apa bidang khusus kerja dia? Tidak tahu. Saya tidak tahu pasal angka itu tidak ada di tangan saya tetapi, kalau Yang Berhormat Timbalan Menteri ada, hendak jawab, jawablah. Hendak bertulis pun tidak apa, tidak ada masalah. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan pekerja asing dari Afrika ini. Boleh dikatakan tidak ada pekerja asing yang kita ambil dari Afrika. Walau bagaimanapun, ramai orang-orang Afrika yang datang ke negara kita ini bahawa mereka adalah merupakan pelancong dan juga pelajar-pelajar yang belajar di negara kita.

Jadi, sehubungan dengan keselamatan terhadap mereka ini, Kementerian Dalam Negeri sentiasa peka terhadap banjir masyarakat warga asing dari Afrika ini yang mana kementerian sentiasa memantau dan mengambil tindakan-tindakan yang telah terlibat dalam

jenayah-jenayah yang dilakukan oleh mereka. Umpamanya, di mana ada di antara mereka ini membuat jenayah dalam *trafficking of drugs*. Jadi, ini tindakan-tindakan Kementerian Dalam Negeri telah ambil terhadap mereka. Terima kasih.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Timbalan Menteri tentang PATI atau pekerja asing tanpa izin di mana beliau telah menyebut tadi bahawa kalau menganggarkan satu PATI untuk setiap yang mendaftarkan diri, bermakna kira-kira ada dua juta PATI di Malaysia. Ini adalah satu angka yang agak optimistik. Ini kerana ada sesetengah yang menyatakan isunya adalah tiga PATI untuk setiap yang berdaftar. Kalau kita anggarkan jumlah yang sedemikian, bukankah itu adalah sesuatu angka atau jumlah yang amat membimbangkan kerana bermakna bahawa kita ada sampai lapan juta pekerja asing baik PATI atau yang sah, yang sah di Malaysia.

Dalam aspek ini bukankah ini mungkin merupakan satu ancaman kepada kestabilan bukan sahaja dari segi sosial tetapi juga dari aspek ekonomi kerana kebergantungan ke atas pekerja asing. Dalam aspek ini juga, saya juga ingin meminta apakah rancangan pihak kementerian untuk membina lebih banyak *holding center* dengan izin, kerana *holding center* untuk PATI ini di negara Malaysia amat tidak mencukupi dan tidak memadai. Malah, dalam segi aspek-aspek kemudahan tidak menikmati peringkat dan tahap antarabangsa. Sebagai satu contoh Tuan Yang di-Pertua, di Pulau Pinang hanya ada satu *holding center* di kawasan Juru di kawasan Seberang Perai dan ia memang lebih daripada yang dapat ditampung.

■ 1030

Adakah pihak kementerian bercadang untuk membina satu lagi *holding center* supaya kita dapat menampung mereka yang datang tanpa izin dan bukan sahaja di Pulau Pinang tetapi juga di negeri-negeri lain? Sekian.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sehubungan dengan kegusaran berkaitan dengan banjir pendatang asing di dalam negara ini memang kita tidak nafikan bahawa kerajaan begitu peka tentang banjir ini sehinggakan perkara ini dibincangkan di dalam Jawatankuasa Kabinet mengenai pekerja asing dan pendatang tanpa izin yang mana untuk meneliti atau membuat satu dasar umum bagi menyelesaikan isu-isu PATI ini secara holistik.

Salah satu kajian yang dapat perakuan daripada LAB di mana satu pendekatan melalui biometrik mungkin akan kita laksanakan. Maka kerana itulah, hari ini kita sedang mengkaji cara pelaksanaan dan pendekatan berkaitan dengan mengawal bukan sahaja berkaitan dengan masalah pendatang asing ini malahan kita hendak melihat dan memastikan supaya warganegara asing yang berada di dalam negara kita ini dapat kita pastikan dan juga dapat kita kawal.

Sehubungan dengan isu yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat tadi berkaitan dengan pusat tahanan yang mana hari ini kita telah wujudkan beberapa depot untuk menempatkan warga-warga asing yang ada di dalam negara kita yang dikenal pasti yang kita tahan. Jadi, daripada segi pengisian ianya seperti saham, turun naik, turun naik dan kadang-kadang banjir dalam pusat tahanan ini adalah oleh kerana proses pengusiran itu

memakan masa. Ini kerana ada di antaranya dokumen-dokumen yang tidak cukup dan lengkap di mana kita dapat proses untuk mengusir mereka ke negara asal. Ada juga antaranya di mana kita tidak mendapat kerjasama daripada pihak negara asing yang mana menafikan bahawa pendatang ini adalah merupakan dari negara mereka. Jadi ini menimbulkan masalah bagi kita untuk membuat proses dalam pengusiran warga-warga asing yang kita tahan dalam depot tahanan ini.

Sehubungan untuk membina depot asing, saya rasa mana-mana negara pun mesti dalam proses di mana kita melaksanakan program-program mengikut dari segi prioriti. Kalau ada duit lebih maknanya kita akan tengok apa yang perlu kita buat. Jadi, untuk sementara ini saya rasa apa yang ada dan depot yang telah kita sediakan adalah mencukupi kerana apa yang kita lihat kemasukannya turun naik. Terima kasih.

4 Dato' Rashid Din [Merbok] minta Menteri Kesihatan menyatakan, sejauh manakah Kementerian bekerjasama dengan Kementerian Pelajaran untuk menangani masalah penyakit *scoliosis* (*spine taking a S-shape sideways*) di kalangan penuntut sekolah yang disebabkan oleh faktor kekerapan membawa beg sekolah yang berat.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin]:

Bismillaahi rahmannir rahim, Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Kesihatan peka dengan masalah *scoliosis* di kalangan remaja amnya dan telah mendapat kerjasama pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dalam menjalankan projek di beberapa sekolah di Selangor, Kuala Lumpur, Putrajaya dan Kuala Terengganu bagi mengkaji kadar pengesanan *scoliosis* di kalangan murid sekolah Tahun 6 pada tahun 2008 sehingga tahun 2009.

Hasil projek tersebut menunjukkan bahawa di kalangan 13,340 orang murid sekolah Tahun 6 yang telah diperiksa terdapat 129 murid ataupun 0.97% telah disyaki mengalami *scoliosis*. Mereka telah dirujuk ke hospital-hospital untuk pengesanan dan setakat ini sebanyak enam kes telah disahkan mengalami *scoliosis* dan sedang menjalani rawatan. Selain daripada pemeriksaan saringan, pendidikan kesihatan mengenai *scoliosis* juga dijalankan melalui ceramah, pengedaran risalah dan poster. Untuk pengetahuan Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, sukacita saya memaklumkan bahawa kajian yang sedia ada telah menunjukkan bahawa membawa beg yang berat tiada hubung kait dengan kejadian *scoliosis*. Walau bagaimana pun kekerapan membawa beg gelas yang mempunyai berat melebihi 10% hingga 20% berat badan boleh menyebabkan murid sekolah mengalami sakit belakang. Terima kasih.

Dato' Rashid Din [Merbok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri yang telah menjawab soalan dengan baik dan peka dengan masalah yang telah dikemukakan. Di sini menjadi persoalan adalah apakah keberkesanan program-program yang telah disarankan? Kalau tidak silap saya dalam Rancangan Malaysia terdahulu ada perancangan kementerian untuk membina prasarana iaitu menambah bilangan-bilangan bilik darjah untuk membolehkan persekolahan dijalankan satu sesi sahaja walaupun ini adalah

Kementerian Pelajaran tetapi ada berkaitan dengan penyakit *over crowding* di sekolah-sekolah sekarang.

Saya hendak bertanya apakah masih ada perancangan ini dan jika ada apakah pencapaiannya sehingga sekarang? Saya tahu di Sekolah Sungai Lalang, di kawasan Sungai Petani, satu sekolah di pinggir bandar Sungai Petani bukan sahaja masih lagi ada sesi pagi dan petang tetapi juga *over crowding* yang menjadi masalah, sampai 40 hingga 45 orang satu darjah. Saya bersimpati dengan guru-guru di situ di mana terdapat banyak masalah-masalah disiplin yang diakibatkan oleh *over crowding* di sekolah ini. Terima kasih.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Yang Berhormat saya melihat penjurusan soalan yang dikemukakan lebih kepada bidang kuasa Kementerian Pelajaran namun Yang Berhormat saya ingin berkongsi walaupun mungkin Yang Berhormat sedia maklum mengenai isu beban beg sekolah ini, saya ingin maklumkan bahawa ini tidak berkait rapat dengan sama ada kekurangan bilik darjah atau tidak – lebih menjurus kepada berat beg sekolah yang disandang oleh murid-murid sekolah ini.

Jadi saya ingin berkongsi dengan Ahli-ahli Dewan yang dimulikan ini bahawa mengikut kajian yang telah dilaksanakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia mengenai isu beg sekolah yang dijalankan pada tahun 2003 dan diulang lagi pada tahun 2008 dan tahun 2010. Hasil kajian menunjukkan bahawa berat beg sekolah yang disandang tidak ada kena mengena dengan permasalahan *scoliosis*. Namun ia lebih menjurus kepada masalah-masalah berat kandungan dalam beg sekolah. Sebenarnya Yang Berhormat sekiranya diambil kajian tersebut berat sebenar buku teks ataupun berat keseluruhan buku teks adalah hanya 2.8 kilogram sehingga 3.0 kilogram. Sebenarnya berat buku teks ini akan jauh berkurangan sekiranya murid-murid hanya membawa buku teks mengikut jadual waktu harian.

■1040

Langkah-langkah di mana berat beg sekolah yang dibawa yang disebabkan berat ini adalah apabila murid-murid ini membawa buku kerja tambahan, buku rujukan, botol air, permainan dan kotak-kotak pensil, Yang Berhormat. Terima kasih.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Apabila kita melihat masalah *scoliosis* ini ia nampak tidak begitu serius dari segi masalahnya, namun saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, walaupun mungkin pada masa sekarang kita anggap ia tidak begitu serius, masalah ini berlaku kepada anak-anak sekolah kita.

Adakah rancangan kementerian supaya kita dapat meneruskan program kajian selidik ini supaya dapat memastikan segala masalah yang akan dihadapi untuk memastikan pertumbuhan anak-anak kita terutamanya di sekolah-sekolah rendah di peringkat awal agar dari segi saiz dan fizikal mereka itu tidak terganggu di masa akan datang, dan tidak membantutkan proses pertumbuhan serta tidak mengganggu gangguan fizikal kepada kanak-kanak di negara ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Rosnah binti Haji Abd. Rashid Shirlin: Terima kasih kepada Yang Berhormat Silam di atas soalan yang lebih menjurus kepada perancangan Kementerian Kesihatan bagi menangani masalah *scoliosis* di kalangan murid-murid sekolah.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, Kementerian Kesihatan memang merancang untuk memasukkan saringan *scoliosis* ini di dalam garis panduan perkhidmatan kesihatan sekolah supaya saringan SCOLIOSIS ini dapat dilaksanakan di seluruh negara, terutama sekali yang melibatkan murid-murid Tahun 6 di mana sekiranya kita lihat kepada penyakit *scoliosis* ini.

Punca kejadian penyakit *scoliosis* ini tidak diketahui, Yang Berhormat. Ia lebih sebenarnya dikenali sebagai *Adolescent Idiopathic Scoliosis* (AIS) dan selaras dengan nama AIS ini sebenarnya ia dikesan apabila seseorang itu telah mencapai akhir baligh. Sesuailah Yang Berhormat kita menjalani saringan ini khusus kepada murid-murid yang berada dalam tahap enam iaitu mereka yang berusia dua belas tahun.

Scoliosis juga untuk pengetahuan Yang Berhormat yang ada di Dewan yang mulia ini tidak disebabkan oleh postur tubuh yang lemah ataupun bebanan memikul beg sekolah yang berat atau kekurangan zat kalsium. Itu sahaja Yang Berhormat, terima kasih.

5. Datuk Sapawi Ahmad Wasali [Sipitang] minta Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah menyatakan:

- (a) pendekatan dan perancangan yang dilaksanakan bagi menyediakan tenaga kerja mahir di kalangan belia menerusi Pusat GIATMARA; dan
- (b) bilakah projek Pusat GIATMARA di Pekan Mesapol, Sipitang akan dilaksanakan.

Timbalan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah II [Datuk Joseph Entulu anak Belaun]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak ada jawapan untuk pantun itu tetapi, ada jawapan untuk soalan.

- (a) Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk melahirkan tenaga kerja mahir, GIATMARA telah merancang dan melaksanakan pendekatan:
 - (i) mengemas kini dan mengubahsuai kurikulum GIATMARA mengikut keperluan teknologi semasa dan keperluan pasaran kerja;
 - (ii) melaksanakan latihan berasaskan amali (*hands-on*) di mana 80% daripada kurikulum latihan diperuntukkan kepada amali;
 - (iii) melaksanakan konsep latihan berdasarkan projek sebenar (*product based education*) dan berasaskan konsep modular;
 - (iv) selain daripada memperoleh sijil GIATMARA, pelatih juga digalakkan mengambil pelbagai sijil profesional

dalam bidang kemahiran seperti sijil yang dikeluarkan oleh Jabatan Pembangunan Kemahiran, Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB), Suruhanjaya Tenaga dan badan profesional swasta yang lain seperti The Welding Institute United Kingdom yang mengeluarkan sijil dalam bidang *welding*;

- (v) mengadakan pakatan bestari dengan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan seperti Petronas, Proton dan Perodua. Pihak swasta serta institusi pengajian tinggi tempatan juga turut dilibatkan dalam menyediakan latihan teknikal lanjutan kepada lepasan GIATMARA dan tenaga pengajar;
- (vi) melantik wakil industri sebagai penasihat teknikal kurikulum GIATMARA;
- (vii) melaksanakan Program Pembelajaran Sepanjang Hayat (*Lifelong Learning*), iaitu menyediakan peluang kepada belia untuk meningkatkan kemahiran mereka secara berterusan; dan
- (viii) latihan diberikan secara berulang-ulang (*repetition of work*) sehingga pelatih benar-benar mahir.

- (b) Mengenai pembinaan GIATMARA baru di Parlimen Sipitang, kementerian mengucapkan terima kasih di atas keprihatinan Yang Berhormat yang telah berusaha mengenal pasti dan mencadangkan tanah seluas 0.98 ekar di Pekan Mesapol, Sipitang. Namun demikian, bagi pembinaan sesebuah GIATMARA, keluasan standard yang diperlukan adalah lima ekar.

Pada masa yang sama, memandangkan kesukaran untuk mendapatkan keluasan tapak yang diperlukan, GIATMARA juga telah mengambil pendekatan untuk mendapatkan bangunan sedia ada secara percuma, menyewa atau membeli bangunan terutama di kawasan pekan atau bandar kecil. Dengan ini kementerian belum berhasrat untuk membuat pembinaan di tapak berkenaan dalam masa terdekat.

Terima kasih.

Datuk Sapawi Ahmad Wasali [Sipitang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Untuk makluman Yang Berhormat Timbalan Menteri, Sipitang ini mempunyai sebuah kilang kertas yang bernilai RM1.3 bilion dan mempunyai 3,000 pekerja. Kerajaan negeri telah mengisytiharkan Kimanis dan Sipitang akan dibangunkan sebagai 'Bandar Minyak' oleh

Petronas. Sipitang juga merupakan pusat laluan antara Sarawak, Brunei dan Sabah untuk ke Kota Kinabalu. Sudah semestinya, ia menjadi sesuatu yang boleh dikatakan wajib ada dan telah pun dirayu, diminta hampir sepuluh tahun asasnya tanah. Oleh sebab itulah kita sediakan tanah.

Jadi kita berharap supaya kementerian dapat menyejajarkan keperluan ini seberapa segera, kerana ini telah pun dijanjikan sudah lama dan adakah pihak kementerian akan meningkatkan pakej yang sebenarnya telah ada programnya. Mungkin satu program atau dua program sementara di bangunan MARA untuk menambah subjek atau skil yang diperlukan sebelum pusat GIATMARA ini akan dilaksanakan dalam jangka masa panjang akan datang demi keperluan semasa seperti mana yang disebutkan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sekali lagi kepada Yang Berhormat dari Sipitang. Saya secara peribadi Yang Berhormat, mengambil berat tentang isu-isu yang telah dibangkitkan kerana saya tahu kepentingan ataupun keperluan yang agak tinggi untuk tempat-tempat yang strategik sebagaimana yang telah diutarakan oleh Yang Berhormat tadi.

Yang Berhormat, untuk membantu kita merancang secara terperinci, apakah kursus-kursus yang perlu di sana, saya mempelawa Yang Berhormat berjumpa dengan pegawai-pegawai saya di kementerian dan kita akan bincang apakah kursus yang diberi keutamaan nanti. Saya ingat ini adalah masa yang tepat untuk membuat perancangan ini kerana tidak lama lagi kita akan menyiapkan Rancangan Malaysia Kesepuluh dan semasa itu nanti, saya percaya kementerian ini akan mengambil langkah-langkah yang tertentu untuk mengadakan kursus-kursus yang dikirakan perlu bagi kawasan ini. Sekian, terima kasih.

■1050

Dato' Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Memang kita ketahui bahawasanya GIATMARA ini banyak melatih belia-belia, anak-anak muda yang tidak berkesempatan untuk melanjutkan pelajaran ke institut pengajian tinggi. Akan tetapi masalah yang kita hadapi pada anak-anak muda ini ialah apabila mereka selepas kursus, tidak dapat ramai yang menceburi bidang perusahan yang mereka diajar. Mungkin di dalam kokurikulum pengajaran yang diajar oleh GIATMARA itu tidak didedahkan kepada inovasi dan juga keusahawanan yang lebih untuk apabila mereka lepas kursus, mereka boleh membuka kedai sendiri, bengkel sendiri sepertimana kita lihat kepada rakan-rakan bangsa Tionghua – mereka hanya berada di bengkel motor tetapi akhirnya boleh membuka bengkel yang menghasilkan pendapatan jutaan ringgit sebulan. Jadi apakah kementerian sedar akan perkara ini dan mungkin akan mengubah persepsi atau konsep pengajaran di GIATMARA ini? Terima kasih.

Datuk Joseph Entulu anak Belaun: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Pendang. Kita menyediakan kemahiran untuk pelajar-pelajar yang kurang berpeluang pergi ke universiti secara langsung ataupun ada yang di panggil sebagai 'lead developer' maka kita perlu didik pada peringkat asas. Adalah bukan kerana kita hendak

menyediakan mereka semata-mata untuk menjadi pengusaha tetapi memang kadangkala kita ambil dari keluarga yang miskin misalnya supaya dia mendapat kerja selepas dia tamat pengajian ataupun mengikut latihan di pusat-pusat GIATMARA ini. Ada juga yang mempunyai ataupun yang mendapat keputusan yang *excellent*, kita terus hantar mereka ke tempat yang – misalnya dari GIATMARA dia boleh pergi Institut Kemahiran Mara (IKM).

Ada segelintir daripada mereka ini yang mahu selepas mendapat latihan, berusaha dalam bidang yang mereka sudah menjadi pakar. Yang satu lagi Yang Berhormat, ada juga mereka ini walaupun bidangnya *welding* misalnya tetapi disebabkan semasa dia berlatih dia mempunyai bermacam-macam kecekapan terutama sekali dari segi disiplin dan sebagainya, ada majikan yang mengambil mereka untuk bekerja dalam bidang yang lain. Ini pun ada juga.

Satu lagi, sebenarnya dari GIATMARA, mereka tidak diajar dalam bidang *soft skill* ataupun dalam kemahiran *business* misalnya. Itu adalah di peringkat KKTMM (Kolej Kemahiran Tinggi Mara). Di sana ada pengajaran, pendidikan ataupun pelajaran dari segi *business*, *accounting* dan sebagainya. Yang keluar dari sana lebih ramai lagi pergi menjadi pengusaha. Sekian, terima kasih.

6. Tuan Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu] minta Perdana Menteri menyatakan, dari 48,353 hektar tanah yang diberikan oleh Kerajaan Terengganu kepada FELDA, berapa hektar yang telah dimajukan tetapi tidak dimasukkan peserta dan berapa hektar yang masih belum dimajukan dan berapakah jumlah premium tanah yang masih belum dibayar oleh FELDA kepada Kerajaan Negeri.

Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kerajaan Negeri Terengganu telah memperuntukkan kawasan seluas 48,142.23 hektar untuk dimajukan oleh FELDA. Daripada jumlah tersebut, seluas 33,351 hektar telah diagihkan kepada 7,463 peneroka, manakala bakinya seluas 14,791.23 hektar telah dimajukan tetapi tidak menempatkan peneroka. Kawasan berpeneroka seluas 31,204 hektar ditanam kelapa sawit dan 2,147 hektar ditanam getah. Keuntungan daripada tanah ladang yang diusahakan secara komersial oleh FELDA Plantation di kembalikan semula kepada peneroka dan generasi FELDA melalui pelbagai ikhtiar sosioekonomi dan program bersepadu.

Jumlah premium yang patut dibayar oleh FELDA ialah RM20.54 juta. FELDA telah pun menjelaskan bayaran premium kepada Kerajaan Negeri Terengganu berjumlah RM11.728 juta dan bakinya pada 4 Mac 1998. Namun, Kerajaan Negeri minta ditangguhkan bayaran itu. Bayaran baki premium berjumlah RM8,812,000 telah dijelaskan sekali lagi oleh FELDA pada 7 April 2010 tetapi Kerajaan Negeri telah memulangkan kembali bayaran tersebut pada 27 April 2010. Alasannya ialah pihak Kerajaan Negeri belum membuat keputusan untuk cadangan beri milik bagi 17,624 hektar tanah yang diberikan kepada FELDA untuk diurus secara komersial.

Kawasan yang belum dibangunkan pula adalah seluas 2,839.94 hektar dan keseluruhannya telah dipulangkan kembali kepada Kerajaan Negeri pada tahun 1998. Terima kasih.

Tuan Haji Mohd. Abdul Wahid bin Endut [Kuala Terengganu]: Terima Kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Daripada jawapan yang diberi tadi, masih ada tertunggak premium yang sepatutnya FELDA bayar kepada Kerajaan Negeri Terengganu. Kalau dalam keadaan yang tidak bayar premium ini, FELDA boleh disenarai masuk dalam kategori peneroka tanah haram di Terengganu.

Apa yang berlakunya Tuan Yang di-Pertua, saya difahamkan perundingan sedang berjalan. Kerajaan negeri tidak mahu menerima bayaran premium itu oleh kerana minta supaya tanah-tanah yang diberikan dan dimajukan dimasukkan peneroka tetapi FELDA oleh sebab dasarnya sejak tahun 1990 menetapkan untuk menjadikan FELDA ini sebagai FELDA Plantation dan tidak dimasukkan peneroka. Akan tetapi kita juga tahu bahawa pada tahun 2006, Kerajaan Persekutuan telah bersetuju mengkaji balik dasar pengambilan peneroka ini tertakluk kepada persetujuan dengan Kerajaan Negeri dalam usaha untuk mengatasi kemiskinan tegar yang terdapat di kalangan rakyat di negeri-negeri berkenaan termasuk khusus di Terengganu.

Saya hendak tanya Tuan Yang di-Pertua, sejauh mana rundingan ini berjalan dan apakah hasilnya? Yang keduanya, apakah FELDA bercadang untuk hendak memajukan sebahagian daripada tanah-tanah yang belum dimajukan itu untuk dijadikan lot-lot perumahan ataupun apartmen yang bertingkat bagi dikurniakan kepada generasi kedua FELDA di negeri Terengganu yang tidak ada rumah? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih Yang Berhormat Kuala Terengganu. FELDA bukan tidak hendak bayar, kita sudah dibayar dua kali tetapi dipulangkan dua kali. Bukan tiada duit hendak bayar, cuma RM8.812 juta sikit sahaja itu pada FELDA. Sudah bayar dua kali tetapi dipulangkan dua kali. Itu jangan disalah anggap kita teroka tanah haramlah, macam-macam. Mana ada begitu?... [Ketawa] Memang perbincangan sedang berjalan antara Kerajaan Negeri dan juga FELDA. Memang Kerajaan Negeri ada membuat cadangan supaya tanah yang masih belum dibayar premium – di negeri-negeri lain sudah membayar premium dan sudah dapat hak milik daripada FELDA tetapi di negeri Terengganu ini *special* sedikit, dia tidak terima premium sejumlah itu dan tidak lagi diberikan hal milik kepada FELDA.

Kita menilai cadangan itu yang mana belum dibayar premium jumlahnya 17,624 hektar. Kalau ini yang hendak dimasukkan peneroka, mungkin 3,000 orang boleh dimasukkan peneroka. Akan tetapi masih lagi berjalan perbincangan itu. Kalau hendak diberikan pun, bukan kepada anak peneroka sebab anak peneroka bukan lagi golongan miskin tegar. Yang hendak kita beri kepada golongan miskin tegar yang tiada tanah. Mungkin bukan 10 ekar setiap satu, mungkin kurang daripada itu. Kalau hendak dimasukkan pun, mungkin model baru FELDA ini dengan kaedah tanaman dan juga ternakan integrasi bersepadu misalnya. Masih lagi berjalan dan belum ada lagi kata putus tentang perkara itu. Akan tetapi yang mana

sudah ada hak milik kepada FELDA itu, tidak boleh hendak ambil balik sebab apa juga keuntungan daripada ladang *plantation* itu, semuanya kita beri balik kepada peneroka dan generasinya dengan pelbagai kaedah. Terima kasih.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ini soalan tambahan soal FELDA di Sabah.

■1100

FELDA di Sabah ini Tuan Yang di-Pertua, ada dua tempat iaitu Tawau dan sebuah lagi di Lahad Datu. Dahulu, pada penghujung tahun 70-an kerajaan negeri telah memberikan beberapa luas tanah kepada FELDA. Saya difahamkan bahawa sebanyak 60% sahaja diberikan kepada peneroka dan sebanyak 40% itu sebagai '*boot*' area yang dibangunkan untuk komersial oleh FELDA sendiri. Saya mahu tahu oleh kerana perkara ini telah pun beberapa kali ditimbulkan apabila lawatan ke sebelah Tawau, soal peneroka ini diambil dahulunya daripada kawasan-kawasan luar daripada negeri Sabah.

Jadi, soalan saya berapakah banyak tanah dalam FELDA itu diberikan kepada peneroka rakyat negeri Sabah dan berapakah banyak lagi kawasan FELDA yang diberi secara *free* oleh kerajaan negeri yang belum dibangunkan? Kalau belum dibangunkan kenapa tidak dibangunkan?

Datuk Haji Ahmad bin Haji Maslan: Terima kasih. Daripada angka yang saya ada di sini, untuk kawasan di Sabah kita ada sembilan rancangan menempatkan seramai 1,649 orang peneroka. Kita menghadapi masalah di Sabah apabila kita hendak mencari peneroka kerana tidak ramai yang sanggup menjadi peneroka. Itu satu fakta. Yang Berhormat kata tidak betul tetapi itulah faktanya. Sekarang ini apabila semua orang sudah tahu bahawa FELDA itu bagus dan sebagainya memang ramailah yang menyerbu hendak masuk FELDA ini. Akan tetapi pada ketika itu, ketika hendak dibangunkan mula-mulanya itu.

Kemudian tanah yang tidak dibangunkan untuk peneroka ini kita telah bangunkan di bawah *Felda Plantations*. Sebagai tanggungjawab sosial kita telah memberikan sejumlah RM253 juta kepada Kerajaan Negeri Sabah melalui kerajaan negeri dan juga melalui jabatan-jabatan agensi Persekutuan di Sabah untuk membantu membasmi kemiskinan Sabah. Oleh sebab itulah kedudukan tunai FELDA Sabah itu merosot daripada tahun 2004 sebanyak RM4.08 bilion kepada RM1.35 bilion, merosot RM2.73 bilion. Akan tetapi apabila kita membaca akhbar-akhbar pembangkang, ditulis, "*Rizab tunai FELDA merudum*". Itu akhbar hari ini keluar. Kita tahulah akhbar mana, tidak payah saya sebut. Dia tidak sebut aset FELDA yang melonjak dalam tempoh itu daripada RM9.17 bilion kepada RM15.37 bilion, bertambah RM6.2 bilion tidak disebut. Yang merudum disebut, yang melonjak disembunyikan, inilah kerja pembangkang... [Disampuk]

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh? Isu FELDA cukup penting. Isu aset dan simpanan (*reserve*) itu penting untuk difikirkan agar Yang Berhormat Timbalan Menteri jawab, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak mengapalah, Yang Berhormat.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Cukup mengelirukan, Tuan Yang di-Pertua.

7. **Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan, bilakah pembinaan Muzium Polis Bukit Kepong, Muar, Johor akan dibina.

Timbalan Menteri Dalam Negeri I [Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kepada Yang Berhormat Sekijang di atas pertanyaan yang dikemukakan.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat dan Dewan yang mulia ini cadangan projek pembinaan Muzium Polis Bukit Kepong telah disenaraikan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan. Walau bagaimanapun, dalam kajian semula Rancangan Malaysia Kesembilan, projek ini tidak diteruskan disebabkan tapak cadangan didapati tidak sesuai kerana terdedah kepada ancaman banjir. Dalam kajian yang dibuat oleh pihak JKR kos kerja-kerja penambakan tanah bagi mengelakkan ancaman banjir sahaja dianggarkan bernilai RM8 juta. Untuk itu projek ini telah tidak diteruskan.

Walaupun bagaimanapun, buat masa ini sebuah galeri khas memang telah diwujudkan di Pondok Polis Bukit Kepong. Galeri ini mempamerkan bahan-bahan peninggalan peristiwa Bukit Kepong seperti kereta perisai, bot, senjata dan pakaian seragam anggota. Selain daripada itu dipamerkan juga gambar-gambar pegawai dan anggota yang terlibat dalam peristiwa berdarah tersebut. Ketika ini tidak ada apa-apa rancangan untuk meneruskan projek pembinaan Muzium Polis Bukit Kepong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, soalan pembinaan muzium ini Yang Berhormat Timbalan Menteri kata tidak hendak buat, jadi ada soalan lagi, Yang Berhormat? Sila, Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya begitu terperanjat apabila Yang Berhormat Timbalan Menteri katakan tadi tidak mahu meneruskan pembinaan muzium ini. Saya rasa bukan saya sahaja bahkan mereka yang berjuang ini dan sanak saudara pun merasa begitu kecewa sekali dengan apa yang diumumkan tadi.

Jadi, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dulu kita pun sudah memasukkan untuk membina Muzium Polis Bukit Kepong ini dan tidak boleh dibuat kerana kos RM8 juta. Saya tidak tahulah macam mana perancangan yang dibuat pada masa itu. Adakah kita tidak melihat tapak dan sebagainya, main taruh sahaja. Yang ini saya rasa yang menjadi masalah kepada kita. Jadi, apabila keadaan ini berlaku tentulah rakyat dan orang ramai menganggap bahawa kita ini membuat kerja sambil lewa. Kalau dikatakan RM8 juta, apa ada pada RM8 juta kalau satu peristiwa yang saya kira satu pengorbanan yang diberikan oleh pasukan keselamatan kita iaitu anggota polis pada ketika itu dan juga orang kampung yang bersama-sama membantu pada ketika itu dan telah pun difilemkan! Apabila disebut RM8 juta kita takut pula untuk membelanjakan untuk membuat ini.

Saya rasa ini sesuatu yang cukup *upset*. Saya cukup kecewa sekali dan saya minta kepada kementerian untuk mengkaji semula supaya walaupun perbelanjaannya lebih daripada RM10 juta kita buat juga. Ini adalah merupakan satu peristiwa yang boleh menjadi satu pengajaran kepada rakyat kita supaya kita tahu bahawa kita ini bermula daripada mana. Jadi, apabila kita tahu kita bermula daripada mana barulah anak-anak kita pada masa ini yang telah mendapat pelbagai kemudahan tahu akan sejarah kita, sejarah bangsa. Jadi, saya mintalah kepada kementerian supaya ia dikaji semula dan dibuat juga dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua... [Disampuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Saya nampak Yang Berhormat emosional dalam soalan ini. Silakan, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya pun nampak begitu, Tuan Yang di-Pertua. Saya memahamilah Yang Berhormat Sekijang kerana tidak dapat membina di tempat itu. Walau bagaimanapun, dari segi sejarahnya kita tidak mengalpakan sejarahnya. Untuk sementara kita ada galeri yang kita wujudkan di kawasan itu. Mungkin kita boleh melihat di tapak lain yang sesuai, umpamanya di muzium polis. Ini mungkin kita perlu menilai semula. Tidak semestinya ia dibuat...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua, galeri ini di tempat-tempat yang kecil sahaja, Tuan Yang di-Pertua. Ia tidak melambangkan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tidak mengapa, Yang Berhormat. Selepas ini Yang Berhormat boleh berbincang dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya pun hendak duduk dengan Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai soalan ini juga. Terima kasih.

Datuk Wira Abu Seman bin Haji Yusop: Kalau ada pun, itu boleh dirunding balikkah. Tanya balik. Setakat ini tiada perancangan.

8. Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta Menteri Kewangan menyatakan, butiran lanjut langkah UDA untuk membangunkan semula tanah tapak bekas Penjara Pudu di kawasan Bukit Bintang, Kuala Lumpur dan bagaimanakah agihan lot-lot perniagaan dibuat.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak UDA Holdings Bhd. (UDA) akan membina projek pembangunan bercampur yang menempatkan pusat transit, *service apartment*, pejabat, pusat rekreasi, hotel dan ruang niaga. Pembangunan ini dibahagikan kepada enam fasa yang mana pembinaan akan dibuat secara berperingkat-peringkat dalam tempoh selama lebih kurang sepuluh tahun mulai suku pertama tahun 2011.

Agihan lot-lot perniagaan dari segi keseluruhan pembangunan adalah seperti berikut, 40% untuk unit kediaman dan 60% untuk tujuan komersial yang merangkumi pejabat, perniagaan dan hotel. Sebahagian besar ruang komersial ini akan dimiliki oleh UDA dan akan disewa.

■1110

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Timbalan Menteri, soalan tambahan. Memandangkan Penjara Pudu yang dibina pada tahun 1895, kini berusia 115 tahun boleh dijadikan satu peninggalan bersejarah negara. Adakah kerajaan berhasrat untuk memelihara bahagian hadapan bangunan penjara supaya ia menjadi bahan warisan bagi generasi yang akan datang, supaya mereka mengetahui sejarah Penjara Pudu dan juga berkaitan dengan pembangunan Kuala Lumpur seperti mana di Korea Selatan, di Seoul iaitu sebagai satu *landmark* di ibu kota Korea. Adakah kerajaan berhasrat membina satu muzium di tapak Penjara Pudu yang asal untuk generasi yang akan datang?

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pada malam ini...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan, tidak perlu diberikan maklumat Yang Berhormat.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Sebab tapak penjara ini akan dirobohkan pada malam ini, pada pukul 10. Ini satu perkara yang amat mengecewakan oleh sebab tidak boleh memulihara sebahagian besar tembok penjara yang mencatatkan satu *Guinness Book of Records*, dalam Malaysia, '*The longest paint wall in Malaysia.*' Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih. Nampaknya Yang Berhormat pun rasa ada emosi, *sentimental value* pada perkara ini. Ya, silakan Yang Berhormat Timbalan Menteri.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya kerajaan telah meneliti perkara ini dan telah membuat keputusan bahawa tapak penjara ini tidaklah merupakan tapak warisan dan tidak akan dijadikan tapak warisan.

Pertamanya, kerana Penjara Pudu ini pada pandangan kerajaan bukanlah suatu yang boleh dibanggakan. Mungkin banyak lagi perkara lain yang boleh kita banggakan berbanding dengan sebuah penjara walaupun lama. Keduanya, sehubungan dengan itu maka tidak ada muzium yang akan dibangunkan.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya mendengar jawapan Timbalan Menteri sebentar tadi dan saya memahami hasrat di sebalik cadangan ataupun syor yang dibuat oleh Yang Berhormat Bukit Bintang.

Akan tetapi, kalau boleh saya teruskan sedikit Tuan Yang di-Pertua dan bertanya kepada Timbalan Menteri, dalam suasana berlatarbelakangkan *property over hand* ataupun lambakan atau lebihan - *Property* yang pada jumlah RM5.34 bilion mengikut Kementerian Kewangan sendiri ataupun laporan *Ministry of Finance*, hendak dibina lagi. Mungkin isu pembinaan ini memang soalnya adalah tempat tetapi apakah tidak ada selain daripada *going into constructions*, pembinaan hartanah seperti ini sahaja yang dilihat dalam pacuan pembangunan dan *growth* untuk ke hadapan ini?

Ini kerana saya memerhatikan perkara ini, telah saya bahaskan juga dalam RMKe-10 Tuan Yang di-Pertua, keghairahannya untuk terus membawa, ini tidaklah wajar kerana ia akan juga membawa pada *property bubble* yang mungkin akan dicetuskan dalam waktu yang

terdekat. Ini saya minta Timbalan Menteri berikan penjelasan sedikit. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Datuk Dr. Awang Adek Hussein: Terima kasih Ahli Yang Berhormat. Memang kerajaan telah membuat kajian dan mengambil kira tentang kedudukan pasaran hartanah semasa dan juga unjuran untuk selama sepuluh tahun yang akan datang. Sebab itulah maka pembangunan ini adalah pembangunan berfasa-fasa.

Kita tidak akan membangunkan sejumlah RM5 bilion, kurang lebih pembangunan ini dalam satu masa. Ia akan mengambil masa sepuluh tahun, berperingkat-peringkat dan juga merupakan pembangunan bercampur, tidak merupakan kediaman semata-mata. Kediaman hanya merupakan 40% dan 60% lagi adalah untuk bangunan perniagaan, komersial dan *office*. Jadi, ini sudah diambil kira. Oleh kerana ia tidak dilakukan serentak, maka masalah impak pada pasaran hartanah ini saya rasa tidaklah akan membebankan. Terima kasih.

9. Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong] minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan:

- (a) program dan pendekatan baru yang kementerian lakukan sehingga kini dalam menyelesaikan masalah sosial generasi belia di negara ini; dan
- (b) bagaimana usaha terbaru kementerian bagi memastikan generasi belia menyertai organisasi belia.

Timbalan Menteri Belia dan Sukan I [Tuan Gan Ping Sieu]: Terima kasih atas soalan yang dibawa oleh Yang Berhormat Lenggong.

- (a) Tuan Yang di-Pertua, pada tahun ini Kementerian Belia dan Sukan telah memulakan dan akan terus melaksanakan sebanyak 519 program pembangunan belia. Antaranya Program Pemimpin Belia Berkaliber pada peringkat negeri dan daerah, Khemah Kerja Generasi Bebas Jenayah, Forum Generasi Muda, Perhimpunan 1Belia 1Malaysia, Khidmat Kerja Patriotik antaranya. Ini tidak termasuk lagi sebanyak 1,271 Program Rakan Muda. Ini termasuklah juga pendekatan baru dalam sambutan Hari Belia Negara yang berteraskan konsep '*Dari Belia untuk Belia dan Kepada Belia*' yang mana keseluruhan program Hari Belia Negara yang telah dianjurkan, dirancang dan dilaksanakan sepenuhnya oleh golongan belia dengan hasrat untuk memenuhi aspirasi belia semasa.
- (b) Kementerian Belia dan Sukan sememangnya menggalakkan golongan belia menyertai organisasi belia. Dalam usaha ini, kementerian telah mengambil beberapa pendekatan baru termasuk:
 - (i) kementerian memperkenalkan Program 1Komuniti 1Persatuan yang dimulakan pada tahun 2009 yang

- mana telah berjaya melonjakkan jumlah ahli pertubuhan belia seluruh negara daripada anggaran antara 1 juta orang pada 3,091,000 orang ketika ini. Dalam erti kata lain prestasi Kementerian Belia dan Sukan telah mencapai prestasi tiga kali ganda yang dirancang;
- (ii) kementerian juga menggalakkan penubuhan lebih banyak lagi kelab sukan di luar bandar seperti Kelab Sukan Komuniti untuk menggiatkan lagi aktiviti sukan dan penglibatan belia dalam aktiviti persatuan di kawasan luar bandar. Sehingga kini sebanyak 576 buah Kelab Sukan Komuniti DUN dan 13 buah kelab sukan di kawasan Parlimen telah ditubuhkan;
 - (iii) kementerian juga telah mewujudkan Kelab Rakan Muda di setiap kawasan Parlimen yang dianggotai oleh belia remaja berusia antara 15 tahun sehingga 25 tahun. Sehingga kini sebanyak 222 buah kelab telah pun didaftarkan di bawah Pejabat Pendaftar Pertubuhan Belia;
 - (iv) kementerian juga mewujudkan gelanggang sukan pelbagai guna di setiap DUN seluruh negara yang mana dua buah gelanggang untuk setiap DUN dibina. Kini kementerian telah berjaya menyediakan sejumlah 761 buah gelanggang daripada 1,209 buah yang dirancang di seluruh negara; dan
 - (v) kementerian juga telah menubuhkan Skuad Muda RELA dan Skuad Sukarelawan Rakan Muda Antijenayah dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, pendek kata pendekatan-pendekatan tersebut kesemuanya bertujuan memperkasakan pertubuhan-pertubuhan belia dan menaikkan taraf kelengkapan dan infrastruktur yang diperlukan demi memudahkan belia-belia kita melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti sihat dan bermakna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Lenggong.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kita faham kehendak, cita rasa dan minat dalam kalangan generasi muda tidak sama dan cukup berbeza-beza.

■1120

Sudah tentu pendekatan kementerian dalam menangani isu generasi muda juga harus berbeza sesuai dengan kumpulan dan minat cita rasa mereka. Soalan saya,

bagaimana dan apakah kayu ukur yang kementerian lakukan dalam kita menilai dan digunakan untuk menilai keberkesanan setiap program dan aktiviti yang dilakukan oleh pihak kementerian? Bagaimana setelah dapatan itu diperolehi, apakah pengubahsuaian dibuat bagi setiap program yang dilakukan oleh kementerian setakat ini? Terima kasih.

Tuan Gan Ping Siew: Terima kasih atas soalan tambahan yang dibawa oleh Yang Berhormat Lenggong. Sememangnya Kementerian Belia dan Sukan adanya KPI yang telah ditetapkan untuk semua program-program yang dianjurkan di bawah kawalan Kementerian Belia dan Sukan. Sama ada satu – minta maaf...

Tuan Yang di-Pertua, keberkesanan sesuatu program itu kadang kalanya ia tidak dapat dinilai secara objektif. Walau bagaimanapun, Kementerian Belia dan Sukan memang cuba membuat penilaian dari masa ke semasa. Kementerian Belia dan Sukan telah menggunakan pakar institut penyelidikan untuk membuat penilaian dari masa ke semasa atas program-program yang dianjurkan dan skor-skor indeks juga ada di sediakan. Suka saya hendak menekankan bahawa hal ehwal belia ini bukan sekadar hal ehwal Kementerian Belia dan Sukan. Sebenarnya segala hal ehwal belia adalah hal ehwal negara.

Baru-baru ini Tuan Yang di-Pertua dan ahli Yang Berhormat sedia maklum, mesyuarat Jemaah Menteri pada 3 Februari 2010 yang lalu telah meluluskan penubuhan Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia khusus untuk membincang dan menangani masalah belia secara bersama dengan pelbagai agensi kerajaan berkaitan. Ini semuanya bermaksud dan dalam jawatankuasa belia ini akan melibatkan sekurang-kurangnya 12 kementerian dan agensi kerajaan lain. Ini bermaksud hal ehwal belia ini adalah hal ehwal negara dan juga tanggungjawab bersama.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan saya. Saya rasa salah satu masalah sosial generasi belia di negara kita adalah judi. Memandangkan bahawa sampai hari ini kerajaan pusat hanya menangguk penghalalan judi bola dan bukan membantah penghalalan judi bola.

Jadi pada hari ini, saya ingin mengambil kesempatan ini untuk bertanya Kementerian Belia dan Sukan, sama ada kementerian telah membuat apa-apa kajian untuk mengetahui apakah kesannya sekiranya kita menghalalkan judi bola di negara kita? Ini terutamanya kesannya terhadap golongan remaja, sama ada penghalalan judi bola ini akan menyelamatkan remaja kita, atau ia mengurangkan remaja kita dari perjudian, ataupun perjudian ini akan menggalakkan belia kita menjadi kaki judi dan menggalakkan lagi gejala judi?

Jadi di sini saya hendak tanya, apakah pendirian Kementerian Belia dan Sukan dalam Jemaah Menteri sama ada Kementerian Belia dan Sukan menyokong penghalalan judi bola ataupun membantah penghalalan judi bola. Ini soalan saya... [Tepuk]

Tuan Gan Ping Siew: Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih atas soalan yang dibangkitkan tadi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya peringatkan kalau soalan itu soalan kementerian, yang berbangkit dengan soalan ini boleh jawab Yang Berhormat.

Tuan Gan Ping Sieu: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan yang dibawa sebentar tadi oleh Yang Berhormat memang luar daripada soalan yang asalnya... [*Dewan riuh*] Tidak tahulah. Walau bagaimanapun...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Ini tentang masalah remaja, tidak boleh lari dari masalah remaja. Ini salah satu soalan.

Tuan Mohd. Firdaus Jaafar [Jerai]: Isu remaja, isu remaja! Jawab!... [*Dewan riuh*]

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: ...Orang yang judi bola ada remaja atau tidak ada?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tunggu sekejap Yang Berhormat. Duduk Yang Berhormat.

Tuan Gan Ping Sieu: Ya, Tuan Yang di-Pertua. Saya berterima kasih atas percubaan Yang Berhormat cuba mendramatikkan perkara ini dalam Dewan yang mulia ini, dan masalah perjudian bola haram ini memanglah berleluasa di negara kita. Dari segi penguatkuasaan, kerajaan telah menghadapi masalah. Ini adalah satu kenyataan yang semua memang faham.

Suka saya hendak mengingatkan rakan seperjuangan saya ataupun Ahli-ahli Yang Berhormat dari peringkat pembangkang. Di negeri Selangor sahaja terdapat sekurang-kurangnya 2,000 hingga 3,000 pusat *cyber cafe* yang melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti perjudian dan di mana ini semua di bawah kawalan dan bidang kuasa PBT dan kawalan di bawah negeri pakatan Selangor.

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: Ini tentang polis. Saya hendak tanya adakah kajian telah dibuat? Jangan larilah Yang Berhormat Timbalan Menteri... [*Dewan riuh*]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Kerajaan Selangor memang sokong itu macam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat...

Puan Teo Nie Ching [Serdang]: ...Itulah pintu untuk menangkap mereka yang menjalankan... [*Dewan riuh*]

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Kenapa sokong... [*Dewan riuh*]

Tuan Chong Chieng Jen [Bandar Kuching]: Pintu belakang! Yang Berhormat Timbalan Menteri, pintu belakang.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Serdang jangan buat macam ini, Yang Berhormat. Tidak perlulah jawab lagi, Yang Berhormat Timbalan Menteri.

10. Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah] minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) apakah langkah-langkah yang diambil bagi mengatasi lambakan kenderaan lama yang tidak dapat memperbaharui cukai jalan akibat keengganan pihak insurans melindunginya; dan
- (b) adakah kerajaan bercadang mewujudkan kembali insurans kelas ketiga bagi mengatasi masalah ini.

Timbalan Menteri Kewangan I [Datuk Dr. Awang Adek Hussein]: Tuan Yang di-Pertua, saya memohon untuk menjawab soalan dari Yang Berhormat Tanah Merah bersama-sama dengan soalan daripada Yang Berhormat Ledang, Yang Berhormat Batu Gajah, Yang Berhormat Tanjung Malim, Yang Berhormat Bintulu yang dijadualkan dijawab pada 22 Jun 2010, 23 Jun 2010, 28 Jun 2010, 30 Jun 2010, 1 Julai 2010. Ini kerana semuanya menyentuh perkara dan isu yang serupa.

Untuk makluman Yang Berhormat, perlindungan insurans pihak ketiga masih lagi ditawarkan oleh kebanyakan penanggung insurans dan takaful. Premium insurans motor adalah berdasarkan kadar premium dalam tarif motor yang mengambil kira faktor-faktor berikut:

- (i) kuasa enjin;
- (ii) diskaun tiada tuntutan (NCD); dan
- (iii) nilai kenderaan yang diinsuranskan bagi polisi komprehensif.

Sebagai contoh berdasarkan tarif sedia ada, sebuah motosikal baru berkuasa 100 *cubic capacity* (cc) bernilai RM3,250 dengan NCD 0% akan dikenakan premium sebanyak RM130 bagi polisi komprehensif dan RM32 bagi polisi pihak ketiga. Sebuah motosikal yang baru berkuasa 150cc bernilai RM5,454 dengan NCD 0% pula akan dikenakan premium sebanyak RM211 bagi polisi komprehensif dan RM45 sahaja bagi polisi pihak ketiga.

Berdasarkan statistik daripada *Insurance Services Malaysia*, didapati kekerapan tuntutan bagi kenderaan berumur 10 tahun ke atas adalah lebih rendah berbanding dengan kenderaan berumur kurang daripada 10 tahun. Namun begitu tuntutan purata dari segi nilai tuntutan bagi kategori 10 tahun ke atas adalah lebih tinggi daripada kenderaan berumur kurang daripada 10 tahun. Sebagai contoh pada tahun 2009, tuntutan purata polisi pihak ketiga motosikal berusia 10 tahun ke atas adalah RM15,338 berbanding dengan RM13,763 bagi motosikal berusia yang kurang dari 10 tahun. Walau bagaimanapun kekerapan tuntutan bagi motosikal berusia 10 tahun ke atas hanya 0.84 bagi setiap 100 motosikal berbanding dengan 1.10 untuk motosikal yang berusia kurang daripada 10 tahun.

Pemilik kenderaan yang menghadapi kesukaran untuk memperoleh perlindungan insurans yang dingin ini dari mana-mana penanggung insurans boleh mendapatkan perlindungan tersebut daripada *Malaysian Motor Insurance Pool* (MIIP). MIIP ini telah ditubuhkan oleh syarikat insurans sebagai penanggung insurans usaha akhir iaitu *insurer of the last resort*. MIIP adalah wajib menawarkan perlindungan insurans motor kepada pemilik

kenderaan yang tidak boleh mendapat perlindungan daripada pasaran atau memperbaharui cukai jalan kenderaan.

■1130

Perlindungan daripada MMIP boleh diperoleh di cawangan-cawangan Uni.Asia General Insurance Berhad dan Multi-Purpose Insurans Berhad ataupun di 684 cawangan Pos Malaysia di seluruh negara. Kerajaan sedar akan kesulitan yang dihadapi oleh sesetengah pemilik kenderaan untuk mendapatkan akses kepada perlindungan insurans motor. Oleh yang demikian, kerajaan melalui Bank Negara Malaysia sedang dalam proses mempertimbangkan satu mekanisme yang sesuai bagi menyediakan perlindungan kecederaan dan kematian pihak ketiga pada harga premium yang berpatutan. Sesi perbincangan telah diadakan pada bulan April 2010 dengan pihak-pihak berkepentingan termasuk orang ramai untuk mendapatkan maklum balas. Kesemua maklum balas ini akan diambil kira dalam merangka mekanisme tersebut yang boleh diterima ramai untuk pertimbangan kerajaan yang seterusnya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Sekian sahaja sesi pertanyaan-pertanyaan bagi jawab lisan pada pagi ini.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

USUL**RANCANGAN MALAYSIA KESEPULUH (2011-2015)**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah:

"Bahawa Dewan ini,

menyedari akan cabaran pertumbuhan ekonomi serta pencapaian sosioekonomi semasa pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan dalam menghadapi persekitaran global yang begitu mencabar;

merestui usaha kerajaan untuk terus melaksanakan Misi Nasional dengan disokong oleh Model Baru Ekonomi sebagai rangka dasar pembangunan bagi mencapai matlamat Wawasan 2020;

meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang akan dilaksanakan berasaskan hala tuju strategik, program dan peruntukan yang diperlukan untuk merealisasikan Wawasan 2020 dan membawa negara ke arah mencapai status negara berpendapatan tinggi dan maju menjelang tahun 2020 seperti dibentangkan dalam Kertas Perintah CMD.3 Tahun 2010;

Bahawa dalam meluluskan Rancangan Malaysia Kesepuluh, Dewan yang mulia ini menyeru seluruh rakyat Malaysia supaya bersatu padu dengan semangat "1Malaysia : Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan" dan mempunyai iltizam yang teguh bagi melaksanakan tanggungjawab yang murni untuk menjayakan pelan transformasi ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju, berdaya tahan dan berdaya saing, demi untuk meningkatkan kesejahteraan rakyat Malaysia". *[17 Jun 2010]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Baling menyambung ucapan. Ada 11 minit lagi Yang Berhormat.

11.32 pg.

Tuan Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Menyambung dengan apa yang telah saya perkatakan pada hari Khamis yang lalu di mana penekanan dalam RMKe-10 berkaitan dengan modal insan yang malang ialah tidak sedikit pun menekankan kepada pembinaan akhlak.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Ini kerana pada hemat saya bercakap mengenai dengan modal insan kita tidak boleh terlepas daripada pembinaan akhlak kerana akhlak adalah merupakan tunjang utama dalam pembinaan insan. Jikalau kita kalah dalam sukan, kalah dalam pasukan bola sepak misalnya, sudah tentu akibatnya tidaklah seburuk, tidaklah separah kita kalah menangani kebejatan gejala sosial dan jenayah.

Melihat kepada data statistik yang dikemukakan oleh kementerian dalam Dewan ini beberapa hari yang lalu adalah merupakan satu angka yang menggerunkan. Jikalau di

lima bulan yang pertama tahun 2010, jenayah kekerasan dan jenayah harta meningkat sampai 76,000 kes, jenayah rogol pun begitu. Jadi, apakah dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini kita rasa boleh lega dengan kita menyetepikan aspek-aspek pembinaan akhlak ini.

Oleh itu dalam kesempatan ini, saya ingin menyarankan supaya keprihatinan harus diberikan untuk menjana semula sekolah-sekolah agama rakyat atau SAR di samping SABK atau sekolah agama bantuan kerajaan yang merupakan salah satu daripada teras dan nadi yang mempunyai potensi dan keyakinan untuk membina generasi kepada penjanaan atau kekuatan akhlak ini sendiri. Janganlah pula kita abaikan sekolah agama rakyat yang sudah tentu sejauh ini kita melihat banyak jasanya kepada masyarakat dan negara ini. Jikalau sekolah jenis kebangsaan Tamil dan sekolah jenis kebangsaan Cina kerajaan dapat diperuntukkan. Maka, kita hendak juga supaya sekolah agama rakyat ini atau SAR juga diberi perhatian oleh pihak kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh dalam kesempatan ini mengenai dengan Darul Iftta' ataupun Institusi Darul Iftta'. Dulu pernah diberikan keyakinan dalam Dewan ini oleh Yang Berhormat Menteri bahawa pihak MKI dan juga Majlis Raja-Raja telah memberi persetujuan supaya Darul Iftta' dapat dibangunkan. Menteri telah bertukar. Datang menteri yang lebih muda dan menteri yang ada sekarang pun tidak payah masuk pilihan raya. Buat kerja sungguh sedikit. Ini yang kita harapkan sambung dahulu supaya Darul Iftta' ini sebenarnya berperanan untuk mengemudikan arus pemikiran Islam dalam negara agar dapat diselaraskan kerana arus pemikiran Islam dalam negara ini harus juga dipantau dan dilihat supaya elemen-elemen yang boleh melemahkan umat Islam, elemen-elemen yang boleh sehingga sudahnya menghalang umat Islam khususnya daripada pemikiran Al-Quran, pemikiran Sunah itu dapat dikawal. Jadi, dalam kesempatan ini, saya mengharapkan supaya Darul Iftta' ini dapat direalisasikan.

Pengakuan diberi dalam Rancangan Malaysia Kesembilan, tidak juga nampak kelihatan. Rancangan Malaysia Kesepuluh tidak masuk langsung tidak masuk dalam buku. Apakah hasrat sebenar kerajaan dalam pendirian mereka mengenai dengan Islam? Oleh sebab itu, baru-baru ini kita tidak faham. Masih ada Ahli Parlimen tidak faham apa cerita fiqah. Dia mempersendakan fiqah. Dia tidak tahu bahawa fiqah itu perkara muamalat. Muamalat berkaitan dengan ekonomi. RMKe-10 sebahagian daripadanya dan itulah Fiqah. Jangan menyetepikan Fiqah. Itu yang saya rasa pelik. Semasa ayah hantar sekolah dulu tidak belajar bersungguh. Habis main banyak sampai sekarang tidak faham Fiqah. Begitu juga mempersendakan takwa dengan 'takua'. Inikah orang Islam? Saya rasa orang-orang macam ini perlu masuk mengaji balik.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh mengenai dengan Akta Halal. Yang Berhormat Menteri pernah berjanji bahawa Akta Halal akan dibawa ke Parlimen untuk dibahaskan.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Sri Gading bangun Yang Berhormat.

Tuan Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Masa sedikit sahaja ini. Sedikit sahaja satu.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Tuan Yang di-Pertua terima kasih. Ada perkara-perkara saya bersetuju dengan Yang Berhormat Baling. Berkaitan dengan perpecahan di kalangan orang-orang Islam. Soal pokok sekarang telah melanda masyarakat Islam berkaitan dengan akidah. Kita harus mengetepikan perbezaan fahaman politik untuk menjaga akidah.

Soal secara jelas sekarang dalam masyarakat Islam menafikan Ahli Sunah Wal-Jamaah dengan fahaman-fahaman yang kadang kala tidak boleh sabar kita mendengar hujah mereka menghina keturunan Rasulullah SAW, menghina sahabat-sahabat yang besar, Sayidina Abu Bakar, Sayidina Osman, Sayidina Omar dan Sayidina Ali. Fahaman-fahaman yang terkeluar daripada fahaman Ahli Sunah Waljamaah, apa pandangan Yang Berhormat Baling dalam usaha kita hendak mempertahankan akidah Ahli Sunah Wal-Jamaah yang kita warisi di seluruh Kepulauan Melayu sejak dulu sehingga sekarang. Minta sedikit pandangan.

Seorang Ahli: Lari tajuk ini... *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Haji Taib Azamuddin Md. Taib [Baling]: Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Sri Gading. Memanglah kita tidak nafikan perkara-perkara yang boleh membawa kepada perpecahan akidah harus kita banteras dan begitu juga fahaman-fahaman politik ini dan bagaimana pula kalau fahaman politik itu bercanggah dengan akidah?... *[Ketawa]* Ini yang masalahnya. Ini saya tidak tuju mana-mana tetapi Yang Berhormat Sri Gading fahamlah itu.

■ 1140

Saya rasa kita sudah jelas, pihak Jawatankuasa Fatwa Kebangsaan telah memutuskan bahawa amalan rasmi kepada umat Islam di negara ini ialah berasaskan Ahli Sunnah Wal-Jamaah. Oleh itu, kita mengharapkanlah supaya masyarakat di negara ini khususnya menghormati kedudukan itu demi memperkukuhkan lagi keyakinan dan amalan Islam di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, selanjutnya saya ingin menyentuh juga mengenai dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini ialah untuk mentransformasikan penjanaan kesihatan yang kebetulan Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada dalam Dewan ini. Kita melihat kemudahan-kemudahan yang begitu minima di hospital-hospital luar bandar berbanding dengan hospital-hospital di bandar-bandar besar. Jauh sekali kalau kita hendak banding dengan Hospital Selayang yang dikatakan bertaraf dunia. Hospital-hospital luar bandar ini sampai sekarang banyak hospital tidak ada doktor pakar.

Hospital Daerah Baling menampung tidak kurang lebih 200,000 penduduk. Akan tetapi seorang pun tidak ada doktor pakar dan ambulans tidak cukup. Sudah berapa kali Rancangan Malaysia sudah. Negara lain tidak buat pun rancangan lima tahun sekali. Negara-

negara lain seperti Kanada, mereka adakan satu skim yang disemak setiap tahun. Tidak ada rancangan-rancangan ini saya rasa sudah agak ketinggalan.

Oleh sebab itu, kita pergi Rancangan Malaysia, Ketujuh, Kelapan, Kesembilan, dan sekarang masuk yang Kesepuluh. Apa benda impak kepada rakyat kita tidak semak sejauh mana duit yang dibelanjakan dalam rancangan-rancangan itu tadi yang memberi hasil yang baik kepada masyarakat. Berapa banyak? Jadi, ini banyak lagilah yang harus kita lihat. Cuma saya ingin dalam masa mudah-mudah diizinkan, saya ingin menyentuh.

Dahulu saya menyentuh bab Takaful ini, jawapan agak begitu tidak menyempurnakan. Saya ingin kait lagi, Takaful Malaysia sekarang terutama sekali sudah tidak ada untung mudarabah. Dibayar pada tahun 2007 kepada pelanggan dan kalau kita lihat pada tahun 2008 pula mudarabah ditetapkan 10%, tahun 2009 15%. Ini syariah apa yang dipakai sekarang ini sedangkan mudarabah bukan boleh tetap, dia melihat kepada keuntungan sebenar. Bagi saya kalau ini yang berlaku, Takaful Malaysia yang ada hari ini sudah bercanggah dengan akta asal yang diluluskan oleh Dewan ini.

Kita mengharapkan supaya pihak kerajaan serius dalam hal ini. Begitu juga yang paling serius daripada lebih kurang 120 cawangan seluruh negara, sekarang tinggal 40. Ini apa benda yang kita mahu buat? Apakah keadaan yang menimpa Takaful Malaysia sekarang? Negeri Pahang contohnya, daripada sembilan buah cawangan mahu dijadikan dua. Negeri Perlis tidak ada langsung. Inilah keadaan-keadaan yang berlaku kalau kita katakan bahawa tahap *business* Takaful Malaysia ini sudah nampak seperti merudum. Tidak lagi berada dalam keadaan sebagaimana yang sewajarnya. Saya hendak timbulkan juga sekali lagi penegasan diperlukan daripada pihak kerajaan tentang apakah asas yang dipakai oleh pihak yang membayar gaji *group* ekonomi yang melebihi daripada RM2 juta setahun. Bank Negara sebagai agensi kawal selia ini. Apakah pandangan Bank Negara terhadap keadaan ini? Apakah ini abnormal bagi sebuah institusi kewangan Islam dan institusi insurans untuk bayar sehingga RM2 juta setahun gaji. Begitu juga tangga gaji ada dua. Tangga gaji orang lama dan baru...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, habiskan Yang Berhormat.

Tuan Haji Taib Azamudden Md. Taib [Baling]: Ini untuk gulungnya, Tuan Yang di-Pertua. Saya rasa kesal difahamkan apabila *cash flow* atau pun aliran tunai Takaful Malaysia ini agak begitu gawat. Oleh sebab itu, pihak Takaful telah pun mengambil sikap untuk menjual Darul Takaful di Jalan Sultan Ismail, Kuala Lumpur yang dahulu pernah menjadi ibu pejabat Bank Islam.

Jadi, akhir sekali saya mahu timbulkan mengenai dengan apakah hujah dan asas sehingga 700 orang lebih pegawai yang berhenti meletakkan jawatan termasuk pegawai-pegawai baru yang dilantik pada tahun 2006. Kini, hampir lebih daripada 80 orang atau pun satu per tiga daripada kumpulan pengurusan Takaful Malaysia yang dilantik pegawai-pegawainya yang terdiri daripada bukan Islam yang memegang peranan kewangan, teknologi maklumat juga sehingga dalam urusan kewangan yang berkaitan dengan wang zakat juga dipegang juga oleh yang bukan Islam.

Saya rasa bukan masalah dari segi membezakan Islam dan bukan Islam, tetapi dari segi keyakinan, kefahaman, dan kemampuan untuk menjalankan tanggungjawab Islam itu sendiri dalam Takaful Malaysia ini. Ini kita mahu supaya pihak kementerian atau kerajaan memberi penegasan dan jawapannya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Lenggong.

11.46 pg.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir rahmaannir rahiim* kerana memberi peluang kepada saya menyampaikan ucapan dalam perbahasan pada kali ini. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih, tahniah dan penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan kerajaan kerana pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang amat baik dan memberikan sesuatu yang melegakan kepada rakyat secara keseluruhannya.

Rancangan Malaysia Kesepuluh memperlihatkan kesungguhan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk meningkatkan pendapatan rakyat kepada peringkat terutama memberikan tumpuan kepada semua kumpulan masyarakat apatah lagi memberi penekanan kepada yang masih tertinggal jauh ke belakang.

Walau pun, jikalau kita dengar ucapan rakan-rakan pembangkang yang terus-terusan menggambarkan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, tiada apa-apa perubahan namun hakikatnya apa yang dicadangkan oleh kerajaan menunjukkan komitmen yang tinggi untuk meletakkan negara kita pada landasan yang betul untuk memastikan negara mencapai negara maju pada tahun 2020 malah Rancangan Malaysia Kesepuluh ini turut sebanyak disokong oleh ramai penganalisis ekonomi termasuk daripada pelbagai universiti dalam dan luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, sewaktu Wawasan 2020 dilancar dan diumumkan oleh Yang Berbahagia Tuan Dr. Mahathir Mohamed pada ketika itu Perdana Menteri negara ini. Kita berada dalam situasi di mana cabaran tidak begitu hebat sebagaimana hari ini dengan arus globalisasi, liberalisasi, cabaran dari negara-negara seperti China, India, Brazil, Rusia, dan Timur Tengah yang kurang memberi tekanan yang begitu hebat waktu itu. Akan tetapi hari ini keadaannya sudah cukup berbeza di mana wujud saingan yang begitu sengit yang masing-masing memberikan saingan yang amat kuat dalam usaha untuk menarik lebih banyak peluang perdagangan dan pelaburan di negara masing-masing. Kini, kita hanya ada sepuluh tahun lebih kurang sebelum negara kita mencapai status sebuah negara maju.

Oleh sebab itu, kita menaruh harapan yang amat tinggi kepada kerajaan, kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk benar-benar memastikan supaya Rancangan Malaysia Kesepuluh ini mencapai kejayaan. Harapan kita agar apa juga kelemahan dalam mana-mana rancangan Malaysia sebelum ini dapat dijadikan landasan dan ukuran untuk tidak kita ulangi dalam memastikan supaya Rancangan Malaysia Kesepuluh ini benar-benar mencapai matlamat dan tujuannya.

Justeru itu, sekali lagi marilah sama-sama kita mendukung usaha baik ini agar rancangan ini mencapai matlamatnya apatah lagi yang sebenarnya memberi keuntungan dan kebaikan kepada semua kaum, latar belakang, dan juga agama. Namun hari ini, kita lihat dengan begitu mudah ada pihak yang mendakwa tidak ada satu pun jasa UMNO dan Kerajaan Barisan Nasional lakukan terhadap pembangunan ekonomi, sosial, pendidikan khususnya kepada orang Melayu malah dengan lebih dahsyat lagi tuduhan menuduh UMNO dan Barisan Nasional tidak memberikan sesuatu kepada kaum bukan Bumiputera.

Ini adalah tuduhan yang amat tidak adil, berniat jahat sama sekali, dan tidak lain hanya bertujuan untuk mengalih sokongan rakyat daripada terus menyokong Kerajaan Barisan Nasional. Tuduhan ini sebenarnya dilemparkan di segenap pelosok negara melalui pelbagai media, ceramah, dan sebagainya.

■ **1150**

Saya harap supaya pihak berkenaan, pembangkang terutamanya untuk bersikap jujur dalam perkara ini kerana hakikatnya setiap daripada kita mendapat nikmat daripada hasil usaha Kerajaan Barisan Nasional sejak dahulu lagi. Lihatlah apa yang kita miliki hari ini berbanding dengan dahulu. Memang kita akui ada kecacatan dan kekurangan di sana sini. Kawasan saya sendiri pun masih ada kekurangan, tetapi hakikatnya kita perlu akui bahawa setiap daripada kita mendapat nikmat daripada apa yang diusahakan oleh kerajaan khususnya Barisan Nasional dan UMNO pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, komitmen kerajaan untuk memberikan keadilan sosial kepada keseluruhan masyarakat amat baik. Oleh sebab itu, usaha untuk meningkatkan pendapatan rakyat terutama di kawasan luar bandar amat disokong. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebut beberapa contoh masalah yang dihadapi oleh rakyat termasuklah bagaimana kesukaran anak-anak mahu ke sekolah dan menuntut ilmu. Keprihatinan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memahami masalah rakyat dan turut menyebut masalah-masalah yang dihadapi oleh rakyat contohnya di perkampungan Melayu di Grik yang sebahagiannya juga adalah di kawasan yang saya wakili, amat kita sanjung. Ini bukti keprihatinan dan perhatian yang begitu besar yang diberikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Saya ingin sebut di kawasan saya di Parlimen Lenggong amat kaya dengan warisan sejarah dunia, flora dan fauna yang berharga dari sektor pelancongan, kesuburan tanah dan keluasan tasik serta sungai yang berpotensi tinggi untuk dibangunkan dalam sektor perikanan, pelancongan dan sebagainya. Oleh sebab itu saya minta supaya Kementerian Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan memberi maklumat terperinci bagaimanakah langkah-langkah yang sedang dan akan dilakukan bagi merealisasikan usaha untuk jadikan Lenggong sebagai tapak warisan dunia.

Di samping itu, saya harap kementerian tidak lupa untuk membangun dan menaik taraf beberapa peninggalan sejarah lain yang dilihat mampu untuk membantu untuk meningkatkan kehadiran pelancong dan masyarakat antarabangsa di negara ini dan di Lenggong khususnya. Saya percaya dengan usaha untuk meningkatkan prasarana di gua-

gua, kawasan-kawasan perkuburan pejuang-pejuang lama dan sebagainya, ini akan pasti meningkatkan lagi aset yang amat penting dan berharga sebagaimana yang kita sasarkan pada hari ini.

Ini sebenarnya mampu untuk menambahkan pendapatan penduduk di kawasan berkaitan. Oleh sebab itu juga, saya minta Kementerian Pelancongan agar menambahkan prasarana pelancongan di kawasan Lenggong. Di antara yang diharapkan dapat dilakukan oleh pihak Kementerian Pelancongan ialah membangunkan kawasan kolam air panas di Kampung Air Panas yang berpotensi untuk dibangunkan sebagai tarikan pelancongan baru, kawasan rekreasi dan hutan lipur di Lata Kekabu, Lenggong dan juga Lata Ulu Lawin juga kawasan air semula jadi di Jalan Ganda Temenggor. Ini kawasan-kawasan yang berpotensi untuk menarik kehadiran pelancong ke kawasan berkenaan.

Selain daripada itu, program-program pelancongan boleh dilakukan di kawasan ini umpamanya yang sedang diusahakan oleh Kementerian Pelancongan - *sport fishing*, sukan memancing. Justeru itu, saya memohon kerjasama Kementerian Pelancongan dan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menyokong usaha penganjuran Joran Ekspo Perikanan, Lenggong pada Oktober ini yang ini diharap dapat menambah kehadiran pelancong di kawasan ini termasuk memajukan industri perikanan dan menambahkan pendapatan rakyat di kawasan berkaitan.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Ini mengenai pelancongan, boleh?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sebagai usaha – tidak cukup. Minta maaf. Sebagai usaha membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Kawan pun tidak bagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, hendak beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: ...Saya harap cadangan untuk melaksanakan Lenggong Agro Valley...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Lenggong. Yang Berhormat, hendak beri jalan?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak apalah. Saya habiskan dahulu. Ada masa saya beri. Sekejap. Sebagai usaha untuk membasmi kemiskinan dan meningkatkan taraf hidup rakyat, saya harap cadangan untuk melaksanakan Lenggong Agro Valley yang kita kemukakan kepada EPU untuk dimasukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh disokong dan dibantu oleh kerajaan khususnya Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani. Dalam menjayakan program ini, kita memberikan fokus kepada empat bidang utama iaitu:

- (i) tapak kekal pengeluaran makanan di kawasan Bukit Sapi yang keluasanya lebih daripada 4,000 hektar yang boleh dimajukan untuk sektor pengeluaran makanan negara;
- (ii) zon industri *agricultural* di sekitar Tasik Raban, Tasik Kenering di Temenggor yang sesuai untuk dibangunkan dengan sektor

- perikanan dan diharap kemudahan-kemudahan infrastruktur perikanan dapat dibangunkan di kawasan berkenaan;
- (iii) usahawan industri asas tani (UIAT) yang mana boleh dibangunkan usaha-usaha untuk meningkatkan usahawan dalam bidang perikanan dan ternakan termasuklah pengeluaran makanan ringan berasaskan industri pertanian; dan
 - (iv) zon ternakan haiwan di mana kawasan ini amat berpotensi untuk sektor penternakan lembu, rusa dan sebagainya.

Saya amat berharap program ini diberi perhatian sewajarnya oleh pihak kementerian kerana ia mampu untuk membantu usaha membasmi kemiskinan dan menambahkan pendapatan rakyat.

Kita akui telah banyak usaha yang dibuat kerajaan untuk membangun kemudahan asas. Komitmen kerajaan menyasarkan pembinaan 6,300 kilometer jalan berturap di Semenanjung Malaysia, 2,500 kilometer di Sabah dan 2,800 kilometer di Sarawak amat baik dan disanjung tinggi. Ini termasuk usaha untuk meningkatkan bekalan elektrik, air dan sebagainya.

Oleh sebab itu juga saya minta supaya kerajaan tidak lupa untuk membantu bagi menyelesaikan beberapa masalah lagi di kawasan yang saya hadapi ketika ini. Pertama, untuk projek membekalkan bekalan air bersih kepada kampung-kampung di seberang sungai Perak termasuk Kampung Bukit Sapi, Kampung Chepor, Kampung Pulau Ceri, Kampung Luat, Kampung Beng, Kampung Batu Ring yang mana melibatkan lebih daripada 2,000 orang penduduk.

Kedua ialah jalan daripada Kampung Talong, Kampung Luat ke Kampung Batu Ring yang panjangnya lebih kurang 7 kilometer. Selain daripada itu, jalan dari Kampung Ulu Kenderong ke Kampung Air Kelat di Tanjung Rambai. Saya harap juga supaya kerajaan khususnya Kementerian Pelajaran memberi prioriti utama untuk pembinaan baru Sekolah Kebangsaan di Grik yang menghadapi masalah banjir di kawasan berkenaan dan juga untuk meningkatkan prasarana dan pembinaan beberapa kemudahan di Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan (Tamil) Ladang Kota Lima, Lenggong.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Banyak sangat Yang Berhormat minta. Kawasan lain bagaimana?... [*Dewan riuh*]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Bukan hari itu Yang Berhormat Kinabatangan pun minta banyak? Selain daripada itu, daerah – Dia hendak *punch card* sahaja tadi itu. Selain daripada itu, Daerah Kecil Lenggong juga menghadapi masalah banjir yang tidak berkesudahan. Oleh itu, saya berharap melalui Rancangan Malaysia Kesepuluh ini kerajaan membantu menyelesaikan masalah ini melalui Rancangan Tebatan Banjir di Daerah Kecil Lenggong yang – ini saya mohon untuk Kementerian Kerja Raya memberikan perhatian kepada usul untuk pembinaan semula jambatan-jambatan di Kampung Sumpitan, Kampung Chain dan juga Kampung Bor, Kampung Belimbing dan jambatan Kota Tampan Air yang menjadi punca kepada sekatan aliran air yang menyebabkan banjir di kawasan berkenaan.

Selain daripada itu, amat penting juga supaya Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar dapat melaksanakan usaha untuk membasmi masalah banjir ini melalui Rancangan Tebatan Banjir Daerah Kecil Lenggong di Sungai Temerlong, Sungai Nerok dan juga Sungai Lenggong yang mana ketiga-tiga ini saya faham dan saya tahu telah pun ada dalam perancangan pihak kementerian. Saya harap ini diberikan perhatian utama untuk penyelesaian.

Ini sebenarnya amat mustahak dan kerana ini telah dialami oleh rakyat bertahun-tahun lamanya. Oleh sebab itu juga saya minta supaya pihak kementerian untuk buat kajian terperinci tentang kedudukan sungai-sungai Perak di negeri Perak yang kita dapati sudah begitu cetek. Ini juga menjadi punca kepada banjir yang begitu besar berlaku di kawasan-kawasan berkenaan.

Satu lagi, saya rasa bagi setengah orang menganggap masalah ini masalah remeh, tetapi ia amat besar bagi saya dan juga masyarakat ialah masalah serangan kepada tanaman dan juga projek-projek pembangunan kerajaan oleh binatang-binatang liar terutamanya serangan gajah ini. Oleh sebab itu saya minta supaya kerajaan memberikan perhatian utama kerana di kawasan saya ia melibatkan kemusnahan kawasan seluas 34,925.12 hektar kawasan dengan melibatkan lebih 23 buah kampung. Ini menyebabkan pelbagai kemusnahan harta benda dan menyebabkan pendapatan rakyat terganggu.

Ketika ini, sepanjang 39 kilometer pagar elektrik sedang dibina yang melibatkan perbelanjaan lebih daripada RM2 juta. Walau bagaimanapun, saya berharap tambahan dilakukan oleh pihak kementerian kerana ia masih lagi diperlukan untuk membina pagar daripada Kampung Sumpitan ke Kampung Chain sejauh 40 kilometer, daripada Kampung Tawai ke Felda Pepulut ke RPS Banun sebanyak 30 kilometer yang kita anggarkan peruntukannya berjumlah lebih RM3.2 juta. Jangan lupa ini amat penting untuk diselesaikan oleh kerajaan kerana ini merupakan masalah rakyat.

■ 1200

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi. Saya harap supaya permintaan penduduk di kawasan saya untuk Kementerian Dalam Negeri untuk meningkatkan semula taraf Balai Polis Lenggong ke kedudukan asal. Bukan bina bangunan baru, bukan bina infrastruktur baru tetapi tingkatkan semula taraf kedudukan balai ini ke peringkat asal kerana ia amat penting untuk penyelesaian masalah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita sedar bahawa generasi muda amat penting untuk kelangsungan pembangunan negara. Kalau kita sayangkan negara, maka kita mesti memenuhi kehendak dan keperluan mereka. Belia mesti dibangunkan secara menyeluruh dalam ketika mereka diberi peluang menikmati keseronokan di usia mudanya. Amat penting kita membina kemahiran, kepimpinan dan kecekapan mereka dalam pelbagai bidang supaya mereka menjadi orang dewasa yang produktif dan bertanggungjawab kepada dirinya, pada agama, bangsa dan negara.

Saya ucapkan tahniah kepada kementerian kerana penganjuran Hari dan Minggu Belia 2010 yang agak kelainan. Akan tetapi itu tidak cukup untuk generasi muda. Oleh itu

dalam Dewan yang mulia ini, saya sekali lagi minta supaya Jawatankuasa Kabinet Pembangunan Belia ini mesti digerakkan segera. Kita mesti lipat gandakan usaha program-program dan kegiatan bagi mengatasi pelbagai isu yang dihadapi oleh belia dan generasi muda hari ini seperti isu pengangguran di kalangan mereka.

Memenuhi keperluan rekreasi dan riadah mereka, meningkatkan keperluan dan tahap pendidikan mereka serta kemahiran di kalangan generasi belia. Isu peluang-peluang perniagaan, isu sosial dan moral generasi muda dan sebagainya. Keadaan semakin berubah, kajian pengubahsuaian program perlu dilakukan segera. Oleh itu, saya harap supaya kerajaan khususnya Kementerian Belia dan Sukan beri nafas baru kepada Program Rakan Muda ini, jangan statik.

Kita ubah pendekatan kerana generasi muda juga sudah berubah minat dan cita rasa mereka. Kementerian Belia dan Sukan mesti benar-benar menjayakan Akta Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia 2006 yang dibawa dan diluluskan di Dewan ini. Apa yang kita sepakati sewaktu penggubalan mesti dilaksanakan dengan segera. Ia bukan sekadar akta ini ditubuhkan untuk mendaftar pertubuhan belia semata-mata, pentingnya ialah pengisiannya.

Belia mesti diberi peluang bersuara, mesti diajak untuk sama-sama membuat keputusan untuk masa depan mereka dan dengan cara yang betul. Mereka mahu suara mereka didengar dan ingin sama membuat keputusan untuk kelompok mereka. Oleh itu, saya harap mesyuarat Majlis Perundingan Belia Negara, majlis Perundingan Belia Negeri, Majlis Perundingan Belia Daerah mesti sungguh-sungguh diperkasakan oleh kementerian, tidak hanya dilakukan secara sambil lewa untuk memenuhi apa yang termaktub dalam akta yang telah diluluskan. Laksanakan dengan tepat, beri sumber kewangan yang cukup, tambah pegawainya supaya ia benar-benar menjadi forum untuk generasi muda menyuarakan pandangan mereka kepada kerajaan dan juga kepada negara.

Di samping itu, saya harap usaha-usaha hendaklah diteruskan untuk menyediakan pelbagai peluang kepada generasi muda untuk melaksanakan aktiviti mesyuarat, berbincang, beriadah, bersukan dan sebagainya. Namun demikian, saya tahu bahawa kekangannya tentulah berkaitan dengan kewangan. Saya harap supaya kerajaan jika kita melihat bahawa belia penting kepada negara, maka saya harap kerajaan memberi fokus dan mengangkat kedudukan kementerian ini dengan menambahkan peruntukan, lipat gandakan pelbagai usaha supaya kementerian ini dilihat penting kepada negara. Saya rasa itu sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan berbilang terima kasih.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bagan.

12.03 tgh.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua yang telah memberikan peluang kepada saya untuk memberikan pandangan saya mengenai RMKe-10.

Sebelum saya memulakan ucapan saya, saya ingin menyatakan bahawa RMKe-10 yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri adalah satu pelan yang

agak luar biasa kerana tidak memberikan butiran yang lanjut sepertimana yang telah dimasukkan atau telah disebutkan dalam sembilan pelan sebelum ini. RMKe-1 hingga RMKe-10 ada memberikan butiran dan pecahan mengikut setiap negeri di mana peruntukan pembangunan telah diagihkan. Akan tetapi pada RMKe-10 ini, tidak ada butiran langsung, malah saya telah difahami bahawa butiran RMKe-10 berkaitan dengan butiran senarai projek-projek hanya akan diketahui pada bulan Ogos 2010.

Kalau begitu, saya ingin mencadangkan di sini bahawa kita dibenarkan peluang kedua untuk membahaskan dengan lebih terperinci RMKe-10. Ini kerana tanpa mengetahui dengan lebih mendalam projek-projek yang akan dilaksanakan, bagaimana kita boleh melaksanakan atau mencapai sasaran RMKe-10 yang telah dicernakan dengan panjang lebar oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini.

Tuan Yang di-Pertua, di antara sasaran utama di bawah RMKe-10 yang menjadi hasrat dan iltizam Yang Amat Berhormat ialah untuk meminta pelaburan swasta menjadi pemangkin kepada pembangunan ekonomi. Di antara sasaran utamanya ialah sumbangan daripada pelaburan swasta dengan peningkatan sebanyak 12.8% untuk tempoh masa RMKe-10. Itu adalah satu sasaran yang amat mencabar kerana sebelum ini di bawah RMKe-9, peningkatan pelaburan swasta hanya setakat 2% sahaja. Kalau kita hendak mencapai 12.8%, itu menunjukkan peningkatan enam kali ganda. Saya rasa belum tercapai di mana-mana negara termasuk juga dalam sejarah Malaysia.

Kalau kita lihat angka-angka yang dicadangkan, iaitu sekiranya hendak tumbuh sebanyak 12.8% supaya dapat mencapai tahap RM115 bilion dan menjadikan sumbangan kepada GDP kepada 13.9%, saya rasa itu adalah satu angka yang amat susah kalau berbanding dengan 10.1% pada tahun 2009. Ini kerana, kita harus ingat bahawa sumbangan yang paling tinggi sebanyak 36.3% kepada GDP hanya tercapai sebelum krisis kewangan pada tahun 1997. Saya rasa tanpa projek-projek terperinci, tanpa satu rancangan yang menyeluruh, saya rasa susah untuk kita mencapai sasaran sedemikian.

Walaupun demikian Tuan Yang di-Pertua, di sini bagi pihak Pulau Pinang, kita ingin menyokong usaha yang cuba dilaksanakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini kerana kita memang bersetuju dan tidak ada jalan lain kalau kita hendak memastikan pertumbuhan ekonomi boleh mencapai sasaran yang diharap-harapkan, kalau kita hendak menjadikan GDP per kapita kepada USD 15,000 sepertimana yang diharapkan berbanding dengan USD7,000.

Tuan Yang di-Pertua, RMKe-10 sebenarnya adalah satu dasar sosioekonomi yang memberikan kesan kepada semua rakyat. Justeru itu, adalah penting supaya penggubalan dilaksanakan demi memastikan ia dapat membangunkan Malaysia ke arah bukan sahaja sebuah negara berpendapatan tinggi, malahan memiliki masyarakat yang berdaya saing dan dinamik. Penggubalan sebuah model ekonomi yang baru perlulah berteraskan kepada prinsip demokrasi, keadilan sosioekonomi, kesamarataan peluang ekonomi dan kebebasan.

Tindakan *affirmative* berdasarkan keperluan mestilah memberikan keutamaan kepada golongan yang miskin dan yang paling memerlukannya tanpa mengira latar belakang

kaum, agama, geografi, dan ideologi. Dengan kata lain, kita mesti pastikan bahawa RMKe-10 adalah *pro-growth*, *pro-job* dan *pro-poor*. Sekiranya tidak boleh memenuhi ketiga-tiga objektif ini, malah saya rasa ia tidak akan mencapai hasrat menjadikan ekonomi Malaysia dapat berdaya saing dan dinamik.

■1210

Dalam aspek ini tentulah pembangunan modal insan adalah yang paling utama sekali. Kita hendak bertanya, mengapa sebelum ini hanya pada tahun 1971, hanya lebih kurang 10 ribu sahaja warga Malaysia yang berhijrah ke negara lain tetapi sekarang jumlahnya telah meningkat sampai ke jumlah yang amat menggerunkan iaitu 1.5 juta rakyat Malaysia sekarang berhijrah ke luar negara untuk mencari nasib mereka. Bukan sahaja bilangan besar ini terdiri daripada golongan bukan Melayu malah ada satu golongan Melayu yang kian meningkat. Sehingga semalam, saya amat tertarik dengan satu *interview* yang diberikan oleh Pengerusi dan CEO CIMB yang menyatakan bahawa Dasar Ekonomi Baru haruslah dikaji semula kerana ia bukan sahaja meminggirkan sebahagian golongan cendekiawan dan pakar profesional Malaysia, malah juga golongan Melayu yang berjaya pun merasakan dirinya dipinggirkan.

Oleh sebab itu adalah perlu ia dikaji semula dan memang pandangan yang diberikan daripada seorang yang telah berjaya atas usaha dan atas kemampuan diri sendiri mengingatkan kita semua bahawa rakyat Malaysia tanpa mengira kaum boleh menjadi jaguh dunia bukan sahaja jaguh kampung sahaja. Akan tetapi yang menghalang kita menjadi jaguh dunia dan memaksa kita menjadi jaguh kampung adalah dasar-dasar kerajaan yang salah, yang direka oleh Barisan Nasional demi membolehkan mereka terus membolosi kuasa dan mengecap kekayaan yang dinafikan kepada rakyat Malaysia secara amnya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: [*Menyampuk*] Buat di Pulau Pinang dahulu.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Di sini Tuan Yang di-Pertua, kita harapkan bahawa apa yang dinyatakan oleh para usahawan Melayu dan rakyat Malaysia yang kita banggakan ini haruslah diambil kira.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: [*Menyampuk*] Cakap jer.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Saya harap tentulah pihak kerajaan akan mendengar pandangan yang diberikan oleh CEO CIMB tetapi sekiranya tidak mahu dengar, saya rasa yang akan rugi adalah rakyat Malaysia. Ini kerana kita kena lihat pengalaman daripada negara-negara lain yang berjaya seperti Korea Selatan. Sebagai satu perbandingan Tuan Yang di-Pertua, pada tahun 1980 Korea Selatan mempunyai GDP per kapita sebanyak USD1,700 sedangkan Malaysia mempunyai GDP per kapita RM2,200, tidak sampai 30 tahun, GDP per kapita Malaysia telah meningkat sebanyak tiga kali ganda kepada USD7 ribu, tetapi untuk Korea Selatan lebih mengagumkan. Daripada USD1,700 yang jauh terkebelakang Malaysia pada tahun 1980, sekarang mereka telah mencapai USD20 ribu GDP per kapita. Tuan Yang di-Pertua, di bawah Model Ekonomi Baru yang langsung tidak wujud dalam

RMKe-10, tidak tahu mana ia telah hilang, mungkin nanti menteri boleh nyatakan sama ada ia telah pupus sama sekali atau tidak.

Sasaran GDP per kapita untuk 2020 adalah sebanyak USD15 ribu, iaitu kalau kita berjaya pun tidak pasti sama ada dapat berjaya atau tidak pada tahun 2020. Kalau kita berjaya sekalipun kita masih ketinggalan dengan Korea Selatan sekarang. Pada tahun 2020 saya rasa Korea Selatan mungkin sudah mencapai 40 ribu. Sasaran kita 10 tahun ke depan pun tidak sampai apa yang telah dicapai oleh Korea Selatan sekarang. Mengapakah Korea Selatan dalam masa yang begitu singkat sekali, tidak sampai 30 tahun. Mereka mampu melebihi Malaysia, sungguhpun dari segi bilangan penduduk mereka jauh lebih dari Malaysia. Penduduk Korea Selatan kira-kira 47 juta jauh melebihi 28 juta rakyat Malaysia sekarang. Akan tetapi GDP per kapita jauh lebih tinggi. Jawapannya ialah kerana mereka pandai menggunakan sumber manusia dan juga mengamalkan sistem demokrasi yang lawan rasuah habis-habisan.

Tuan Yang di-Pertua, kita mesti memberikan penekanan tentang gejala rasuah, kerana seperti mana yang disebutkan oleh CEO CIMB semalam, apa sudah jadi dengan saham-saham yang telah diberikan kepada golongan Melayu dan bumiputera? Di mana sebanyak RM54 bilion saham telah diagihkan tetapi sekarang hanya tinggal RM2 bilion di tangan Melayu bumiputera. Mengapakah kerajaan tidak ambil berat tentang jumlah RM52 bilion saham yang telah dikebas, yang telah hangus sama sekali? Mengapa tidak ada satu suruhanjaya siasatan diraja ditubuhkan untuk menyiasat siapakah penyangak, siapakah perompak, siapakah pengkhianat kepada negara ini? Kegagalan kerajaan mengambil tindakan menunjukkan bahawa mereka yang terlibat adalah datang daripada kroni-kroni mereka sendiri. Itulah sebabnya di mana rakyat jelata dinafikan, hak mereka untuk membolehkan golongan kroni-kroni pemimpin Barisan Nasional terus menjadi kaya.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Menyampuk] [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Di sini saya rasa suara-suara kroni dia tidak akan ambil,,,

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Menyampuk]* Ini kroni Lim Kit Siang pun ada.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ... kita tidak akan ambil peduli suara-suara kroni ini...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]* Di sebelah dia yang kroni itu, di sebelah dia.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: ... yang penting ialah mengapa tidak ada sebarang tindakan diambil? Sekiranya RM54 bilion saham yang diagihkan boleh terus kekal di tangan kepada mereka yang disasarkan. Saya rasa ekuiti 30% sudah lama tercapai tetapi sekarang masih dalam peringkat 20%. Ini kerana pengkhianatan yang begitu besar di mana tidak diambil tindakan langsung oleh pihak kerajaan.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]* Isteri pun bertanding.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Sekali lagi saya ingin mengingatkan, sekiranya kita tidak memberikan penekanan kepada pembangunan modal insan, tidak ada harapan untuk menjadi sebuah negara yang maju. Aspek ini bagi pihak Pulau Pinang, kami bersedia untuk memberikan sokongan kerana Pulau Pinang adalah *Silicone Valley* atau Lembah Silika Malaysia, di mana syarikat-syarikat besar, yang terbesar dan terunggul di dunia seperti Intel, Agilent, Honeywell, semua bertapak di Pulau Pinang. Kita berharap bahawa Pulau Pinang dengan kelebihan sedemikian, boleh menjadi *Software Valley* bagi Malaysia kerana dengan kelebihan ini adalah lebih senang dan lebih mudah untuk menjalankan *transition* sedemikian. Dalam aspek ini, kerajaan Pulau Pinang berhasrat untuk membantu menarik lebih banyak pelaburan dan ingin mencadangkan bahawa satu kompleks inovasi ditubuhkan di Pulau Pinang di mana kita dapat mempamerkan semua rekaan dan semua bahan-bahan berteknologi tinggi yang dikeluarkan di Pulau Pinang.

Kalau kita lihat banyak alat-alat yang digunakan— alat-alat paling moden dan canggih yang digunakan oleh pihak pengguna di seluruh dunia. Kita akan rasa hairan kalau kita tahu bahawa ia dikeluarkan oleh syarikat-syarikat terbesar yang bertapak di Pulau Pinang.

■1220

Oleh itu, adalah harus kita menonjolkan kejayaan sedemikian supaya rakyat tahu, supaya pelabur tahu, supaya peniaga tahu bahawa ia mampu dikeluarkan di Malaysia. *Showcase* ini dalam kompleks inovasi dapat menonjolkan kejayaan yang dicapai oleh Malaysia. Dengan sendirinya kita boleh mendirikan hab-hab R&D supaya dapat menarik lebih banyak pelaburan swasta yang diidam-idamkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam aspek ini saya sekali lagi meminta bahawa permintaan Pulau Pinang supaya tidak di diskriminasi dalam projek-projek RMKe-10, haruslah diambil berat. Sekiranya Pulau Pinang didiskriminasikan, ia akan merugikan bukan sahaja rakyat Pulau Pinang akan tetapi juga akan merugikan seluruh Malaysia. Perlu diingatkan bahawa sumbangan Pulau Pinang ke atas nilai eksport Malaysia adalah sangat tinggi. Sekadar 31% daripada nilai eksport Malaysia datangnya daripada Pulau Pinang.

Kalau kita lihat dari segi nilai eksport bahan *electrical* dan elektronik, peratusannya adalah sampai 57%. So, dengan ini sekiranya Pulau Pinang dianaktirikan, yang rugi juga adalah negara Malaysia. Dalam aspek ini kita harap bahawa projek-projek infrastruktur boleh diteruskan. Di antaranya ialah masalah komunikasi, masalah trafik dan juga masalah sistem pengangkutan. Kita harap mestilah dipertingkatkan supaya Pulau Pinang boleh menjadi alternatif untuk menarik pelabur-pelabur ke Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: Sebelum saya menghabiskan ucapan saya, saya ingin meminta bahawa kadar tol yang telah dicadangkan ke tahap RM9.40 bolehlah dikaji semula. Ini kerana ia telah mendapat bantahan daripada semua pihak. Malah parti komponen Barisan Nasional pun telah menentang kenaikan kadar tol di Pulau Pinang.

Saya harap Yang Berhormat Raub yang ada di sini sebagai Pengerusi Parti MCA Pulau Pinang pun dapat berdiri bersama-sama dan menyatakan di Kabinet tentang bantahan rakyat Pulau Pinang ke atas kadar tol yang begitu tinggi ini.

Akhirnya juga, satu lagi perkara yang bukan berkaitan dengan Pulau Pinang akan tetapi berkaitan dengan pencinta-pencinta warisan ialah tentang Penjara Pudu yang akan dirobohkan hari ini – malam ini. Saya harap ia boleh dikaji semula kerana penjara ini yang telah didirikan pada kurun ke-19 iaitu tahun 1895, ada warisan sejarah.

Saya rasa Yang Berhormat Raub yang ada di sini pun akan setuju ia boleh dijadikan satu tarikan pelancong kepada semua untuk melihat keadaan daripada dulu hingga sekarang. So, sekiranya kesemuanya perlu diberikan laluan untuk pembangunan, saya rasa ia akan menidakkkan sumbangan warisan dan sejarah kita.

Satu lagi perkara sebelum saya habis ucapan saya ini ialah tentang cadangan memindahkan Parlimen ke Putrajaya. Di sini kita rakyat Malaysia rasa bangga bahawa bangunan Parlimen ini sebagai satu bangunan yang bersejarah dan bercorakkan warisan harus dikekalkan sebagai satu Dewan Rakyat yang paling unggul di negara kita.

Saya harap bahawa kerajaan janganlah pindahkan Parlimen ke PICC di Putrajaya hanya kerana Pusat Konvensyen ini tidak mendapat layanan atau tidak dapat pendapatan yang lumayan untuk menanggung kos pembinaannya. Saya rasa itu bukan jalan untuk menyelesaikan masalah satu projek “gajah putih” kerana ini hanya akan merugikan dan mengorbankan keistimewaan bangunan Parlimen ini, yang telah menjadi saya rasa satu simbol yang begitu bermakna kepada rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju.

12.25 tgh.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya bangun untuk ambil bahagian untuk RMKe-10. Izinkan saya menyentuh tentang Sime Darby Berhad dan kerugian yang kira mencecah RM2 bilion. Kerugian syarikat ini dalam dua projek di Qatar telah bermula pada tahun 2007. Akan tetapi dalam kenyataan akhbar yang dibuat oleh pihak syarikat sendiri ke tahun 2009 ianya dinafikan.

Ini bermakna Sime Darby bukan sahaja membohongi pemegang-pemegang sahamnya malah ianya telah menipu Suruhanjaya Syarikat Malaysia, Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti. Di sini saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri apakah tindakan telah diambil oleh Bursa Malaysia dan Suruhanjaya Sekuriti menyasat skandal Sime Darby.

Saya juga hairan bagaimanakah Pengerusi Sime Darby Tun Musa Hitam boleh membuat kenyataan bahawa Lembaga Pengarahnya tidak tahu menahu tentang kerugian yang dialami. Ini amat memalukan kerana Sime Darby adalah syarikat perladangan yang terbesar di dunia. Sepatutnya Sime Darby menjadi contoh kepada syarikat lain dalam tadbir *corporate governance* dengan izin.

Ini bermakna Sime Darby mempunyai Lembaga Pengarah yang "*mati pucuk*" atau *impotent* dengan izin, ataupun Lembaga Pengarahnya masih tidur dengan pentadbiran tingkat 4 dahulu. Lembaga Pengarahnya hanya sedar tentang perkara tersebut apabila kerugian Sime Darby sudah mencecah hampir RM2 bilion. Ini termasuk dalam projek Bakun. Ini amat memalukan bukan sahaja di Malaysia malah di seluruh dunia sebab Sime Darby mempunyai operasi di 20 negara.

Tuan Yang di-Pertua, mengapa Sime Darby hanya mengambil tindakan terhadap Ketua Eksekutif Kumpulannya, Datuk Seri Ahmad Zubir Murshid? Bagaimana pula dengan pegawai-pegawai pengurusan kanan yang lain, turut terlibat dalam pembuat keputusan tersebut? Saya senaraikan nama-nama pegawai tertinggi yang sepatutnya juga menerima tindakan yang sama seperti Datuk Seri Ahmad Zubir, Dato' Sekhar Krishnan - Pegawai Kewangan Kumpulan Sime Darby, Hisham Hamdan – bekas ketua strategi dan *business*.

Toh Poh Keow yang dilantik sebagai Ketua Pegawai Kewangan Kumpulan pada 24 Jun 2008, sebagai Ketua Pegawai Kewangan. Keempat, Nik Mohd Hanafi bin Nik Abdullah yang pada masa itu merupakan Ketua Audit Dalaman Sime Darby. Kelima, Foo Man Hin yang memegang jawatan Ketua Pengurusan Risiko apabila Sime Darby membuat keputusan untuk melabur di Qatar. Abdul Rahim Ismail yang pada masa itu memegang jawatan Ketua Pegawai Kewangan Divisyen Tenaga dan Utiliti.

Kerugian yang dialami Sime Darby bukannya disebabkan oleh seorang individu, yang memerlukan peranan setiap individu yang saya sebutkan tadi. Kerugian itu juga disebabkan oleh kegagalan Lembaga Pengarah memantau aktiviti syarikat. Gejala ini boleh diibaratkan seperti "*Harapkan pagar, pagar makan padi.*"

Saya juga amat hairan atas alasan apakah Datuk Mohd Bakke Salleh, Pengarah FELDA dilantik sebagai CEO Sime Darby. Sedangkan beliau pun ada terlibat dengan kerugian lebih kurang RM300 juta dalam pelaburan FELDA di Amerika Syarikat dan Arab Saudi. Saya harap Menteri Kewangan siasat perkara ini. Dengan ini saya ingin mendesak Tun Musa Hitam dan keseluruhan Lembaga Pengarah Sime Darby letak jawatan dengan serta merta untuk kepentingan negara.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu objektif dari RMKe-10 adalah hasrat kerajaan untuk menghapuskan rasuah. Akan tetapi apabila ada kes rasuah yang melibatkan kakitangan seorang Menteri tiada pula tindakan.

■1230

Saya ingin memberitahu satu contoh iaitu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) telah menahan Encik Hasbi, setiausaha politik kepada bekas Menteri Kewangan II, Yang Berhormat Tasik Gelugor, dan hasilnya SPRM telah menemui berjuta-juta ringgit di sebuah kondominium di Pulau Pinang. Kita juga dimaklumkan bahawa orang yang ditahan ini adalah amat kaya raya dan memiliki beberapa buah kondominium mewah. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri perlu memberi penjelasan mengapakah sehingga kini Encik Hasbi belum didakwa di mahkamah ataupun kes rasuah ini telah pun ditutup ataupun SPRM ini sama ada

memperoleh bukti-bukti yang mencukupi dan juga adakah siasatan dijalankan terhadap bekas Menteri Kewangan II ini?

Tuan Yang di-Pertua, apakah rasional kerajaan hendak menarik balik semula sekarang walhal itu sepatutnya langkah yang terakhir. Sudah bertahun subsidi memberi manfaat kepada rakyat miskin dan kaya sama ada kita suka atau tidak, kita mempunyai peluang untuk memanfaatkan pertaruhan sukan. Mengapa kita perlu bertindak membuta tuli tanpa sebab dan gagal mengambil sesuatu yang positif daripada untuk kebajikan rakyat negara? Benarkan saya membuka mata dan telinga semua yang hadir di Dewan yang mulia ini berkaitan isu ini.

Sebelum saya berhujah lanjut, izinkan saya menegaskan pendirian saya bahawa perjudian dalam apa bentuk sekali pun adalah tidak boleh diterima atas sebab yang jelas. Saya tidak berhasrat membosankan Dewan yang mulia ini dengan hujah baik buruk yang telah diperdebatkan dan menghalalkan pertaruhan sukan dalam negara ini. Daripada rakyat biasa kepada aktivis sosial, pentadbir awam dan persendirian, badan agama termasuk di kalangan kita Ahli Parlimen. Isu pertaruhan sukan ini mencapai tahap yang memualkan dan kita berbalah tentang sebagaimana biasa.

Mengapa terjadi sedemikian, adakah kerana perjudian dianggap tidak bermoral? Atau tidak ada kewajaran politik, atau kerana ia iri hati terhadap mereka yang menikmati keuntungan daripadanya, mana satu alasannya? Setiap pendirian mesti ada penyokongnya.

Tuan Yang di-Pertua, mari kita bertindak lebih realistik. Marilah kita lebih realistik mengenai subjek ini walaupun kita tidak merungkaikannya. Kita boleh berdebat sehingga kucing bertanduk, namun pertaruhan tetap akan terus menjadi kegemaran manusia, apa juga pendapat kita. Fikirlah, fikirkan ini. Adakah kita tahu terdapat 750 laman pertaruhan di *internet* yang tersedia 24 jam, tujuh hari seminggu. Apakah kita mampu menyekatnya? Sudah tentu ia mustahil. Apa yang jelas pertaruhan sudah menjadi kelaziman dalam kehidupan manusia. Persoalan hanya setakat mana penerimaan kita mengenai judi pertaruhan ini. Setuju atau tidak, terima atau tidak, benar atau tidak?

Apakah kita lupa bagaimana kita menyelak buku untuk bertaruh dengan sedikit habuan atau aiskrim. Suka atau tidak pertaruhan sukan bola sepak sudah wujud sejak dahulu dan berleluasa, kini dan akan terus wujud selagi ada permainan bola dan peminatnya di muka bumi ini. Namun apa yang tidak boleh diterima ialah kegiatan pertaruhan haram dan *underground* dengan izin, yang berleluasa dan luar kawalan dengan jumlah pertaruhan yang mencecah berbilion-bilion ringgit.

Tuan Yang di-Pertua, siapa pemenangnya dan siapa yang rugi? Pembetulan saya, jika saya salah namun hakikatnya sindiket haram yang mengaut keuntungan besar kerana pihak berkuasa tidak mempunyai kebijaksanaan memenangnya dan gagal melihat gambaran besar bahawa pertaruhan sukan yang dilesenkan dan dikawal akan memberi manfaat yang besar kepada rakyat dan negara. Sebenarnya yang rugi ialah rakyat dan negara. Sindiket haram ini mengaut keuntungan yang berbilion-bilion ringgit tanpa membayar cukai, tiada cukai makanya tidak pembangunan dan rakyat marhaenlah yang mendapat kerugian besar.

Kita tidak perlu pergi jauh untuk melihat bagaimana pertaruhan sukan membawa kesan positif, lihatlah saja pada Singapura. Dengan pelesenan pertaruhan sukan dan meletakkannya di bawah kawalan, Kerajaan Singapura pernah pada satu ketika mengutip cukai sebanyak SD360 juta - RM878 juta setahun. Begitu juga Kerajaan Hong Kong yang berjaya menambah kutipan cukai tahunan sebanyak HKD3.1 bilion atau RM1.4 bilion setahun. Ini adalah jumlah dana yang banyak yang boleh dimanfaatkan untuk kepentingan dan kebajikan rakyat hanya jika pihak berkuasa mempunyai pandangan jauh untuk mengambil manfaat daripada hasil ini.

Tuan Yang di-Pertua, apatah lagi jika kita mengambil kira hasil haram yang diperolehi sindiket haram ini...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Nanti, nanti. Saya belum habis, masa terhad. Apatah lagi jika kita mengambil kira hasil haram yang diperolehi sindiket haram ini melahirkan lebih banyak kegiatan haram seperti perjudian atas kredit, kegiatan *Ah Long*, pengedaran dadah, pelacuran dan macam-macam lagi. Atas alasan ini sahaja tidakkah wajar untuk pihak berkuasa melesenkan ataupun mengawal selia pertaruhan sukan...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Hendak bagi jalan Yang Berhormat?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Bukan menghalalkan judi seperti yang ditohmah.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sebentar, bagi saya habis. Saya tidak bersetuju dengan terma menghalalkan judi bola sepak kerana kita adalah negara umat Islam. Sebaliknya saya usulkan supaya pertaruhan sukan dilesenkan dan dikawal selia supaya ia boleh dipantau dan dikawal. Apa juga duit dan cukai yang diperolehi boleh dimanfaatkan untuk pembangunan sosial seperti pemberian biasiswa, bantuan sara hidup bagi yang memerlukan, kemudahan kesihatan untuk rakyat miskin dan lain-lain termasuk menggunakan untuk pembangunan sukan bola sepak agar pasukan Malaysia dapat mencapai ke persada antarabangsa dan membawa nama Malaysia ke tiap penjuru alam sekali gus meningkatkan industri pelancongan negara.

Saya adalah seorang yang realistik dan saya nampak faedah yang pertaruhan sukan ini dilesenkan dan dikawal selia di dalam negara ini kerana memanfaatkan jauh mengatasi keburukan contohnya:

- (i) pertaruhan secara hutang akan terhapus serta-merta kerana pertaruhan dibuat secara tunai, para pemain akan berfikir banyak kali sebelum mengeluarkan wang tunai mereka untuk bertaruh. Ini kerana mereka tahu daripada kehilangan wang tersebut, lebih baik mereka menggunakan wang itu untuk makanan keluarga, membayar sewa dan urusan kereta contohnya;

- (ii) kerajaan akan mendapat dana tambahan untuk membangunkan sukan bola sepak untuk kepentingan rakyat dan negara;
- (iii) kita akan dapat mengawal dan memantau kegiatan pertaruhan sukan daripada membiarkan ia menjadi kegiatan haram dan *underground*;
- (iv) kita akan dapat mengawal, menghalang aliran keluar wang negara akibat pertaruhan yang dibuat dengan operator pertaruhan luar negara;
- (v) kita akan dapat menghalang pembiakan aktiviti yang haram dan tidak sihat dengan menghalang sindiket haram daripada memperkayakan diri mereka;
- (vi) kita juga dapat menghalang aliran negara ke negara lain kerana sindiket haram memerlukan tempat selamat untuk menyimpan hasil mereka;
- (vii) kita juga akan mendapat dana tambahan untuk tujuan pembangunan sukan sekiranya pemegang lesen pertaruhan sukan seperti Tan Sri Vincent Tan, Pengerusi Ascot yang berjanji untuk memberi sumbangan kepada satu yayasan pembangunan sukan daripada hasil pendapatan syarikat beliau; dan

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan!

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...

(viii) tidak lupa penambahan peluang pekerjaan untuk...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...Minta penjelasan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Nanti saya habiskan. *Limit time*, minta maaf. Saya adalah seorang yang realistik dan kerana itu walaupun saya menggalakkan kerajaan melesenkan pertaruhan sukan ini dan mengawalinya, saya bersetuju beberapa syarat mestilah dipatuhi dan dilaksanakan oleh para operator yang akan diberi lesen tersebut.

■1240

Tuan Yang di-Pertua, pertama kita perlu sensitif dengan kedudukan Islam sebagai agama rasmi persekutuan dan hendaklah kita memastikan tiada mana-mana orang Islam dibenarkan terlibat di dalam aktiviti pertaruhan itu atau bekerja di dalam mana-mana *operating* tersebut.

Kedua, saya mencadangkan supaya tiada monopoli oleh mana-mana pihak dalam pertaruhan sukan ini sebaliknya hendaklah lebih daripada satu operator diberikan lesen untuk menjalankan pertaruhan sukan ini. Seelok-eloknya melalui tender terbuka. Saya percaya habuan aktiviti lebih daripada mencukupi untuk semua. Apabila persaingan yang sihat, ia akan memberi manfaat kepada pelanggan tempatan dan para operator tersebut akan lebih berhati-hati dan memberi khidmat yang terbaik.

Akhir kalam, saya menyeru rakan-rakan Yang Berhormat semua supaya bersikap lebih realistik dan berhentilah daripada mempolitikkan isu ini dan bersikap hipokrit. Berilah kerjasama kepada kerajaan untuk membawa aktiviti pertaruhan sukan ini ke arus perdana

dan mengawal selia dan memantau untuk kepentingan dan kebajikan rakyat negara. Saya sedar bahawa kini kita tiba-tiba mempunyai juara-juara sumbang yang kononnya menentang aktiviti pertaruhan seperti Ketua Pembangkang. Perangainya sekarang membuktikan pendirian cakap tidak serupa bikin beliau... [*Tepuk*] Inilah kelaziman politik dua alam. Inilah politik matlamat menghalalkan cara apa sahaja yang menguntungkan beliau dari segi politik kira beres...

Dato' Seri Zahrain Mohamed Hashim [Bayan Baru]: [*Bangun*]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Nanti. Tiba-tiba beliau menjadi jaguh kampung menentang judi kononnya. Sikit punya hipokrit, Ketua Pembangkang ini. Siapa yang tidak lupa beliau yang menghalalkan judi di Sabah semasa menjadi Menteri Kewangan yang sangat berkuasa. Walaupun ia ditentang...

Tuan Lim Guan Eng [Bagan]: [*Bangun, keluar meninggalkan Dewan*]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bagan, buat apa lari, Yang Berhormat Bagan. Tunggulah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Keras oleh Yang Berhormat Ketua Menteri Sabah yang bukan Islam pada masa itu.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bagan, tunggulah. Sakit telinga kah?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dialah rakan baik...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tunggulah.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: [*Menyampuk*]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]:Datuk Nallakaruppan, Pengarah Eksekutif Magnum.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Bagan, duduk. Yang Berhormat Bagan, tunggulah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Menjaga kunci-kuncu *Little Napoleon* itu, operator judi empat ekor. Inilah politik cakap tidak serupa bikin. Ini politik dua alam. Kini beliau mahu menjadi suci dalam debu. Lebih putih daripada *Clorox*. Itulah bekas Menteri Kewangan yang dahulunya sangat berkuasa pada masa itu. Alangkah anehnya bagaimana seorang manusia boleh bertukar menjadi raksasa pelbagai wajah, menjadi sesumpah hipokrit.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: [*Menyampuk*]

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Angan-angan untuk menjadi Perdana Menteri *at all cost*, dengan izin. Ini adalah kes klasiknya cakap tidak serupa bikin. Kerajaan hari ini sepatutnya konsisten menyedar diri bahawa suasana pertaruhan sukan di Sabah hari ini tiada beza dengan Sabah waktu dahulu melainkan Menteri Kewangan sekarang merasakan dia tidak sehebat bekas Menteri Kewangan dahulu. Beliau sepatutnya membenarkan aktiviti pertaruhan sukan atas alasan bahawa kita perlu bersikap realistik dan menyedar diri bahawa manfaat aktiviti pertaruhan ini jauh mengatasi keburukannya. Adakah

Menteri Kewangan sekarang akan tunduk kepada tekanan atau dapat berbuat lebih baik daripada bekas Menteri Kewangan dahulu? Kita tunggu dan lihat.

Sedang kita sibuk berdebat dalam Dewan yang mulia ini, berbilion-bilion ringgit dana pembangunan yang sedia ada sedang dirompak oleh sindiket haram. Ini adalah sangat menyedihkan. Selagi kita masih sibuk dengan bahas dan debat siapa betul, siapa salah. Siapa rugi, ialah rakyat. Apatah lagi jika Menteri Kewangan berani mengambil pendirian membenarkan kegiatan pertaruhan sukan, ia sudah pasti akan dapat meringankan beban rakyat kerana kerajaan tidak perlu mengenakan cukai baru untuk mendapatkan dana pembangunan. Kerajaan boleh melupakan hasrat melaksanakan GST dan saya yakin rakyat akan berterima kasih kepada kerajaan.

Ya, saya menyatakan bahawa Menteri Kewangan bertindak bijak membenarkan aktiviti pertaruhan sukan yang terkawal dan diperlesenkan. Menteri Kewangan sepatutnya lebih realistik dan apa juga pendirian beliau, aktiviti pertaruhan sukan sedang berlaku secara haram dan *underground*. Mengapakah biarkan wang berbilion-bilion ringgit terbuang begitu sahaja sedangkan dana tersebut boleh digunakan untuk kepentingan dan kebajikan rakyat dan negara.

Tuan Yang di-Pertua, pada ketika ini, marilah kita mengambil sedikit pengajaran dan iktibar daripada ajaran manusia suci dan agung, Mursyidul Am PAS, Tok Guru Nik Aziz yang pernah memfatwakan bahawa hasil haram yang diperolehi dalam aktiviti haram dan dosa seperti jual beli dan meminum arak dan alkohol boleh digunakan untuk pembangunan negeri Kelantan. Ini yang saya tidak faham. Kalau Mursyidul Am PAS boleh membenarkannya, mengapa...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau tidak faham, biar saya beri kefahaman. Boleh tidak?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Ada beberapa Ahli Parlimen PAS hari ini yang menentang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat hendak bagi jalan?

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Saya boleh bagi faham.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Yang Berhormat Shah Alam, duduk. Yang Berhormat Shah Alam, duduk.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Disampuk] [Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: *[Menyampuk]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau tidak faham, jangan cakap.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Lagi pun ianya tidak... *[Disampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Shah Alam, duduklah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Mengapa membantah? Mengapa bersikap...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak payah tegakkan benang yang basah.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia kata tidak faham. Dia sendiri kata dia tidak faham.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Talam dua muka.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kita faham.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Mengapakah mereka tidak bersetuju dengan fatwa Mursyidul Am PAS?

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tidak payahlah, Yang Berhormat Shah Alam. Tegakkan benang yang basah buat apa?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Apakah mereka lebih menjadikan Ketua Umum PKR sebagai kiblat mereka dan presiden-presiden pemimpin mereka? Janganlah hendak menentang sahaja. Dengar baik-baik. Ini fatwa Tok Guru, Mursyidul Am PAS. Saya mengajak Dewan yang mulia ini dengar fatwa Tok Guru Nik Aziz...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Fatwa yang dia tidak faham.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Mengenai isu...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia kata dia tidak faham biar kita bagi dia faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Menggunakan hasil perolehan...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Shah Alam, duduklah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Aktiviti-aktiviti dosa dan haram ini untuk pembangunan negeri Kelantan khususnya hasil arak dan alkohol. Kerajaan Persekutuan sepatutnya belajar dan mengambil iktibar daripada fatwa Tok Guru ini. Oleh kerana arak ini adalah...

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Rantau Panjang, dia sudah hendak habis, Yang Berhormat. Hendak habis masa.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...*Mother of all* haram dengan izin, *mother of all evil*. Dengar baik-baik.

Puan Siti Zailah Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Ini adalah satu fitnah kepada kerajaan negeri.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Di bawah pentadbiran...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Fitnah apa? Itu fatwa!

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Kerajaan Negeri Kelantan, Yang Berhormat Tok Guru Nik Abdul Aziz terus membenarkan penjualan arak kepada bukan Islam yang mengenakan cukai arak...

Dato' Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: *[Menyampuk]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Kepada premis-premis jualan arak. Ini fatwa Tok Guru. Dengar baik-baik, ya.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ini salah ini, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Fatwa Tok Guru. Bagi penjualan arak...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Kita mesti diberi peluang untuk membetulkan. Ini adalah satu yang tidak benar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Disampuk]*

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tuan Yang di-Pertua sudah tahu. Semua orang sudah tahu.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ini adalah satu perkara yang tidak benar, tidak betul. Dia tidak faham.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini fatwa.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Dia ini tidak faham. Dia bukan orang Islam. Dia tidak faham apa yang dimaksudkan oleh Tok Guru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habiskan, Yang Berhormat ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sebab itu saya hendak gunakan fatwa Tok Guru ini. Saya dokong. Saya anak Kelantan ini. Dia orang luar, dia cakap banyak, okey?

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Itu pun sudah tidak betul. Itu bukan fatwa Tok Guru.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Fatwa Tok Guru.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Dia jadi tidak betul. Dia tidak ada hak untuk bercakap... *[Disampuk]*

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Dengarlah fatwa.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Dia tidak ada hak untuk bercakap perkara yang dia tidak tahu.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Disampuk]* ...Orang bukan Islam kepada golongan itu sahaja...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia sendiri kata dia tidak faham tetapi dia cakap banyak. Dia kata dia tidak faham.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia sedang berucap. Majlis *on point of order*, saya akan berhentikan dia ya. *Otherwise*, saya tidak boleh berhentikan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Kerana jika ia diharamkan, sudah tentu menyulitkan orang bukan Islam untuk menikmatinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habiskan, Yang Berhormat ya.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Baca sekali lagi fatwanya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini daripada Tok Guru pada 19 November 1992.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat boleh habiskan, ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ya, ya.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak. Kalau dia tidak faham. Dia kata dia tidak faham. Saya hendak minta memperjelaskan. Boleh tidak?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak bagi jalan, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Bangun]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Fatwa yang hanya dibenarkan oleh orang bukan Islam kepada golongan itu sahaja kerana jika ia diharamkan, sudah tentu menyulitkan orang bukan Islam untuk menikmatinya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Wangsa Maju sudah habis masa, Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta pandangan?

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Itulah. Itulah fatwa Tok Guru pada 19 November 1992. Selang dua tahun kemudian iaitu pada 26 November 1994.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ini adalah pembohongan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini pada pihak yang tidak faham dan mempertikaikan dasar membangun bersama Islam.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Hebat fatwa.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dan mengkritik penjualan arak. Ini fatwa Tok Guru yang kedua.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Kuat sikit, kuat sikit.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kelantan menggunakan hasil cukai arak, lesen anjing dan sebagainya bagi menampung kos membuat jalan dan lain-lain projek.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Arak itu sendiri boleh diminum oleh bukan Islam. Jadi bila diminum oleh mereka untuk menjaga keselamatan...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Peraturan Mesyuarat 36(12).

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: ...Dan kerajaan mengambil duit dari mana?... [*Dewan riuh*]

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Takut, takut, takut. Dia dedah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, saya menegaskan bahawa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju, Yang Berhormat Wangsa Maju, ada peraturan mesyuarat, ya.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Okey.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak kena mengenalah.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Dia telah mengelirukan Dewan, Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Keliru apa? Itu betul. Keliru apa, itu betul!

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Telah mengelirukan Dewan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Dan perkara yang dikatakan fatwa itu bukan fatwa. Jadi dia telah mengelirukan Dewan. Dia bercakap perkara yang dia tidak faham tentang kenyataan seorang Menteri Besar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Baik.

■ 1250

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Kita dengar lah dahulu ...

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Fatwa nampaknya yang keluar dari Menteri Besar Kelantan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Saya pun sama juga 36(12) kerana mengelirukan, kerana persoalan ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak perlu sokongan.

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Persoalan arak dengan persoalan judi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Shah Alam, Yang Berhormat berucap. Yang Berhormat ...

Tuan Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dan bila dikaitkan maka ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, peraturan mesyuarat bererti memaklumkan kepada Tuan Yang di-Pertua ada ahli yang melanggar peraturan mesyuarat. Yang Berhormat Shah Alam bangun dan bercakap perkara yang sama juga melanggar peraturan. Okey, tetapi itu tidak apa. *That is not the main issue.*

Okey, 36(12) hendak rujuk seseorang untuk pergi hak dan kebebasan. Hak kebebasan, dia ada kriteria sama ada berulang-ulang, sama ada dengan niat...

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Kelam kabut itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dengan niat tetapi saya melihat seperti Yang Berhormat Shah Alam beri maklum tadi bahawa Yang Berhormat Wangsa Maju mungkin tidak faham. Jadi, tidak ada niat.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua ...

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Kalau dia tidak faham ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, habiskan Yang Berhormat Wangsa Maju. Tidak terpakai.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Okey, kalau dia tidak faham, sepatutnya dia memberi peluang untuk kita menerangkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, tidak perlu *argue* Yang Berhormat. Saya buat *ruling* di bawah 36(12) tidak terpakai untuk insiden itu.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Boleh saya sambung sedikit.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Yang Berhormat Wangsa Maju...
[Dewan riuh]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya hendak minta dia habiskan. Ya, terima kasih. Yang Berhormat Wangsa Maju boleh habiskan Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Yang Berhormat...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Yang mengelirukan.... *[Dewan riuh]*

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dia sendiri kata dia tidak faham. Dia tahu dia tidak faham.

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Shah Alam duduk lah. Apalah ... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang ini pun melanggar peraturan mesyuarat Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, arak ini adalah *mother of evil, mother of most haram, or haram*. Mereka ini tidak faham. Mereka tempelak sahaja kepada Ketua Pembangkang. Itulah masalah mereka... *[Tepuk]*

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: ...Orang yang kata, dia tidak faham.

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Shah Alam, duduklah Yang Berhormat Shah Alam.

Dato' Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Duduk Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dia tahu Anwar ini ...

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Yang Berhormat Shah Alam, duduklah.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tuan Yang di-Pertua, ...

Dato' Lilah bin Yasin [Jempol]: Mursyidul baru.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey, habiskan. Yang Berhormat Wangsa Maju habiskan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kelantan menggunakan fatwa Tok Guru inilah. Kelantan menggunakan hasil cukai arak, lesen anjing dan sebagainya bagi menampung kos ...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Tuan Yang di-Pertua, saya telah membangkitkan peraturan mesyuarat ia mengelirukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah jawab Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dan lain-lain projek pembangunan.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua membiarkan untuk dia terus berucap.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Arak itu sendiri boleh diminum oleh bukan Islam, jadi ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan mesyuarat Yang Berhormat bangkitkan, saya sudah pun jawab. Saya kata tidak terpakai. Saya minta dia habiskan.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Ya betul, tetapi Tuan Yang di-Pertua untuk dia berulang-ulang melakukan kesalahan yang sama Tuan Yang di-Pertua.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *Standing order* Yang Berhormat. Tuan Yang di-Pertua...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Perkara ini tidak benar dan tidak betul.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya menegaskan bahawa perkara ini perlu menjadi hipokrit.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Dia bercakap pula tentang Islam yang dia tidak faham tentang hukum Islam.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Berlaku jujur lah.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Siapa orang bukan Islam Tuan Yang di-Pertua...

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Sudah lah Yang Berhormat Titiwangsa.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tok Guru dan berilah sokongan kepada Pusat Kerajaan Persekutuan...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Dia tidak sepatutnya bercakap sekiranya dia orang bukan Islam bercakap tentang Islam.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Untuk membezakan pertaruhan serta untuk kepentingan rakyat dan negara.

Dato' Haji Ismail bin Abd. Muttalib [Maran]: Berilah peluang.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Kena telinga sendiri, takut.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Wangsa Maju habiskan Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Baik, saya hendak habiskan.

Tuan Zulkifli bin Noordin [Kulim Bandar Baharu]: Kena telinga sendiri tidak tahan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ahli-ahli PAS sepatutnya tidak berjanji ialah bercadang dengan menghalalkan sesuatu apabila menguntungkan tetapi menjadi haram apabila memanfaatkan orang lain.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...Yang tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak berkaitan Yang Berhormat. Okey, habiskan. Yang Berhormat Wangsa Maju habiskan.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Tok Guru adalah seorang ahli politik yang realistik dan bukan seorang hipokrit. Saya tegaskan bahawa PAS sepatutnya tidak membantah pelesenan pertaruhan sukan sebagaimana ia telah mengeluarkan 40 lesen arak di Kelantan.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Dia bezanya tidak ada agama yang membenarkan judi tetapi ada agama yang membenarkan arak... *[Dewan riuh]*

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Oh, 40 lesen.

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Dan inilah hakikat. Oleh kerana itu judi itu... *[Dewan riuh]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukuplah Yang Berhormat. Yang Berhormat Wangsa Maju, saya minta Yang Berhormat habiskan Yang Berhormat. Masa sudah habis.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Sebab mereka ini kacau. Apa yang tidak masuk akal Tuan Yang di-Pertua untuk kita menghapuskan subsidi...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Akan tetapi di waktu yang sama membenarkan sindiket haram judi sukan yang banyak. Mengapa kita boleh menjadikan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat... *[Dewan riuh]*

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Saya hendak habiskan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tadi gangguan. Tuan Yang di-Pertua, tadi ada gangguan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Kita mesti tegaskan ...

Tuan Khalid Abd. Samad [Shah Alam]: Tuan Yang di-Pertua, masa dia sudah habis dah. Dia hendak cakap apa benda pun. *Off* kan lah *mike* dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, terima kasih.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Negara kita tidak sepatutnya menghapuskan subsidi untuk rakyat tetapi di waktu yang sama memberi subsidi kepada sindiket haram.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey, melanggar undang-undang. Masa sudah habis tidak mahu duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat ...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Masa dia sudah habis Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Ini tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sudah, masa sudah habis Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Masa sudah habis tidak mahu duduk, melanggar undang-undang, peraturan mesyuarat.

Tuan Wee Choo Keong [Wangsa Maju]: Dia kacau, mereka ini telinga panas.

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: *[Menyampuk]*

Seorang Ahli: Ada 40 lesen arak di Kelantan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih, terima kasih ya. Yang Berhormat Wangsa Maju, masa sudah habis Yang Berhormat. Habis ya.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Masa dia sudah habis.

Dato' Samsul Anuar bin Haji Nasarah [Lenggong]: Ada 40 lesen arak di Kelantan. Empat puluh!

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Peraturan tetap, ha, duduk.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Simpang Renggam. Yang Berhormat Simpang Renggam.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Yang Berhormat Simpang Renggam kah Menteri?

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tahniahlah Yang Berhormat Wangsa Maju.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Ingat Yang Berhormat Simpang Renggam Menteri sudah, belum.

12.54 tgh

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan RMKe-10.

Tuan Yang di-Pertua, secara umumnya rakyat memang menyokong Gagasan 1Malaysia. Misi dan Visi, Program Transformasi Kerajaan, Model Baru Ekonomi dan yang terbaru Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Seajar dengan matlamat Malaysia untuk mencapai taraf ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Bagus Yang Berhormat Wangsa Maju.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: RMKe-10 dijangka memastikan rangka dan pelaksanaan semua projek.

Dato' Samsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Kesian Yang Berhormat Titiwangsa.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Mencapai objektif dan sasaran pembangunan yang telah termaktub dalam perancangan mikro ekonomi negara. Unit Perancang Ekonomi ataupun dikenali sebagai EPU telah memastikan dengan izin, *the smooth implementation of government, development program and the Tenth Malaysia Plan will be the catalysis for micro economy growth target and expenditure and allocation for 2011 to 2015 and beyond.*

Tuan Yang di-Pertua, satu ...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang Berhormat Kinabatangan sokongkah bukan Islam menghina ulama?

Beberapa Ahli: [*Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara*]

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Satu pendekatan yang bercorak mara ke hadapan radikal dan *inclusive* mesti digariskan demi mengorak langkah ke arah masyarakat Malaysia yang berdaya saing dan dinamik dari segi ekonomi memastikan pembangunan jangka panjang dan mampan berteraskan kesaksamaan dari segi sosial dan budaya.

Justeru itu, RMKe-10 mesti mengandungi unsur-unsur pelengkap kepada pertumbuhan ekonomi bukan sahaja dari segi pembangunan fiskal semata-mata bahkan juga dari segi emosi, rohani dan intelek. Pendek kata RMKe-10 mestilah berdasarkan pembangunan holistik yang merangkumi semua aspek kehidupan.

Tuan Yang di-Pertua, ada lima perkara yang saya rasa wajib ditunjangi RMKe-10 iaitu:

- (i) menjana pertumbuhan yang mampan dan berdaya saing;
- (ii) meningkatkan keupayaan dan pembangunan modal insan;
- (iii) mempertahankan kesaksamaan sosial yang bersifat *inclusive*;
- (iv) meneruskan keseimbangan ekologi dan kualiti hidup yang tinggi;
- (v) mementingkan urus tadbir baik iaitu *good governance* dengan izin; dan kerajaan integriti.

Untuk menjana pertumbuhan ekonomi yang mampan dan berdaya saing, kerenah birokrasi yang menghalang kelancaran aktiviti ekonomi mestilah dikurangkan dan dihapuskan. Saya mencadangkan satu kaedah yang bersifat *one in, one out* dengan izin, boleh digunakan untuk mengurangkan birokrasi iaitu apabila satu peraturan baru dimansuhkan, maka satu peraturan yang sedia ada hendaklah dikeluarkan atau pun dibatalkan.

Dengan konsep ini sekurang-kurangnya kerenah birokrasi dapat dikawal kerana fenomena menokok tambah peraturan hanya akan menyusahkan pelabur-pelabur dan

peniaga-peniaga yang akhirnya akan melabur ke negara lain dan menyebabkan Malaysia ketinggalan.

Untuk tujuan pembangunan modal insan, kerajaan digesa menyediakan pelbagai insentif seperti perlepasan cukai secara automatik kepada bidang pendidikan dan penyelidikan yang tidak bermotifkan keuntungan untuk menguatkan infrastruktur dan teknologi yang amat diperlukan untuk Malaysia mencapai status negara maju.

Saya mengalu-alukan kerajaan bagi memenuhi keperluan guru bahasa Mandarin sekolah jenis kebangsaan cina serta sekolah kebangsaan lulusan *Unified Examination Certificate* (UEC) yang telah memiliki sijil SPM akan diberi pertimbangan untuk mengikuti pengajian di Institut Pendidikan Guru bagi program bahasa Cina.

Pada tempoh hari, kita juga membaca berita bahawa kesediaan daripada Menteri Pelajaran untuk memberikan pertimbangan kepada lulusan UEC yang mencapai gred lulus dalam subjek bahasa Malaysia SPM untuk memohon menjadi guru. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya melonggarkan lagi syarat ini iaitu dengan lulusan UEC sahaja dan tanpa SPM, penimbangan juga diberikan dengan syarat subjek bahasa Malaysia hendaklah lulus dalam UEC. Ini akan membantu dalam menyelesaikan masalah kekurangan guru-guru di sekolah-sekolah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, sambung petang nanti Yang Berhormat.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Ya, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, mesyuarat ini ditangguhkan hingga jam 2.30 petang nanti.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 petang

■1430

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat Simpang Renggam ada 16 minit lagi. Tercatat di sini Yang Berhormat ada 16 minit. Sila.

2.32 ptg.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya sambung semula. Saya mengalu-alukan kerajaan untuk menubuhkan Talent Corporation yang akan mengenal pasti kekurangan kemahiran di sektor-sektor utama serta menarik dan mengekal modal insan berkemahiran yang diperlukan dan juga menarik 700,000 orang rakyat Malaysia yang berkemahiran yang masih bekerja di luar negara.

Saya minta penjelasan daripada kerajaan komposisi 700,000 orang rakyat ini kebanyakannya terdiri daripada kaum apa? Apakah peratusannya mengikut komposisi kaum? Adakah kerajaan telah mengkaji dan memahami elemen-elemen yang telah menyebabkan mereka bekerja di luar negara? Adakah semata-mata masalah gaji kerana negara asing memberikan gaji yang lumayan atau persekitarannya lebih baik dibandingkan dengan negara

kita? Sebagai contoh, Serdang Institut telah menjalankan penyelidikan statistik terhadap 19 buah universiti di Malaysia dan mendapati bahawa:

Jawatan	Melayu (Jum/orang)	Cina (Jum/orang)	India/Lain-lain (Jum/orang)
Naib Canselor	18	0	1
Timbalan Naib Canselor	48	3	1
Dekan	264	1	6

Saya percaya ramai rakyat Malaysia berkemahiran memang aktif di dalam bidang pendidikan di luar negara. Adakah kita bersedia mengubah persekitaran kita termasuklah sistem pelantikan ini untuk menarik mereka balik ke Malaysia dan seterusnya berkhidmat untuk negara?

Tuan Yang di-Pertua, satu strategi yang spesifik dan khusus yang berasaskan merit dan keperluan mestilah dilaksanakan untuk memastikan peluang pendidikan yang berkualiti dan penyediaan peluang pekerjaan kepada golongan berpendapatan rendah. Selain itu kerajaan harus menggalakkan sektor swasta untuk menggalas tanggungjawab korporat sosial dengan izin, *corporate social responsibility* untuk memainkan peranan yang lebih proaktif dalam melengkapkan usaha menyeluruh kerajaan dalam membasmi masalah kemiskinan dan mengurangkan jurang pendapatan antara golongan yang berada dengan yang kurang berada.

Tuan Yang di-Pertua, demi memenuhi keseimbangan alam sekitar persekitaran serta memastikan peningkatan kualiti hidup ke arah tahap yang lebih memuaskan seiring dengan negara-negara maju, pembangunan yang lebih ideal dan holistik mesti ditekankan. Konsep GDP iaitu *gross domestic product* yang hanya mencerminkan barangan dan aspek fizikal mesti diganti dengan konsep GWB iaitu *general well being* dalam Rancangan-rancangan Malaysia akan datang bermula dengan RMKe-10. Ini bermakna rakyat Malaysia perlu disediakan dengan persekitaran yang bukan sahaja bersih, indah dan selesa tetapi juga mesti selamat, sihat dan sejahtera.

Kerajaan yang berintegriti adalah kerajaan yang bersifat 'Rakyat Didahulukan Pencapaian Diutamakan'. Selaras dengan itu kerajaan mesti meneruskan pemaparan kontrak-kontrak dan tender-tender yang diluluskan secara *online* dan telus seperti portal *My-procurement* agar semua rakyat Malaysia dapat menilai prestasi syarikat dan individu yang terlibat. Hak untuk melihat data asalkan ia tidak menggugat aspek keselamatan negara dan pertahanan negara mesti diberikan kepada rakyat untuk meningkatkan keyakinan rakyat kepada kerajaan. Oleh yang demikian persepsi negatif yang kononnya kerajaan menyembunyikan agenda-agenda tertentu daripada fahaman dan pengetahuan rakyat dapat ditangani. Sebagai contoh, peluang kerjaya dalam perkhidmatan awam kepada semua rakyat dengan memaparkan kekosongan jawatan secara *online* adalah satu langkah yang baik dan mencerminkan integriti.

Tuan Yang di-Pertua, di samping lima aspek yang telah saya kemukakan sebentar tadi, saya percaya RMKe-10 yang bersifat *inclusive* juga tidak harus melupakan negeri-negeri yang masih perlu membangun dengan kadar pertumbuhan yang lebih tinggi berbanding kadar purata tahunan negara. Misalnya negeri di bawah bayu, Sabah yang memerlukan anjakan paradigma yang lebih agresif untuk mencapai status negeri maju menjelang tahun 2020, Sabah tidak harus ketinggalan sebaliknya harus membangun dengan lebih cepat.

Tuan Yang di-Pertua, isu perjudian memang hangat dibahaskan baru-baru ini. Saya merasa kesal bahawa isu ini dipolitikkan oleh pihak tertentu. Biar kita ketepikan ianya sama ada harus diharamkan atau diluluskan. Saya rasa satu perkara yang amat penting telah diabaikan iaitu pendidikan. Dalam satu pertanyaan lisan saya pada 9 Jun, 2010 kepada Kementerian Kewangan ialah adakah kerajaan berhasrat untuk menubuhkan satu badan khas bagi melaksanakan kempen untuk meningkatkan kesedaran tentang keburukan perjudian dan jumlah peruntukan untuk membanteras gejala perjudian bagi sepuluh tahun yang lalu? Jawapannya ialah kerajaan belum mempunyai sebarang cadangan untuk mengadakan satu badan khusus bagi menangani masalah *gambling* atau mengadakan program *responsible gambling* dalam menangani masalah ketagihan perjudian.

Walau bagaimanapun pada masa ini program *responsible gambling* dan program bagi menangani *problem gambling* hanya dilaksanakan di kasino Genting Highland. Pada masa ini juga kerajaan tiada peruntukan khusus bagi menangani gejala perjudian kerana program *responsible gambling* di kasino ditanggung sepenuhnya oleh pengurusan Genting Malaysia Berhad. Tuan Yang di-Pertua, tanggungjawab menangani gejala perjudian seharusnya ditanggung oleh kerajaan dan bukan meletakkannya di sebuah syarikat yang menjalankan bisnes perjudian.

■1440

Kalau kita lihat Kerajaan Singapura, di samping membina sebuah kasino, mereka setiap hari mendidik rakyat melalui televisyen atau media lain tentang keburukan perjudian, mewujudkan *on-line gambling problem* untuk membantu mereka yang ketagih berjudi. Kita juga tahu merokok membahayakan kesihatan tetapi kerajaan tidak mengharamkan penjualan rokok, sebaliknya melancarkan kempen Tak Nak Merokok dan sebagainya untuk mendidik rakyat supaya tidak merokok. Di samping kita hendak meluluskan perjudian sukan ini, saya rasa kerajaan haruslah mementingkan pendidikan terutamanya di kalangan masyarakat Cina dan India kerana bagi Muslim, memang perjudian adalah haram.

Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan dasar baru tenaga, tenaga nuklear juga akan dipertimbangkan sebagai tenaga alternatif. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya mengenal pasti secepat mungkin lokasi-lokasi yang sesuai untuk membina loji nuklear dan memberikan didikan sepenuhnya kepada penduduk tentang kebaikan loji nuklear dan sekiranya ada, apakah risiko yang mungkin mengancam kesihatan dan sebagainya dan selepas itu menjalankan referendum. Sekiranya kebaikannya memang memanfaatkan penduduk di sekeliling kawasan itu dan penduduk memang yakin maka penduduk akan bersetuju untuk membina loji di tempat mereka melalui referendum.

Tuan Yang di-Pertua, isu seterusnya adalah lebih menjurus kepada kawasan saya. Pada hari Ahad yang lalu iaitu 13 Jun 2010, satu tragedi kebakaran besar berlaku di kawasan saya dan melibatkan 35 buah kedai papan terbakar. Jumlah kerugiannya adalah sebanyak RM5 juta. Bomba menerima panggilan pada jam 5.47 pagi tetapi panggilan yang dibuat oleh orang pertama yang nampak api kebakaran adalah pada pukul 5.35 pagi tetapi bukan kepada pihak bomba tetapi bomba sukarela.

Saya sedar pihak kementerian sedang berusaha untuk memantapkan imej bomba dan meningkatkan keyakinan rakyat terhadap kecekapan bomba. Saya juga sedar bahawa KPI juga digariskan supaya bomba sampai ke tempat kejadian dalam masa yang ditentukan. Akan tetapi daripada kejadian tersebut, amat jelas bahawa rakyat masih kurang keyakinan. Saya berharap peranan bomba sukarela lebih diberikan tumpuan oleh kementerian dengan penubuhan jawatan baru untuk bomba sukarela dan lebih peruntukan disalurkan kepada mereka termasuk sekurang-kurangnya setiap bomba sukarela diberi sebuah kereta arena yang dilengkapi pam air.

Saya juga ingin menarik perhatian kementerian supaya tidak melupakan pembinaan balai bomba yang baru di Simpang Renggam yang telah dirancang sejak RMKe-8 dan dijanjikan oleh Yang Berhormat Menteri akan dimasukkan ke dalam RMKe-10 kerana tanah memang lama telah diwartakan dan memang diharapkan ia tidak ditangguhkan lagi sebelum harga pembinaan meningkat.

Tuan Yang di-Pertua, 30 buah kedai ini musnah terbakar dalam masa setengah jam. Mangsa-mangsa tiba-tiba tiada hala tuju dalam kehidupan mereka. Saya ingin merayu dan pohon kepada Kementerian Kewangan supaya mewujudkan dana khas untuk membantu mangsa-mangsa yang telah kehilangan harta benda dan tempat tinggal tetapi masih ingin memulakan *business* mereka semula. *Soft loan* dengan kadar bunga yang rendah akan dapat membantu mereka kembali ke masyarakat dengan secepat yang mungkin. Geran-geran seperti *start business grant* yang ada di MITI juga boleh diberi pertimbangan dan keutamaan kepada mangsa-mangsa ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mengalu-alukan kerajaan membelanjakan RM8 bilion untuk membina landasan elektrik berkembar dari Gemas ke Johor Bahru sebagai pelengkap kepada sistem landasan elektrik berkembar dari Padang Besar di utara ke Johor Bahru di selatan. Masalah yang timbul di kawasan Parlimen Simpang Renggam ialah penempatan penduduk-penduduk setinggan di kedua-dua belah landasan kereta api. KTMB telah menjalankan bancian pada awal tahun ini dan telah menimbulkan kerisauan penduduk di kawasan tersebut. Saya menulis surat kepada KTMB supaya diberikan taklimat tentang rancangan keseluruhannya tetapi telah mendapat jawapan bahawa Kabinet belum lagi meluluskan projek ini. Selepas itu Yang Berhormat Timbalan Menteri pula menjawab di Dewan yang mulia ini bahawa pada dasarnya ia adalah diberikan kepada sebuah syarikat konsortium China dan sekali lagi saya membangkitkan isu ini di dalam Mesyuarat Peringkat Tindakan Daerah tetapi tidak dilayan langsung. Saya pohon pihak kementerian supaya memberikan respons yang lebih agresif.

Perkara terakhir yang ingin saya bangkitkan ialah berkenaan dengan balai polis di Simpang Renggam. Saya difahamkan balai ini telah memohon selama dua tahun untuk dinaiktarafkan daripada kelas 'C' sekarang ke kelas 'B' kerana bilangan anggota polis tidak mencukupi. Saya terima jawapan daripada kementerian pada pagi ini bahawa KDN bersama dengan PDRM serta JPA sedang mengkaji penggredan semula balai-balai polis di seluruh negara mengikut kategori termasuklah balai polis di Simpang Renggam. Jadi status gred balai polis ini akan dapat ditentukan selepas kajian tersebut selesai sepenuhnya. Walau bagaimanapun, kekurangan anggota polis adalah satu hakikat dan saya pohon sangat ia dapat dimasukkan ke dalam RMKe-10 yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, kesimpulannya saya percaya dengan hala tuju, strategik dan teras-teras dalam RMKe-10 akan membawa Malaysia keluar daripada perangkap *middle income trap*. Dengan azam, semangat dan *political will* yang kuat oleh kerajaan di bawah pimpinan dinamik Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, saya percaya Malaysia tentu boleh. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seremban.

Tuan Teng Boon Soon [Tebräu]: Tebrau? Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Seremban tidak diri? Mahu berucap atau tidak?

Tuan John Fernandez [Seremban]: [Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila... [Ketawa] Saya jarang dengar suara Yang Berhormat Seremban.

Seorang Ahli: Saya pun lama tadi berdiri.

Tuan Yang di-Pertua: Itulah makanya saya menjemput Yang Berhormat Seremban.

2.47 ptg.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya satu peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan RMKe-10.

Saya akan cakap sedikit di atas isu MACC. Satu isu yang sangat penting di dalam negara kita iaitu berkenaan dengan rasuah dalam negara kita. Ada satu laporan dibuat ke atas **Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan, Dato' Seri Utama Haji Mohamad bin Haji Hasan** lebih kurang tiga atau empat bulan dahulu. Mengikut laporan yang dibuat kepada MACC, pengadu mengatakan Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan ada menghantar RM10 juta kepada satu negara yang lain melalui satu *money changer* di Seremban. Saya dapat tahu iaitu laporan sudah dibuat lebih kurang tiga atau empat bulan lalu dan tidak ada apa-apa jawapan daripada MACC.

Tuan Yang di-Pertua, saya katakan di sini saya tidak membuat apa-apa tuduhan rasuah kepada Yang Amat Berhormat Menteri Besar Negeri Sembilan ataupun saya tidak cakap dia seorang kaki tipu atau apa. Apa yang saya hendak tanya di sini ialah status

siabatan. Saya suka bertanya kepada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, setakat hari ini, adakah *statement* diambil daripada sesiapa saksi daripada laporan ini? Adakah sesiapa yang dituduh di mahkamah setakat hari ini? Soalan yang ketiga, suka saya mendapat satu jawapan daripada Yang Berhormat Menteri yang berkenaan, apakah status laporan yang dibuat oleh pengadu?

■1450

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, saya suka menarik perhatian Tuan Yang di-Pertua mengenai artikel 143 Perlembagaan Persekutuan, dari *Federal Constitution* di mana mengikut seksyen ini di *Federal Constitution* katakan kes-kes untuk tuduh rasuah di dalam mahkamah, bidang kuasa ada di dalam *Attorney General* Malaysia, Peguam Negara. Akan tetapi, masa ini *the status of the law is that* dengan izin, MACC boleh siasat sahaja. Akan tetapi, MACC tidak ada bidang kuasa untuk tuduh siapa-siapa dalam mahkamah.

Oleh sebab itu, saya merayu kepada pihak yang berkenaan untuk buat pindaan kepada *Federal Constitution* untuk beri kuasa kepada MACC untuk tuduh orang kepada mahkamah. Rasuah ialah satu hal yang penting dalam negara kita dan Yang Berhormat Perdana Menteri Dato' Sri Mohd Najib ada katakan dengan izin, "*Malaysia is bleeding to the tune of one hundred million dollars per year.*" Gejala rasuah ini adalah seperti satu kanser di Malaysia dan jikalau kita tidak berhenti perkara ini, ini boleh menjadi satu isu yang nombor satu dalam negara kita.

Saya ada cadangan-cadangan yang lain untuk naikkan MACC di dalam negara kita. Cadangan yang saya suka cadangkan di sini ialah untuk beri lebih wang dan beri *budget* yang besar kepada MACC, *so that* MACC boleh dapat lebih kakitangan kerajaan dan boleh dapat lebih *manpower*. Yang kedua, saya cadang di sini untuk berikan lebih bidang kuasa kepada MACC. Pada tahun 2004, mengikut kerajaan ada 18 *high profile case* dirujuk kepada *Attorney General* iaitu Peguam Negara. Saya ingin tanya, masa ini sudah dua atau tiga tahun, apa yang jadi dalam 18 *high profile case*. Isu yang kedua, saya suka bangkit di sini ialah kakitangan kerajaan.

Masa ini di Malaysia kita ada 1.2 juta kakitangan kerajaan dan untuk 1.2 kakitangan kerajaan untuk 20 juta orang adalah sangat besar. Jikalau kita bandingkan dengan negara-negara yang lain iaitu di Singapore, Thailand atau Philippine. *We have to trimmed this civil service* dengan izin. Saya setuju banyak kakitangan kerja kuat tetapi seperti yang semua profesion, ada 1% atau 2% jadi *passenger* sahaja dalam *civil service*.

Sebagai contoh, pada hari Jumaat di mana waktu bekerja adalah pada waktu 8.00 pagi sehingga pukul 12.05 tengah hari dan disambung semula pada 2.45 petang sehingga jam 5.00 petang. Waktu rehat ini adalah agak lama dan ini telah membazirkan banyak masa di mana banyak urusan dapat diselesaikan dalam masa tersebut. Saya ada satu cadangan di sini, Dewan Rakyat bersidang 4 hari sahaja. Dewan Negara bersidang 4 hari sahaja dan satu negara di Europe iaitu di Iceland, *civil service* kakitangan kerajaan kerja satu minggu untuk empat hari sahaja. Saya cadang di sini *four day week* untuk kakitangan kerajaan dengan izin.

Akan tetapi, satu syarat yang besar ialah hari Jumaat tidak payah kerja tetapi untuk hari satu, dua, tiga dan empat, syarat yang sangat penting *without lost of working hours*.

Selain daripada itu Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan pembinaan Dewan Rakyat yang baru. Saya sokong apa yang dikatakan tadi Yang Berhormat Bagan, kita tidak setuju satu bangunan baru untuk Dewan Rakyat di mana kita akan belanjakan RM800 juta. *We do not support any mega projects* dengan izin, di mana wang rakyat akan digunakan untuk projek-projek yang besar. Saya tidak tengok *what is wrong with the present* Dewan Rakyat. Kita boleh gunakan wang untuk buat *renovation* untuk Dewan Rakyat ini dan kita tidak payah menggunakan RM800 juta ini untuk satu bangunan yang baru.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Saya tidak cukup masa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya ingin membantu Yang Berhormat Seremban.

Tuan John Fernandez [Seremban]: Selain daripada itu...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kawan tidak boleh bagi Yang Berhormat?

Tuan John Fernandez [Seremban]: Tidak bagi. Tuan Yang di-Pertua, saya tidak bagi laluan kepada siapa-siapa, saya akan habis hujah. Isu yang lain ialah pembinaan projek berskala mega. Kami di Pakatan Rakyat, kita sokong *constitutional monarchy* dalam Malaysia. Akan tetapi kita tidak sokong satu istana baru untuk Yang di-Pertuan Agong. Ini bukan kita tidak ada apa-apa, kita gunakan istana ini ialah dulu bila empat atau lima tahun dulu katakan untuk buat satu istana baru ialah RM400 juta tetapi selepas lima atau enam tahun kos ialah RM812 juta. Kita tidak sokong projek macam ini dan satu projek macam ini yang tidak melalui tender terbuka.

Kita punya Perdana Menteri ada katakan pada dulu, apa-apa projek RM200 dan lebih mesti melalui tender terbuka, *open tender*. Akan tetapi projek ini tidak ada buat melalui *open tender* dan diberikan kepada 3 syarikat sahaja dan saya telah sokong isu macam ini. Selain daripada Tuan Yang di-Pertua, saya suka bercakap sedikit tentang gaji minima. Kami di Pakatan Rakyat ini ingin merayu kepada pihak kerajaan agar satu kaedah dapat dibuat bagi menetapkan gaji minimum kepada rakyat Malaysia. Mengikut cadangan saya, paras garis kemiskinan di negara kita adalah berbeza bagi setiap negeri termasuk Sabah dan Sarawak.

Oleh sebab itu, saya cadang gaji minima untuk *West Malaysia* ialah RM720. Untuk Sabah, cadangan saya ialah RM960 dan Sarawak, cadangan saya ialah RM830. Ini ialah kerana kos kehidupan kini telah bertambah berbanding dengan lima atau sepuluh tahun yang lepas. Akibat daripada peningkatan kos ini, ramai di kalangan pekerja di negara ini bekerja dengan dua pekerjaan. Satu siang, contohnya kakitangan kerajaan. Kerja siang dan malam, dia ada kerja lain macam *security guard* atau jadi *taxi driver*, satu contoh. Ini semua dilakukan kerana kos kehidupan lebih lagi di kawasan bandar tidak naik dan gaji yang mereka terima adalah tidak mencukupi.

Cost of living sudah naik dan gaji yang diberikan kepada pekerja-pekerja tidak cukup. Oleh yang demikian, wajarlah kerajaan menetapkan gaji minima untuk setiap sektor tidak kira di sektor awam ataupun di sektor kerajaan. Ditetapkan sekurang-kurangnya di atas paras kemiskinan.

■1500

Ini seterusnya akan menaikkan tahap produktiviti dan kreativiti setiap pekerja dan seterusnya akan menaikkan keuntungan sesebuah syarikat ataupun jabatan kerajaan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Silakan, Yang Berhormat yang di belakang.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Sulong.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih banyak-banyak saya ucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, sebentar. Ramai lagi yang mahu berucap?

Beberapa Ahli: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ramai lagi yang mahu berucap kita bawa satu usul supaya selepas jam 5.30 petang nanti masih boleh lagi ada. Baik. Silakan, Yang Berhormat Menteri.

USUL

WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT

3.01 ptg.

Menteri Pertahanan [Dato' Seri Dr. Ahmad Zahid bin Hamidi]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga jam 7.30 malam ini dan sehingga selesai Ucapan-ucapan Penangguhan, dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Selasa, 22 Jun 2010.”

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

Tuan Yang di-Pertua: Baik. Ahli-Ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis untuk diputuskan. Masalahnya ialah usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Parit Sulong.

3.01 ptg.

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih juga di atas peluang untuk sama-sama membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh pada hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh tempoh hari menggagas sepuluh premis utama dan lima teras strategik yang saya kira kesemuanya memanglah sangat penting. Saya sedia maklum bahawa dalam apa juga bidang yang kita ceburi sama ada di dalam politik, akademik, ekonomi, sains dan teknologi, kesenian mahupun sukan, modal insan adalah merupakan satu elemen utama yang perlu diberi perhatian jika kita menginginkan satu kejayaan yang sangat bermakna. Modal insan yang berkualiti adalah asas binaan ataupun dengan izin *building block* kepada pembangunan masyarakat yang sendiri dan juga mampan.

Tuan Yang di-Pertua, oleh itu usaha untuk meningkatkan pembangunan infrastruktur bukan fizikal untuk ditingkatkan kepada 40% dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kalau kita bandingkan dengan 22% seharusnya disokong kerana ia memperlihatkan komitmen kerajaan untuk memberikan penekanan kepada kualiti, bukan hanya sekadar kuantiti sahaja. Namun satu perkara yang menarik minat saya ialah pembangunan infrastruktur fizikal dan bukan fizikal perlulah seiring agar wujudnya keseimbangan di antara keduanya. Apa ertinya jika kita mempunyai, sebagai contohnya kita mempunyai guru dan tenaga pengajar yang bagus jika kemudahan pembelajaran sekolah itu tidak selesai dan tidak memuaskan. Sedikit sebanyak suasana yang tidak kondusif itu akan mengurangkan prestasi guru dan juga pelajar-pelajar.

Saya hendak ambil contoh iaitu satu kes di kawasan saya sendiri di Parlimen Parit Sulong bagaimana masih terdapat sekolah yang mempunyai jumlah pelajar melebihi kemampuan iaitu kepadatan pelajar sehingga mencecah 2,000 orang lebih daripada yang sepatutnya, lebih daripada yang boleh ditampung oleh sekolah itu sendiri. Akibat daripada lebihan pelajar-pelajar ini pengawasan pengetua, guru kanan dan guru-guru terhadap pelajar-pelajarnya menjadi kurang dan terhad. Secara tidak langsung ia akan menimbulkan gejala-gejala yang boleh menjadi negatif.

Selain daripada kepadatan ini juga, saya lihat bangunan sekolah di kawasan saya juga masih ada lagi yang tidak selamat untuk diduduki dan setengahnya pula ada yang uzur daripada sebelum perang lagi serta mempunyai bangunan kayu yang uzur dan tidak selamat. Jadi, hal ini membangkitkan keresahan kepada rakyat di Parlimen saya juga kepada saya selaku Ahli Parlimen. Saya berharap agar komitmen kerajaan dalam melaksanakan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini dapat mengatasi masalah ini untuk memberi tumpuan kepada infrastruktur fizikal agar ia menjadi seiring dengan infrastruktur bukan fizikal bagi kita menjana modal insan amnya dalam sektor pendidikan itu sendiri.

Selain daripada itu tadi saya ada berbicara mengenai bagaimana ramainya pelajar di sesuatu sekolah di Parlimen saya. Sehubungan itu saya harap kerajaan juga dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini dapat menimbangkan sekolah-sekolah baru seperti yang

telah dijanjikan dan membaik pulih sekolah-sekolah yang tadi, yang telah saya nyatakan yang begitu uzur dan tidak begitu selamat untuk diduduki. Diharapkan ini akan memberikan satu suasana pembelajaran yang lebih selesa lagi terutamanya kepada modal-modal insan di Parlimen Parit Sulong itu sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin berbicara sedikit mengenai program *MyBrain 15*. Saya menyokong hasrat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai kualiti staf akademi yang dipertingkatkan dengan menambah peratusan staf akademi berkelulusan PhD iaitu 75% bagi universiti penyelidikan (*research university*) dan juga 60% bagi universiti awam lain. Bagi mencapai sasaran ini pelaksanaan program *MyBrain 15* iaitu program pembiayaan pengajian di peringkat ijazah kedoktoran dalam matlamat meningkatkan jumlah pemegang PhD kepada 18,000 ini sangat dipergiatkan. Namun saya mohon agar program *MyBrain 15* ini dapat dilaksanakan dengan lebih teliti dan segala perkara diperincikan untuk memilih pelajar dan juga staf yang berkelayakan bagi mengelakkan peserta program ini hanya mengambil kesempatan di atas kebaikan kerajaan untuk membantu mereka berjaya dalam bidang akademi ini.

Kita perlu mengambil pengajaran daripada keprihatinan kita membantu pelajar-pelajar kita keluar negara dan ada juga akhirnya yang tidak kembali ke dalam negara. Ada sesetengahnya pun apabila dia kembali ke dalam negara itu pun kerana takut bayaran denda yang dikenakan kepada mereka. Bukan kita hendak menyekat mereka daripada menyambung pelajar ke peringkat yang lebih tinggi tetapi atas desakan mahu menjadikan Malaysia ini sebagai negara maju. Kita perlu cermat dan teliti untuk memilih pelajar-pelajar dan juga staf yang berkelayakan bagi memastikan mereka ini terus patriotik dan pulang berkhidmat untuk negara kita.

Dengan kata lain, Tuan Yang di-Pertua, kita harus memberi peluang kepada pelajar-pelajar kita yang benar-benar komited untuk berkhidmat kepada negara. Jika alasan gaji menjadi faktor pelajar-pelajar luar negara ini enggan untuk pulang ke dalam negara, pihak kerajaan perlu untuk memikirkan cara ataupun memberi insentif tambahan kepada kelebihan mereka agar mereka ini pulang bukan sekadar kita hanya mengenakan denda kepada mereka yang membuatkan mereka terpaksa untuk pulang. Jadi, kita hendak apabila mereka pulang, mereka pulang dengan rela dan mereka pulang dengan tujuan untuk berkhidmat kepada negara.

Saya juga ingin mencadangkan kepada kerajaan agar apabila kita menumpukan usaha kita untuk menghasilkan pemegang-pemegang PhD ini, dalam pemilihan bidang-bidang itu mempunyai kelebihan tertentu. Sebagai contohnya, teknologi kelapa sawit yang kita banyak mengenai perkara ini dan juga perbankan produk-produk kewangan Islam.

Datuk Ismail Kasim [Arau]: Mohon laluan. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong. Apabila Yang Berhormat membangkitkan soal peluang-peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat PhD, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Sekarang ini terdapat satu trend baru yang mana tidak perlu pergi belajar

tetapi mendapat ijazah berkenaan dengan hanya perlu mengeluarkan sejumlah wang tertentu sahaja.

■1510

Ini pun berlaku di negara kita dan terdapat nama-nama *degree* yang dimiliki daripada universiti ternama, sama ada di luar negara yang saya lihat telah menjadi-jadi dalam pasaran sekarang.

Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat bagi membendung gejala ini supaya cerdik pandai yang kita harapkan untuk berkhidmat di universiti yang dapat mempamerkan soal kecemerlangan dalam akademik? Ini terutama dalam menyalurkan ilmu kepada para pelajar tetapi sebaliknya ada gejala-gejala ini berlaku dalam masyarakat. Bagaimana harus kerajaan membendung perkara ini? Apakah pandangan Yang Berhormat?

Dato' Noraini binti Ahmad [Parit Sulong]: Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Arau. Saya juga ada mendengar perkara yang sama. Jadinya saya berharap pihak kementerian dapat meneliti perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Arau. Ini kerana kita perlu untuk memastikan pensyarah-pensyarah ataupun kualiti pensyarah-pensyarah kita ini ia betul-betul elok - *genuine* dengan izin. Apabila mendapat sijil juga *genuine* agar kredibiliti mereka ini tidak dipandang rendah terutamanya oleh masyarakat antarabangsa. Terima kasih banyak saya ucapkan kepada Yang Berhormat Arau.

Saya sambung kepada ucapan saya tadi. Dengan yang demikian, kita secara langsung akan membina kepakaran kita juga dalam bidang-bidang yang saya nyatakan tadi seperti teknologi kelapa sawit dan perbankan produk-produk kewangan Islam. Dalam usaha ini untuk membina negara kita untuk menjadi hab pendidikan yang unggul dalam bidang-bidang yang tertentu yang boleh menarik minat pelajar-pelajar untuk belajar di negara kita. Kita juga harus menggalakkan penghasilan pemegang-pemegang ijazah PhD ini tanpa mengira faktor lain yang tidak berkaitan seperti faktor etnik, agama dan sebagainya. Mereka yang dibiayai untuk mencapai tahap PhD di bawah program *MyBrain15* seharusnya juga kita harapkan dapat berkhidmat dengan kerajaan agar ia menjadi penyumbang pada ekonomi kita ini agar ia terus berdaya saing.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyambung untuk bercakap mengenai PERMATA. Kita faham, kita akur anak-anak remaja serta belia hari ini adalah modal insan negara pada masa hadapan. Anak-anak pada hari ini menjadi belia dan orang dewasa 10 tahun ataupun 15 tahun akan datang. Sedikit demi sedikit mereka ini akan mengambil alih tampuk kepimpinan pada hampir semua peringkat termasuk kepimpinan negara. Di samping itu mereka juga akan menyumbangkan pada kemakmuran sosial, ekonomi dan juga budaya negara kita. Anak-anak pada hari inilah yang akan menjadi, akan membentuk wajah kepada negara kita di masa akan datang.

Jadinya justeru itulah amatlah penting untuk kita mempunyai satu bentuk pendidikan bagi melahirkan wajah negara di masa hadapan kita dimulai dengan anak-anak lagi. Untuk itu saya menyokong cadangan peruntukan sebanyak RM2 bilion bagi tahun 2010 sehingga tahun 2012 bagi program PERMATA Negara. Melalui program ini anak-anak yang berusia

satu tahun sehingga empat tahun diasuh dan dididik menggunakan konsep 'Belajar Sambil Bermain'. Kita pun ada satu Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan yang telah digubal dan diluluskan sebagai satu kurikulum dasar yang komprehensif dan bersepadu untuk Program Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak di Malaysia.

Saya hendak memberikan satu contoh PERMATA di Parlimen saya. Daripada maklum balas yang saya lihat, daripada pemerhatian saya sendiri selaku wakil rakyat di tempat saya. Saya selalu pergi ke PERMATA ini, pada setiap bulan saya akan singgah untuk melihat maklum balas daripada ibu bapa itu sendiri. Kita lihat anak-anak yang berusia dua tahun ini yang telah melalui program PERMATA ini - saya lihat dalam masa empat bulan sahaja sudah mampu untuk berkomunikasi dan boleh berfikir secara kreatif. Oleh kerana itulah saya ingin mencadangkan agar program ini dapat diperluaskan. Memang saya tahu bahawa program ini mahu diperluaskan di seluruh negara tetapi saya harap proses ia dikembangkan dapat dipercepatkan. Saya harap juga melalui satu lagi jalan iaitu diperluaskan melalui semua pusat pendidikan awal milik kerajaan itu sendiri.

Saya juga ingin mencadangkan bahawa Kurikulum Asuhan dan Didikan Awal Kanak-Kanak Kebangsaan ini kita jadikan sebagai asas kurikulum kepada semua taman asuhan dan pendidikan awal kanak-kanak kepunyaan swasta juga. Walaupun swasta mempunyai satu kurikulum yang sangat elok, tetapi memandangkan kita mempunyai satu kurikulum kebangsaan eloklah sekiranya ia dijadikan sebagai asas ataupun taska swasta itu bolehlah tokok tambah dengan kurikulum mereka yang sedia ada. *Insyah-Allah* saya percaya ia akan menjadi lebih efektif dan penuh dengan keseragaman untuk membantu anak-anak kita di bawah umur empat tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini adalah perkara terakhir yang saya hendak bawakan di dalam perbahasan ini. Dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, kerajaan ada memberikan tumpuan untuk menambah dan menaik taraf rangkaian jalan luar bandar. Sebanyak 6,312 kilometer jalan berturap akan dibina di Semenanjung Malaysia, 2,540 kilometer akan dibina di Sabah, 2,819 kilometer akan dibina di Sarawak menjelang Rancangan Malaysia Kesepuluh. Perkara ini sememangnya sangat penting untuk disegerakan kerana jalan raya ini merupakan satu kemudahan asas yang sangat penting terutamanya bagi penduduk luar bandar.

Jadinya, pertambahan jaringan luar bandar ini akan meningkatkan hubungan penduduk tempatan dengan penduduk di tempat lain. Secara tidak langsung juga ia akan meningkatkan ekonomi kawasan setempat. Jadi jaringan jalan luar bandar ini ataupun jalan raya ini juga sangat baik untuk memberikan peluang. Ini terutamanya kepada industri-industri kecil di luar bandar seperti di Parlimen Parit Sulong ini agar ia boleh berkembang, industri pelancongan dapat ditingkatkan lagi yang boleh dijadikan kawasan pelancongan. Akhirnya akan memberikan manfaat sepenuhnya kepada penduduk tempatan untuk meraih lebih banyak lagi wang hasil daripada pusat-pusat pelancongan ini.

Jadinya keadaan jalan raya yang sempurna ini juga sebenarnya berkait rapat dengan keselamatan pengguna jalan raya itu sendiri. Kalau jalan itu berlubang-lubang, selepas itu

kalau *side table* dengan izin - bahu jalan itu pula rendah, jalan itu pula sempit, sering kali terjadinya kemalangan. Kadang-kadang apabila Subuh ataupun sebelum Subuh hendak pergi sembahyang di masjid, tunggang motosikal selepas itu jatuh disebabkan *side table* itu yang terlampau rendah kalau kita bandingkan dengan jalan. Ada juga yang kehilangan nyawa dalam kalangan pengguna-pengguna jalan raya ini, terutamanya terjadi apa yang terjadi di Parlimen saya. Di samping itu, apabila lampunya pula - lampu jalan kampung ini pula tiada, ia akan menyebabkan pada kemalangan. Itu satu perkara.

Kedua, yang saya lihat banyak kejadian samun bersenjata di Parlimen Parit Sulong dan juga jenayah lain. Setiap minggu saya akan menerima SMS yang mengatakan bahawa ada sahaja penyamunnya, selepas itu dengan samun bersenjata, rompakan yang dibuat sebab itulah kerajaan seharusnya menitikberatkan masalah-masalah. Ini kemudahan asas agar perkara ini dapat diatasi dengan segera.

Jadinya, saya harap dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini akan mengambil isu-isu pokok seperti kemudahan asas terutamanya di Parlimen Parit Sulong ini. Seperti yang saya nyatakan tadi, langkah kerajaan dalam memastikan program pembangunan infrastruktur luar bandar ini kalau ia dapat dilaksanakan, saya percaya ia akan dilaksanakan memberikan satu kesan dan impak yang sangat positif terutamanya kepada kami yang berada di luar bandar. Dalam hal ini apa yang paling penting adalah rakyat akan merasa puas hati kerana segala sistem perkhidmatan yang sedia ada ini, kalau kita kurangkan proses birokrasi, dapat disegerakan supaya rakyat tidak perlu menunggu terlampau lama untuk mendapatkan kemudahan asas di luar bandar ini. Tuan Yang di-Pertua, apa yang saya bawakan pada petang ini saya harap dapat diberikan perhatian oleh kementerian-kementerian yang berkenaan. Dengan itu, saya menyokong sepenuhnya RMKe-10 ini.

■1520

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, memandangkan lebih ramai lagi ingin bercakap, saya minta persetujuan sama ada kita hadkan lagi masa kepada 15 minit ataupun 10 minit. Kalau 10 minit, semua dapat bercakap, bermakna hari ini sampai esok. Hari ini sampai esok, bermakna semua dapat cakap kalau 10 minit, jikalau 15 minit ada empat atau lima orang tidak bercakap. Jadi untuk seadil-adilnya semua orang bercakaplah pada hari ini.

Okey, sila Yang Berhormat Ampang, 10 minit. Semua 10 minit, bermula daripada Yang Berhormat Ampang, 10 minit. Saya tahu siapa yang boleh bercakap 15 minit.

5.21 ptg.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Hari ini sampai pukul 7.00, tiga jam, tiga jam boleh 12 orang Tuan Yang di-Pertua. Boleh insya-Allah, okey *start* ya.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Melawan pula.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *Bismillahir rahmanir rahim*. Terima kasih, terima kasih Tuan Yang di-Pertua memberi saya peluang untuk berbahas dalam RMKe-10 ini ya. Saya juga ingin memulakan ucapan saya dengan bertanyakan bagaimana Tuan Yang di-Pertua, di sini apakah tahap pencapaian kita dalam RMKe-9 yang bertempoh

dari tahun 2006 hingga 2010. Dalam tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan, ketirisan sebanyak RM28 bilion telah dilaporkan pada tahun 2008 dan kita tidak tahu apa akan terjadi apabila laporan 2009 akan dibentangkan, maka saya rasa kebocoran yang lebih besar akan menggemparkan kita dalam Dewan ini.

Jadi apakah prestasi yang sama akan berulang dan tiada siapa yang dipertanggungjawabkan terhadap pecah amanah ini, di mana KPI dan di mana nilai integriti yang kononnya Perdana Menteri berucap dalam RMKe-10 yang hendak menjadikan tianglah, lantailah, dindinglah, ataplah, rumah 1Malaysia kalau tidak ada integriti dalam membelanjakan wang rakyat. Wang sejumlah yang besar ini tidak patut bolos dan sepatutnya dimanfaatkan untuk meningkatkan pertumbuhan negara dan mutu kehidupan rakyat. Maka tidak lenganglah Yang Berhormat Lenggong merengek-rengok tadi, jalanlah, banjirlah tempat dia. Yang Berhormat Simpang Renggam pula lagi cakap balai polislah, bombalah, Yang Berhormat Parit Sulung sebut tentang sekolahlah.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Itu jaga kawasan, Yang Berhormat Ampang mana ada jaga kawasan dia.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Jadi sekiranya kalau tidak ada kebolosan ini, insya-Allah perkara-perkara ini akan dapat lebih memuaskan Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang bukan jaga kawasan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Kerajaan memerintah mempunyai kuasa yang tidak ada pada kami. Pakatan Rakyat bukan pemerintah, yang berkuasa adalah Kerajaan Barisan Nasional UMNO yang menggunakan hasil negara dan cukai rakyat, maka janganlah hendak tanya soalan bodoh kepada kami, mengapa pembangkang tidak buat itu dan buat ini. Kerajaan Barisan Nasional UMNO yang menguruskan wang rakyat untuk pembangunan negara dan sebagainya. Maka kami bagi pihak rakyat Malaysia berhak bertanya kepada Kerajaan Barisan Nasional UMNO bagaimana wang rakyat dan harta negara diurus tadbir.

Rancangan demi rancangan sampailah Rancangan Malaysia Kesepuluh belum pernah kita mengalami belanjawan tahunan RMK yang efisien, yang kita asyik dengar defisit, defisit, defisit. Kadangkala defisit melebihi peruntukan asal.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang bagi laluan Yang Berhormat Ampang.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Cabaran utama ekonomi sebuah negara...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Bagilah sedikit.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Nantilah, kalau dapat 20 minit, beri you dua minit. Duduk dulu.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Aлах, takut. Hendak tanya di Selangor dan Pulau Pinang, buat apa. Duit rakyat juga.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Cabaran utama ekonomi sesebuah negara yang menjamin pertumbuhan yang mampan, hanya dengan pertumbuhan sesuatu ekonomi dapat menyediakan pekerjaan yang secukupnya. Saya ingin bertanya, berapa banyak kah jumlah pekerjaan yang bakal diwujudkan dalam RMKe-10 ini. Ekonomi itu perlu hidup apabila rakyatnya tekun dan giat bekerja menjalankan tanggungjawab, bukan setakat menyara sahaja tetapi giat untuk memperbaiki hidup mutu kualiti mereka.

Teras dua yang Perdana Menteri bantangkan iaitu mewujudkan persekitaran kondusif bagi menggerakkan pertumbuhan ekonomi. Negara-negara maju dunia berusaha merencanakan lagi pertumbuhan ekonomi dengan mencari penyumbang bakat-bakat baru seperti wanita. Perdana Menteri APCO yang melantik APCO menjadi penasihat kempen 1Malaysia telah gagal untuk menunjukkan tahap kebijaksanaan kepimpinan beliau dalam pembentangan mengenai teras kedua ini. Di mana pandangan jauh beliau tentang betapa pentingnya untuk mengangkat teras Strategi Ekonomi Hawa iaitu *female economy*? Tidak langsung disebutkan, diabaikan.

Mengikut *Harvard Business Review*, ekonomi hawa ataupun *female economy* ini semakin berkembang, perbelanjaan wanita mewakili pertumbuhan ekonomi yang tinggi melebihi jumlah pertumbuhan negara China dan India. Walaupun pertumbuhan ekonomi oleh wanita ini boleh menggegarkan dunia, namun dalam RMKe-10, Perdana Menteri APCO ini masih lagi menggunakan perumpamaan lama mengenai wanita di tahap setakat mengayun buai sahaja. Sampai bila kita hendak dengar pepatah lama ini?

Perdana Menteri langsung tidak mengenal pasti potensi keajaiban Ekonomi Hawa yang boleh meningkatkan ekonomi sesebuah negara. Wanita merupakan hampir separuh daripada penduduk rakyat Malaysia, wanita juga adalah perutusan utama dalam urusan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di Kelantan ada kah Exco Wanita? Ada? Tidak ada!

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang tidak dengarkah? Kementerian Pembangunan Wanita buat macam-macam untuk wanita. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, duduk ahli Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cakap tidak betullah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Kenapa *excited*. [*Dewan riuh*]

Tuan Yang di-Pertua: Ahli Yang Berhormat, Yang Berhormat Kinabatangan... [*Dewan riuh*] Jangan membazirkan masa ahli Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Itulah kahwin saja tahu tetapi tidak tahu ada *female economy*.

Tuan Yang di-Pertua: Sila-sila, Yang Berhormat Ampang sila.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Di Kelantan tidak ada pun Exco Wanita.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tidak apa. Okey menyebut statistik...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Presiden wanita pun tidak ada, Ketua Umum sahaja yang ada.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, mengikut statistik jumlah graduan wanita makin meningkat malah lebih lagi daripada lelaki, golongan muda ini harus...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Presiden sahaja wanita tetapi tidak ada kuasa.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...dimanfaatkan dengan satu pendekatan yang lebih kreatif dan progresif agar mereka dapat berperanan dalam pertumbuhan ekonomi negara tanpa menjejaskan hidup kekurangan mereka. Sektor *reproductive work* yang terpaksa dipikul oleh wanita iaitu pekerjaan seperti mengandung, melahirkan, menyusukan perlu diiktiraf dan diambil kira dalam mengukur pertumbuhan ekonomi negara. Ketidapekaan terhadap isu tersebut akan memincangkan hasrat Kerajaan Barisan Nasional UMNO untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi dan negara maju.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini ucapan Tuan Yang di-Pertua, sedap hati sahaja, tidak ada realiti.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Mimpilah 1Malaysia, mimpilah 1Malaysia.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: PKR presiden wanita tidak ada kuasa pun.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Cakap tidak serupa bikin.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Mimpilah sudah, mimpi dulu, mimpi dulu.

RMKe-10 adalah RMK retorik Perdana Menteri, Model Ekonomi Baru juga retorik, retorik malah telah menjiplak agenda ekonomi Malaysia Pakatan Rakyat. [*Dewan riuh*] Kalau hendak jiplak, jiplaklah dengan bijak, janganlah hendak ikut kita sahaja.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Siapa jiplak siapa?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: RMK retorik 1Malaysia. Isu wanita masih lagi tidak mampu dikendalikan, kes penganiayaan wanita Penan, *gender budgeting*, *gender mainstreaming*, pelaksanaan 30%, pelaksanaan undang-undang syariah, diskriminasi gender masih lagi tidak mampu, 90 hari cuti bersalin pun tidak boleh buat keputusan, apa Kerajaan Barisan Nasional ini. Semalam 50 tahun merdeka...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang ada ketua umumnya kuasa, presiden tidak ada kuasa.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang] ...Isu cuti bersalin masih lagi ditangguh-tangguh, masih lagi berdolak-dalik, ini hendak kata perjuangan orang perempuan, tidak payahlah tukar sahaja kerajaan lagi senang. [*Dewan riuh*]

Ternyata Perdana Menteri gagal menunjukkan sifat prihatin terhadap pembangunan wanita Malaysia. Perdana Menteri hanya tertumpu kepada seorang perempuan yang digelar *first lady*, 1Malaysia 1Lady. Menyentuh tentang *first lady*, saya hendak tanya di manakah

wang yang dia dapat untuk diiklankan dalam *New York Times* dan kita telah menerima beberapa versi mengenai isu iklan *New York Times* ini. Jadi kita minta penjelasan agar tidak menjadi fitnah kepada wanita di Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, Program PERMATA, Yang Berhormat Parit Sulung menyebut tadi memang mengalu-alukan program PERMATA, memang ia kita alu-alukan tetapi kenapa tidak PERMATA ini diserapkan dengan program Kemas yang sedia ada, seolah-olah ada satu agenda yang terselindung untuk mengangkat seseorang itu agar wang itu boleh dibelanja dan digunakan untuk cara-cara lain.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Dengki lah itu, dengki.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Jadi kalaulah PERMATA ini diberikan RM36 juta dalam RMKe-10 ini, isu penarikan peruntukan makanan untuk pelajar asrama di pada hujung minggu di Sekolah Kebangsaan Lambir Baram Sarawak masih belum selesai sedangkan saya sudah angkat isu ini dan menteri telah jawab di sesi penggulangan yang lepas bahawa beliau akan menyiasat dan meneliti perkara ini. Limbang minggu lepas sebut lagi perkara ini, ini menunjukkan cakap tidak serupa bikin Malaysia, 1Malaysia ini.

Datuk Abd. Rahman Dahlan[Kota Belud]: Apa marah-marah ini?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Yang Berhormat Kota Belud, jangan marah, duduk diam-diam. Meneruskan dasar sosial orang asal, di sini ada orang asal dalam kawasan Kota Belud, dengar betul-betul.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Perjuangkanlah kuasa presiden itu.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Menyentuh nasib asal kaum orang Penan, kaum orang asal dan juga orang asal seluruh negara, saya merasa terkejut bila Perdana Menteri sendiri mengakui dalam ucapan beliau bahawa selama 52 tahun memerintah, di mana orang asal masih hidup terpinggir dalam keadaan tanpa bekalan air, elektrik dan kemudahan-kemudahan asas yang lain.

■ 1530

Nasib mereka juga seperti sudah jatuh ditimpa tangga apabila tanah adat mereka juga dirampas oleh Kerajaan BN/UMNO. Mengikut Teras 3.2 di bawah tajuk Meneruskan Dasar Keadilan Sosial, berani kah kerajaan BN/UMNO menunjukkan kesungguhan dengan memenuhi tuntutan masyarakat Asal memprotes pada bulan Mac 2010 di Putrajaya. Ini termasuk Kampung Reko, Perdut, Panderas dan tujuh lagi penduduk Asal di Pahang, Kuala Krau dengar ya ini kawasan Kuala Krau di mana mereka meminta agar suara mereka dibawa ke dalam Dewan yang mulia ini. Pembinaan empangan Bakun juga telah menjejaskan dan memberi impak negatif ke atas kehidupan orang asal. Tempat tinggal mereka, sumber rezeki mereka dan kehidupan mereka tetapi lebih daripada itu sebagai nilai kebudayaan dan sosial masyarakat asal dianggap lebih penting...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta laluan?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tidak payah - bahkan terus dimusnahkan...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Mana dia berani...

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Masyarakat orang asal bukan sahaja meminta kemajuan ekonomi...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kedekutlah Yang Berhormat.
[Menyampuk]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...seperti yang dijanjikan oleh Kerajaan BN/UMNO, tetapi juga kepuasan rohani yang mana mereka percaya terdapat dalam ekosistem hutan Bakun ini.

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang, minta laluan sedikit?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Maknanya apabila penempatan semula telah dilaksanakan, Orang Asal mengalami kesulitan...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang berilah laluan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...dengan memaksimumkan kebajikan sosial masyarakatnya kerana hilangnya...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Ampang berilah laluan sedikit.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ...tanah asal mereka. Justeru sanggup kah Kerajaan BN/UMNO mengembalikan maruah dan hak kehidupan Orang Asal ini Yang Berhormat Lenggong? BN/UMNO berani mengaku salah tidak?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua peraturan mesyuarat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tidak payahlah. Simpan semua peraturan mesyuarat itu semuanya salah itu tidak betul.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua peraturan mesyuarat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, T.S 5.1 memastikan kualiti hidup yang tinggi di kawasan bandar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua peraturan mesyuarat.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Ampang duduk dahulu. Peraturan mesyuarat daripada Yang Berhormat Kinabatangan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tolong baca, kalau salah kita ambil tindakan terhadap dia.

Datuk Bung Moktar Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, 35(1). Setiap yang berdiri berhujah kena menghadap kepada Speaker. Dia balik-balik mengundang menghadap kita tetapi tidak juga bagi?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Itu perkara kecil, takut saya tengok awak, saya tengok sana.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini melanggar Peraturan Mesyuarat 35(1). Mesti hujah menghadap kepada Tuan Yang di-Pertua. Jangan sini, menghadap sana.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tidak mengapa. Sekarang saya tengok Tuan Yang di-Pertua, saya tidak tengok Yang Berhormat Kinabatangan. Tidak mengapa Yang Berhormat saya tidak tengok lagi sudah.

Tuan Yang di-Pertua: Sila teruskan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Sensitif pula. Tuan Yang di-Pertua kena letak dinding di sini lain kali. Okey, menyentuh tentang Teras Strategik 5.1 “Memastikan kualiti hidup yang tinggi di kawasan bandar”. Jangan terasa. Kenapa terasa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tidak payah terasa, *relax*lah.

Seorang Ahli: Diamlah Yang Berhormat Kinabatangan *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, tidak tahu mengapa dia terasa sangat. Okey. Tuan Yang di-Pertua tengok *relax* tidak terasa sangat.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, teruskan.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Sebab dia tidak ada perasaan *[Menyampuk]*

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Menurut... *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Kinabatangan sebut Tuan Yang di-Pertua tidak ada perasaan *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Perasaan saya lain perasaan *[Ketawa]* Walaupun menghadap kepada Yang Berhormat Kinabatangan seolah-olah menghadap juga kepada saya. Jadi, berbeza perasaan itu. Sila teruskan.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey, saya hendak memastikan kualiti hidup yang tinggi di kawasan bandar iaitu masyarakat yang berisiko. Menurut ‘Orrick Bague’ seorang ahli sosiologi Jerman. Masyarakat berisiko terbentuk hasil daripada proses ketidaktentuan dalam arus modenisasi di mana yang dihadapi oleh mereka yang duduk di bandar.

Masyarakat Malaysia juga tidak terpinggir daripada mengalami fenomena ini. Sektor buruh yang menjadi pemangkin kepada pertumbuhan ekonomi semakin memperlihatkan satu proses perubahan daripada masyarakat penyayang kepada masyarakat yang tidak adil dan berisiko tinggi.

Pada tahun 2009, masyarakat berisiko Malaysia ini ada sebanyak 40% daripada kumpulan isi rumah yang berpendapatan RM2,300 dan dalam 40% ini puratanya pendapatan mereka adalah RM1,440. Ini merupakan angka yang besar dan membimbangkan. Sekiranya keadaan ini tidak berubah maka terdapat potensi kumpulan masyarakat yang mewakili 40%

ini akan mengembang kepada angka yang lebih besar. Kerajaan BN/UMNO harus memberi perhatian terhadap perancangan pembangunan masyarakat berisiko ini agar dapat mengeluarkan mereka dan kitaran kemiskinan dengan meningkatkan pendapatan mereka. Satu keluarga yang berpendapatan RM1,500 sebulan mempunyai seorang anak yang tinggal di Kuala Lumpur dengan bil bulanan kenderaan, sewa rumah, bil air dan elektrik hampir mencecah RM1,000 ataupun lebih. Bagaimana mereka hendak menjalankan hidup di bandar Tuan Yang di-Pertua?

Dengan kadar modenisasi yang semakin meningkat di Malaysia, di mana 67% adalah penduduk di kawasan bandar, kerajaan harus meneliti kumpulan masyarakat ini agar permasalahan kemiskinan bandar dapat diatasi. Ini kerana pada 2009 daripada 67% penduduk bandar 51% adalah isi rumah yang berpendapatan RM1,440 dan Bumiputera merupakan 59%, masyarakat Tionghoa 29%, dan India 11%.

Tuan Yang di-Pertua: Seminit lagi Yang Berhormat.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Dengan keadaan yang sedemikian, Kerajaan Barisan Nasional/UMNO harus mengubah cara merancang ekonomi dalam negara ini. Satu sistem ekonomi manusiawi harus diterapkan dalam pembentangan ini yang mana ambil kira tentang kebajikan rakyat bukan sekadar untuk memonopoli dengan menindas dan memikirkan hendak buat bangunan-bangunan yang besar dan mengaut keuntungan untuk kroni-kroni dan saudara mara. Ini harus diberi perhatian.

Huang Hai Shih' reformis besar China berkata bawah dua sumber yang paling terbesar tentang rasuah adalah bila ada manusia yang durjana dan pelaksana undang-undang yang lemah dalam usaha-usaha membanteras rasuah. Jadi, kita harap Kerajaan Barisan Nasional/UMNO harus mengambil tindakan yang tegas terhadap kes-kes rasuah...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Terutamanya isu pasir [*Menyampuk*]

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: ... yang melibatkan ikan-ikan jerung dan ikan-ikan paus yang berada dalam negara kita. Ekonomi manusiawi ini penting untuk memberikan keseimbangan dan kesaksamaan dengan memberi seseorang haknya dan dibimbing oleh prinsip akhlak dan semangat ihsan.

Tuan Yang di-Pertua, dalam keghairahan merencanakan ekonomi negara, pada dasarnya prinsip ekonomi tidak menghalalkan judi dan apa bentuk sekalipun adalah haram daripada perspektif Islam apatah lagi Malaysia mengakui bahawa negara ini adalah negara Islam. Sebagai seorang Islam saya berasa amat terhina apabila ungkapan perkataan halal dikaitkan dengan judi sehinggakan menjadi ungkapan biasa yang kita dengar kerajaan pimpinan UMNO menghalalkan judi bola. Ini yang saya hendak sebut tentang Yang Berhormat Kota Belud tempoh hari, tetapi dia tidak beri saya laluan. Di sini timbul percanggahan di antara halal dan haram dan menyentuh soal hukum Islam.

Jadi, saya minta Menteri agama agar mencari perkataan yang lebih sesuai untuk menggantikan ungkapan halal dalam meluluskan judi. Ungkapan ini sememangnya boleh memesongkan umat Islam terutamanya di kalangan generasi muda. Saya juga minta Menteri agama bersikap berani dan tidak seperti ulama bisu yang tidak berani menegur dan

membetulkan perkara yang haram sehinggakan membatalkan sidang media beliau untuk menyatakan pendirian beliau dalam isu ini.

Tuan Yang di-Pertua: Panjang lagi Yang Berhormat?

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: *Last* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Jikalau panjang lagi nanti kalau Yang Berhormat Batu berucap kita terpaksa Yang Berhormat Batu beri lima minit sahaja.

Puan Hajah Zuraida Kamaruddin [Ampang]: Okey, dan mengecewakan juga Tuan Yang di-Pertua apabila BN tidak memberi penekanan tentang pentingnya peranan ilmu agama dan iman dalam menjayakan RMKe-10.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengakhiri ucapan saya, saya tidak mahu kita lihat lima tahun lagi berlalu, RM230 bilion pergi begitu sahaja tanpa ada peningkatan yang nyata bagi kehidupan rakyat jelata. Hari ini sepatutnya lebih baik daripada semalam dan esok sepatutnya lebih baik daripada hari ini. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon agar cadangan kami daripada Pakatan Rakyat diambil kira dalam penggulungan RMKe-10. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Yang Berhormat Silam.

3.38 ptg.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Sepuluh minit sahaja Yang Berhormat Silam.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *Insyah-Allah*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya untuk turut sama bagi membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang telah dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 hari bulan Jun yang lepas.

Apabila kita melihat tentang fakta-fakta dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang memperuntukkan sejumlah RM230 bilion bagi perbelanjaan pembangunan bagi tempoh lima tahun tersebut dengan menekankan kepada 55% agihan untuk sektor ekonomi, 30% kepada sektor sosial dan 10% kepada sektor keselamatan dan 5% untuk pentadbiran am.

Sukacita dimaklumkan Tuan Yang di-Pertua, sesungguhnya kerangka kerja yang telah dibuat oleh pemimpin negara kita selama ini jelas membuktikan bagaimana prihatinnya kerajaan dan sangat bertanggungjawab dalam membina sebuah negara bangsa yang akan menjurus kepada sebuah negara maju menjelang tahun 2020. Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, saya terlebih dahulu ingin membawa beberapa perkara dalam isu yang berhubung kait dengan kawasan saya sendiri.

■1540

Apabila kita melihat tentang Rancangan Malaysia Kesepuluh ini Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga menekankan iaitu beberapa NKEA yang akan dimasukkan terutamanya dalam sektor pelancongan. Kita menyedari potensi pelancongan di negara kita memang sangat besar dan perlu diambil perhatian terutamanya sesuai dengan kehendak dan tuntutan semasa bagaimana sesebuah negara yang akan menuju negara maju perlu memperbagaikan aktiviti ekonomi bagi membolehkan rakyat di dalam sesebuah negara khususnya negara kita ini melibatkan diri dalam aktiviti ekonomi yang mereka minati sendiri.

Potensi industri pelancongan ini jelas membuktikan mendatangkan hasil kepada negara kita apabila dalam tahun 2009 yang lepas seramai 23.6 juta pelancong asing telah datang ke negara kita dan telah menyumbang pendapatan sebanyak RM53.4 bilion. Sesungguhnya apabila kita melihat angka-angka ini di masa akan datang ia akan meningkat. Ini kerana dari segi sumbangannya kepada GDP negara kita dalam 2015 apabila ruang udara dibuka kepada semua negara di Asia ini dan di sinilah kita melihat.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya memberi fokus utama terutamanya ke negeri Sabah dan secara khususnya dalam sektor pelancongan ini dengan memberi tumpuan kepada kawasan-kawasan yang belum lagi dieksplotasi dari segi peluang-peluang dan saya memang menyokong juga kenyataan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri semalam apabila industri pelancongan ini diperluaskan, maka kita perlu satu kerangka kerja dan perancangan teratur daripada pihak kementerian dengan memberi penumpuan kepada kemudahan-kemudahan asas yang perlu diperbaiki oleh kerajaan.

Pada masa yang sama, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya kurikulum industri pelancongan terutamanya kepada pengusaha-pengusaha pelancongan yang membawa pelancong ke negara kita ini supaya mereka faham tentang sejarah dan latar belakang negara kita. Ia sebagai suatu *niche* nanti dengan izin, iaitu kelainan yang boleh menarik pelancongan itu datang ke negara kita. Di samping itu juga apabila ada kelainan-kelainan ini wujud di kawasan-kawasan kita sudah tentu ini akan menarik semula pelancong itu agar datang ke negara kita sendiri. Sebagai contohnya kalau dalam hitung panjangnya di kawasan Parlimen Silam. Orang yang berkunjung ke Daerah Lahat Datu lebih kurang 10,000 hingga 15,000 orang tanpa kita sedari.

Mereka ini apabila saya berjumpa, mereka maklumkan kepada saya faktor kenapa mereka suka berulang kembali melawat ke Daerah Lahat Datu dalam Parlimen Silam oleh sebab di sana ada Lembah Danum, *Wildlife* Tabin, dan banyak lagi tempat-tempat menarik yang perlu diambil perhatian oleh pihak kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini.

Peruntukan untuk negeri Sabah ini kita dapati lebih kurang RM57.95 juta dalam Rancangan Malaysia Kesembilan yang lepas. Saya mencadangkan supaya peruntukan ini dapat ditambah kerana dari segi geografi yang begitu besar di negeri Sabah mungkin tidak menampung dari segi peruntukan yang telah dibuat dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, saya berharap supaya sektor pelancongan ini lebih secara terfokus ditekankan kepada ekopelancongan dan saya menyokong tindakan kerajaan yang telah mengambil inisiatif melawat negara China baru-baru ini untuk membuat kerjasama. Ini sudah tentu boleh membantu dari segi perkembangan industri pelancongan ini. Kita berharap ia akan membuka ruang dan peluang pekerjaan kepada sektor luar bandar terutamanya.

Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati, selain daripada itu apabila kita melihat perkembangan ekonomi ini juga saya ingin hubung kait dari segi pembangunan koridor yang ditekankan juga dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Memang saya menyokong kerana tempat saya pun terlibat dalam pembangunan Sabah *Development Corridor* (SDC) ini yang

dirancang oleh kerajaan negeri. Namun, yang jelas di sini saya dapati setelah beberapa tahun SDC ini terutamanya POIC di kawasan Lahad Datu dalam Parlimen Silam dari segi jumlah pelaburan yang dianggarkan, yang berminat melabur di kawasan POIC berjumlah lebih kurang RM20 bilion hasil daripada maklumat dari kerajaan negeri. Namun, yang telah melaksanakan ataupun telah datang melabur di POIC itu masih lagi di bawah angka sepuluh.

Jadi, saya berharap supaya Kerajaan Persekutuan mendapat kerjasama dengan kerajaan negeri untuk menstrukturkan dari segi peluang ekonomi apa yang terbaik yang sesuai dibangunkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Ini kerana kita mahu lihat pembangunan koridor ini lebih menguntungkan seperti yang ditekankan oleh kerajaan, menguntungkan rakyat daripada kita hanya menyuarakan perancangan-perancangan yang berbentuk retorik, tetapi dari segi praktikalnya belum lagi dapat dilaksanakan dengan sebaik dan sewajarnya. Jadi, kita tidak mahu nanti di masa akan datang peluang ini tidak dapat dikecapi ataupun tidak dapat dipotensinya ataupun perbelanjaan yang telah dibelanjakan oleh kerajaan itu tidak akan dapat diambil kembali.

Tuan Yang di-Pertua, saya berharap juga supaya pendekatan untuk pembangunan koridor ini, apabila pembangunan koridor dibangunkan di kawasan yang telah dirancang oleh kerajaan negeri dan Kerajaan Persekutuan terutamanya di kawasan Pantai Timur Sabah, masalah-masalah dan kekangan yang saya nampak kenapa pihak pelabur tidak begitu berminat untuk melabur di kawasan tersebut ialah kerana kemudahan infrastruktur yang belum lagi sampai ke tahap yang mereka perlukan.

Saya ingin mencadangkan supaya pihak *Economic Planning Unit* (EPU) di Jabatan Perdana Menteri membuat kajian secara segera. Saya berharap pembinaan lapangan terbang baru di Lahad Datu supaya dapat disegerakan kerana dia akan boleh *spillover economic activity in the southern part of Sabah*. Ini boleh menyumbangkan kepada perkembangan dan mempercepatkan lagi dari segi pertumbuhan ekonomi...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Beri laluan.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Masa sepuluh minit sahaja. Saya rasa...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Membantu...

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Yang Berhormat Putatan sudah berucap minggu lepas.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Bukan. Ia membantu Tuan Yang di-Pertua...

[*Dewan riuh*]

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Setengah minit atau satu minit.

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Okey. Terima kasih. Satu minit itu cukup dan memadai. Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dan terpanggil dengan hujah Yang Berhormat Silam soal memperkasakan dan memperhebatkan kawasan Silam. Yang Berhormat menyentuh soal ekosistem, pelancongan, dan POIC untuk meningkatkan ekonomi di kawasan Silam termasuklah penyediaan dan perwujudan pekerjaan. Itu amat digalakkanlah. Akan tetapi Yang Berhormat mungkin terlupa soal pembangunan yang agak terbesar di kawasan Lahad Datu iaitu *coal-fired plant* yang mungkin membantu dan akan menjana

ekonomi terutama sekali perwujudan POIC. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa industri rumput rampai ini amat penting juga untuk pendapatan orang-orang nelayan di Lahad Datu? [Dewan riuh] Adakah Yang Berhormat sedar bahawa perwujudan *coal-fired plant* ini akan mencemar perairan di Darvel Bay ini?

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih.

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: [Menyampuk]

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Yang Berhormat Kota Melaka tidak ada kena-mengena dengan Yang Berhormat Silam.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Sabar, sabar dan jangan marah Yang Berhormat Putatan. Sudah diberi ruang oleh Yang Berhormat Silam. Apabila kita sebut tentang pembangunan koridor kemudian *airport* dibina di sana sudah tentu dia akan memberi ruang dan peluang. Kita tahu selain daripada POIC, FELDA telah pun wujud di kawasan Parlimen Silam terutamanya di kawasan DUN Tungkun dan ia dekat dengan Sinakot di mana *coal-fired plant* yang akan dibina. Jikalau kita *jump to conclusions* dengan izin, saya rasa Yang Berhormat Putatan sekarang Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air telah pun membuat lawatan bulan lepas ke kawasan saya. Sekarang ini mereka sedang membuat kajian dan kita tidak boleh mengatakan mungkin oleh sebab fobia, kerisauan, dan ketakutan kita. Saya pun akan menentang jika sekiranya ia boleh menjejaskan dari segi ekosistem dan boleh menjejaskan *human being* punya *concern* ya, Yang Berhormat Putatan.

Di sini, kita perlu hubung kaitkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini apabila Perdana Menteri kita sendiri menghadiri persidangan di Copenhagan tentang alam sekitar dan Kerajaan Malaysia juga telah bersetuju untuk mengurangkan penggunaan karbon dioksida iaitu sekadar 40%.

■ 1550

Di sini juga saya ingin bertanya kepada pihak kerajaan dari segi sebelum kita membuat keputusan mutlak tentang pelaksanaan IPP iaitu *Independent Power Plant*, dengan izin, di kawasan saya di Tungkun dalam Parlimen Silam ini. Saya berharap supaya data-data yang diberikan kepada saya dan kepada rakyat, kepada semua umum supaya tiada suatu kontroversi yang boleh mengundang – sebab kita tahu bahawa tenaga ini sangat diperlukan oleh negara kita sendiri bagi membolehkan pembangunan itu dapat dilaksanakan dengan baik.

Ini kerana kalau misalnya tenaga dan kemudahan-kemudahan lain tidak dapat kita perembangkan ataupun bina, sudah tentu juga dari segi pertumbuhan ekonomi, kita tidak boleh pelbagaikan sebab – misalnya saya ada hubung kait tentang...

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: [Bangun]

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Soalan apa Yang Berhormat Lipis?

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Minta setengah minit, setengah minit.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Sebab 10 minit. Lagi berapa minit Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Beri saya dua minit Tuan Yang di-Pertua. Saya gulung nanti.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Jadi, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dalam konteks ekonomi ini, pelbagai perkara boleh kita buat. Jadi, apa cadangan antara lain yang boleh diberikan oleh Yang Berhormat Silam kepada kerajaan untuk mempelbagaikan pertumbuhan ekonomi ini?

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih. Kalau dari segi sumber aktiviti ekonomi ini, kita memang negara Malaysia ini sebenarnya kita tidak boleh terlampau terhad dari segi apa yang kita usahakan. Seperti di kawasan Parlimen Silam, kita ada kelapa sawit, selepas itu kita ada juga hendak dikembangkan apabila *airport* ini berkembang kita ada ekopelancongan.

Selain daripada itu juga, dalam jangka masa panjang, yang boleh saya lihat dari segi pertumbuhan ekonomi ini ialah aktiviti seperti pewujudan kasino sebab sebagai sebuah negara demokrasi yang pelbagai kaum dan mungkin ada pihak-pihak tertentu yang kadang-kadang yang bukan beragama Islam itu, kadang-kadang dia boleh bercakap lebih Islam sebab mungkin dia melihat saya rasa – sekarang ini dia *more on mileage politic instead of* dia hendak membawa suatu pembangunan aktiviti ekonomi kepada negara kita sebab perlu kita akur dan terima bahawa kita ini pelbagai bangsa. Apabila kita pelbagai bangsa, memang kita tahu bahawa – sebagai contohnya judi, judi itu dalam masyarakat Islam memang tiada komprominya, memang haram. Akan tetapi kalau dari segi rumpun bangsa yang lain dan ada macam tadi pagi saya terdengar ada soalan yang dibangkitkan kesannya kepada belia.

Dalam hal ini sebenarnya kita melihat bagaimana pendidikan itu dapat kita terapkan, dapat kita perkenalkan. Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan di sini supaya kesedaran tentang apa-apa juga dasar ataupun perancangan yang akan dibuat oleh kerajaan dan kalau macam misalnya – takkanlah masyarakat Cina secara keseluruhannya menolak aktiviti judi itu sedangkan yang menolak sebenarnya ini yang kita berlatar belakangkan agama Islam. Akan tetapi, sebagai sebuah negara yang merdeka yang terdiri daripada latar belakangnya berbilang kaum ini, kita perlu - sensitivitiya itu. Misalnya di negeri Sabah, kalau ada yang terlibat dalam aktiviti Sport TOTO dan sebagainya, itu seperti suatu perkara yang biasa dan kadang-kadang ada yang seperti aktiviti *leisure* kepada mereka.

Akan tetapi, bagaimana – contohnya baru-baru ini di perlawanan antara Argentina Tuan Yang di-Pertua, yang *illegal gambling* itu sampai RM300 juta. Bayangkan kalau dari segi aktiviti pertumbuhan ekonomi negara kita, kalaulah kita menghalang aktiviti seumpama ini sehinggakan duit kita ini mengalir ke negara luar yang – kenapa kita tidak boleh mengambil contoh seperti di negara Filipina? Kalau mereka banyak tempat yang – sebelum saya menjadi Yang Berhormat, saya pernah melawat bagaimana tempat yang mereka majukan itu untuk supaya mata wang dari negara luar itu masuk ke negara Filipina sehingga pertumbuhan ekonomi itu boleh berkembang walaupun tidak sebaik negara kita.

Pada pandangan saya, aktiviti ekonomi macam yang saya bangkitkan yang lebih terfokus kepada arah ekonomi ini sebab ini yang boleh menjana. Percayalah Tuan Yang di-

Pertua dan kita di Dewan yang mulia ini Ahli-ahli Yang Berhormat yang saya hormati sekalian, kita...

Datuk Dr. Marcus Mojigoh [Putatan]: Soal kasino.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Maaf. Sudah *injury time* Yang Berhormat Putatan. Maaf, *injury time*. Nasib baik Tuan Yang di-Pertua tidak *stop* saya.

Tuan Yang di-Pertua: Ingat masa Yang Berhormat. Saya telah tetapkan masa 10 minit.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Tolong, tolong.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau lagi saya ingatkan kembali, saya suruh sahaja berhenti berucap.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *You kill my steam, how to...*

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Silam, seminit lagi? Sudah lebih tiga minit Yang Berhormat... [*Ketawa*]

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih di atas...

Tuan Yang di-Pertua: Kalau saya beri laluan lima minit, orang lain pun terpaksa saya beri laluan lima minit.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih di atas keprihatinan...

Tuan Yang di-Pertua: Tetapi kalau selalu pula saya menegur, bermakna masa habis juga.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: *Insya-Allah*.

Tuan Yang di-Pertua: Jadi, disiplinkan diri masing-masing.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Inilah Yang Berhormat Putatan, saya pun *stuck*...

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencelah itu fikirlah dahulu sebelum mencelah. Dia bukan ada masa sangat. Sila habiskan dalam setengah minit.

Tuan Haji Salleh Kalbi [Silam]: Terima kasih. Saya sebenarnya sebagai datang dari – kita tahu negeri yang sudah memahami konsep 1Malaysia ini lebih awal, lebih kurang – kita Sabah menerusi Malaysia 47 tahun. Apa-apa yang terbaik sama ada untuk kesejahteraan ekonomi negara kita dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini sama ada modal insannya, PERMATA Negeranya, apa juga yang digariskan di sini, sama-sama kita fikirkan sesuatu rumusan yang terbaik untuk kebaikan negara kita daripada kita memikirkan sesuatu yang menyebabkan terencat dari segi pembangunan dan disebabkan – kalau di zaman moden ini kita bertambah polarisasi lagi, tambah berpecah belah. Apa gunanya kita mendapat pendidikan yang terbaik dan apa gunanya kita di dalam Dewan yang mulia ini menghasilkan sesuatu yang terbaik untuk negara kita?

Tuan Yang di-Pertua, saya memohon menyokong cadangan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini untuk kebaikan negara kita semua. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih. Ahli Yang Berhormat, ini sebagai makluman. Di *House of Common*, apabila seseorang Ahli Parlimen berucap dan melebihi masa yang telah ditetapkan, lain kali kalau Ahli Yang Berhormat yang berkenaan berdiri, Speaker pura-pura tidak nampak, *he turn to blind eye just to remind that person, that* Ahli supaya *next time* dia

disiplin diri. *So next time*, kalau saya *turn to blind eye* kepada seseorang Ahli Yang Berhormat, jangan marah kepada saya. Sila Yang Berhormat Kepong, 10 minit.

3.57 ptg.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tuan Yang di-Pertua, saya mengambil bahagian di dalam perbincangan ini mengenai satu buku yang cantik, hijau bukan main dan mengandungi aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan pendapatan tinggi, keterangkuman dan kemampanan. Ia memang elok, cantik dan semua rakyat Malaysia pun berhasrat untuk mencapai satu tahap yang begitu tinggi. Akan tetapi Tuan Yang di-Pertua, "Siapa cerdik tinggi naik, siapa calak menang berhitung".... [Disampuk] Memang menang berhitung. Yes. Oleh sebab itulah saya...

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Yang Berhormat Kepong, masa sudah habis.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: ...Dengan ringkas akan bincangkan beberapa perkara. Pertama, kita memperuntukkan RM230 bilion untuk lima tahun tetapi kerana ini hanya dasar, tidak ada mengandungi apakah rancangan yang hendak kita buat, cuma dasar sahaja. Oleh sebab itulah kita tidak dapat membincangkan dengan teliti apakah akan kita capai. Akan tetapi dengan hasrat dan aspirasi ini, saya... [Disampuk] Tuan Yang di-Pertua, dia itu buang masa saya sahaja. Di sini saya hendak menekankan bahawa pada Rancangan Malaysia Kesembilan, kalau ikut kenyataan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, beliau kata di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan itu ada 3,737 projek tetapi di antara projek JKR itu ada 1,623 projek sudah gagal, *abandon* dan akan dihidupkan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Oleh sebab itulah kita tidak ada projek-projek di sini. Kita tidak tahulah apa yang ditinggalkan semasa Rancangan Malaysia Kesembilan dan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Boleh minta penjelasan?

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Sila. Teruskan Yang Berhormat Kepong.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Kalau tidak boleh, saya keluar Tuan Yang di-Pertua.

■1600

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Tidak boleh Tuan Yang di-Pertua. Minta maaf Yang Berhormat Kinabatangan, jangan buang masa di sini. Ada 3,737 projek yang dihubungkan oleh Menteri Kerja Raya dan di antaranya hanya ada lebih 1/3 yang gagal. Kita tidak mahu menyaksikan Rancangan Malaysia Kesepuluh mengalami masalah yang sama. Saya berharaplah sebelum bulan September pihak kerajaan akan mengumumkan jumlah bilangan projek yang dilaksanakan di dalam Rancangan Malaysia Kesembilan dan jumlah perbelanjaan yang dianggarkan pada asalnya dan perbelanjaan yang muktamad. Kita mesti minta pihak kerajaan.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar) **mempengerusikan Mesyuarat**]

Kedua, mengenai masalah perdagangan di Malaysia ini. Memang kita berharap pertumbuhan ekonomi akan mencapai 6% seperti yang dianggarkan. Walau bagaimanapun, saya hendak membangkitkan satu perkara iaitu mengenai status perdagangan dengan negara China. Negara China sudah menyertai WTO sembilan tahun. Dalam sembilan tahun ini ada lebih 30 negara yang mengiktiraf sebagai *market economy*. Ini termasuk UK dan pada akhir ini saya diberitahu Amerika Syarikat juga. Saya ingin tahu bagaimana pihak kerajaan Malaysia ini dari segi perdagangan dengan China dan status China di dalam WTO dan status *market economy* yang saya sebutkan tadi. Mesti ini satu perkara yang penting untuk negara kita kerana kita hendak mempertingkatkan perdagangan dan juga pelaburan daripada China.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai *pension* dan *gratuity*. Tahun ini di dalam buku belanjawan kita disebutkan RM10.8 bilion untuk *pension* dan *gratuity*. Pada tahun 2011 ada hampir RM13 bilion akan bayar *pension* kepada 559,165 pesara. Pada 2015, akan meningkat kepada RM15.5 bilion. Ini bermakna bilangan pesara akan bertambah dan peruntukan bajet itu, sekarang hendak sampai 10% bajet kita. Kalau bajet RM191 bilion untuk tahun ini dan bayaran *pension* dan *gratuity* akan meningkat sampai 10% daripada bajet kita.

Ini bermakna kita mesti ada rancangan untuk menangani masalah ini yang akan menjadi lebih serius. Saya diberitahu bahawa ada satu kajian cadangan dana pencen swasta. Kajian yang dibuat termasuklah Suruhanjaya Sekuriti dan dengan ini saya berharap kajian ini akan dapat diumumkan untuk rakyat Malaysia sebab kita hendak tahu apakah rancangan kerajaan untuk masalah *pension* di negara ini. Oleh kerana jumlah yang kita bayar itu sudah meningkat dan akan terus meningkat. Jadi ini merupakan satu faktor yang penting untuk negara kita.

Datuk Dr. Marcus Majigoh [Putatan]: Minta laluan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa sudah tidak ada lagi Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Saya tidak benarkan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Tidak, tidak itu. Memang semua penting Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sebab Yang Berhormat Putatan dia sudah pencen sudah. Saya pun tidak mahu bincang dengan dialah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Sila Yang Berhormat Kepong, ada dua minit Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Berapa minit?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Dua minit.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Dua minit lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Ini mengenai dengan secara ringkas, mengenai masalah pendidikan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Saya memang merasai bahawa banyak yang disebutkan dan semua itu cantik belaka. Apabila kita hendak melaksanakan itulah masalah. Misalnya dengan vokasional, pada tahun 2000 pihak kerajaan kata hendak tukar sekolah menengah vokasional kepada sekolah teknik dan sebagai. Dalam sepuluh tahun ini tidak capai kejayaan. Satu dekad kemudian hendak tukar balik sekolah teknik kepada sekolah vokasional sekarang. Disebutkan sekarang kita ada 60 dan akan menambahkan kepada 90 buah sekolah menengah vokasional. Di sini ada termasuklah peruntukan RM150 juta untuk 20,000 yang tercicir sekolah. Saya tidak tahulah apa akan dibuat dengan RM150 juta ini? Cuma saya hendak mengetahui bagaimana kita dapat meningkatkan itu pelajar-pelajar vokasional? Sekarang kita hanya ada 10% daripada jumlah pelajar yang menyertai sekolah vokasional.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Kalau kita banding dengan negara UK 50%, Perancis 60% dan lebih tinggi lagi di Finland, di Jerman, di Australia dan bagaimana kita boleh mencapai? Saya diberitahu bahawa pihak kerajaan hendak mencapai 20% pada 2015.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, masa sudah habis Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Masa sudah hendak tamat?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Bukan. Sudah tamat Yang Berhormat.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Sudah tamatkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Oleh sebab itulah akhir sekalilah saya berharap pihak kerajaan dapat memberitahu kepada Dewan yang mulai ini pada tahun 2011, berapa peratus pelajar termasuk kemudahan dan peralatan dan sebagainya akan diadakan? Tahun 2012, berapa pelajar akan ditambahkan, dan tahun 2013, 2014 dan 2015, berapa bilangan pelajar akan ditambah setiap tahun ini termasuklah kemudahan dan peralatan itu? Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Sri Aman.

4.07 ptg.

Tuan Masir Kujat [Sri Aman]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin juga turut serta dalam membahaskan usul RMKe-10 yang telah dibentangkan di Dewan yang mulia baru-baru ini oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita. Saya menyambut baik langkah-langkah yang telah digariskan bagi negara kita mencapai status negara maju menjelang tahun 2020. Tuan Yang di-Pertua, salah satu langkah atau isu yang dititikberatkan dalam RMKe-10 ini ialah mengenai dasar pembangunan modal insan. Di mana-mana negara

maju pada pendapat saya pembangunan modal insan ini memainkan peranan yang penting dan kritikal bagi kejayaan sesuatu negara.

Oleh yang demikian, saya amat bersetuju agar dasar ini perlu dilaksanakan dengan segera dan serta-merta, terutama sekali di peringkat akar umbi atau di kawasan pedalaman dengan penubuhan pendidikan pra-sekolah, tabika dan juga taska. Memang tidak dapat dinafikan bahawa kerajaan telah bercadang untuk membina sebuah pra-sekolah terutama sekali tabika ataupun taska kalau dapat di seluruh kampung atau rumah panjang di kawasan Parlimen terutama sekali di kawasan pedalaman seperti di Sri Aman. Saya juga amat mengalu-alukan langkah-langkah ini kerana di kawasan Parlimen saya kampung dan rumah panjang adalah berselerak ataupun bertaburan. Dengan ini saya memohon Kementerian Pelajaran mengikut apa yang dikehendaki oleh rakyat setempat, mengambil inisiatif untuk mengkaji perkara ini dengan mendalam.

Tuan Yang di-Pertua, selain pra-sekolah saya juga ingin mengesyorkan agar dibina lagi satu sekolah menengah kerajaan yang baru di kawasan Lachau atau Pantu di Sri Aman untuk menampung keperluan bertambahnya bilangan murid setiap tahun. SMK yang sedia ada seperti SMK Melugu dan juga SMK Balaringin dan SMK Semanggar pada masa ini amat sesak dipenuhi murid-murid selama setiap tahun yang semakin meningkat. Walaupun kerajaan bercadang menaik taraf sekolah tersebut, pada pendapat saya itu tidak mencukupi.

■1610

Jadi saya harap Kementerian Pelajaran dapat mengesyorkan ataupun menambah peruntukan kepada kawasan saya dalam RMKe-10 ini. Sebagai contoh saya ambil SMK Balai Ringin. Pada masa ini sekolah ini mempunyai murid asrama penuh seramai lebih kurang 2000 orang. Asrama yang ada dan juga bilik darjah amatlah tidak mencukupi. Jadi walaupun saya telah mengemukakan soalan lisan beberapa sesi yang lepas, jawapan yang saya terima bagi sekolah ini tidak berapa memuaskan hati. Walaupun demikian, saya harap Kementerian Pelajaran dapat mengkaji hal ini semula.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi keperluan bagi tujuan pembangunan modal insan di kawasan saya ialah mengenai penubuhan kolej komuniti. Kolej komuniti yang ada sekarang ialah di bahagian jiran saya iaitu di Betong dan saya pun difahamkan kolej komuniti ini sudah sesak. Saya memohon Kementerian Pengajian Tinggi untuk mengkaji dan menubuhkan satu lagi kolej komuniti di kawasan Sri Aman untuk menampung lepasan SPM, STPM di kawasan pedalaman seperti di Sri Aman.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi isu yang saya ingin ketengahkan ialah mengenai kesejahteraan rakyat atau program yang kerajaan anjurkan untuk kemudahan kesejahteraan rakyat pada umumnya di kawasan Sri Aman. Di bawah NKRA yang telah diluluskan, beberapa cadangan projek telah diluluskan seperti menaik taraf empat jalan batang utama di kawasan pedalaman atau kawasan Sri Aman dan juga projek pembekalan elektrik luar bandar melalui sistem grid. Bagi bekalan elektrik luar bandar pada setakat ini, kawasan saya hanya meliputi lebih kurang 60% sahaja yang telah menikmati kemudahan tersebut. Walaupun pada tahun ini ada beberapa kawasan yang telah diluluskan tetapi, masih lagi

banyak kampung-kampung yang belum menikmati kepuasan ini. Tuan Yang di-Pertua, seperti yang lazimnya, mereka yang jauh di kawasan pedalaman hanya menggunakan gen set sahaja untuk kemudahan elektrik.

Saya harap KKLW dapat menyalurkan lebih banyak peruntukan dalam RMKe-10 ini supaya bekalan elektrik secara 24 jam dapat dinikmati oleh ramai lagi penduduk di luar bandar, terutama sekali di kawasan Ulu Sebuyau ataupun Ulu Pantu. Tuan Yang di-Pertua, begitu juga dengan jalan luar bandar atau jalan kampung, banyak kawasan pedalaman masih lagi menggunakan jalan tanah merah atau batu kerikil. Ia hanya dapat dilalui oleh kenderaan pacuan empat roda sahaja. Ini amat menyukarkan penduduk luar bandar kerana mereka terpaksa menggunakan jalan tersebut untuk menghantar anak mereka ke sekolah dan juga memasarkan hasil-hasil tani mereka dari kampung.

Sebagai contoh di Pekan Kecil Pantu ini, sekarang sedang dibina Jambatan Sungai Strap yang menelan belanja lebih kurang RM20 juta sedang rancak dibina tetapi, jalan penghubung ke kampung seperti Kampung Sapak, Kampung Keranggas, Kampung Monggok Sawa dan – dari jumlah 30 kampung yang lain di kawasan ini, masih menggunakan jalan balak atau jalan tanah merah yang saya sebut tadi. Jadi saya amat berharap sekiranya Yang Berhormat Menteri KKLW dapat melawat ke kawasan ini dan kawasan pedalaman saya sekali lagi untuk meninjau keadaan ini dengan lebih dekat lagi. Seterusnya membuat pertimbangan peruntukan yang wajar untuk membina jalan baru atau menaikkan taraf jalan balak yang sedia ada. Bagi jalan-jalan yang lain, saya akan membuat cadangan dalam masa terdekat ini, terutama jalan yang berbahaya yang selalu melibatkan kemalangan yang membawa nyawa di kawasan Parlimen seperti apa yang telah saya kemukakan Soalan Lisan baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh mengenai pembinaan hospital di Sri Aman yang baru, saya difahamkan perkara ini telah pun lama di bincang dalam beberapa RMK yang lepas tetapi, sehingga kini belum dapat dilaksanakan kerana belum ada peruntukan pada RMK yang lepas. Pembinaan hospital baru ini harus diberikan keutamaan pada pendapat saya memandangkan hospital yang sedia ada sudah ketinggalan zaman dari segi kemudahan yang ada sekarang.

Pada sesi yang lepas, Kementerian Kesihatan telah pun berjanji untuk menambah bilangan mesin dialisis bagi pesakit buah pinggang atau penyakit kronik. Akan tetapi, saya difahamkan seorang doktor yang bertugas di sana, sehingga kini belum lagi disediakan ataupun belum lagi dihantar di Hospital Sri Aman seperti yang dijanjikan pada tahun lepas. Saya harap Kementerian Kesihatan terutama sekali Menteri dapat meneliti hal ini semula agar janji yang dibuat dapat ditunaikan. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua yang ingin saya sebut ialah mengenai projek bekalan air di Sri Aman. Banyak aduan telah diterima mengenai masalah air yang tidak mencukupi kerana masalah paip yang lama dan juga banyak yang telah bocor, begitu juga dengan kapasiti loji air yang sedia ada di Sri Aman untuk menampung kegunaan penduduk-penduduk yang kian meningkat.

Permintaan bekalan air bersih semakin bertambah dari penduduk pendalaman terutama sekali di kawasan Unduk, Batu Lintang kerana di sini kita telah mengadakan satu projek penanaman kelapa sawit secara komersial yang agak besar. Ini akan menyebabkan beberapa punca bekalan air secara graviti tercemar atau *gravity effect* dengan izin, dan tidak sesuai untuk diminum. Jadi saya menyeru kepada Kementerian Kerja Raya ataupun KKLW mengkaji masalah ini dan memasukkan dalam senarai *rolling plan* atau dalam RMKe-10 ini dan dimasukkan projek ke penambahbaikan bekalan air di Sri Aman. Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya menyokong, sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: Ya Yang Berhormat Parit Buntar.

4.16 ptg.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya turut sama ingin membahaskan RMKe-10. Saya dalam masa yang begitu singkat ini akan menyentuh soalan tentang bagaimanakah perancangan RMKe-10 ini mesti dipacu, bukan sekadar melihat tentang kepentingan duniawi semata-mata tetapi mestilah dengan satu asas bahawa tanggungjawab pemerintah bagi memastikan bahawa negara itu mestilah ditadbir, pertamanya dengan amanah, kerana dengan setiap kekayaan yang diberikan oleh Allah kepada mana-mana pemerintah mestilah pemerintah tersebut laksanakan tugas itu dengan penuh rasa bahawa semua yang mereka lakukan itu akan dipersoalkan nanti di hadapan Allah pada hari akhirat.

Begitu juga dalam soal pembangunan duniawi ini, kekuatan rohani mesti juga menjadi satu acuan dalam RMKe-10 ini supaya antara permasalahan yang menyebabkan kegagalan apa juga rancangan-rancangan yang diputuskan di sini, ialah kerana sifat tamak, sifat haloba serta permusuhan dan kebencian sesama manusia apabila mengejar kepentingan duniawi lalu mereka lupa tentang persoalan halal dan persoalan haram.

Sebentar tadi Dewan ini digamatkan dengan ucapan wakil Bebas bahawa kerajaan Kelantan mengambil cukai daripada arak. Saya ingin memberitahu kepada Dewan, memang betul kerajaan negeri Kelantan mengambil cukai arak dan ia bukan sesuatu yang pelik. Yang Berhormat Pasir Salak, dengar elok-elok. Pertama, mengikut hukum fiqah sebab tadi Yang Berhormat Wangsa Maju bercakap, seolah-olah macam seorang Ulama. Ada tidak Yang Berhormat Wangsa Maju?... [Menoleh ke tempat duduk YB Wangsa Maju] Tidak bolehlah, dia kena ada sebab tadi dia bercakap lebih daripada ulama lagi. Mengikut pendapat para fuqaha...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: Yang Berhormat jangan *entertain* daripada kiri kanan, Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey. Mengikut pandangan ulama-ulama tersohor dan ulama-ulama seperti hari ini seperti Dr. Abdul Karim Zaidan, Dr. Yusof Qardhawi dan kerajaan Malaysia telah mengalungkan Tokoh Maal Hijrah dan pendapat-pendapat ulama silam menyatakan bahawa arak boleh dikenakan cukai.

■1620

Jadi apa yang dilakukan oleh Kelantan itu bersesuaian dengan pendapat ilmu *fiqah*. Ini kerana alasannya ialah arak dianggap sebagai harta bagi orang yang bukan Islam dan kita tidak ada paksaan atas orang bukan Islam untuk minum arak ataupun berniaga arak. Bahkan Sayyidina Umar ibnu al-Khattab telah mengambil cukai lima peratus daripada ahli *zimmah*, bahkan memberikan tauliah bagi penjualan arak untuk mengutip cukai lima peratus ini.

Berbeza dengan hukum judi - dengar baik-baik ya. Berbeza dengan hukum judi, semua agama - saya sempat untuk meneliti agama Kristian, agama Yahudi, agama Buddha dan agama Hindu, semua mereka mengharamkan judi. Oleh kerana ia diharamkan oleh semua agama, maka tidak timbul untuk kita membenarkan judi itu mahupun mengambil cukai daripadanya ataupun memberikan lesen-lesen seperti mana yang telah dilakukan.

Oleh itu, saya harap segala fitnah yang dilontarkan bagi memburukkan dan mengelirukan keadaan perlu ditarik balik oleh Yang Berhormat Wangsa Maju. Ini kerana satu lagi mereka menyatakan bahawa di Kelantan juga ada judi. Saya telah membuat kepastian dengan Kerajaan Negeri Kelantan sebentar tadi bahawa tidak ada mana-mana premis judi di negeri Kelantan. Ini kerana memahami bahawa judi itu merosakkan bukan sahaja kepada pemainnya, akan tetapi juga memberi kesan yang buruk kepada masyarakat.

Oleh itu, apa juga alasan kerana untung RM20 juta dan apa juga alasan kononnya kalau tidak diberi lesen maka untung ini akan dikaut oleh kongsi-kongsi gelap. Saya menyeru kepada khususnya wakil-wakil rakyat Islam untuk mendengar firman Allah daripada surah al-Ma'idah ayat yang ke-100. Bahawa Allah berfirman... *[Membacakan sepotong ayat al-Quran]* "Tidak sama perkara yang keji dan perkara yang baik walaupun perkara yang keji itu kamu amat tertarik dengannya."

Oleh itu, amat malang dalam kita membahaskan RMKe-10 pada hari ini supaya rakyat Malaysia menikmati perancangan yang tersusun serta perancangan yang kononnya akan meningkatkan masyarakat ataupun pendapatan kepada pendapatan tinggi dan menengah, akan tetapi telah menggadaikan rakyat ini dengan tindakan yang tidak bertanggungjawab memberi lesen judi. Kononnya untuk mengaut hasil untung, kalau tidak akan dikaut oleh kongsi-kongsi gelap.

Begitu juga apabila dibuat perbandingan tentang judi dan arak ini. Arak adalah satu hak yang orang bukan Islam, menyatakan sebahagian daripada mereka boleh minum. Maka kita tidak ada apa-apa paksaan ke atas itu. Akan tetapi judi, walaupun kita berhujah dengan alasan agama mahupun sosial semuanya membawa mudarat kepada masyarakat. Oleh itu saya memohon kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam perbahasan ataupun penggulungan supaya memberikan kata putus sama ada lesen judi telah diberi ataupun tidak untuk dirakamkan di dalam Dewan ini dan untuk kita mengambil sikap yang seterusnya.

Saudara, tuan-tuan, Ahli Parlimen sekalian, saya ingat saya berada di ceramah. Baru semalam ceramah... *[Ketawa]* Akan tetapi yang penting Yang Berhormat Pasir Salak dengar supaya beliau tidak timbul lagi kekeliruan tentang cukai arak dan cukai judi ini merupakan dua keadaan yang berbeza...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: *[Bangun]*

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Saya minta juga daripada...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Penjelasan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Boleh?

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Saya tidak tahu. Masa saya begitu...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Sedikit sahaja.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Begitu singkat. Saya harap...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Untuk pengetahuan Yang Berhormat saya pun tidak bersetuju lesen judi bola...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Terima kasih, terima kasih...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: ...ini diluluskan.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Ya, terima kasih... *[Tepuk]*

Oleh kerana itu, saya mengambil perkataan Yang Berhormat Pasir Salak nanti bahawa beliau turut sama bersama dengan Pakatan Rakyat untuk membantah lesen judi ini...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Janganlah, janganlah perangkap...

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: ...Supaya ia boleh mendatangkan hasilnya... *[Ketawa]* Terima kasih.

Akhirnya saya - dalam RMKe-10 ini, saya sudah menjelaskan soal cukai arak dan cukai judi itu dua keadaan yang berbeza. Tidak boleh disamakan. Yang Berhormat Kulim Bandar Baharu – malangnya beliau tidak ada, kerana kalau tidak beliau boleh mendengar kuliah saya dalam masa lima minit tadi. Supaya beliau belajar lebih sikit apa beza antara judi dan juga arak...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang...

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Sedikit, sedikit sahaja Yang Berhormat Parit Buntar.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Seterusnya... Ya, Yang Berhormat Shah Alam.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Boleh satu minit sahaja. Satu minit sahaja.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Yang Berhormat Shah Alam masa saya sudah...

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: Satu minit sahaja.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat kalau ambil satu minit, tinggal satu minit lagi Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Satu minit lagi, minta maaf. Saya rasa tidak mengapalah... *[Ketawa]* Iaitu tentang pembangunan yang disebut tentang memelihara khazanah alam. Memelihara khazanah alam ini saya mendapati – saya ingin bertanya

kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar tentang bagaimanakah hari ini, khazanah alam ini dipelihara. Contohnya apabila kita bercakap tentang pembangunan di kawasan Kuala Lumpur, Wilayah Persekutuan. Saya ingin bertanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tinggal satu minit Yang Berhormat.

Dr. Mujahid Yusof Rawa [Parit Buntar]: Okey. Saya ingin bertanya, berapakah yang telah digazetkan kawasan hutan simpanan kekal supaya memastikan pembangunan di Kuala Lumpur itu dikawal dan diseimbangkan dengan kawasan hutan untuk tujuan supaya suasana pembangunan itu tidak mencemarkan alam?

Yang keduanya, ialah tentang berapa banyak hutan-hutan yang telah diambil untuk tujuan komersial digantikan supaya hutan simpanan kekal itu akan terus digazetkan dan hutan-hutan ini tidak akan menjadi mangsa kepada pembangunan yang ada? Jadi saya rasa dengan itu saya mohon mencadangkan pandangan-pandangan saya untuk diambil kira oleh Perdana Menteri dan seluruh kabinetnya. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Bukit Gelugor.

4.27 ptg.

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua untuk memberikan peluang berbahas RMKe-10 yang ada dibentangkan oleh Perdana Menteri baru-baru ini. Tuan Yang di-Pertua, *you help me, I help you...* [Ketawa] *Can we get it into a deal Tuan Yang di-Pertua?... [Ketawa]*

Seorang Ahli: [Menyampuk]

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: ...Apa yang saya katakan tadi Tuan Yang di-Pertua itu bukan jadi satu kesalahan. Akan tetapi, baru-baru ini dalam pilihan raya kecil di Sibul, Perdana Menteri menyatakan di *Rejang Park*, "*You help me, I help you. Let's get into a deal if Robert Lau comes into or is elected as MP. I'll sign a cheque for RM5 million.*"

Tuan Yang di-Pertua sebagai *lawyer* - Tuan Yang di-Pertua pun *lawyer*, saya pun seorang peguam. Apa bermakna itu? Apa natijah itu? Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 memperuntukkan satu kesalahan jika seseorang menyatakan seperti mana Perdana Menteri menyuarakan di Sibul baru-baru ini. Boleh dipenjarakan - Perdana Menteri kita boleh dipenjarakan. Akan tetapi soalan ada lagi Tuan Yang di-Pertua, *who will bail the cat? Cat.*

Perdana Menteri baru-baru ini ada satu kucing... [Disampuk] Beliau mahu namakan kucing itu – diam! Mahu dapatkan cadangan daripada seluruh negara... [Ketawa] Daripada seluruh rakyat untuk cadang, apa nama harus beliau memberi kepada kucing ini...?

Seorang Ahli: Altantuya!

Tuan R. Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ini adalah hak Ahli Yang Berhormat dari Kuching, bukan hak Perdana Menteri. Akan tetapi saya cadang kucing itu dinamakan '*Scorpene*' kerana Perdana Menteri ada terlibat dalam rasuah.

■1630

Dato' Shamsul Anuar Nasarah [Lenggong]: Tarik balik, tuduh tu.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Dan ini tidak berapa lama lagi akan dibongkar dalam negara Perancis... [*Tepuk*]

Tuan Yang di-Pertua, pada 7 Jun 1974, siapa bunuh Ketua Polis Negara, Datuk Abdul Rahman Hashim? Siapa bunuh dia? Semasa itu dia Ketua Polis Negara, bukan seorang yang kecil, seorang yang besar dalam PDRM, kepala kepada PDRM. Sehingga hari ini, 36 tahun selepas pembunuhan itu, tidak ada sesiapa pun didakwa dalam mahkamah. Ada dikatakan dua orang yang membunuh Ketua Polis Perak, dua orang komunis ini terlibat dalam pembunuhan Ketua Polis Negara, Datuk Abdul Rahman Hashim.

Akan tetapi saya tahu Tuan Yang di-Pertua, kerana saya menjadi peguam kepada seorang yang didakwa, yang disabit, yang dihukum gantung dan ada digantung mengenai pembunuhan Ketua Polis Perak, dia ada disabit, dia ada dituduh mengenai pembunuhan Datuk Abdul Rahman Hashim. Sebelum dia digantung, dia ada menyatakan kepada saya, dia tidak ada kena-mengena mengenai pembunuhan itu.

Tuan Yang di-Pertua, siapa bunuh Datuk Abdul Rahman Hashim? Ada dikatakan orang dalaman UMNO terlibat dalam pembunuhan itu. Saya tidak ada bukti yang kuat tetapi...

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Tuan Yang di-Pertua, apa kena-mengena dengan RMKe-10 ni? Hah! Pengerusi satu parti veteran 'UMNO' tidak tahu tajuk perbahasan.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, siapa itu orang? Dia tidak ada hak untuk berdiri apabila saya punya *floor. Sit down!*

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Cakaplah baik-baik sikit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Dato' Haji Tajuddin Abdul Rahman [Pasir Salak]: Ikut tajuk, kita boleh dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Tuan Yang di-Pertua, siapa dia?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Teruskan Yang Berhormat.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Saya pergi ke tajuk yang lain.

Pagi ini Tuan Yang di-Pertua ada menyatakan jika Ahli Yang Berhormat dari Batu menjalankan penjara untuk dua bulan, dia tidak hilang kelayakan untuk duduk di dalam Dewan ini. Tuan Yang di-Pertua, itu adalah satu interpretasi yang tidak tepat. Apa yang diperuntukkan dalam Artikel 48 Perlembagaan Persekutuan adalah ini, dengar ya bahasa Inggeris dengan izin Tuan Yang di-Pertua; "*If a Member of Parliament is in prison more or less than one year or is fine less than RM2,000, he loses his seat*". Ahli Yang Berhormat dari Batu ada didenda RM2,000, *in deport* jika tidak bayar RM2,000 dipenjarakan untuk dua

bulan. Ini bukan bermakna jika dia menjalani hukuman masuk ke penjara untuk dua bulan, dia tidak hilang kelayakan sebagai Ahli Yang Berhormat dalam Dewan yang mulia ini.

Ini bermakna interpretasi yang diberi oleh Tuan Yang di-Pertua pagi ini *is not right*. Tuan Yang di-Pertua ada mengatakan apa yang difahamkan dari *internet*, Tuan Yang di-Pertua ada menyatakan isu mengenai kelayakan Ahli Yang Berhormat dari Batu 'Pahat' adalah dalam tangan Dewan yang mulia ini. Itu pun satu interpretasi yang tidak boleh dipertahankan Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: 'Batu' Yang Berhormat!... [Ketawa] Yang Berhormat Batu.

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Ya, Yang Berhormat dari Batu. Saya ingin mendapat tahu dari Tuan Yang di-Pertua, adakah Tuan Yang di-Pertua menyuarakan pagi ini mengenai interpretasi yang saya nyatakan tadi, *I'm not pre-examine you*, Tuan Yang di-Pertua tetapi, saya mahu dapat tahu adakah Tuan Yang di-Pertua menyatakan seperti mana saya menyatakan tadi. Kenapa Tuan Yang di-Pertua senyap?... [Ketawa] Bolehkah Tuan Yang di-Pertua *confirm* kan, mengesahkan, jika tidak rakyat akan dikelirukan oleh Tuan Yang di-Pertua, itu menjadi satu kesalahan. Walaupun bagi kesalahan itu Tuan Yang di-Pertua, tidak boleh dipenjarakan atau didenda.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat telah habis... [Ketawa]

Tuan Karpal Singh [Bukit Gelugor]: Baiklah, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Tebrau.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya minta Yang Berhormat juga macam Yang Berhormat Bukit Gelugor, bila saya kata berhenti, berhentilah ya.

4.37 ptg.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Okey, pasti akur. Tuan Yang di-Pertua, sejak membentangkan konsep pembangunan 1Malaysia, ramai rakyat yang dapat saya hubungi sanggup menyatakan mereka percayai keikhlasan Perdana Menteri untuk mewujudkan masyarakat 1Malaysia untuk rakyat pelbagai kaum di negara ini. Ramai rakyat sedar paradigma 1Malaysia jika mendapat sokongan kuat dan majoriti pemimpin-pemimpin dan rakyat akan menghasilkan impian sebuah negara yang berharmoni dan bersatu-padu. Kuat dan kukuh bukan sahaja dalam arena ekonomi bahkan dalam politik negara.

Rakyat dan pemimpin keseluruhan harus bersikap terbuka dan berfikiran liberal supaya memberi peluang kepada Perdana Menteri menjelmakan konsep 1Malaysia di dalam pentadbiran kerajaan. Jika fikiran sempit, bersikap acuh tidak acuh ataupun mengadakan muslihat menggagalkan usaha Perdana Menteri dan usaha rakyat untuk menjayakan impian mewujudkan masyarakat 1Malaysia, orang seperti ini boleh dianggap sebagai pengkhianat

negara. Ini disebabkan sebarang perbuatan mensabotaj usaha mewujudkan masyarakat 1Malaysia hanya dilakukan anasir-anasir yang ingin menanggung di air keruh polarisasi kaum.

Modal baru ekonomi telah mendapat sambutan rakyat yang menggalakkan kerana ciri-ciri liberalisasi terpamer dalam pendekatan yang baru. Walau bagaimanapun, unsur-unsur liberalisasi ini tidak jelas di tonjol di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dibentangkan di Dewan Rakyat. Mengikut persepsi kebanyakan rakyat setakat ini, Rancangan Malaysia Kesepuluh lebih *dispercive* dengan izin, dianggap atau difahami sebagai satu polisi, *framework* atau rangka dasar kerajaan yang belum diisikan dengan dasar-dasar spesifik. Saya berharap kerajaan akan mengambil berat pandangan dan cadangan rakyat yang membina.

■ 1640

Semoga RMKe-10 akan mencapai matlamat seperti dirancang. Rakyat menyambut baik usaha kerajaan ingin meningkatkan taraf serta kualiti hidup golongan isi rumah berpendapatan 40% terendah tanpa mengira kaum. Dalam cadangan kerajaan untuk menyusun semula skim subsidi, rangka komprehensif perlu diambil untuk memastikan skim subsidi baru hanya untuk membantu golongan rakyat yang memerlukannya khususnya kumpulan isi rumah berpendapatan 40% terendah.

Untuk membantu golongan berpendapatan ini membebaskan dirinya dari belunggu kemiskinan, kerajaan juga harus memberi segala bantuan untuk mendapat kemudahan pendidikan yang setinggi-tingginya atau latihan kemahiran yang seboleh-bolehnya agar mereka tidak lagi memerlukan perlindungan lagi pada masa akan datang.

Kerajaan harus merujuk semula Program Latihan Perguruan untuk memastikan bekalan guru yang terlatih mencukupi untuk menampung keperluan guru tambahan ekoran daripada cadangan kerajaan untuk mengawalkan umur permulaan persekolahan. Memandangkan kini masih sering kedengaran kekurangan guru di SJK(C), jangan lagi pegawai-pegawai Kementerian Pelajaran mengeluarkan komen bahawa tidak cukup pemohon dari kaum Cina untuk menyertai kursus latihan perguruan kerana komen seperti ini tidak pernah membayangkan hakikat yang sebenarnya.

Dalam melaksanakan Program 1Murid 1Permainan, kerajaan perlu mengambil langkah untuk membantu sekolah-sekolah khususnya SJK(C) yang hanya mempunyai tapak sekolah seluas dua ekar tetapi populasi murid melebihi 3,000 orang. Terdapat dua buah sekolah SJK(C) seperti ini di kawasan saya dan sebuah SJK(T) yang masih belum ada bangunan sekolah sendiri. Penduduk-penduduk di kawasan saya iaitu di Taman Desa Jaya memerlukan sebuah sekolah kebangsaan juga.

Rakyat sokong usaha kerajaan mengarusperdanakan dan memperluas akses kepada pendidikan teknikal dan latihan vokasional yang berkualiti ataupun TEVT. Saya cadangkan lebih kemudahan latihan disediakan untuk menampung keperluan ini. Di kawasan Parlimen Tebrau, rakyat menunggu lama penyediaan sebuah kolej komuniti untuk bersama menikmati untuk rakyat di Parlimen Tebrau bersama menikmati manfaat daripada usaha kerajaan ini.

Saya berasa lega dan ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Pelajaran kerana bercadang memansuhkan peperiksaan UPSR dan PMR. Peperiksaan-peperiksaan ini sudah lama menggugat sistem pendidikan kerajaan untuk melahirkan pelajar-pelajar yang kreatif dan inovatif malah mengongkang pemikiran pegawai-pegawai pelajaran, guru-guru, guru-guru besar serta ibu bapa sekalian untuk semata-mata memaksa anak-anak mereka, murid-murid mereka mengejar sebanyak mungkin bilangan 'A' di dalam peperiksaan seolah-olah persekolahan anak kita hanya untuk peperiksaan sahaja.

Gagal atau jaya seseorang anak murid hanya dilihat dan diukur berapa 'A' tercapai dalam setiap peperiksaan yang telah diambil padahalnya minat dan bakat kreatif dan inovatif dibunuh dan tanpa dihiraukan. Tibalah masa kita menganjak paradigma tentang pendidikan anak-anak kita. Semoga usaha kerajaan membina modal insan yang berkualiti, berfikiran kreatif dan berakhlak yang tinggi yang sebenarnya diperlukan untuk membantu pembangunan negara akan tercapai. Pembangunan modal insan yang bertaraf dunia berkaitan dengan penghantaran pelajar-pelajar cemerlang ke universiti kelas pertama antarabangsa. Oleh sebab itu, bagi kursus sains teknologi, bahkan sains sosial tertentu, akses kepada pendidikan sains teknologi di negara maju adalah penting.

Pelajar-pelajar yang terbaik dan terpilih tanpa mengira kaum harus dihantar ke luar negara. Bakal saintis, *technologist* dan *economist* yang berkaliber tinggi akan menjana perkembangan teknologi tinggi yang bertaraf dunia dengan lebih pesat lagi di negara kita. Untuk memesatkan pembangunan ekonomi negara dan meningkatkan GDP negara untuk mencapai GDP 6% atau lebih tinggi dalam jangka masa RMKe-10, kerajaan harus mengarusperdanakan usaha meningkatkan efisiensi dan produktiviti seterusnya daya saing dan menghapuskan budaya subsidi dan kebergantungan kepada bantuan kerajaan.

Budaya menerokai kecemerlangan perlu di galak sepanjang masa. Dasar liberalisasi dalam bidang perdagangan dan pelaburan untuk menggalakkan peningkatan pelaburan tempatan dan pelaburan asing ataupun FDI dalam persekitaran persaingan sengit di persada antarabangsa, *perfectionist policy* hanya menghalang peningkatan produktiviti dan daya saing negara. Dalam usaha pembasmian kemiskinan, saya menyeru kepada kerajaan mengambil tindakan dengan lebih cepat lagi untuk membantu rakyat di kawasan luar bandar, di kawasan Parlimen Tebrau yang kini masih menunggu bekalan air dan elektrik semenjak kemerdekaan negara... [Disorak]

Wakil rakyat tidak dapat memberi jawapan yang meyakinkan setiap kali ditanya rakyat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, masa sudah habis, Yang Berhormat.

Tuan Teng Boon Soon [Tebrau]: Mengapa kita begitu lama? Projek jalan kampung perlu juga diutamakan untuk membantu penduduk-penduduk luar kampung meningkatkan pendapatan mereka dan juga kualiti hidup mereka. Sekian.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Sepanggar.

4.47 ptg.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih oleh kerana diberi peluang untuk membahas Rancangan Malaysia Kesepuluh ini.

Kita tahu, sepanjang Rancangan Malaysia Pertama hingga ke Rancangan Malaysia Kesembilan yang hanya tinggal enam bulan lagi, kerajaan menunaikan cabaran-cabarannya untuk menggenapkan tahap sebagai negara pembangunan. Rancangan Malaysia Kesepuluh adalah satu rancangan yang sama-sama kita rasai, sama ada ia betul-betul diambang menjelang negara yang maju dalam Wawasan 2020.

Memang tidak dinafikan bahawa rakyat yang berusia 60 tahun ke atas dapat membezakan keadaan sewaktu zaman koloni dan pada masa kini. Sebaliknya, kita juga dapat rasa seolah-olah yang berada bertambah makmur dan rakyat yang miskin bertambah daif. Kelihatan jelas di mana jurang perbezaan kepada bumiputera dan ketara sekali yang tinggal di luar bandar dan pedalaman khususnya di Sabah. Kerajaan hanya ada dua pilihan sama ada terus untuk merapatkan ataupun untuk menjauhkan jurang perbezaan di antara berada atau yang kaya raya dengan miskin daif.

Persoalannya, adakah kita sebagai rakyat Malaysia yang kononnya mempunyai semangat kekitaan ingin merasai apa yang dirasai oleh ramai rakyat ini ataupun adakah kita hanya berpura-pura untuk membantu dan sebaliknya mengaut keuntungan bagi peluang kepentingan diri ataupun sekumpulan yang pandai angkat kaki dalam bahasa pasar.

■1650

Contohnya, satu projek jalan di kawasan saya yang telah diperuntukkan dalam RMKe-9 dengan syiling peruntukan sebanyak RM34 juta dan selepas ditawar dalam *negotiate tender*, kementerian telah meluluskan harga berjumlah RM79 juta, iaitu kenaikan sebanyak 132% daripada harga asal peruntukan bagi 17 kilometer. Kehidupan rakyat di mana kita sama-sama boleh merasai dan boleh menilai di antara kaca dengan berlian. Rakyat sendiri boleh membezakan apa sebenarnya yang baik dan apa yang buruk ataupun apa yang tidak baik. Sasaran penubuhan ekonomi yang menjangkau P&K per kapita kepada RM38,845 pada penghujung RMKe-10 diharap bukan sebagai angan-angan Mat Jenin.

Disebabkan negeri Sabah yang dianggarkan mempunyai penduduk hampir 3.1 juta pada masa kini, tahap termiskin di seluruh Malaysia masih dalam kadar kemiskinan 17%. Walaupun dalam perhitungan penduduk Sabah yang melambung tinggi sehingga 285% penubuhan dalam masa 30 tahun, iaitu tahun 1970 hingga tahun 2000. Sedangkan pertumbuhan kadar penduduk Malaysia hanya 108% dalam masa yang sama.

Tentu sekali pertumbuhan penduduk yang ketara ini ada kaitan dengan kemerosotan kadar kemiskinan di Sabah yang masih dinafikan oleh kerajaan, bahawa pendaftaran rakyat asing sebagai warganegara tidak wujud, tetapi ini dengan jelas sedang berhijrah di Semenanjung sehingga baru-baru ini Ketua Menteri Sabah telah menekankan supaya pihak penguat kuasa undang-undang memberikan butiran siasatan yang dilaporkan sebagai penjenayah ragut oleh rakyat Sabah di Semenanjung.

Kita tidak boleh sewenang-wenangnya menafikan bahawa kerajaan mempunyai niat, ada undang di sebalik batu, dengan tujuan sebenarnya perlakuan ini sepanjang masa yang lampau dan sekarang ini masih berlaku. Contohnya Juram Wajibol dengan kad pengenalan Mykad 560930125739, dan kad pengenalan dahulunya H0540992 seorang rakyat Filipina boleh menjadi warganegara Malaysia. Begitu mudah sekali.

Beliau di antara beratus ribu yang telah mendapat kewarganegaraan tanpa mengikut proses yang ditetapkan dalam undang-undang serta Perlembagaan Malaysia yang berdaulat dan patuh kepada Rukun Negara. Tidak guna kita melaung-laungkan keprihatinan kita terhadap negara lain. Tidak guna membantu negara lain sedangkan rakyat tempatan kita diketepikan dalam serba kekurangan. Rakyat luar bandar di Sabah masih 'kais pagi, makan pagi, kais petang...', belum tentu ada makanan.

Sindrom 'tidak apa' ataupun hipokrit masih terpendam dalam. Jangan kita dihantui oleh roh rakyat sama ada yang sudah meninggalkan kita ataupun yang masih dapat menghirup udara yang telah menderita kesengsaraan, kepahitan hidup disebabkan birokrasi kerajaan. Walaupun negara kita bukanlah negara berkeadilan sosial tetapi, kerajaan harus membantu rakyat yang sangat memerlukan tanpa memilih bulu serta wilayah negeri.

Di mana juga kita berada, kita adalah rakyat Malaysia. Bukan ada perbezaan kepercayaan, keagamaan, kebudayaan, suku kaum atau keterampilan dalam bidang politik tetapi sebenarnya kita rakyat Malaysia yang cinta kepada negara kita dalam aman, damai, makmur dan berdaulat. Jangan kita dihukum dengan perlakuan yang tidak menyenangkan pencipta barulah kita insaf.

Perlakuan kita di dalam lombong tembaga Mamut Gunung Kinabalu, Ranau yang telah mengakibatkan beratus ekar tanah yang masih tidak boleh mengeluarkan hasil walaupun lebih daripada 20 tahun terhenti disebabkan tiada lagi logam tembaga yang tinggal. Ada lagi satu perusahaan. Pelaku tidak harus diulangi. Kita harap kerajaan betul-betul prihatin kepada perasaan serta pendapat pakar mengenai mengekalkan alam persekitaran yang baik. Perbuatan kakitangan kerajaan untuk memberi amaran serta menakut-nakutkan penduduk di Kampung Sinakut Tawau, Lahad Datu yang terlibat dalam pembinaan penjana elektrik 300 megawatt menggunakan arang batu sangatlah mengecewakan.

Walaupun ada kementerian yang menjamin bahawa tiada pembinaan akan dijalankan tanpa laporan alam sekitar ataupun *EIA Report* tetapi, dengan perbuatan pihak kerajaan, pelaksana penjana elektrik sudah pun melanggar keadilan landasan perikemanusiaan. Maka, dengan tekanan serta desakan oleh pihak penjana kuasa, dengan sendirinya telah mengabaikan Laporan EIA walaupun masih di dalam pertimbangan. Seolah-olah *EIA Report* itu tidak perlu lagi oleh kerana arahan untuk menjalankan projek tersebut telah pun diberi kelulusan oleh Perdana Menteri kita...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa sudah habis Yang Berhormat.

Datuk Eric E. Majimbun [Sepanggar]: Dengan kuasa mutlak oleh kerana kebetulan kawasan FELDA di dalam kawasan kementeriannya. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Telok Intan. Yang Berhormat Telok Intan akan pergi ke Singapura esok Yang Berhormat.

4.57 ptg.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bahas mengenai Rancangan Malaysia Kesepuluh. Pertama sekali saya ingin sebut tentang keadaan Dewan yang mulia ini iaitu Parlimen sendiri. Perdana Menteri kita Yang Amat Berhormat apabila membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh telah melepaskan satu peluang keemasan.

Sebab beliau harus mengkaji semula tentang Parlimen ini, iaitu apakah kuasa-kuasa yang terdapat di antara Ahli-ahli Yang Berhormat di Parlimen ini. Pertama sekali, saya rasa kalau negara kita Malaysia ingin menjadi satu negara yang telah membangun nanti, perubahan mesti berlaku di Parlimen. Itu perubahan yang pertama. Kita perlu hadapi iaitu Parlimen sendiri kena berubah iaitu, nombor satu semua Ahli Parlimen iaitu Ahli-ahli Dewan yang mulia ini mesti dipandang sama rata, sama keadilan terhadap layanan kepada mereka.

Saya ingin tanya kepada Tuan Yang di-Pertua, mengapa Tuan Yang di-Pertua sendiri menjadi pemimpin di Dewan yang mulia ini tidak menjamin bahawa semua Ahli Parlimen tidak kira dari Barisan Nasional ataupun di Pakatan Rakyat menerima peruntukan yang sama untuk kita mengguna pakai di kawasan kita.

Mengapa ahli-ahli Barisan Nasional dapat lebih kurang RM1 juta, tetapi Pakatan Rakyat tidak dapat, di manakah keadilan? Di Dewan ini pun tidak ada keadilan, macam mana kita hendak dapatkan keadilan di mahkamah sedangkan Parlimen adalah satu institusi, satu tembok demokrasi yang pertama, *legislature*. Akan tetapi, Barisan Nasional, dengan izin *they lead the shameless existent* dengan mengguna pakai wang rakyat, beri kepada mereka tetapi kita tidak dapat. Sedangkan kita juga wakil rakyat, kita juga dipilih, dilantik oleh rakyat jelata. Jadi, saya hendak tanya mengapa soalan saya kepada Parlimen yang saya telah beri pada sidang ini. Soalan saya ditolak.

■ 1700

Soalan saya ditujukan khusus kepada Speaker Parlimen, kenapa Speaker Parlimen tidak menentukan atau menjamin bahawa semua Ahli Parlimen dilayan sama rata, sama keadilannya? Saya ingin bertanya di sini.

Seterusnya mengenai Dewan ini berpindah ke Putrajaya. Bagi saya, saya tidak setuju dan keputusan harus diambil oleh semua wakil rakyat, bukan badan eksekutif atau kerajaan. Bagi hal-hal Parlimen, keputusan mesti diambil oleh semua wakil rakyat dan ini harus dibahaskan dahulu sama ada hendak berpindah ataupun membuat ubah suai di sini. Kita harus diberi peluang untuk berbahas di Dewan yang mulia ini.

Tuan Yang di-Pertua, untuk Malaysia menjadi sebuah negara yang membangun, reformasi harus dilakukan di Parlimen dahulu bukannya di tempat lain. *Parliament must change first* dengan izin. Saya dapati layanan yang diberikan kepada Ahli-ahli Yang

Berhormat di Parlimen – ya, memang staf Parlimen bagus, mereka memberi penghormatan dan kita sanjung tinggi tetapi hal yang lain seperti peruntukan, peluang untuk berbahas, saya rasa kita harus kaji balik hal ini.

Keduanya, badan kehakiman. Baru-baru ini kita mendapati bahawa hakim-hakim Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan serta Mahkamah Persekutuan khususnya hakim-hakim Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur, mereka seolah-olah mengendalikan kes-kes seperti mereka adalah seorang CEO ataupun jabatan kerajaan. Saya ingin memberi teguran kepada semua hakim di negara kita bahawa mereka bukan kakitangan kerajaan. Mereka tidak boleh mengendalikan kes-kes di hadapan mereka seperti mereka adalah seorang guru besar atau cikgu. Saya tengok sekarang mereka dalam ketakutan apabila kita menghadapi hakim-hakim yang ingin mempercepatkan kes dengan tidak mengira keadilan diberi ataupun tidak. Saya ingin memberi peringatan kepada hakim-hakim dengan izin, *you are in the business of dispensing justice, not meeting KPI*, itu jabatan kerajaan lain, ada KPI. Hakim-hakim, *they are in the business of dispensing justice*. Hakim tidak perlu dipengaruhi oleh sesiapa pun untuk mempercepatkan kes-kes. Mereka bertanggungjawab untuk mendengar dengan sepenuhnya semua keterangan yang diberi oleh saksi- saksi dan membuat keputusan.

Ada seorang hakim di Mahkamah Tinggi baru-baru ini, beliau – saya gunakan *elevated* sebab perkataan *elevated* digunakan untuk hakim-hakim bukannya *promoted* sebab mereka bukan kakitangan kerajaan atau pegawai-pegawai biasa. Oleh sebab itu perkataan *elevated* digunakan untuk hakim-hakim. Hakim ini, saya tidak boleh sebut nama tetapi hakim ini kadang-kadang membuat kes itu tanpa memanggil saksi walaupun kes-kes itu melibatkan berjuta-juta ringgit dengan isu-isu yang kompleks. Beliau membuat keputusan tanpa memanggil keterangan saksi-saksi walaupun saksi-saksi sedia dan berada di mahkamah. Ini kerana hakim itu mengatakan bahawa kes-kes harus dipercepatkan. Arahan siapa supaya harus dipercepatkan? Bagi saya, Hakim Besar Malaya ataupun Hakim Besar Mahkamah Persekutuan pun tidak ada kuasa untuk mempercepatkan kes di mahkamah.

Saya ingin memberi peringatan kepada hakim-hakim. Tugas hakim-hakim di negara kita ini adalah untuk memberi keadilan kepada semua pihak yang menghadapi mahkamah. Mereka tidak boleh terima arahan atau *directive* daripada sesiapa pun termasuk Hakim Besar Malaya ataupun Hakim Besar Mahkamah Persekutuan. Hakim Besar Malaya ataupun Hakim Besar Mahkamah Persekutuan ada di sana untuk tujuan pentadbiran mahkamah sahaja. Apabila seorang hakim duduk di mahkamah, mereka tidak perlu menjawab kepada sesiapa pun.

Oleh sebab itu di writ saman, mahkamah tinggi keluarkan writ saman itu di atas nama Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong yang mengarahkan Hakim Besar Malaya supaya mendengar apa-apa kes yang dibawa di hadapan hakim. Itu tujuannya dan bukan writ saman itu diberi arahan oleh CJ Mahkamah Persekutuan. Tidak. Ini mengikut kaedah di England dahulu apabila Raja England (*King of England*) mengeluarkan

perintah untuk hakim-hakim menjalankan tugas mereka, perintah dasar itu datangnya dari Duli yang Maha Mulia, bukan CJ Malaya atau CJ Mahkamah Persekutuan.

Saya rasa hakim-hakim sekarang ini tidak faham akan hal ini kerana mereka fikir mereka kena ikut arahan daripada CJ untuk membuat statistik kes-kes seperti berapa kes dia boleh habis dalam satu hari. Mereka lebih mementingkan kepada statistik dan KPI dan lain-lain. Saya rasa KPI ini untuk *store room* ataupun pendaftar menghabiskan kerja mereka di mahkamah adalah sesuai tetapi untuk hakim ianya tidak sesuai langsung. Jadi saya memohon kepada pihak-pihak berkenaan yang berada di sini untuk memberitahu hakim-hakim bahawa tugas mereka adalah *in the business of dispensing justice only*.

Seterusnya Tuan Yang di-Pertua, mengenai pendidikan di negara kita ini. Baru-baru ini kita telah mengalami satu insiden yang tidak begitu manis yang berlaku di kawasan Parlimen iaitu beberapa orang ibu bapa telah datang ke Parlimen untuk berjumpa dengan beberapa Ahli Yang Berhormat tentang biasiswa yang diberi kepada murid-murid yang telah mendapat keputusan yang cemerlang. Setiap tahun kita menghadapi masalah ini. Setiap tahun kita mempunyai penuntut yang mendapat 10A, 11A dan 12A tetapi tidak mendapat biasiswa ataupun tempat di universiti tempatan atau IPTA. Kenapa ini boleh berlaku? Saya mendapat tahu bahawa biasiswa diberikan kepada anak-anak pegawai tinggi di jabatan kerajaan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, masa Yang Berhormat.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Masa? Saya rasa isu ini harus dikaji dengan serius dan teliti untuk memberi peluang kepada anak-anak kita yang mendapat keputusan cemerlang. Sekian, terima kasih.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Lipis.

5.07 ptg.

Dato' Dr. Mohamad Shahrudin Osman [Lipis]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi saya peluang dan ruang untuk membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh dalam tempoh yang terhad ini. Kita semua tahu bahawa Rancangan Malaysia Kesepuluh diberi peruntukan yang besar iaitu sebanyak RM230 bilion. Jadi saya berpandangan setiap perancangan itu mempunyai risikonya. Setiap langkah inovatif mempunyai risikonya. Samalah juga dengan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini sudah pasti mempunyai risikonya iaitu ada yang menepati dan ada yang tidak menepati kehendak dan keperluan rakyat.

Jadi inilah yang perlu dilalui dalam menghadapi cabaran-cabaran tersebut. Ini termasuklah soal menyediakan pekerja mahir yang berjiwa besar. Pada era globalisasi yang semakin kompetitif sekarang ini, hanya modal insan yang berkualiti dapat memajukan ekonomi negara. Oleh itu, pekerja yang berkemahiran tinggi memainkan peranan penting

dalam pembangunan negara. Ini penting bagi memastikan hasrat kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh akan melaksanakan enam langkah bagi menggalakkan pembabitan sektor swasta dalam melatih pekerja berkemahiran tinggi memandangkan setakat ini hanya 23% sahaja tenaga kerja kita yang berkemahiran tinggi. Peratusan ini jauh lebih rendah berbanding dengan negara maju yang lain dan kerajaan perlu meningkatkan komposisi pekerja berkemahiran tinggi kepada sekurang-kurangnya 37% menjelang tahun 2015 untuk menjadi sebuah negara maju.

Atas faktor itu saya melihat mesti ada elemen atau nilai patriotisme mencakupi rakyat yang mempunyai etika kerja yang tinggi demi negara, agama dan bangsa. Etika kerja bagi melahirkan pekerja berkemahiran tinggi ialah cara, kaedah, peraturan, petunjuk dan panduan, perlakuan adap dan sikap yang menjadi ikutan dan panduan setiap warga kerja berlandaskan nilai murni, moral, etika dan akhlak yang mulia. Apa yang penting sebagai pekerja warganegara Malaysia ialah sumbangan kita secara berterusan demi pembangunan diri, keluarga, komuniti, masyarakat, agama dan negara.

■ 1710

Sebagai pekerja yang berjiwa besar, kita perlu ada tingkah laku, sikap, cara bekerja dan perangai yang baik. Kesempurnaan tugas, sentiasa memperbaiki kelemahan dan kepincangan, menepati spesifikasi kerja, memenuhi kepuasan pelanggan dan masa, meninggikan imej organisasi, mengutamakan kualiti, mementingkan hasil dan produktiviti mengikut matlamat organisasi, memelihara penampilan diri, tingkah laku, layanan dan peraturan terbaik serta menggerakkan segala potensi yang ada ke arah yang terbaik.

Jadi, dengan cara itu saya percaya menerusi pekerja berkemahiran tinggi ini dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ia akan menjadi wadah bagi melonjakkan negara ke arah ekonomi berpendapatan tinggi. Jadi, oleh itu saya berharap universiti-universiti yang ada, IPTA, IPTS dan juga institut-institut kemahiran yang ada dalam negara ini memberi kontens-kontens akademik atau kemahiran agar mereka lebih patriotik untuk memastikan negara ini terus menjadi sebuah negara maju.

Tuan Yang di-Pertua, sektor pendidikan sememangnya sudah menjadi agenda utama pada setiap Rancangan Malaysia daripada yang pertama sehinggalah sekarang. Saya amat memahami mengapa kerajaan meletakkan sektor pendidikan sebagai teras utama dalam usaha membina negara yang lebih berwawasan dan ideal. Tidak mudah untuk melahirkan pemimpin atau kelompok modal insan yang berilmu dalam tempoh yang singkat. Oleh sebab itu saya percaya dan penuh yakin bahawa peruntukan yang besar bagi sektor pendidikan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh menjadi paksi kepada sepuluh premis utama untuk Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Oleh sebab itu, pendidikan di Malaysia adalah usaha yang berterusan ke arah hendak memperkembangkan lagi potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan yang seimbang dan harmoni dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan dan kepatuhan kepada tuhan. Usaha itu bagi melahirkan rakyat Malaysia berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia, bertanggung jawab dan

berkeupayaan mencapai kesejahteraan diri serta memberi sumbangan terhadap keharmonian dan kemakmuran masyarakat dan negara serta diri sendiri. Inilah yang dikatakan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan Tuan Yang di-Pertua. Jadi, fakta-fakta itu langkah untuk mengurangkan umur murid mengikuti prasekolah secara formal daripada enam tahun kepada lima tahun adalah satu langkah yang amat baik. Saya kira, kerajaan tidak perlu lagi menimbangkannya tetapi melaksanakannya dengan segera kerana saya percaya ini adalah satu langkah yang baik. Sama juga dengan pendidikan perwatakan (*character education*) yang perlu disemai secara holistik. Perkembangan pendidikan perwatakan yang merangkumi elemen IQ, EQ dan SQ perlu ada dalam pembelajaran sekarang.

Saya percaya soal IQ bukan lagi menjadi masalah tetapi soal EQ dan SQ ini perlu diberi tumpuan apatah lagi dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang telah dinyatakan bahawa satu kurikulum baru akan dirombak dan diperbaharui bagi menyediakan para pelajar yang lebih berketerampilan. Pelajar atau kelompok muda modal insan yang lebih berketerampilan ini penting sebagai satu cerminan keperibadian seseorang atau organisasi yang diwakili. Aura EQ dan SQ hendaklah dibentuk dan dipancarkan supaya negara kelak mempunyai pemimpin-pemimpin yang berketerampilan dan dikenali dunia sejangat iaitu, "*Apa yang Malaysia mahu?*".

Saya kira juga menjadikan pendidikan awal kanak-kanak sebagai agenda penting nasional melalui program PERMATA mempunyai asas dan rasional dalam melahirkan kelompok modal insan yang berilmu dan berketerampilan seperti yang saya sebutkan tadi. Cuma saya pinta ialah supaya program-program PERMATA Negara ini diperbanyakkan lagi di kawasan luar bandar. Kita jangan lupa bahawa ramai juga anak-anak kita atau kanak-kanak di luar bandar yang pintar. Jadi perlulah ada kesamarataan itu.

Saya juga menyokong penuh hasrat kerajaan untuk memansuhkan peperiksaan PMR dan UPSR. Begitu juga bagi saya peperiksaan SPM dan STPM juga perlu dikaji semula kalau kita hendak berlandaskan kepada kurikulum baru dan sebagainya. Ini kerana bagi saya penilaian perlu ada bagi setiap peringkat iaitu di tahap satu, di tahap kedua, di sekolah rendah, di peringkat selepas tiga tahun dan selepas lima tahun perlu diadakan tetapi dalam bentuk yang holistik yang merangkumi ketiga-tiga IQ, EQ dan SQ itu tadi.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, antara yang diberikan tumpuan ialah transformasi sektor awam. Ini adalah penting kerana kita juga mahu supaya kakitangan awam melakukan satu anjakan paradigma yang efisien. Di samping itu kerajaan juga perlu melihat kakitangan awam yang bekerja sambilan, sangkut dan kontrak supaya mereka juga di transformasi menjadi kakitangan tetap. Tidak usah berdekeh-dekeh bercakap soal transformasi pentadbiran tetapi tidak melihat terhadap soal peri pentingnya kakitangan awam berstatus sambilan, sangkut dan kontrak ini.

Saya pohon Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melihat perkara ini secara serius. Dalam menjayakan agenda transformasi negara, saya kira sudah tiba masanya bangunan Parlimen baru dibina selain daripada yang ada ini dan mungkin boleh dibina di kawasan yang sama dengan memperkembangkan dan memikirkan bangunan asal yang ada

tetapi mesti dikembangkan agar keselesaan dan kemudahan untuk Ahli-ahli Parlimen berkhidmat terus berlaku dan terjadi. Tidak perlulah kita robohkan bangunan sedia ada ini tetapi apa yang penting ialah tanah-tanah sekitar yang ada boleh kita ambil untuk membangunkan sesuatu yang baru.

Di samping itu kita melihat juga staf-staf Parlimen ini yang berstatus kontrak, sambilan dan sangkut turut juga diserap. Saya mencadangkan supaya skim perkhidmatan Parlimen itu diwujudkan semula bagi memastikan Parlimen dapat berdiri sendiri sebagai satu contoh atau satu model kepada negara ini. Jadi, di samping itu saya hendak bercakap juga tentang Parlimen Lipis sebagai sebuah tempat pelancongan kerana perancangan Rancangan Malaysia Kesepuluh dimasukkan juga dengan pelancongan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Masa sudah habis Yang Berhormat.

Dato' Dr. Mohamad Shahrum Osman [Lipis]: Selain daripada itu, saya juga hendak menyebut bahawa saya menyokong penuh sebenarnya. Akhir kata, pertaruhan dari segi bola sepak ini kerana saya melihat terlalu banyak wang negara mengalir keluar. Sudahlah kita mengalir dari segi yang lain tetapi yang ini sepatutnya kita boleh letakkan dalam nada mengalir keluar dari segi ekonomi. Sekian, saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Ipoh Timur.

5.18 ptg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Lima teras utama Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sejak dilantik sebagai memegang jawatan pada April tahun lalu adalah Transformasi Nasional Malaysia yang berlandaskan empat tiang kritikal. Tiang pertama - konsep 1Malaysia, 'Rakyat Didahulukan, Pencapaian Diutamakan'. Tiang kedua - Program Transformasi Kerajaan. Tiang ketiga - Model Ekonomi Baru (MEB), Tiang keempat - Rancangan Malaysia Kesepuluh ini sebagai operationalis MEB.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memperkenalkan MEB pada 30 Mac dan membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh di Parlimen pada 10 Jun. Adalah nyata bahawa perubahan yang besar telah berlaku dalam tempoh dua bulan yang pendek ini di mana Yang Amat Berhormat buat *retreat* dan Program Transformasi Nasional serta tunduk kepada kumpulan-kumpulan ekstrem yang mengeluarkan dakwaan-dakwaan liar dan tidak berasas, bahawa kaum Melayu di bawah *siege* dan kaum Cina akan mengambil alih negara dan ekonomi kita.

Hasilnya, bukan sahaja Rancangan Malaysia Kesepuluh tidak menjadi dasar operasional pertama MBE malah ia merupakan *funeral requiem* untuk Model Baru Ekonomi menandakan pengebumian Model Ekonomi Baru. Pengakuan MEB bahawa dengan izin, "*The excessive focus on ethnicity-based distribution of resources has contributed to growing separateness and dissension*" langsung tidak disebut di dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Ini diikuti dengan peninggalan

MEB dan salah satu daripada lapan inisiatif reformasi strategik yang diuraikan sebagai fundamental untuk mencapai MEB ialah mengenai, "*Transparent and market-friendly affirmative action*".

■1720

Sebagaimana yang telah dinyatakan dalam Bab 6 MEB dengan izin, "*Existing affirmative action program and institutions will continue in NEM but in line with views of the main stakeholders, will be revamped to remove the rent seeking and market distorting features which have blemished the effectiveness of the program. Affirmative action will consider all ethnic groups fairly and equally as long as they are in the low income 40% of the households. Affirmative action programs would be based on market-friendly and market-based criteria together taking into consideration the need and merits of the applicants...*"

Janji-janji MEB mengenai transformasi yang berlandaskan *needs and merit* dalam program *affirmative*, untuk memupuk kapasiti dan kebolehan yang bermakna pembubaran kuota kaum, keutamaan APs, tender tertutup dan lain-lain proses tidak kompetitif adalah singkat dan tidak berkekalan semuanya disebabkan oleh kegagalan iltizam dan kepimpinan politik.

Saya menyeru supaya Yang Berhormat Perdana Menteri, semua Ahli Parlimen dan semua pihak yang berkepentingan di negara kita supaya mengkaji semula amaran yang disuarakan oleh MEB mengenai kesan-kesan buruk yang akan berlaku jika berlakunya kegagalan iltizam dan kepimpinan politik dalam usaha melaksanakan transformasi politik, ekonomi, sosial dan kerajaan pada peringkat nasional.

Sebagaimana yang dinyatakan dalam Bab 7 MEB, adalah merupakan satu amaran ialah '*the time for change is now – Malaysia deserve no better*'. MEB secara jelas mengenal pasti bahawa apa yang akan menjayakan MEB adalah iltizam dan kepimpinan politik untuk menghapuskan halangan yang lama wujud di kalangan mereka yang berkepentingan peribadi dan menyediakan rakyat supaya menyokong dan melaksanakan perubahan mendalam dalam segi dasar.

Semua ini memerlukan *political will* dan *leadership* supaya memberikan penjelasan yang koheren mengenai visi dan agenda MEB dan proses transformasi yang terlibat supaya dengan izin, *to put in place a critical mass of bold measures to create an unstoppable wave of support from all segments of society for this vision*. MEB memberikan amaran *the government must take prompt action when resistance is encountered and stay the course*.

Dalam segi inilah pentadbiran Yang Berhormat telah gagal kerana sebaik sahaja ia menghadapi halangan terhadap cadangan-cadangan MEB, ia tidak berani meneruskan agenda perubahan. Menteri-Menteri seharusnya menjelaskan mengapakah mereka gagal memastikan MEB diterima pakai sebagai dasar rasmi sekiranya kerajaan benar-benar serius dalam melihat MEB sebagai tiang ketiga kritikal untuk program transformasi nasional.

Maka dengan itu, jelas sekali mesej RMKe-10 ini adalah 'Hidup Dasar Ekonomi Baru, takziah Model Ekonomi Baru.' Sebenarnya, ketiadaan *political will and leadership* untuk mempertahankan MEB dan meneruskan dasar perubahan walaupun menghadapi halangan

adalah jelas apabila versi Bahasa Malaysia MEB tidak dipaparkan *online* sehingga kini. Malah kita hendak tanya adakah wujud apa-apa laporan MEB penuh dalam versi Bahasa Malaysia di mana-mana juga.

Apabila MEB diperkenalkan dua bulan yang lepas, negara diberikan amaran mengenai kesan-kesan buruk sekiranya transformasi ekonomi yang drastik tidak dilaksanakan. MEB menyatakan dengan izin, "*our shortcomings are preventing us from getting out of the middle income trap. Almost all economies of South East Asia are poised to achieve high economic growth in this decade. But Malaysia runs the imminent risk of a downward growth spiral and faces the painful possibility of stagnation.*"

Amaran MEB dengan nada desak bahawa *there is a serious risk that the economy may regress if fundamental changes are not made*, masih kelihatan dalam RMKe-10 apabila laporan embargo diedarkan kepada para Ahli-ahli Parlimen pada 7 hari bulan Jun 2010. Ia menekankan bahawa dan saya petik, "*we need to see the reality for what it is, we are on a burning platform.*" Bagaimanapun amaran yang mendesak bahawa Malaysia kini berada di pentas membara, *a burning platform* langsung tidak kelihatan dalam versi bahawa Malaysia - RMKe-10 dan semasa Yang Berhormat membentangkan RMKe-10 di Parlimen nada terdesak bahawa Malaysia tiada pilihan dengan memilih MEB telah hilang.

Dalam tempoh pendek dua bulan, salah satu dari empat tiang utama rancangan transformasi nasional Yang Amat Berhormat telah disingkirkan. Dua tiang yang lain pula juga berada dalam keadaan yang mencemaskan ialah mengenai 1Malaysia dan mengenai *Government Transformation Program*. Wujudnya satu-satunya pengakuan yang termaktub dalam Peta Jalan GTP 1Malaysia mengenai kegagalan DEB yang mengecewakan mengenai, dengan izin, *unintended outcome of NEP* seperti perasaan teraniaya, diskriminasi dan rasa geram di kalangan bukan bumiputera. Ini disertai dengan pengakuan mengenai jurang pendapatan yang semakin meluas di kalangan masyarakat Bumiputera dengan izin, *leading to rising discontent amongst certain segments of the community*.

Adalah menyedihkan dan tragik bahawa setelah 53 tahun merdeka dan 47 tahun penubuhan negara Malaysia bersama-sama Sabah dan Sarawak, negara kita kini berada semakin jauh dari objektif 1Malaysia. Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat daripada Sibul dalam ucapan ulung beliau adalah melahirkan bukan sahaja pandangan rakyat Sibul tetapi rakyat Sarawak dan Sabah bahawa... Mereka dilayani sebagai koloni oleh Semenanjung Malaysia. Sungguhpun IGC, dan dalam *London agreement* Sabah dan Sarawak adalah negeri-negeri yang bersama dengan negeri-negeri di Semenanjung Malaysia untuk menubuhkan Malaysia.

Kita perlu lihat mengapa ada perasaan yang begitu mendalam dalam perkara ini, sama ada Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional bersetuju pandangan Yang Berhormat dari Sibul dan kenapa mereka tidak pernah untuk bangkit perkara dalam Dewan yang mulia ini. Saya baru balik daripada Labuan, Pitas dan Kota Marudu dan kita boleh rasai bahawa *frustration*, perasaan geram mereka bahawa mereka tidak dengan izin, *a place under the*

Malaysia sun sepatutnya selepas 47 dalam Malaysia. Sebab itu, kita bercadang kita perlulah ada satu suruhanjaya diraja 1Malaysia.

A royal commission of inquiry on 1Malaysia, bukan sahaja untuk buat satu kajian kemajuan yang kita ada mencapai mengenai pembinaan negara selepas 53 tahun. Kenapa sampai sekarang, hari ini tidak ada seorang Menteri yang berani untuk berkata bahawa mereka rakyat Malaysia yang pertama dan kaum kedua. Sungguhpun ini ada disebut dalam *Road Map 1Malaysia Government Transmission Program* dan dalam soalan saya dikemukakan pada hari pertama kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri beberapa orang Menteri dan siapa mereka yang ada menganggap mereka sebagai rakyat Malaysia pertama dan kaum kedua, soalan ini ditolak.

Kalau seorang Perdana Menteri pun tidak berani dan tidak berupaya untuk menjawab satu soalan yang begitu *simple* dan *straight forward*, bagaimana konsep atau dasar 1Malaysia adalah kredibiliti dan berjiwa besi. Oleh sebab itu, kita perlulah meninjau dan kenapa *nation building* sudah gagal dan 1Malaysia bukan sahaja pun patut kaji mengenai kerisauan rakyat di Sabah dan Sarawak selepas 47 tahun bahawa mereka ada diabaikan ada diketepikan.

Sungguhpun, Sabah dan Sarawak adalah negeri yang kaya tetapi rakyat yang begitu miskin. *So*, macam apa yang berlaku di Pitas dan Marudu... Tempat yang termiskin di Sabah dan Sabah kenapa negeri yang termiskin di Malaysia? Ini patutlah ada sesuatu siasatan khasnya mengenai sungutan-sungutan yang boleh diterima di mana 23 ribu hektar tanah-tanah melibatkan 24 ribu orang, ada dirampas oleh syarikat kroni yang ada melibatkan dengan Kerajaan Negeri Sabah. Kenapa perkara ini sepatutnya tidak berlaku dan itu merupakan hasrat Malaysia ditubuh hasrat Sabah dan Sarawak menyertai Malaysia.

■1730

Oleh sebab itu eloklah satu *Royal Commission of Inquiry* - 1Malaysia diadakan. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Lubok Antu.

5.30 ptg.

Tuan William @ Nyallau anak Badak [Lubok Antu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kerana memberikan saya peluang untuk ikut serta membahaskan mengenai pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Saya terus kepada perkara pertama iaitu mengenai pengumuman Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah menghuraikan langkah-langkah kerajaan untuk menangani masalah agenda bumiputera untuk meningkat dan melibatkan diri dalam perniagaan, perdagangan dan perindustrian. Dalam konteks ini untuk makluman Tuan Yang

di-Pertua, bahawa kaum bumiputera keturunan Dayak adalah kaum yang jauh ketinggalan dalam semua aspek lebih-lebih lagi dalam bidang perniagaan dan perdagangan.

Dalam perkara ini saya memohon supaya satu dana khas yang diambil daripada peruntukan yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri iaitu RM1.5 juta telah diperuntukkan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk diagihkan kepada bumiputera supaya memberi latihan dan bantuan pembiayaan peruntukan kepada kaum bumiputera. Jadi dalam hal ini saya cadangkan supaya kerajaan mengambil atau meminta wakil daripada kaum Dayak khususnya daripada *Sarawak Chamber of Commerce and Industry* supaya mengikut peringkat tertinggi yang ditubuhkan oleh kerajaan dan dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri yang akan ditubuhkan tidak beberapa lama lagi.

Dalam perkara ini dengan adanya dana khas untuk kaum Dayak ini, maka kaum Dayak akan lebih cergas lagi untuk melibatkan diri dalam perdagangan dan lebih bergiat lagi dalam kegiatan perindustrian. Selain daripada itu saya juga ingin mencadangkan – kerajaan telah membekukan lesen PKK kelas 'F'. Jadi, saya di sini ingin memaklumkan kepada kerajaan bahawa di negeri Sarawak masih ramai lagi kaum bumiputera Dayak yang ingin menceburkan diri dalam kontrak-kontrak kerajaan. Akan tetapi disebabkan lesen Kelas 'F' dibekukan, maka usaha mereka yang ingin menceburkan diri dalam kontrak-kontrak kerajaan tidak dapat di teruskan.

Di sini contohnya, di daerah Lubok Antu hanya 15 lesen PKK Kelas 'F' dikeluarkan. Jadi saya minta supaya kelonggaran diberikan kepada daerah Lubok Antu untuk lesen PKK Kelas 'F' dilonggarkan supaya kaum bumiputera di daerah Lubok Antu dapat memohon. Lebih-lebih lagi kepada anak-anak muda kita yang baru lepas ijazah atau diploma dalam bidang perniagaan supaya mereka dapat menceburkan diri dalam bidang perniagaan.

Perkara kedua yang saya ingin utarakan di sini ialah mengenai masalah penduduk-penduduk di Lubok Antu yang tinggal jaraknya sejauh 60 kilometer daripada Sri Aman. Mereka tidak mempunyai bank untuk berurus dengan yang jauh daripada pekan Lubok Antu iaitu enam kilometer. Contohnya, kalau mereka hendak mengambil wang tunai RM50 atau RM100, mereka terpaksa turun ke pekan atau bandar Sri Aman yang jauhnya 60 kilometer dan tambangnya pulang balik mungkin kira-kira RM15 atau RM20. Ini bermakna kalau RM50 diambil, hanya tinggal RM30 sahaja untuk dibelanjakan.

Daerah Lubok Antu mempunyai penduduk lebih kurang 35,000 orang dan di daerah Lubok Antu juga ada dua ladang yang mempunyai 1,000 orang pekerja. Lubok Antu juga mempunyai dua buah sekolah menengah, 22 buah sekolah rendah, beberapa jabatan kerajaan dan sebuah kilang sawit. Begitu juga daerah Lubok Antu mempunyai sebuah *resort*. Kesemua mereka ini terpaksa turun ke bandar Sri Aman untuk berurusan dengan bank. Oleh itu saya memohon kepada supaya kerajaan memberi arahan kepada bank-bank yang ada kawalan kerajaan supaya membuka cawangan di pekan Lubok Antu supaya dapat berurusan dengan bank lebih mudah dan di samping itu juga dapat mengembangkan ekonomi di daerah Lubok Antu.

Perkara ketiga yang saya ingin bantah di sini adalah mengenai kemiskinan luar bandar. Kemiskinan luar bandar adalah berhubung kait dengan masalah perhubungan. Jika kita hendak mengadakan program untuk kaum-kaum Iban di rumah panjang khususnya, di kawasan saya terpaksa melalui sungai menggunakan perahu panjang yang mengambil masa empat atau lapan jam untuk sampai ke lokasi kawasan. Kapasiti muatan perahu panjang itu amat kecil. Oleh itu sekiranya ada apa-apa program untuk membasmi kemiskinan sudah tentu tidak berjaya. Oleh yang demikian, saya memohon kepada kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini supaya mempercepatkan pembinaan jalan-jalan ke hulu-hulu sungai ke bandar, khususnya ke kawasan-kawasan di hulu-hulu sungai kerana di sinilah penduduk-penduduk yang miskin lebih ramai daripada kawasan-kawasan lain.

Satu lagi perkara yang saya ingin sampaikan di sini adalah mengenai bekalan elektrik di rumah-rumah panjang yang jauh di hulu sungai. Kalau kita menunggu bekalan elektrik grid beberapa jam memang kita tidak sampai ke sana. Saya cadangkan di sini supaya sekolah-sekolah yang beroperasi 24 jam bekalan elektrik di panjangkan kepada rumah-rumah panjang berdekatan. Dengan ini rumah-rumah panjang yang berdekatan dengan sekolah-sekolah rendah yang mempunyai 24 jam bekalan elektrik dapat dinikmati oleh rumah-rumah panjang berdekatan. Mengenai bayaran, kerajaan boleh mengenakan bayaran seperti dicajkan kepada bekalan elektrik grid 24 jam di bandar.

Dengan ini saya mohon menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bukit Katil.

5.39 ptg.

Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, saya ingin mengucapkan selamat Hari Bapa kepada semua bapa yang disambut semalam.

Datuk Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih.

Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]: ...Saya mengucapkan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang pada penilaian saya ia sangat komprehensif, lengkap dan mencakupi semua bidang – ekonomi, sosial, rohani dan jasmani. Boleh dikatakan RMKe-10 ini ialah pelan ekonomi 1Malaysia.

■1740

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin terus pada beberapa perkara dalam RMKe-10. pertamanya dalam NKEA pada bidang pelancongan. Seperti mana kita sedia maklum, negara kita telah dapat mencapai bidang pelancongan yang begitu tinggi dan tahun lalu kita menerima pelancong seramai 24 juta orang. Ini merupakan antara penyumbang kepada ekonomi negara.

Saya juga ingin menyeru kepada kerajaan supaya meningkatkan produk-produk pelancongan di negara kita dan membantu dengan lebih akrab kepada negeri-negeri yang mempopularkan pelancongan seperti negeri saya Melaka. Yang Amat Berhormat pun ada menyentuh dalam ucapan beliau mengenai Sungai Melaka. Sungai Melaka merupakan satu

produk pelancongan yang popular. Oleh itu, sebahagian daripada sungai ini perlu lagi dinaiktarafkan dan airnya belum begitu jernih lagi. Ini memerlukan bantuan supaya kita dapat menjernihkan airnya dan ia lebih tinggi lagi taraf sungai ini dan akan dapat menarik lebih ramai pelancong-pelancong untuk datang ke Melaka.

Kedua, dalam bidang NKEA juga daripada segi teknologi maklumat dan komunikasi. Saya amat menyokong supaya ia diperluaskan ke seluruh negara, di bandar dan juga di luar bandar dan ia perlu dipercepatkan. Ini kerana banyak rungutan yang kita terima bahawa banyak lagi kawasan-kawasan yang belum menerima jalur lebar dan juga kemudahan-kemudahan teknologi maklumat ini.

Saya suka mencadangkan juga supaya harga bagi pelanggan jalur lebar ini diturunkan supaya lebih ramai rakyat yang berpendapatan rendah boleh menggunakan perkhidmatan ini. Saya dapati ada juga selalu gangguan yang diterima. Kadang-kadang apabila kita hendak menggunakan internet ini, tidak boleh. Kadang-kadang tidak dapat kerana ada gangguan. Oleh itu gangguan-gangguan ini hendaklah dikurangkan dengan sebaik-baiknya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam bidang perkhidmatan kewangan, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan menambahkan lagi tabung-tabung pinjaman perniagaan kepada peniaga-peniaga yang baru, peniaga-peniaga yang ingin meningkatkan perniagaan mereka dan syarat-syaratnya itu hendaklah dipermudahkan, tidaklah begitu ketat dan perlukan jaminan-jaminan yang tinggi. Ini akan menyekat peluang-peluang kepada belia-belia untuk memulakan perniagaan dan meningkatkan perniagaan mereka. Dalam perniagaan pemborongan dan juga peruncitan, ramai antara peniaga kita yang gagal ataupun berjaya separuh jalan sahaja kerana menghadapi saingan-saingan yang hebat. Oleh itu, dengan krisis gula dan sebagainya, kita sepatutnya memberikan bantuan dan sokongan kepada peniaga-peniaga runcit ini.

Saya menyokong tindakan kementerian yang mengenakan lesen peruncitan ini supaya mereka dapat mengawal barang-barang yang diniagakan. Saya suka mencadangkan supaya ditambahkan AP import pada bahan-bahan makanan utama seperti gula, tepung, minyak. Kita kurangkan sedikit kongkongan ataupun monopoli peniaga-peniaga bagi bahan-bahan yang berkenaan. Dengan itu, kita dapat menyediakan saingan dan harganya mungkin dapat diturunkan lebih rendah lagi. Kita galakkan lebih ramai peniaga-peniaga daripada semua kaum dan juga bantuan modal hendaklah diberikan terutama kepada kaum bumiputera yang baru hendak menceburi bidang perniagaan peruncitan dan pemborongan ini.

Dalam bidang bioteknologi, saya mencadangkan supaya bidang ini dibuka seluas-luasnya kepada semua orang, kesemua yang berminat, berkemampuan dan berkebolehan, bantuan, sokongan dan modal hendaklah diberikan kepada mereka yang ingin memulakan perniagaan bioteknologi. Contohnya seperti di Melaka. Kerajaan Negeri Melaka melalui Perbadanan Bioteknologi Melaka telah memajukan beberapa penemuan-penemuan melalui bioteknologi dan perlulah diberikan sokongan dan juga bantuan-bantuan kewangan supaya

bidang bioteknologi di Melaka ini dapat dimajukan dan sudah tentunya ia akan memberikan manfaat kepada seluruh negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dalam bidang pembangunan fizikal. Saya ingin merujuk pada kawasan Parlimen saya, kawasan Bukit Katil yang banyak lagi memerlukan pembangunan dan naik taraf jalan-jalan raya yang sesetengahnya berlubang dan sempit dan tidak sesuai dan perlu diperbaiki dan dinaiktarafkan. Banyak lagi jalan-jalan kampung masih tidak diturap dan tidak diperbaiki. Saya ingin juga melihat pada projek-projek ameniti sosial perlu, banyak permohonan untuk balai raya, bilik bacaan. Ini amat penting pada keperluan rakyat untuk berkumpul dan berbincang tentang kampung masing-masing.

Saya ingin menyeru kepada kementerian berkenaan supaya apabila memberikan bantuan ameniti sosial dan juga projek jalan kampung ini, berilah kepada semua Ahli-ahli Parlimen terutamanya kepada Barisan Nasional. Janganlah kita pilih-pilih kasih. Ada yang beri ada yang tidak beri. Itu eloklah kita beri kepada semua terutamanya Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional... [*Dewan riuh*]

Daripada segi pembangunan fizikal yang lain terutamanya rumah kos rendah. Rumah kos rendah dan rumah kos sederhana hendaklah diperbanyakkan lagi di kawasan luar bandar. Di kawasan bandar, saya mencadangkan rumah-rumah kos sederhana diperbanyakkan. Tentulah rumah-rumah ini memerlukan rumah tiga bilik kerana sesuai dengan keluarga yang ramai dan ia diperbanyakkan di pekan dan juga di bandar-bandar dan di pinggir bandar.

Rumah-rumah pangsa yang sedia ada juga perlu pembaikan kerana kebanyakan rumah sudah terlalu lama dan perlu dinaiktarafkan, diperbaiki, dicat semula dan lifnya juga selalu rosak. Ini juga perlu diperbaiki dan di naik taraf. Dalam kawasan saya ada sebuah rumah pangsa di kawasan Pantai Peringgitt yang sudah terlalu lama, tua dan perlukan pembaikan. Ini perlulah Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan melihat dan membantu untuk pembaikan dan naik taraf rumah ini supaya nampaknya ia menjadi lebih elok dan sesuai didiami oleh penduduk-penduduk di situ.

Tuan Yang di-Pertua, tentang penstrukturan subsidi. Saya secara peribadinya menyokong supaya subsidi ini di struktur semula tetapi ia hendaklah dilaksanakan secara evolusi, secara perlahan-lahan, sedikit demi sedikit, mungkin mengambil masa yang panjang, lima tahun sehingga sepuluh tahun. Subsidi ini rakyat kita sudah diberikan subsidi selama lebih daripada 50 tahun tetapi kalau tiba-tiba kita hendak menarik, tentulah akan menimbulkan satu masalah dan ia akan menyebabkan rasa kurang senang dan menimbulkan rasa tidak puas hati di kalangan rakyat.

Apabila kita mengurangkan subsidi, biasanya harga barang akan dinaikkan dan rakyat akan menghadapi masalah, penderitaan dan juga tidak puas hati dan akan menjejaskan kehidupan mereka. Lebih-lebih lagi 40% penduduk negara kita yang berada dalam kumpulan sederhana dan miskin. Oleh itu, saya ingin mencadangkan subsidi yang hendak dikurangkan mestilah bermula daripada subsidi barang-barang yang *indirect*, subsidi tidak langsung yang ditarik sedikit demi sedikit. Akhir sekali, baru subsidi barang-barang

keperluan apabila rakyat sudah bersedia dan juga gaji sudah dinaikkan lebih tinggi dan rakyat sudah mempunyai pendapatan yang lebih baik, barulah subsidi ini dikurangkan kerana mereka telah bersedia untuk menghadapi keadaan berikut.

Tuan Yang di-Pertua, pada hari ini kita lihat, kalau kita baca di surat khabar di mana-mana sahaja ramai yang ditangkap kerana main judi bola sepak. Ada yang adik-beradik, ada yang anak-beranak, ada juga yang kawan-kawan, yang muda-muda, yang tua, ditangkap oleh pihak polis. Jadi, polis pun bertambahlah kerjanya kerana mereka ini bermain judi bola sepak. Memang judi ini haram kepada orang Islam, semuanya haram, tidak boleh main langsung. Akan tetapi kita lihat juga kepada rakan-rakan kita yang bukan Islam, yang main judi. Apalah salahnya kalau kita kawal perjudian ini supaya mereka dapat bermain judi dalam keadaan terkawal dan tidak melaksanakan judi secara haram. Apabila judi haram, yang untungnya *bookie*, yang lainnya terus rugi, yang main rugi, yang untung yang main kaya, *bookie* nya. Oleh itu kerajaan hendaklah menimbangkan saya menyokong apa jua keputusan kerajaan dalam pertimbangan mereka sama ada lesen judi ini hendak diberikan ataupun tidak.

■ 1750

Dalam bidang pendidikan, saya ingin mencadangkan kepada kerajaan supaya sekolah-sekolah vokasional dan teknik ini dinaiktarafkan kepada kolej ataupun institusi dan seterusnya kepada politeknik-politeknik diberi taraf universiti ataupun kolej universiti supaya ramai lagi tenaga-tenaga mahir dapat dilahirkan di negara kita. Mengenai pelajar-pelajar yang memulakan sekolah pada enam tahun dan dipercepatkan kepada umur lima tahun, ini saya sangat sokong kerana kita dapat melahirkan, mempercepatkan proses persekolahan dan pendidikan dan akan dapat melahirkan tenaga-tenaga pekerja baru dengan lebih cepat. Oleh itu, modal insan kita akan dapat berkembang dengan lebih baik.

Saya suka juga mencadangkan supaya pendidikan IT ini dimulakan pada sekolah rendah supaya hari ini ramai kanak-kanak di tadika pun sudah pandai main komputer. Jadi apa salahnya kalau kita mulakan di peringkat sekolah rendah pendidikan formal IT supaya mereka boleh kenal *software* dan *hardware* dan juga siber sekuriti dan sebagainya serta mereka dapat mendalami ilmu mereka apabila sampai ke peringkat pengajian yang lebih tinggi. Mengenai pendidikan kesihatan, bagi saya pendidikan kesihatan ini pada saya bukanlah subsidi, ianya merupakan tanggungjawab kerajaan, tanggungjawab sosial kerajaan. Oleh itu pada saya kalau hendak kira pendidikan dan kesihatan dalam subsidi RM74 bilion itu mungkin tidak bolehlah, tidak patut sebab ia bukan dikatakan subsidi.

Ianya boleh ditingkatkan lagi supaya ramai peluang-peluang pendidikan dapat diberi kepada semua rakyat Malaysia dengan taraf kesihatan mereka ditingkatkan lagi dan rawatan kesihatan percuma saya cadangkan diberi kepada 40% kepada rakyat Malaysia dalam kumpulan sederhana dan miskin supaya mereka dapat menikmati kesihatan yang lebih baik dan pendidikan yang lebih tinggi.

Mengenai rawatan hospital, saya ingin bertanya kepada Kementerian Kesihatan, berapa lama kah masa yang diambil oleh seorang pesakit untuk mendapatkan rawatan.

Berdasarkan kepada pemerhatian saya di sebuah poliklinik di kawasan saya, saya telah menghabiskan masa saya di situ setengah hari untuk meninjau. Didapati daripada seorang pesakit mendaftarkan diri mereka untuk mendapatkan rawatan kesihatan hinggalah bertemu doktor dan kemudiannya mendapat ubat yang memakan masa antara dua hingga tiga jam. Saya rasa ini terlalu lama dan akhirnya menimbulkan kebosanan kepada pesakit dan kalau seorang perempuan itu hendak bersalin, sudah bersalin, perlu tunggulah untuk mendapatkan rawatan ini. Saya berharap kementerian dapat mempertingkatkan atau memperlaju lagi waktu rawatan dan juga untuk mendapat ubat dan sebagainya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Datuk Md. Sirat Abu [Bukit Katil]: Baik. Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, mengenai *green technology building*. Saya difahamkan kerajaan memang menggalakkan kita menggunakan teknologi hijau bagi industri kita. Lanya merupakan industri baru, produknya juga produk baru dan kerajaan seharusnya memberikan insentif kepada pengeluar-pengeluar industri *green technology* ini.

Saya juga kadang-kadang melihat kepada pengusaha-pengusaha *green technology* ini. Mereka perlu mendapatkan *green technology index* daripada firma-firma arkitek tertentu dan saya lihat firma ini perlu mengeluarkan *certificate* untuk mengesahkan *green technology index* ini. Ramai di antara firma-firma ini mengambil kesempatan dan menggunakan *pitch-pitch* yang tinggi terhadap *technology index* yang digunakan.

Terakhir sekali saya mengucapkan tahniah dan terima kasih kepada Kementerian Belia dan Sukan dan Kerajaan Negeri Melaka yang telah menganjurkan SUKMA13 pada 10 Jun yang lalu. Ia telah berjaya dan mencapai kecemerlangan dan tahniah kepada Terengganu yang menjadi juara kali ini... [Tepuk]

Terakhir, mengenai belia Tuan Yang di-Pertua iaitu saya ingin mengucapkan tahniah kepada Kementerian Belia dan Menteri Belia yang telah melaksanakan program-program untuk belia terutama Hari Belia Negara. Ada banyak acara, yang saya difahamkan ada banyak 88 acara.

Namun begitu saya melihat belia-belia kita masih lagi tidak cukup programnya dan boleh dikatakan lesunya itu masih lagi belum bangkit lagi dan belum hilang. Ia perlu diadakan acara yang berterusan sama ada di luar bandar ataupun di bandar dan bantuan-bantuan kewangan hendaklah diberi kepada pertubuhan-pertubuhan belia di semua peringkat negara, peringkat negeri, peringkat kawasan, peringkat kampung-kampung supaya belia-belia ini dapat kita aktifkan lagi dan dirasai kewujudan mereka oleh seluruh masyarakat.

Akhir sekali saya menyokong Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sekian terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Sungai Petani.

Beberapa Ahli: [Bangun]

5.55 ptg.

Dato' Johari Abdul [Sungai Petani]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dalam masa sepuluh minit ini saya cuba mengetengahkan beberapa perkara. Pertama dalam RMKe-10, lima teras strategi yang diperkenalkan oleh Perdana Menteri.

Akan tetapi yang keempat yang menyebut membangun dan mengenalkan modal insan bertaraf dunia. Sudah tentu untuk mengetengahkan modal insan bertaraf dunia, rakyat mestilah berilmu, berdaya saing dan berani untuk melahirkan rakyat yang sebegini, sudah pasti kita mesti menyediakan sekolah yang serba lengkap. Akan tetapi kalau dilihat kepada laporan mutakhir ini, kita masih lagi mempunyai 1,500 sekolah yang masih tidak mempunyai bekalan elektrik dan air bersih.

Di samping itu, kita mestilah menyediakan kolej dan universiti yang kompetitif dengan mempunyai pensyarah dan pengurusan universiti yang cekap dan berani di samping pelajar yang berketerampilan boleh mempertahankan hujah dan kreatif. Satu paradoks telah berlaku baru-baru ini dalam usaha kerajaan untuk menjadikan rakyat Malaysia yang hebat, untuk menjadikan universiti dan pensyarah yang hebat tetapi persatuan kakitangan Universiti Malaya baru-baru ini telah membantah keras komen Menteri Pelajaran Tinggi, yang menegur Persatuan Kakitangan Universiti Malaya kerana menganjurkan satu forum. Forum ia, satu forum berkenaan dengan sebuah buku yang ditulis oleh Barry Wain iaitu *Malaysian Maverick Political Biography Dr. Mahathir*.

Oleh kerana persatuan ini membincangkan soal bekas Perdana Menteri kita dan komen Menteri ialah *the seminar is inappropriate and aim destroying credibility of statement who has contributed so much to the countries development*. Bayangkan seorang Menteri telah mengkritik persatuan ini yang membincangkan sebuah buku yang ditulis secara faktual oleh seorang penulis bekas editor *Wall Street Journal* dan Menteri rasa terkilan kerana yang membincangkan ialah pensyarah-pensyarah universiti. Bayangkanlah kalau benda macam ini pun kita tidak boleh hendak bincang, saya yakin banyak universiti di Malaysia tidak akan boleh bincang tentang Karls Marx, Thus Capita, Mao Tze Dong, tentang Lenin, semua ini ialah orang-orang yang menghancurkan dunia. Jadi itu kita bincang orang-orang yang elok sahaja, orang yang terpisah daripada itu, janganlah dibincang.

Tuan Yang di-Pertua, untuk itu bagi memastikan teras ini membangun dan membenarkan modal insan bertaraf dunia, saya ingin mencadangkan supaya pelajar-pelajar kita yang layak dari segi akademik diberi tempat di kolej dan di universiti di Malaysia. Ini beri tempat, layak beri tempat dan semua yang miskin dan tidak mampu diberikan pinjaman tanpa faedah bukan sahaja untuk melanjutkan pelajaran dalam bidang akademi tetapi juga di dalam bidang-bidang profesional yang lain seperti ACCA, ataupun *pilot* dan lain-lain. Saya dimaklumkan di Timur Tengah, ada kegilaan sekarang ini untuk mengajikan pilot-pilot dari Malaysia kerana pilot di Malaysia *number one well trained, number two very discipline*. Ini harus diketengahkan tetapi malangnya PTPTN tidak memberikan pinjaman kepada mereka yang layak untuk memasuki bidang ini.

Saya juga hendak mencadangkan supaya kerajaan memansuhkan biasiswa tetapi memperkenalkan pinjaman kepada pelajar. Bagi mereka yang berjaya mencapai kejayaan contohnya 2.5 CGPA, pinjaman mereka di *convert* kan kepada *partial scholarship* dan separuh lagi mereka perlu bayar ataupun kalau dia mencapai mungkin 3.5 CGPA dan kita boleh *convert* kan pinjaman itu kepada biasiswa.

■1800

Ini akan memberikan mereka motivasi kepada para pelajar ini dan wang yang ada sekarang ini bolehlah digunakan oleh semua pelajar dan yang lebih penting sekali kita minta semua agensi yang memberikan biasiswa ini sama ada Kementerian Pengajian Tinggi, JPA, RISDA, MARA ataupun lain-lain agensi mesti mengikut kaedah ini supaya apabila mereka mendapat pinjaman, tetapi mereka tahu kalau mereka mencapai 2.5 ataupun 3.5 di *convert* kepada *partial scholarship* ataupun *full scholarship*, motivasi untuk mereka belajar ada di situ.

Kedua, pengalaman saya sendiri sebagai pegawai di MSD iaitu *Malaysian Student Department*, pelajar-pelajar kita ini apabila dia dapat *full scholarship* dia main lintang pukang sajarah dan ada yang kebanyakannya gagal bukan kerana dia bodoh tidak pandai tetapi, kerana dia main. Oleh sebab itu kalau kita sediakan biasiswa sebegini kalau sediakan pinjaman begini, motivasi dia untuk belajar lebih tinggi dan kita hendaklah memberikan kepada semua rakyat Malaysia tanpa mengira kaum.

Di samping itu Tuan Yang di-Pertua, saya juga mencadangkan dan menyarankan agar penekanan kepada bahasa Inggeris diberi tumpuan yang sungguh-sungguh. Saya melihat kita sebenarnya ada kelebihan kalau dibandingkan dengan negara-negara lain di rantau ini. Kita ada orang Melayu yang boleh cakap Melayu, Cina, India dan bangsa lain yang boleh cakap bahasa Melayu, bahasa kebangsaan, tetapi kita juga ada bahasa Mandarin yang sedang berkembang di dunia ini, tetapi kita tidak gunakan kekuatan ini. Sepatutnya Mandarin juga mesti diajar cara macam mana, bila mula belajar itu boleh dibincangkan, tetapi soalnya kekuatan bahasa Mandarin ini yang sekarang ini juga menjadi kegilaan di Eropah untuk orang belajar Mandarin kerana negara China akan menjadi sebuah negara ekonomi.

Saya baru balik semalam daripada Indonesia, saya terkejut. Tiga tahun yang lalu saya pergi ke imigresen hampir semua pegawai imigresen tidak boleh bercakap selain daripada bahasa Indonesia. Sekarang ini pegawai imigresen boleh bercakap bahasa Inggeris, bahasa Indonesia selain boleh bercakap bahasa Mandarin. Saya pun terkejut juga. Maknanya, Kerajaan Indonesia mengambil langkah maju ke hadapan, tetapi kita agak lambat. Saya cadangkan supaya bahasa yang kita ada kekuatan ini bahasa Mandarin dan bahasa Tamil diajar kepada anak-anak kita agar rakyat Malaysia akan menjadi rakyat yang berbeza dengan orang lain. Kita boleh bercakap dalam empat bahasa. Sudah pasti kita boleh bercakap dalam bahasa Melayu, bahasa kebangsaan kita, tetapi kita ada kemampuan untuk bercakap dalam bahasa Mandarin, bahasa Inggeris dan bahasa Tamil. Bayangkan kalau kita berjumpa Melayu dengan Melayu cakap dalam bahasa Tamil, orang Kadazan dan Iban boleh bercakap Mandarin dan orang bangsa-bangsa lain boleh bercakap dengan baik dalam bahasa kebangsaan dan bahasa Melayu. Ini kekuatan yang kita ada.

Satu lagi Tuan Yang di-Pertua, tentang teras kedua iaitu mewujudkan persekitaran kondusif bagi mengerakkan pertumbuhan ekonomi. Tuan Yang di-Pertua sudah pasti pertumbuhan ekonomi ini mesti berlaku dari sektor IKS. Mana-mana negara yang sedang membangun, IKS telah menjadi tulang belakang. Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan secara serius melihat bahawa mesti membantu sektor ini tanpa mengira kaum, kerana kita lihat apabila sebuah negara ekonominya merudum tetapi lazimnya yang membangunkan balik, yang menjadi tulang belakang kepada ekonomi negara ini khususnya ialah IKS. Korporat-korporat besar sekarang ini yang mendapat habuan, kontrak dapat keuntungan yang besar melabur di luar negara kerana mereka besar. Akan tetapi yang terus memberikan nada hidup kepada negara ini ialah mereka yang terlibat secara kecil-kecil dan sederhana dan mereka yang terlibat dalam IKS.

Saya ingin mencadangkan supaya kerajaan memberikan peluang untuk latihan yang hebat pada mereka, peluang untuk R&D (*research and development*) dan juga meminta supaya peruntukan diberikan secara khusus kepada mereka dengan memberikan saranan-saranan agar syarikat-syarikat besar dan GLC di negara ini memperuntukkan peruntukan daripada keuntungan mereka, ataupun daripada bajet mereka supaya hal-hal yang berhubung kait dengan latihan dan R&D mestilah diperbesarkan. Jikalau kita tengok di negara kita yang diperuntukkan untuk latihan R&D amat kecil dan kalau dibandingkan dengan Korea, malah Korea mencecah kepada 10% dan 12%. Saya kira kerajaan harus melihat balik sementara kita memberikan sokongan-sokongan dan dukungan kepada syarikat-syarikat besar, tetapi IKS mesti dipertahankan dan dimajukan.

Saya juga mencadangkan kalau sekiranya kerajaan dapat telus tentang hal-hal yang selama ini kita percakapan, saya yakin banyak kemudahan kewangan dan pinjaman dapat diberikan kepada IKS. Jikalau kita telus tentang tanah Keretapi Tanah Melayu (KTM), kalau kita telus dalam pembangunan Sungai Besi dan Sungai Buloh, kalau kita telus tentang pembelian *Armoured Personal Carrier*, kalau kita telus tentang PKFZ sudah pasti tidak berlaku komisen dalam pembelian jet dan kapal selam, sudah tentu semua dana ini kita dapat salurkan kepada IKS yang akhirnya sudah tentu keuntungannya bukan sahaja kepada negara tetapi rakyat, negara terbanyak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh gulung Yang Berhormat.

Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]: Terakhir sekali Tuan Yang di-Pertua, ialah tentang mengarusperdanakan pendidikan teknikal dan latihan vokasional. Tuan Yang di-Pertua negara-negara di Eropah khususnya Germany, Britain ada memperkenalkan polisi vokasional dan teknikal secara konsisten. Ia konsisten. Apabila dia buat polisi dia konsisten dan ikut, Perdana Menteri datang dan pergi, kabinet datang dan pergi, kerajaan datang dan pergi tetapi, polisinya konsisten. Akan tetapi di Malaysia ini bukan sahaja polisi kita tidak konsisten, tetapi juga menteri datang dan pergi polisi itu pun pergi.

Oleh sebab itulah kita melihat pelajar-pelajar atau graduan kita tidak sampai pun 10% yang terlibat di dalam hal teknikal dan vokasional, dan saya rasa kita harus melihat supaya ini diperkembangkan agar Malaysia lebih berdaya saing. Sebelum saya duduk Tuan Yang di-

Pertua, saya hendak sentuh soal judi sukan. Kita tidak pernah mengatakan bahawa halal atau haram. Apa yang kita katakan ialah judi sudah banyak. Syarikat-syarikat yang mengendalikan judi sudah banyak. Persoalannya mengapa tambah satu lagi? Saya didatangi oleh sekumpulan pelajar-pelajar baru-baru ini di kawasan saya dia tanya, "Yang Berhormat, kalau sekiranya kita menghalalkan judi, bolehkah pemain-pemain juga mendapat sogokan agar mereka juga *fixkan* permainan?" Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krau.

6.08 ptg.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillaahir Rahmaanir Rahiim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam 1Malaysia. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah dan syabas kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita juga merangkap Menteri Kewangan yang telah membentangkan Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi tempoh tahun 2011 hingga 2015, di mana sejumlah RM230 bilion belanja pembangunan telah diperuntukkan.

Strategi kerajaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang menggabungkan pembangunan fizikal dan pembangunan modal insan sebagai teras adalah amat berkesan untuk meletakkan negara di landasan yang tepat ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi. Saya hendak beritahu kepada Dewan yang mulia ini dan kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa masyarakat saya petani, penternak, penoreh getah, peneroka, kakitangan awam dan swasta begitu gembira sekali mendengar pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Kita berharap Rancangan Malaysia Kesepuluh ini dapat dilaksanakan mengikut perancangannya.

■1810

Saya juga gembira kerana Rancangan Malaysia Kesepuluh ini telah mendapat sokongan dan pengiktirafan daripada kedua-dua mantan Perdana Menteri iaitu Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tun Abdullah Ahmad Badawi.

Dua perkara yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sewaktu menjawab soalan lisan Yang Berhormat Wangsa Maju di dalam Dewan Rakyat pada 15 hari bulan iaitu hari Selasa baru-baru ini dan juga telah beberapa kali ditegaskan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebelum ini bahawa pendekatan 1Malaysia ini tidak akan lari daripada roh dan juga peruntukan Perlembagaan Persekutuan serta bersandarkan semangat Rukun Negara di mana tidak ada mana-mana pihak yang diketepikan termasuk hak-hak orang Melayu Bumiputera terus dibela.

Apa yang menjadi persoalan semasa menjawab soalan tambahan yang Berhormat Arau pada hari yang sama, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan untuk menjayakan semangat 1Malaysia ini, ada dua prinsip utama iaitu yang disebut juga di dalam pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh iaitu pemahaman rakyat termasuk semua pihak dan yang keduanya di peringkat pelaksanaan oleh pegawai-pegawai kerajaan termasuk juga pemimpin-pemimpin politik termasuk kita sebagai Ahli-ahli Dewan Rakyat dan juga

Dewan Negara. Ini bermaknanya dasar-dasar tidak boleh berjaya jika di peringkat pelaksanaannya gagal dan usaha-usaha murni Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga gagal kalau tidak disambut oleh semua pihak termasuk juga penjawat-penjawat awam.

Saya mengalu-alukan – sebagai contohnya permohonan milik tanah boleh diproses dan diluluskan dari satu bulan disingkatkan kepada satu hari. Untuk mencapainya, ia memerlukan satu perubahan sikap dan cara bekerja di peringkat bawahan iaitu di peringkat Pejabat Tanah dan Daerah masing-masing di mana *mentality* seperti menghabiskan masa dengan selepas merakamkan kad perakam waktu, berborak-borak terlebih dahulu, selepas itu bekerja lebih kurang setengah jam, selepas itu pergi minum teh dan kopi lama-lama di kantin dan ada juga sikap yang suka melayari *internet* terhadap perkara-perkara yang tidak ada bidang tugas masing-masing sewaktu waktu pejabat. Urusan ini tidak akan membantu pihak kerajaan sekiranya keadaan ini tidak dapat diubah iaitu yang kita selalu sebut sistem penyampaian yang telah diambil berat oleh pihak atau Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita.

Perkara yang kedua juga tentang sistem penyampaian ini juga hendaklah dikongsi bersama oleh pegawai-pegawai di kementerian-kementerian. Baru-baru ini kita lihat Setiausaha Parlimen sudah tidak dilantik di dalam Dewan Rakyat ini dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri melalui Menteri-menteri yang berkenaan telah melantik Pegawai Tugas-Tugas Khas (PTTK) dan juga pembantu-pembantu Menteri, pegawai khas, dan sebagainya. Saya percaya dengan pelantikan pegawai-pegawai yang saya sebutkan tadi seperti PTTK, pembantu khas, pegawai akhbar, setiausaha politik dan sebagainya mestilah juga sama-sama dapat turun padang dan dapat melaksanakan, memberikan bantuan yang sebaik mungkin apabila wakil-wakil rakyat mengadakan perbincangan atau urusan dengan kementerian yang berkenaan demi membangunkan kawasan masing-masing. Kita tahu bahawa kalau kita mahu berhubung terus dengan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri, mungkin tidak cukup masa.

Oleh itu, Pegawai-pegawai Tugas-tugas Khas dan pembantu-pembantu Menteri ini mestilah proaktif dan tidak menjadikan satu alasan mengatakan bahawa, "*Ini bukan urusan saya, ini urusan pegawai lain*". Dan apabila kita berurusan dengan pegawai yang disebut oleh pegawai yang pertama tadi, pegawai kedua pun berkata, "*Itu bukan urusan saya, itu urusan orang lain*". Bermaknanya, kadang-kadang ada tindakan-tindakan yang tidak menggembirakan wakil-wakil rakyat seolah-olahnya Wakil Rakyat ini dimainkan atau ditendang ke sana sini sebagaimana pertandingan bola sepak Piala Dunia sekarang ini. Jadi saya percaya bahawa kerjasama semua pihak sama ada orang ramai yang mahukan urusannya dan permohonannya dapat dipertimbangkan dengan cepat, kerjasama daripada pegawai-pegawai di peringkat bawah di peringkat daerah, negeri, dan kementerian hendaklah dilaksanakan dengan sebaik mungkin.

Satu perkara lagi yang mahu saya sebut iaitu berkaitan tindakan Ketua Setiausaha Negara yang mungkin sudah disentuh oleh Wakil Rakyat di dalam sidang atau mesyuarat yang lalu iaitu kadang-kadang menimbulkan keresahan orang ramai apabila ada cuba

membuat arahan kepada mana-mana pegawai kerajaan. Yang Berhormat Wakil-wakil Rakyat tidak boleh lagi atau sekiranya mengeluarkan surat sokongan, surat sokongan tersebut yang dikeluarkan oleh Wakil Rakyat bolehlah diketepikan atau dengan kata lain bolehlah dibuang ke dalam tong sampah dan sebagainya.

Dua tiga minggu baru-baru ini apabila kita balik kawasan, terutama saya balik kawasan, berapa saman telah dikemukakan dan diserahkan kepada saya iaitu saman lalu lintas atau saman trafik yang dikeluarkan oleh pihak polis trafik di mana ada arahan juga daripada Ketua Setiausaha bahawa jika saman atau kompaun ini dikeluarkan, pihak IGP (Ketua Polis Negara) dan Ketua Pengarah JPJ tidak ada lagi kuasa untuk mengurangkan kompaun atau saman tersebut. Jikalau RM300, hendaklah dikekalkan RM300. Saya percaya bahawa pihak Ketua Polis Negara atau Ketua Pengarah JPJ mempunyai hak di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987. Apabila arahan ini telah dikeluarkan – kalaulah penduduk luar bandar, peneroka, dan petani mempunyai saman lima atau enam, kalaulah kena RM300 x 5 = RM1,500 tidak boleh dikurangkan dan jikalau mahu dikurangkan terpaksa pergi ke Bukit Aman, ini boleh menyusahkan orang ramai yang saya sebutkan tadi dasar...

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Sebentar.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Boleh mencelah?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Dasar cukup baik tetapi dari segi pelaksanaan tidak menolong, membantu kerajaan terutamanya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam untuk memajukan negara kita di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Satu sahaja, sebentar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Mahu beri jalan Yang Berhormat?

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Satu sahaja sebentar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Masa tambahan tidak ada.

Ir. Haji Hamim bin Samuri [Ledang]: Sedikit sahaja. Ini fasal tadi sebut saman ekor ini. Adakah Yang Berhormat Kuala Krau bersetuju bahawa JPJ mempunyai kuasa lebih tinggi daripada mahkamah kerana mahkamah tidak boleh membuat keputusan ke atas saman ekor ini tetapi JPJ boleh sekat orang dengan tidak memberi mereka memperoleh lesen dan *road tax*? Sekian, terima kasih.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Ini juga satu perkara yang hendaklah diteliti oleh pihak Menteri yang berkenaan yang boleh menyusahkan orang ramai.

Tentang perkara yang ketiga yang saya mahu sebut iaitu mengenai FELDA. Saya percaya bahawa di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri juga memberikan fokus utama kepada peserta atau peneroka FELDA termasuk generasi kedua FELDA agar di perhebatkan dan dibangunkan sama ada pembangunan insan dan sebagainya. Saya mencadangkan – kerana di dalam perjumpaan saya dengan peserta anak-anak peneroka FELDA ini, mereka menyatakan dari segi kelayakan mereka sama taraf dan mempunyai kelayakan yang sama dengan orang lain tetapi apabila jawatan-jawatan yang

diwujudkan atau jawatan tersebut kosong, tidak diberikan keutamaan kepada anak peneroka atau generasi kedua FELDA. Saya mencadangkan jawatan tersebut hendaklah diberi keutamaan kepada anak generasi kedua FELDA.

■1820

Perkara kedua mengenai FELDA, saya juga mencadangkan supaya skim pinjaman biasiswa khusus kepada anak-anak peneroka FELDA ini diperluaskan sama ada di dalam negara dan di luar negara.

Tuan Yang di-Pertua, masalah bekalan air masih lagi menjadi masalah utama peneroka FELDA di dalam rancangan kawasan Parlimen Kuala Krau. Memang bekalan air ini kadang-kadang pukul 2.00 pagi atau 3.00 pagi sahaja yang ada terutama sekali waktu kemuncak. Boleh saya sebutkan di FELDA Jengka 15, 17, di FELDA 18, 19 dan 21. Mereka ini sudah 30 tahun hingga 40 tahun juga menjadi peneroka tetapi masih lagi menghadapi masalah bekalan air dan juga sistem longkang.

Saya juga ingin tahu tentang pelaburan hotel FELDA di tanah suci Mekah, adakah kita mempunyai keuntungan atau hotel tersebut mengalami kerugian, tidak menguntungkan pada pihak FELDA. Tentang sara hidup, saya percaya bahawa sara hidup peneroka adalah satu pendahuluan atau pinjaman yang diberikan oleh FELDA kepada peneroka. Sekarang ini ada sara hidup RM1,000 dan saya mencadangkan dinaikkan kepada RM1,500 sehingga RM2,000 supaya tidak membebankan peneroka FELDA yang menyertai tanam semula.

Tentang PERMATA, saya juga menyokong usaha-usaha PERMATA ini diwujudkan dan saya menyokong Yang Berhormat Sri Gading yang mencadangkan supaya satu jabatan yang khusus diwujudkan bagi mengendalikan program PERMATA seperti Jabatan Pendidikan Awal boleh kita wujudkan di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya. Habis.

Dato' Haji Ismail bin Mohamed Said [Kuala Krau]: Akhirnya, saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang menyebut beberapa perkara khusus mengenai pembangunan jalan raya di kawasan atau negeri Pahang. Cuma saya hendak sebut juga sebagaimana kawan-kawan yang lain, saya juga merayu supaya apa juga senarai yang dikemukakan oleh kerajaan negeri dan juga dikemukakan oleh rakan-rakan saya di negeri Pahang melalui Ahli-ahli Parlimen kawasan masing-masing hendaklah dipertimbangkan dan diluluskan di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh terutama sekali tentang projek rumah PPRT hendaklah diperhebat. Kalau kita memohon 200, setahun sekurang-kurangnya 100 atau 50, janganlah lulus lapan atau sepuluh sebagaimana sekarang. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Dengan ini saya menyokong.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kuala Krai.

6.23 ptg.

Dr. Mohd. Hatta Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana mengizinkan saya turut sama berbahas mengenai pembentangan RMKe-10 yang baru lalu. Pertamanya, saya ingin mengulas kenyataan daripada salah seorang Menteri Kabinet mengenai pertubuhan satu pasukan khas Putrajaya atau pun peringkat Kerajaan Pusat untuk

menangani beberapa projek-projek pembangunan di negeri Kelantan yang tidak mengikut jadual dan diberikan beberapa contoh, enam contoh Universiti Malaysia Kelantan contohnya, lebuh raya dan Jambatan Sultan Yahya Petra Kedua yang belum siap.

Tuan Yang di-Pertua, pengakuan ini sebenarnya menggambarkan betapa Kerajaan Pusat menganaktirikan pembangunan negeri Kelantan. Itu hanya beberapa contoh yang disebut. Kita ada... [*Ketawa*] Kita ada satu lebuh raya, satu jalan baru daripada Pahi di Kuala Krai ke Wakaf Che Yeh yang sudah pun diluluskan, yang sudah melalui proses *alignment* yang baik dan pengambilan tanah, kontrak pun telah diberikan tetapi sampai hari ini belum nampak lagi perkembangan. Walaupun tender telah dikeluarkan, kontraktor telah dipilih bukan sekali dua, masih belum berjalan.

Jambatan Kedua Sultan Yahya Petra pun saya rasa kontraktornya sudah bertukar tiga, empat kali sudah tetapi masih lagi tidak mengikut jadual. Apakah yang kita boleh harapkan suatu pembangunan yang dapat bersaing dengan tempat-tempat lain, negeri-negeri lain kalau seandainya pembangunan di Kelantan ini diambil mudah? Bagaimana kerajaan hendak mencapai tahap satu negara maju kalau tidak keseluruhan negara itu menjalani pembangunan yang sama? Kalau ada tempat-tempat yang tercicir, maka tiba tahun 2020 kita tidak akan dapat mengandaikan atau mengatakan negara kita telah mencapai negara maju, kalau ada lagi tempat-tempat di Malaysia – kita dengar ucapan daripada Yang Berhormat BN sendiri, tempat masing-masing masih dalam keadaan dunia ketiga, bekalan air dan sebagainya.

Jadi, saya mengandaikan juga bahawa pengumuman oleh Menteri yang menguasai Kelantan ini seakan-akan mengakui bahawa di sana ada masalah dalam pelaksanaan, mungkin ada salah guna kuasa, perlu disiasat sama ada berlaku penyelewengan, rasuah dan sebagainya. Kalau tidak diambil tindakan yang tegas, saya khuatir kita akan melihat ada negeri di Malaysia ini yang tertinggal dalam projek pembangunan.

Dalam perbahasan dalam sesi yang lepas, saya membangkitkan beberapa isu tempatan di Kuala Krai sebagai menepati hasrat penduduk Kuala Krai. Satu projek yang ditangguhkan daripada RMKe-9 iaitu hospital baru Kuala Krai. Saya kurang pasti sama ada satu projek yang khusus saya sebutkan ini dibawa ke RMKe-10 kerana kita dimaklumkan semua proses pengambilalihan tanah seluas 100 ekar untuk satu hospital telah pun diluluskan. Begitu juga sebelum kita masuk ke RMKe-10 ini, kita sebagai wakil rakyat tidak dapat lagi hendak memejamkan mata dan menutup telinga dengan rintihan rakyat mengenai perkara-perkara asas, jalan-jalan, bekalan air, bekalan elektrik, bahagian jalan yang berbahaya yang menimbulkan banyak kecelakaan dalam kemalangan-kemalangan jalan raya. Suatu jalan yang saya sebut, yang telah saya rayu pada Menteri, satu *stretch* sahaja bukan panjang pun, tidak sampai dua kilometer *stretch* di antara Sungai Sam dengan Dabung.

Memang sejak banjir bulan November tahun lepas sampai hari ini tidak dapat disediakan satu peruntukan untuk baik pulih jalan. Bukan hendak naik taraf, hendak baik pulih. Kalau boleh *patch up* lubang yang begitu teruk pun jadilah. Itu pun kita tidak dapat

saksikan, bagaimana kita hendak mengandaikan program-program yang lebih besar daripada itu? Di kawasan-kawasan KESEDAR misalnya, di RPT-RPT, bekalan air masih menggunakan bekalan air bukit. Tidakkah pihak berkuasa tempatan tersebut seperti KESEDAR wilayah ini dapat menimbangkan untuk memastikan adanya kerjasama yang baik dengan pihak air Kelantan misalnya untuk memastikan bekalan air ini tiba kepada penduduk dalam kadar yang segera. Takkanlah Tuan Yang di-Pertua, tahun 2010 ada lagi rakyat di Malaysia ini menikmati air bukit. Walaupun dikatakan air bukit ini sihat, kandungan mineralnya mencukupi tetapi tidak munasabah dari segi kesihatan, dari segi kandungan bahan-bahan yang bahaya mungkin, ini akan menjejaskan kesihatan kita.

Jadi saya harap sebelum kita masuk ke RMKe-10 ini, perkara-perkara yang sudah tertunggak ini terutamanya di tempat saya diambil perhatian. Ada jalan yang runtuh di Mengkebang. Kalau kita tersilap selekoh, memang jatuh 200 meter gaung, sudah 11 bulan tidak diperbaiki. Ini perkara-perkara yang asas yang tidak memerlukan sebenarnya wakil rakyat untuk menyampaikannya tetapi terpaksa kita ambil tanggungjawab untuk menyebut ini walaupun pihak jentera kerajaan dari peringkat akar umbi sepatutnya telah dapat menyelesaikan masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin mengalu-alukan rakan-rakan kita daripada kaum bukan Islam yang bersama-sama menolak judi, bukan sahaja judi yang baru hendak diperkenalkan, judi yang sedia ada pun diberi komen tentang kesannya terhadap pembangunan manusia, insan di negara kita ini.

Kita di Kelantan tentulah rasa terkejut kerana berita ini terbit daripada salah seorang Ahli Kabinet daripada Kelantan yang pernah diuar-uarkan dahulu dalam pilihan raya tahun 2008 mungkin menjadi menteri besar kalau menang pilihan raya itu sebagai ADUN.

■1830

Walaupun sampai hari ini lesen yang dikatakan diberikan kepada syarikat berkenaan itu belum diberikan tetapi kita mahukan kepastian daripada kerajaan kerana saya pun menerima satu jawapan bertulis daripada kerajaan. Mengatakan bahawa kerajaan belum memuktamadkan perbincangan mengenai syarat-syarat dan terma-terma pelesenan walaupun ada daripada kami di sebelah sini yang telah mengemukakan dokumen-dokumen. Yang Berhormat Petaling Jaya Utara kalau tidak silap saya mengemukakan dokumen bahawa lesennya telah diberikan dan telah dikeluarkan.

Jadi perkara ini bukan hanya menimbulkan kemarahan dan juga rasa kekecewaan di kalangan umat Islam tetapi juga menyebabkan keseluruhan usaha-usaha kerajaan untuk membangunkan minda masyarakat pendidikan, mengubah atau menghapuskan masalah-masalah sosial tidak digambarkan dengan baik melalui tindakan-tindakan ini.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]

mempengerusikan Mesyuarat]

Jadi saya mengharapkan kerajaan memberikan suatu jawapan yang pasti, *yes or no*. Betul atau tidak dan kalau betul, kita berharap ianya merupakan sesuatu keputusan yang perlu diubah semula kerana ianya merupakan satu ancaman kepada masyarakat Malaysia

dan satu penghinaan terhadap agama kita. Kalaulah hujahnya ialah untuk mengelakkan wang kita lari ke negara asing, misalnya ke Singapura kerana orang berjudi di sana ataupun kepada pihak-pihak yang menjalankan judi tanpa lesen, ini adalah persoalan penguatkuasaan.

Persoalan kemampuan pihak-pihak berkuasa seperti pihak Polis Diraja Malaysia untuk mengendalikan pencegahan. Sehari atau dua ini kalau kita mengikuti perkembangan dalam akhbar ramai pula orang ini yang menjalankan judi haram atau judi tanpa lesen ini dapat ditangkap. Saya tidak faham apa maksud berita-berita ini adakah untuk menunjukkan bahawa memang ramai yang terlibat ataupun hendak menunjukkan bahawa pihak polis boleh kalau mereka hendak. Jadi kalau usaha dipertingkatkan pencegahan dan juga penguatkuasaan, saya yakin kita tidak perlu meluluskan satu lesen semata-mata untuk mengelakkan wang daripada rakyat Malaysia ini lepas kepada pihak-pihak yang menjalankan aktiviti bawah tanah ini.

Tuan Yang di-Pertua, akhir sekali saya ingin menyentuh mengenai kedudukan di Kelantan juga tentang royalti minyak. Kita masih lagi berpendirian bahawa demi untuk keadilan - kalau kita lihat dalam laporan ataupun dalam buku tebal Rancangan Malaysia Kesepuluh ini, memang di antara perkara yang hendak dibangunkan di Kelantan ini ialah program petrokimia daripada Tumpat, Bachok dan sebagainya. Sudah tentulah Kelantan perlu menikmati hasil daripada pengeluaran minyak di perairan Kelantan. Nikmat ini tidak hanya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat. Ya, habiskan.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Saya habiskan ayat ini. Nikmatnya seharusnya tidak dinikmati oleh kawasan pinggir pantai seperti Tumpat dan Bachok. Akan tetapi di dalaman seperti Kuala Krai dan Gua Musang harus menerima hasil pembangunan ini melalui pemberian royalti yang dapat digunakan secara menyeluruh pada seluruh negeri Kelantan dan tidak ada ganti kepada royalti ini melainkan ianya tetap royalti kepada negeri Kelantan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Gelang Patah.

6.04 ptg.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberi peluang kepada saya untuk membahaskan Rancangan Malaysia Kesepuluh yang dibentangkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri baru-baru ini. Saya berharap tinggi untuk melihat RMKe-10 ini akan dilaksanakan dengan jaya dan mengarahkan negara menjadi sebuah negara maju. Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengemukakan beberapa masalah yang dihadapi oleh rakyat di kawasan saya.

Perkara pertama saya ingin membangkitkan tentang isu pendaftaran di bawah Pembangunan Sumber Manusia Berhad, pendek kata PSMB oleh pengusaha serta perkilangan dan perkhidmatan. Setiap majikan yang memenuhi syarat akta PSMB mesti mendaftar dengan PSMB. Majikan yang gagal berbuat demikian adalah dianggap telah melakukan satu kesalahan dan jika disabitkan boleh dikenakan denda tidak melebihi RM10,000 atau penjara bagi tempoh tidak melebihi satu tahun atau kedua-duanya.

Berdasarkan Akta PSMB, seksyen 14 dalam kandungan satu, menetapkan bahawa, *“Setiap majikan yang diliputi di bawah akta PSMB 2001 hendaklah membayar levi pembangunan sumber manusia ke atas setiap pekerjanya pada kadar 1% daripada gaji bulanan pekerja pada bulan pertama dan bulan-bulan berikutnya bermula dari tarikh mereka menjadi labour. Pembayaran levi ini menjadi tanggungjawab majikan dan upah pekerja tidak boleh dipotong bagi tujuan pembayaran levi. Majikan dikehendaki menggunakan bayaran levi tersebut melalui skim-skim latihan yang ditawarkan oleh PSMB.”*

Tuan Yang di-Pertua, skim-skim yang ditawarkan biasanya diajari oleh penyelia-penyelia latihan yang berdaftar dengan PSMB. Di antara program latihan atau kursus yang boleh ditawarkan ialah kemahiran pengurusan pentadbiran, teknikal, pertukangan, komputer dan kemahiran produktiviti. Saya menerima aduan daripada pengusaha-pengusaha bidang IT terutamanya perkhidmatan komputer perisian bahawa program latihan kursus atau kursus yang diajari adalah kurang relevan atau tidak berkaitan langsung tentang bidang yang mereka ceburi.

Mereka berpendapat bahawa kursus ini membazirkan masa dan wang kerana adalah kurang berkesan, tidak memuaskan serta tidak bermanfaat kepada kerja mereka. Kadangkala pekerja mereka adalah lebih faham dan lebih profesional dalam bidang tersebut jika dibandingkan dengan penyelia-penyelia tersebut. Maka saya berharap pihak kementerian dapat memberi perhatian tentang masalah ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara kedua saya ingin mempersoalkan tentang masalah pekerja asing yang selalu dihadapi oleh peniaga-peniaga. Jumlah pekerja asing di negara kita telah menurun sejak awal tahun lepas dan kerajaan tetap komited untuk mengurangkan jumlah pekerja asing di negara. Terdapat banyak peniaga mengadukan bahawa mereka menghadapi masalah dalam permohonan pekerja asing di mana seluruh proses memakan masa yang amat panjang.

Permintaan pasaran untuk mengambil pekerja asing masih tinggi apabila mereka perlu meningkatkan pengeluaran mengikut pemulihan ekonomi. Disebabkan permohonan pekerja asing memakan masa yang panjang dan bilangan pekerja yang dipohon tidak semestinya mengikut permintaan syarikat. Ini telah menyebabkan mereka tidak berani menerima kontrak atau order yang baru kerana ketakutan menanggung kerugian sekiranya projek tidak dapat disiapkan dalam masa yang ditetapkan akibat kekurangan tenaga pekerja.

■1840

Tuan Yang di-Pertua, pekerja asing hanya dibenarkan bekerja di negara untuk tempoh maksimum lima tahun sahaja, bagi semua kategori pekerjaan kecuali pembantu

rumah. Pihak industri mengalami kerugian besar kerana mereka membuat pelaburan yang besar dalam melatih mereka beberapa tahun. Setelah mereka berjaya menguasai kemahiran dalam sesuatu bidang, mereka tidak dibenarkan menyambung permit di atas sebab tempoh permit telah melebihi lima tahun. Mereka terpaksa membawa balik kemahiran yang diperoleh ke negara asal dan mengguna pakai kemahiran ini untuk memajukan negara mereka. Oleh yang demikian, saya berharap pihak kementerian dapat menimbang semula dengan memaksimumkan tempoh ini sehingga 10 tahun supaya pekerja asing dapat terus menyambung bekerja di negara kita.

Tuan Yang di-Pertua, masalah pekerja tanpa izin bukanlah isu baru. Maka saya ingin tahu apakah langkah yang diambil oleh kementerian dalam mengatasi masalah ini. Bagi pendatang asing tanpa izin yang tertangkap atau undur diri, kos menghantar balik warga asing ini ditanggung oleh siapa? Selain itu, ada atau tidak program pengampunan bagi pendatang asing masih dilaksanakan? Sekiranya ada, sila nyatakan dengan jelas tentang prosedur pengampunan serta jumlah kos yang dikehendaki.

Untuk mengatasi masalah pekerja asing tanpa izin atau pekerja asing yang menyalahgunakan permit, adakah kementerian merancang untuk mengeluarkan permit kepada mereka supaya bidang serta mengelakkan mereka dapat terkawal oleh kerajaan demi mendapat keuntungan dari segi pembayaran levi oleh mereka. Selain itu, terdapat ramai pemilik bangunan apartmen, rumah pangsa atau kedai menyewakan rumah mereka kepada pekerja asing. Ini bukan sahaja menimbulkan masalah kebersihan sampah sarap...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: Ya, masa Yang Berhormat.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: Okey, satu minit lagi ya Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: Saya tidak mahu tawar menawar petang macam ini Yang Berhormat.

Puan Tan Ah Eng [Gelang Patah]: ...Saya berharap isu pekerja asing ini dapat diberi perhatian oleh kementerian kita. Dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tunku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Selayang.

6.43 ptg.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan saya peluang untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh ini. Saya sungguh tertarik membaca Rancangan Malaysia Kesepuluh bahawa negara kita perlu membuat perubahan untuk mencapai status ekonomi berpendapatan tinggi menjelang tahun 2020. Kerajaan bercadang untuk melaksanakan perubahan melalui transformasi dan Model Ekonomi Baru.

Kita kedua-dua belah di Dewan mulia ini terdapat titik persamaan bahawa Malaysia perlu melakukan perubahan struktur yang kritikal. Kami di sebelah sini sebelum PRU-12 sudah memaklumkan bahawa negara kita telah hilang daya saing. Negara perlu reformasi.

Pakatan Rakyat telah mencadangkan Agenda Ekonomi Baru, tindakan *affirmative* hendak mengikut keperluan dan bukannya kaum.

Saya mendapati kerajaan pada ketika ini kurang mempunyai keazaman dan keberanian untuk membuat perubahan yang dicadangkan dalam RMKe-10 dan MEB. Perkasa, Ahli UMNO dan kumpulan yang memanggil 'Bangkit Melayu' membantah NEM dan perubahan. Mereka menyatakan bahawa ramai Melayu masih miskin dan ke belakang dari segi ekonomi. Kalau tindakan *affirmative* di bawah DEB dihapuskan, mereka takut Melayu akan rugi. Mereka menyeru perhimpunan peristiwa 13 Mei untuk mengingatkan rakyat Malaysia tentang rusuhan perkauman jika hak-hak orang Melayu tidak dihormati. Dengan tekanan seperti ini, Yang Berhormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Pegawai di Unit Perancang Ekonomi dan kerajaan menolak Majlis Penasihat Ekonomi Negara (MPEN) sebagai badan kerajaan dan menyangka MEB sebagai usul kerajaan.

Pada 31 Mei 2010, Dato' Sri Najib Tun Razak - Perdana Menteri juga telah membuat pengisytiharan di Kongres Ekonomi Bumiputera bahawa beliau tidak akan mengkhianati prinsip-prinsip DEB. Oleh yang demikian, kerajaan hendak mempamerkan keazaman dan keberanian untuk melakukan perubahan dengan NEM. Saya mencadangkan kerajaan memberikan penjelasan dan pengakuan terhadap empat perkara berikut untuk membuktikan keazaman dan keberanian untuk membuat perubahan yang diperlukan oleh negara kita.

Perkara pertama ialah menubuhkan tribunal kebenaran dan rekonsiliasi peristiwa 13 Mei. Kerap kali *supremacy* UMNO diancam atau isu kekurangan hak asasi manusia dibahas, momok peristiwa 13 Mei dibangkitkan. Negara kita telah terperangkap dalam kancah politik perkauman selama 40 tahun. Negara kita telah sampai persimpangan yang kritikal. Rakyat kita perlu membuat keputusan sama ada mengikut jalan lama dengan DEB dan politik perkauman atau mengambil jalan baru dengan melaksanakan perubahan. Untuk membolehkan rakyat mencapai konsensus tentang hala tuju, kerajaan perlu menubuhkan satu tribunal kebenaran dan rekonsiliasi peristiwa 13 Mei.

Peristiwa 13 Mei merupakan satu komplot orang Melayu kelas kapitalis mengguling Tunku Abdul Rahman sebagai Perdana Menteri dan bukan sebab oleh masalah perkauman. Tunku Abdul Rahman telah menyatakan dalam buku '*K. Das & The Tunku Tapes*'. Beliau mengatakan, "*You know Harun was one of those... Harun, Mahathir, Ghazali Shafie... Who were all working with Razak to oust me, to take over my place...*" Pada tahun 1977, Subki Latiff, seorang wartawan menulis, "*The May 13 Incident did not occur spontaneously. It was planned quickly and purposely. The identity of the planners of the incident cannot be stated with accuracy. But whatever it was that happened, the Malay 13 Incident was a form of coup d'etat directed against Tunku Abdul Rahman. The Tunku's power in fact ended from then onwards. Although he continued to be Prime Minister and President of Umno, he was no more than a figurehead.*" Ini terdapat di dalam buku '*May 13 - Declassified Documents on the Malaysian Riots of 1969*' oleh Dr. Kua Kia Soong.

Baru-baru ini, Tan Sri Abdullah Ahmad, bekas Setiausaha Politik Tun Razak sebelum, semasa dan selepas peristiwa 13 Mei telah menulis sebuah artikel tentang kejadian

ini. Beliau menyatakan bahawa insiden tragik dan ganas itu tidak perlu terjadi sekiranya pesanan Tun Razak kepada Dato' Harun Idris, Menteri Besar Selangor diterima 30 minit lebih awal bahawa mereka tidak bekerjasama dengan DAP untuk membentuk Kerajaan Negeri Selangor atau bekerjasama di Perak dan di tempat lain. Tan Sri Abdullah mengatakan beliau berada di samping Tun Razak ketika beliau mengambil panggilan-panggilan tersebut. Beliau jelas mengingati tentang apa yang dikatakan oleh Tun Razak kepada Dato' Harun, "*The good news is you will continue to run Selangor.*"

■1850

"*Chee Khoo and Chong Eu have just spoken to me, and they want the status preserved. So tell the people gathering at your house to disperse*". Dato' Harun mengucapkan terima kasih kepada Tun Razak dan meminta beliau menyampaikan rasa terhutang budi dan amat terima kasih kepada dua ahli politik terhormat. Lebih kurang lima hingga sepuluh minit selepas itu, Dato' Harun menelefon Tun Razak untuk memaklumkan bahawa ia sudah terlambat.

Pada masa beliau mengarahkan mereka untuk bersurai, berita telah diterima rusuhan telah bermula di kawasan Chow Kit dan berhampirannya. Oleh sebab itu, masa telah tiba untuk kita selepas 40 tahun untuk rakyat untuk mengetahui apa sebenarnya berlaku. Hanya dengan tribunal kebenaran dan rekonsiliasi baru kita dapat mengadakan satu ketamatan atau dengan izin, *closure* bagi rakyat kita.

Perkara kedua, kerajaan perlu membuat untuk menunjukkan bahawa kerajaan ada keazaman untuk melaksanakan perubahan dalam mengakui DEB tidak memberi manfaat kepada semua orang Melayu. DEB hanya memberi manfaat kepada golongan kecil yang terpilih. Hujah yang selalu digunakan untuk mempertahankan DEB adalah dasar ini akan membasmi kemiskinan orang Melayu. Akan tetapi pelaksanaan DEB terpesong. DEB telah disalahgunakan untuk memberi manfaat kepada golongan terpilih. Selepas 40 tahun DEB dilaksanakan kebanyakan Melayu masih adalah golongan pendapatan terendah 40%. Berdasarkan statistik kerajaan, 62% dari orang Melayu memperolehi RM3,000 atau kurang sebulan. Mereka adalah petani, penoreh getah, nelayan, pekerja kilang dan peniaga kecil.

Sejumlah 34% keluarga Melayu memperolehi antara RM3,000 dan RM10,000 sebulan. Mereka adalah pekerja kerajaan, pegawai di syarikat yang berkaitan GLC dengan kerajaan, kontraktor dan peniaga. 2.8% keluarga Melayu memperolehi antara RM10,000 dan RM20,000 sebulan. Mereka adalah eksekutif kanan di syarikat berkaitan kerajaan GLC, kontraktor besar dan profesional. Hanya 0.5% dari keluarga Melayu berpendapatan lebih daripada RM20,000 sebulan.

Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 10 Jun 2010 dalam jawapan kepada pertanyaan Parlimen saya telah menyatakan bahawa kerajaan sedar 80% daripada golongan luar bandar berpendapatan 40% terendah adalah terdiri daripada bumiputera. Dalam bandar 53% adalah dari kaum Melayu. Mengikut Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, banyak faktor yang menyebabkan bumiputera masih merupakan sebahagian besar dari golongan isi rumah pendapatan terendah.

Ini antara lainnya disebabkan oleh kekurangan dari segi kapasiti dan keupayaan untuk merebut peluang ekonomi, tidak mempunyai sumber modal, tidak mempunyai tahap pendidikan dan kemahiran, tinggal di luar bandar atau kawasan pedalaman dan terlibat dalam aktiviti...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat tidak boleh habis Yang Berhormat.

Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]: Dengan ini saya akan membuat kesimpulan bahawa masa telah tiba untuk kerajaan memberikan penjelasan dengan kebenaran supaya rakyat kita dapat membuat keputusan sama ada perubahan yang perlu di hendakkan atau melanjutkan DEB dengan jalan dan cara yang lama. Sekian, terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Langkawi.

6.54 ptg.

Datuk Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Izinkan saya mengucapkan terima kasih kepada pihak Tuan Yang di-Pertua kerana telah memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Malaysia Kesepuluh. Saya ingin mengucapkan dan berbangga dengan pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh, tahun 2011-2015 kerana ia sebagai satu kelengkapan pada negara kita untuk maju ke hadapan mencapai kejayaan 2020.

Juga izinkan saya Tuan Yang di-Pertua, untuk berterima kasih kepada PDRM yang telah banyak berjasa kepada kita. Angkatan Tentera Malaysia, Agensi Penguatkuasaan Maritim, Kastam Diraja Malaysia, Lembaga Pembangunan Langkawi kepada Langkawi seterusnya lain-lainlah yang memberi perhatian serta tumpuan khusus bagi memajukan Langkawi.

Kesempatan ini juga, saya merakamkan penghargaan kepada pengusaha chalet dan hotel-hotel, chalet, rumah tumpangan, *homestay* dan sebagainya yang telah memberikan perkhidmatan yang terbaik kepada Langkawi dan menggamitkan pelancong datang ke Langkawi. Walau bagaimanapun saya tertarik dengan semasa soal jawab sesi yang lepas berhubung dengan soalan saya soalan lisan iaitu adakah Kementerian Pengangkutan mempunyai perancangan untuk menaikkan taraf jeti Kuala Perlis dan Kuala Kedah? Dan juga adakah dikatakan di *setting work* berlaku dengan baiknya. Jawapan telah terima oleh saya. lalah tidak ada perancangan untuk menaikkan taraf jeti Kuala Perlis dan Kuala Kedah. Apa yang dilakukanlah adalah pengorekan atau *descending* yang dibuat dua tahun sekali.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Dewan tersebut telah dinyatakan bahawasanya set kapal pengorek, menggerudi ataupun mengorek kosnya adalah RM14 juta hingga RM18 juta setahun satu pangkalan. Dalam lain perkataan dua tahun sekali kerajaan akan membelanjakan RM14 juta ataupun RM18 juta.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ini bagi saya ialah pembaziran berlaku kerana apabila kita lihat semasa berulang alik Langkawi ke daratan terdapat di mana pengorekan berlaku pada bulan April dan bulan Mei 2008 dan siap sepenuhnya pada bulan Mei 2008. Apabila dua bulan, datang pada bulan Ogos dan September laluan tersebut masih lagi seperti yang asal dalam lain perkataan tidak ada berlaku perubahan yang begitu ketara.

Pada saya memberi pendapat daripada pihak kementerian menghabiskan wang sebanyak RM18 juta, setiap kali berlaku pengorekan ini adalah lebih baik menambak laut sejauh dua atau tiga kilometer ke luar pantai yang mana lain peningkatan ialah membina jeti baru untuk menyelesaikan masalah ini. Saya percaya Kuala Perlis dan Kuala Kedah satu *gateway* ke Pulau Langkawi yang menggamitkan pelancong antara 24 juta dan 24.5 juta orang setahun.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi ialah saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Amat Berbahagia Tun Mahathir Mohamad, Mantan Perdana Menteri dan Yang Amat Berbahagia Tun Daim Zainuddin yang telah menubuhkan LADA. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih dengan keprihatinan kerajaan untuk menubuhkan Lembaga Pembangunan Langkawi. Yang mana dengan tujuan asal untuk membangunkan Langkawi dari segi fizikal dan ekonomi.

Walau bagaimanapun masih terdapat beberapa perkara yang perlu diberi perhatian dan dipantau secara bersepadu oleh pihak Kementerian Kewangan yang menguasai LADA. Apa yang telah dilakukan oleh LADA di Langkawi? Terdapat banyak rungutan diterima berhubung dengan pengabaian tanggungjawab oleh pihak LADA dalam melaksanakan amanah yang diberikan oleh untuk membangunkan Langkawi.

Dari apa yang saya perhatikan kebanyakan projek terbengkalai. Antaranya ialah jeti di Pulau Tuba. Walaupun sekarang ini telah diadakan akan tetapi selama dua tahun jeti itu tenggelam tiada berlaku pengapungan. Sekarang barulah diadakan. Satu perkara lagi adalah titi yang menghubungkan Pulau Tuba dengan Pulau Dayang Bunting. Masih sekarang ini tidak boleh digunakan kerana terdapat kecacatan. Juga saya percaya satu lagi ialah Jambatan Sungai Kuah yang terpendek tetapi, yang terpanjang masanya untuk disiapkan. Sekarang ini masih lagi dalam kes forensik.

▪ **1900**

Tuan Yang di-Pertua, banyak lagi yang boleh saya katakan di sini tetapi saya harap pihak Kementerian Kewangan memantau dengan sedalam-dalamnya, kalau hendak mengharapkan Menteri Kewangan sebagai pengerusi, memantau hal cukai. Saya harap pihak Kementerian Kewangan dapat memantau perkara ini dengan lebih teliti lagi supaya rungutan rakyat Langkawi dapat diatasi.

Satu lagi ialah Kementerian Belia dan Sukan. Tahun ini Malaysia akan menjadi tuan rumah Optimist ataupun *IODA World Championship Optimist Dinghy Association World Championship 2010*. Ini akan menggamit lebih kurang 60 buah negara luar akan datang menyertai pelayaran tersebut iaitu mereka-mereka yang remaja, yang berumur 15 tahun ke bawah. Jadi tahun lepas kita telah mengambil bahagian di Rio de Janeiro iaitu di Belgium di

mana negara kita telah mendapat nombor satu, kedua, keenam dan kesembilan. Peningkatan negara kita nombor satu. Dari segi individunya, pihak Peru telah mendapat nombor satu.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya harap pihak kementerian dapat memberi lebih banyak lagi peruntukan untuk menampung kos penyelenggaraan ataupun kos mengadakan perlawanan ini. Ia akan diadakan pada 28 Disember 2010 hingga 7 Januari 2011. Tahun lepas kita telah mengadakan *IODA Asian Championship* di mana 30 buah negara mengambil bahagian. Saya berharap pihak Kementerian Belia dan Sukan dapat berusaha untuk memberi perkakas baru dan juga alat sukan yang canggih di Langkawi.

Tuan Yang di-Pertua, kerana inilah - disebabkan kalaulah kita memberi perhatian kepada mereka ini, mungkin kita akan dapat pingat emas dalam Olimpik sekalipun kerana pelayar kita sekarang ini telah mendapat nombor satu di Australia, di New Zealand dan lain-lain yang telah menggamit pingat emas malahan negeri Kedah telah mendapat tiga emas di SUKMA, satu perak dan satu gangsa. Saya haraplah perkara ini dapat diberi perhatian oleh Kementerian Belia dan Sukan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Masa Yang Berhormat.

Dato' Paduka Abu Bakar bin Taib [Langkawi]: Terima kasih, saya mohon menyokong.

7.03 mlm.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua atas peluang yang diberikan kepada saya untuk bahas dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh yang melibatkan perbelanjaan sebanyak RM230 bilion dalam tempoh lima tahun, 2011 hingga 2015. Ada tiga *point* penting yang ingin saya sampaikan dalam ucapan ini iaitu yang pertamanya tentang Rancangan Malaysia Kesepuluh yang melibatkan sektor pertanian kerana saya berminat dalam sektor pertanian ini.

Sebagaimana yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa sektor pertanian menjadi salah satu sektor yang strategik yang termasuk dalam 12 bidang ekonomi utama negara (NKEA). Kita dapati bahawa sektor pertanian ini sejak tahun 70-an semakin menguncup dalam KDNKnya. Mungkin ini sebahagian daripada strategi kerajaan dalam memakmurkan negara tetapi kita mesti mengakui tentang kepentingan sektor pertanian ini kerana sektor ini merupakan sektor tradisi yang memberikan pulangan ekonomi dan juga pekerjaan kepada masyarakat, majoriti masyarakat kita khususnya di kawasan-kawasan pedalaman.

Kalau kita teliti secara lebih terperinci, daripada tahun 1970-an KDNK untuk sektor pertanian ini sebanyak 29.0% tetapi pada tahun 2009 ia hanya mencapai 7.7% sahaja daripada KDNK dalam sektor pertanian ini berbanding dengan sektor-sektor perlombongan 7.7%, perkilangan 26.6%, pembinaan 3.3% tetapi yang ingin saya *highlight* kan ini ialah tentang perkembangan atau bertambahnya dalam sektor perkhidmatan iaitu 57.6%.

Pada saya dalam pengagihan atau ratio ekonomi untuk kita membangunkan negara kita berlaku pembesaran dalam sektor perkhidmatan ini tidak begitu baik kerana sektor perkhidmatan ini hanya akan memberikan, menampung atau menyokong industri-industri ekonomi yang lebih *genuine*, yang lebih tulen iaitu industri pertanian, perkilangan, perlombongan, pembinaan dan sebagainya. Oleh sebab itulah, bolehkah kerajaan memberikan jawapan apakah rasionalnya pihak kerajaan memberikan tumpuan yang lebih kepada sektor perkhidmatan ini, mungkin sebahagiannya untuk memberikan pekerjaan kepada kaum-kaum tertentu.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh, kerajaan tidak menyatakan secara jelas tentang pembangunan sektor pertanian ini. Oleh sebab itu bolehkah saya mendapat penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri Pertanian khususnya semasa penggulungan, senaraikan apakah projek-projek yang terlibat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dalam sektor pertanian ini khususnya di kawasan Kuala Kedah, adakah projek-projek besar atau projek-projek mega. Seperti mana rakan saya daripada Langkawi sebut tadi tentang pembinaan jeti ataupun terminal feri di Kuala Kedah dan Langkawi, kami sehati sejiwa tetapi, jawapan daripada Yang Berhormat Langkawi tadi tidak menunjukkan satu perkara yang positif. Bermakna tidak ada projek baru di Kuala Kedah dan juga di Langkawi. Ini antara janji-janji yang disebut di dalam NCER dulu semasa pemerintahan Perdana Menteri yang sebelum ini bahawa ada projek pembinaan terminal feri baru di Kuala Kedah tetapi apabila jawapan diberi oleh Yang Berhormat Langkawi tadi, tidak ada.

Oleh sebab itu saya ingin mencadangkan supaya aktiviti pertanian ini diambil kira khususnya dalam perkara melibatkan soal industri padi dan beras negara. Kita memerlukan sokongan dan dukungan khususnya dalam perkara berkaitan dengan soal subsidi. Pihak-pihak petani meminta peruntukan yang lebih besar dalam subsidi padi seperti mana yang saya telah sebutkan ketika mencelah perbahasan Yang Berhormat Kota Belud. Saya mengatakan peruntukan untuk subsidi dalam bidang pertanian dan pemakanan masih lagi kecil berbanding dengan subsidi-subsidi yang lain.

Oleh sebab itulah kerajaan ketika hendak menstrukturkan semula subsidi, saya meminta supaya subsidi pertanian ini dikekalkan dan yang perlu dibaiki ialah soal ketelusan prosedur supaya peruntukan untuk subsidi ini benar-benar sampai kepada pihak-pihak berkenaan iaitu petani-petani. Dan seperti mana di dalam bajet yang lepas, tidak ada ataupun berlaku penarikan subsidi khususnya subsidi kepada racun padi dan baja sawah. Saya minta supaya kerajaan mengkaji semula tentang penarikan ini dan memberikan semula subsidi kepada perkara-perkara yang telah saya sebutkan tadi.

Oleh sebab itulah saya mohon supaya industri padi ini diperkukuhkan dengan memberi tumpuan kepada pembinaan infrastruktur dalam kawasan-kawasan pertanian khususnya kawasan jelapang padi negara Malaysia. Begitu juga industri perikanan yang merupakan industri yang memerlukan pembelaan kerajaan. Khususnya persoalan yang melibatkan soal para nelayan yang masih lagi hidup dalam kawasan yang cukup daif, kemiskinan, penempatan mereka yang begitu tidak selesa dan sebagainya. Saya

mengharapkan supaya pihak kerajaan memberikan tumpuan kepada golongan para nelayan ini kerana mereka merupakan sebahagian daripada penyumbang dalam sektor pertanian dan juga KDNK negara tetapi mereka ini diabaikan dari sudut kehidupan mereka yang sewajarnya. Rata-rata bukan dalam kawasan Parlimen Kuala Kedah, saya rasa hampir keseluruhan kawasan.

■ 1910

Begitu juga dengan isu tanah terbiar dalam kawasan pertanian. Saya mengharapkan supaya pihak kementerian memberikan fokus khususnya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini memberikan tumpuan dalam tempoh lima tahun ini kepada membangunkan dan memakmurkan tanah-tanah terbiar khususnya di negeri-negeri yang mempunyai banyak kawasan tanah terbiar di Terengganu, Sabah dan Sarawak. Itu dalam sektor pertanian.

Tuan Yang di-Pertua, sedikit mengenai soal pemindahan Parlimen ke Putrajaya. Saya termasuk dengan rakan-rakan Ahli Yang Berhormat yang kurang bersetuju dengan cadangan ini, kerana saya merasakan bahawa kita perlu kekalkan di lokasi Parlimen yang sedia ada dengan sedikit penambahan bangunan-bangunan bersebelahan bangunan Parlimen yang sedia ada. Bukanlah dengan pemindahan ke kawasan baru khususnya sepertimana disebut dalam Putrajaya. Kita akan berpindah ke Putrajaya ataupun kawasan *Convention Centre* kerana peruntukan untuk pemindahan Parlimen besar, apatah lagi kalau melibatkan soal bangunan baru. Pada pandangan saya, mungkin rakan-rakan Ahli Parlimen boleh berkongsi. Kita bersedia untuk duduk dalam keadaan yang sempit dan tidak selesa tetapi peruntukkan yang seharusnya, yang perlu diberikan kepada rakyat supaya rakyatlah yang akan mendapat penyelesaian ini.

Berkaitan dengan isu strategi yang disebut oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, meningkatkan taraf hidup isi rumah 40% terendah seperti yang disarankan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh dengan mengandaikan pendapatan sebanyak RM2,300 sebulan dibantu. Tuan Yang di-Pertua, kita dapati trend kemiskinan dalam negara kita masih lagi besar dengan jumlah kemiskinan luar bandar sebanyak 7.1% dan kemiskinan di bandar 2.0%, dan kemiskinan tegar ataupun golongan yang kita sebut sebagai golongan termiskin ini atau dalam bahasa kemiskinan tegar. Jadi masih lagi banyak.

Oleh sebab itulah saya mengharapkan supaya kementerian menangani di dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini lebih fokus kepada isu kemiskinan dan kemiskinan bandar ini, memberikan peruntukan kerana kita dapati dalam Rancangan Malaysia Kelapan dan Rancangan Malaysia Kesembilan ada peruntukan dan ada projek yang diberikan tetapi, agak malang kerana pelaksanaan itu tidak mencapai sasaran sepertimana yang kita harapkan. Jadi saya mengharapkan supaya dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini isu kemiskinan dan isu golongan yang termiskin ini diberi tumpuan yang lebih supaya dalam tempoh lima tahun dengan bajet yang begitu besar diperuntukkan, isu kemiskinan kita boleh turun ke peringkat yang paling rendah.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, di akhir ucapan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, masa pun dekat hendak habis Yang Berhormat, ya.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Saya pun sudah hendak gulung. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyebutkan isu supaya kita ini berganding bahu antara pemerintah, Kerajaan Pakatan Rakyat seperti bola sepak. Bermain dalam satu pasukan. Berjaya memimpin. Pemimpin perlu bermain secara mengambil kira posisi. Apa yang ingin saya sebutkan ini supaya Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan Kerajaan Barisan Nasional memberikan padang yang sama rata kepada kita semua, kerana kita dapati pemain kerajaan dengan pembangkang ini ataupun Pakatan Rakyat ini tidak sama. Pakatan Rakyat didiskriminasi dalam peruntukan termasuklah di negeri-negeri Pakatan Rakyat. Jadi kalaulah padang tidak sama rata antara dua pemain, bagaimana kita hendak menang?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Ataupun bagaimana kita hendak dapat keadilan? Begitu juga pengadil, Tuan Yang di-Pertua. Dua perenggan yang terakhir. Pengadil ini pun kita hendak supaya yang lebih adil dan lebih telus dan supaya memberikan keadilan kepada kita dalam menjayakan Rancangan Malaysia Kesepuluh.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Baik Yang Berhormat. Terima kasih, Yang Berhormat.

Tuan Ahmad Kasim [Kuala Kedah]: Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya, Yang Berhormat Sipitang.

7.14 mlm.

Datuk Sapawi Ahmad Wasali [Sipitang]: Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali terima kasih diucapkan kepada Tuan Yang di-Pertua atas peluang diberikan kepada saya untuk sama-sama mengambil bahagian dalam perbahasan ucapan pembentangan Rancangan Malaysia Kesepuluh 2011-2015 yang telah lalu.

Dengan tema Rancangan Kemakmuran Ekonomi dan Keadilan Sosial, suntikan peruntukan RM230 bilion dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh itu tentu sahaja mampu merubah dan membawa anjakan paradigma buat rakyat dan negara yang tercinta ini. Inilah agenda pembangunan yang terbaik yang pernah disaksikan sehingga kini yang dihulurkan untuk pimpinan kerajaan buat rakyat yang dihargai. Secara umumnya, saya menyimpulkan bahawa agenda pembangunan yang dihuraikan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini cukup komprehensif, menyeluruh, berwawasan dan *inclusive* dengan mengambil kira kepentingan rakyat di seluruh negara termasuk kami di Sabah dan juga di Sarawak dengan mengambil kira keperluan semasa dan cabaran-cabaran yang akan dihadapi untuk tempoh lima tahu yang akan datang, seterusnya menjayakan program transformasi kerajaan (GTP) dan Model Ekonomi Baru (MEB).

Sesungguhnya saya yakin dan optimis bahawa Rancangan Malaysia Kesepuluh ini akan memberikan impak yang positif terhadap kemajuan negara kita terutama sekali negeri Sabah yang sedang rancak dibangunkan menerusi pelbagai rancangan dan program untuk meningkatkan lagi sosioekonomi rakyat. Dalam perbincangan yang ringkas ini, saya menyentuh beberapa perkara secara umum sahaja.

Yang pertama ialah infrastruktur dan kemudahan asas. Hari ini menjadi saksi tentang keprihatinan Kerajaan Pusat dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh bukti tiada lagi peminggiran dua negeri di seberang Laut Cina Selatan hari ini, iaitu Sabah dan Sarawak yang berpayung di bawah naungan Kerajaan Barisan Nasional semakin mendapat perhatian. Jelas dan nyata, terang lagi terserlah menerusi rancangan pembangunan lima tahun ini. Kedua-dua negeri Sabah dan Sarawak telah diberikan peruntukan yang jauh lebih besar berbanding dengan rancangan-rancangan pembangunan yang terdahulu.

Sesungguhnya saya bagi pihak penduduk negeri Sabah mengalu-alukan perancangan ini dan berharap ia membawa dimensi baru buat kami di masa yang terdekat ini. Penyediaan kemudahan jalan raya yang baik, biarpun tidak setanding lebuhraya di Semenanjung sangat diperlukan bukan sahaja sebagai perhubungan antara tempat dan destinasi, tetapi lebih penting lagi rakyat membawa keluar hasil pertanian, mahsul dan penternakan, produk kraf tangan dan seumpamanya yang merupakan sumber ekonomi yang utama masyarakat di desa.

Sebagai wakil rakyat Sipitang, saya ingin menarik perhatian di Dewan yang mulia ini agar dapat kiranya kementerian dan agensi berkaitan mengambil perhatian terhadap keadaan beberapa jalan di kawasan Parlimen Sipitang. Antaranya Jalan Lawas-Sipitang-Kota Kinabalu merupakan laluan utama dalam rangkaian Pan Borneo meliputi tiga negeri dan negara iaitu Sabah, Sarawak dan juga Brunei Darussalam serta juga Kalimantan, Indonesia. Jalan ini disebut sebagai lebuhraya tetapi keadaannya tidak menyamai apa yang diistilahkan sebagai lebuhraya di Semenanjung ini. Kalau menaiki kereta di lebuhraya Semenanjung ini, kita boleh tertidur lena dalam kenderaan yang meluncur lembut, tetapi memandu menyusuri jalan kami ini boleh menyebabkan kita mabuk kerana kita bagaikan menaiki kapal yang sedang dilanda gelora di tengah lautan.

Lantaran jalan raya berombak, lebuhraya kami hanya satu lorong sahaja. Tidak seperti di sini yang sampai tiga dan empat lorong. Lebuhraya kami tidak ada bahu dan pembahagi jalan. Tiada tempat berhenti di tepian jalan jika berlaku kecemasan. Kami hanya mempunyai satu atau dua tempat rehat R&R yang sedang dibangunkan tetapi, tidak setanding dengan R&R di kawasan Semenanjung ini. Mungkin agak payah menaik taraf lebuhraya kami seperti Lebuhraya Utara-Selatan. Mungkin agak mustahil bagi kami memiliki lebuhraya tersebut yang bertingkat. Mungkin juga sukar untuk membina tambahan lorong di kedua-dua lebuhraya....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, yang kami ini di Sarawak dan Sabahlah ini?

Datuk Sapawi Ahmad Wasali [Sipitang]: Ya, kami di Sarawak dan Sabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: *[Ketawa]*
Sila, Yang Berhormat.

Datuk Sapawi Ahmad Wasali [Sipitang]: Akan tetapi memadai jika dapat dilakukan penyelenggaraan yang baik terhadap jalan-jalan berombak ini, menyediakan bahu jalan yang sempurna sifatnya dan untuk meratakan jalan yang retak dan merekah demi untuk kemudahan dan juga keselamatan pengguna. Jalan-jalan kampung di kawasan Parlimen saya masih banyak berkeadaan daif. Sebahagian masih seperti keadaan asal sejak tahun 50-an. Antaranya Jalan Sungai Tiga-Mensapul, Jalan Pintas-Mendulong, Jalan Kampung Karangan, Jalan Mentulut, Jalan Logan dan beberapa jalan yang lain yang tidak dapat saya sebutkan.

■1920

Satu lagi yang pernah saya suarakan dalam soalan minggu lepas yang tidak sempat dijawab oleh kementerian ialah jalan yang diumumkan dalam Dewan yang mulia ini iaitu dari Mendolong, Meligan hingga ke Long Pasia di mana saya rasakan sudah tiba masanya supaya projek ini diberi keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Ia bukan sahaja menjadikan laluan ribuan penduduk di perkampungan jalan ini tetapi di hujungnyanya adalah khazanah pelancongan sangat bernilai iaitu kawasan tanah tinggi Long Pasia, satu tempat yang berhawa dingin dan berpotensi untuk industri ekonomi dan pelancongan.

Dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini juga disebut tentang usaha kerajaan menyediakan akses bekalan air bersih kepada rakyat dengan sasaran ditetapkan 98% bagi Sabah dan 95% Sarawak iaitu meliputi tambahan 112,700 rumah di Sabah dan 87 rumah di Sarawak. Dalam hal ini saya ingin menarik perhatian kepada kementerian dan agensi berkaitan agar kami di kawasan Sipitang khususnya, turut diberi perhatian yang sewajarnya. Jeling-jelinglah dan pandang-pandanglah kepada rakyat kami yang serba mengharap. Masih banyak penduduk dan perkampungan yang terpencil yang sangat mengharap.

Agak menyedihkan juga di sesetengah perkampungan saluran paipnya sudah tersedia disambung terus ke rumah tetapi apabila kepala paip dipusing bukan air yang keluar tetapi yang berdesing ialah angin yang sangat membimbangkan dan kadang-kadang bil angin yang dibayar dan bukan bil air. Saya mengharap loji air fasa 3 yang setelah siap dibina fasa 1 dan 2 di Ulu Melamam dapat disegerakan untuk mencapai taraf bekalan air bersih seperti yang saya sebutkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya ingin tekankan ialah isu keselamatan yang cukup penting dan harus diberi penekanan sebagaimana disebutkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kita, di mana soal keselamatan dan ketenteraman awam akan dipertingkatkan kerana hasilnya memberikan manfaat yang begitu berharga kepada rakyat. Saya tidak mengulas panjang mengenai bab ini tetapi Parlimen Sipitang berkongsi sentimen yang sama mengenai pentingnya isu keselamatan utama pelancong dan pelawat di negara Brunei Darussalam dari Kalimantan, Indonesia dan sekali gus dari Sarawak selain berkongsi sempadan dengan Lawas, Sarawak.

Sudah berapa kali di Dewan yang mulia ini saya menyuarakan kekusaran tentang keadaan Ibu Pejabat Polis Sipitang yang menumpang di tingkat bawah flat balai polis di mana IPD Sipitang menumpang di balai polis ini sendiri dalam keadaan yang daif. Di kesempatan ini saya mengharapkan agar perkara ini diberi perhatian dan keutamaan dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh seiring dengan matlamat menjayakan apa yang dinamakan sebagai program *Safe City* membabitkan penggemblengan tenaga pelbagai agensi kerajaan yang diterajui oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Sebagai penutup Tuan Yang di-Pertua, kejayaan terhadap apa yang dirancang dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh ini banyak bergantung kepada kita semua untuk menjayakan seperti yang diungkap oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri bahawa semua orang ada peranan, sama penting dan sama mustahak. Malahan, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri memberikan analogi sebuah pasukan bola untuk mencipta kejayaan dengan merujuk kepada semangat Piala Dunia.

Justeru, saya mengambil ruang, kesempatan ini untuk mengajak rakan-rakan, Ahli Yang Berhormat baik daripada barisan sini ataupun daripada barisan sana, wajarlah diketepikan sentimen politik yang sempit, tamatkanlah lakonan dan sandiwara politik yang tidak berkesudahan. Saya katakan demikian kerana apabila sandiwara selesai, apabila tirai dilabuhkan, para pelakon kembali dalam pakaian yang sebenar meninggalkan panggung, meninggalkan watak yang dilakonkan, meninggalkan peranan yang dimainkan, masing-masing menuju kepada destinasi berlainan, masing-masing dilamun impian tersendiri.

Perjuangan politik melalui organisasi politik yang sedang kita dukung baik dalam BN mahupun dalam Pakatan Pembangkang tidak boleh berjaya jika para pemimpin terus menerus mengamalkan budaya teater, budaya lakonan, budaya wayang kulit atau budaya mak yong. Sekian, saya mohon menyokong.

Beberapa Ahli: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Ya, saya hendak tulis nama orang yang berdiri petang ini. Saya sudah tulis nama Yang Berhormat Jerai.

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Tanah Merah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, saya baca dahulu Yang Berhormat. Saya baca Yang Berhormat untuk peringatan pagi esok. Yang Berhormat Jerai, Yang Berhormat Kota Melaka, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Pendang, Yang Berhormat Petaling Jaya Selatan...

Tuan Amran bin Ab. Ghani [Tanah Merah]: Tanah Merah, Tanah Merah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Batu Gajah dan Yang Berhormat Tanah Merah. Okey Yang Berhormat, saya jemput Yang Berhormat Dungun dahulu Yang Berhormat. Ini janji saya dengan Yang Berhormat Dungun tadi Yang Berhormat.

7.25 mlm

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun]: *Alhamdulillah.*

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Tuan Matulidi bin Jusoh [Dungun]: *Alhamdulillah*, yang lain minta duduk. *Bismillaahir Rahmaanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakaatuh*, salam sejahtera dan salam 1Malaysia. Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua. Saya juga ingin mengambil kesempatan dan peluang untuk bersama-sama membahaskan Usul Rancangan Malaysia Kesepuluh bagi tempoh tahun 2011 sehingga tahun 2015 yang telah disampaikan ucapan oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia pada 10 Jun 2010 yang lalu.

Tuan Yang di-Pertua, sebagai anak bangsa yang lahir di bumi bertuah ini, bumi yang penuh dengan tanaman-tanaman, tumbuh-tumbuhan yang menghijau, sumber galian, khazanah laut telah dianugerahkan oleh Allah SWT ke atas hamba-hambanya dari pelbagai kaum, agama dan budaya. Anugerah ini juga sangat besar ertinya kepada semua kaum dalam negara supaya nikmat dan rahmat Allah dapat dirasakan oleh semua kaum. Malah keamanan, kemakmuran dan kebahagiaan telah pun sekian lama dinikmati dan kita terus memohon doa kepada Allah Yang Maha Esa agar keamanan, kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat akan berpanjangan hingga akhir hayat.

Melalui lima teras strategik Rancangan Malaysia Kesepuluh, saya penuh yakin dan percaya bahawa Malaysia ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju 2020 akan berhasil dan menemui kejayaan dengan sokongan semua rakyat dalam negara. Tidak mengira apa bangsa, agama dan budaya akan memberi sokongan yang berterusan secara padu dan kerjasama erat termasuk pembangkang jika mereka sayangkan negaranya.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sudah hampir 54 tahun merdeka. Dari sebuah negara yang dahulunya dianggap miskin, negaranya kecil, rakyatnya tidak secerdik seperti negara-negara maju dunia, sebuah negara yang dijajah oleh pelbagai bangsa kolonial besar dunia, akhirnya Allah memutuskan pimpinan negara yang diwarisi dari seorang ke seorang bermula dari Allahyarham Tunku Abdul Rahman, Allahyarham Tun Abdul Razak, Allahyarham Tun Hussien Onn, Tun Dr. Mahathir, Tun Abdullah dan kini diwarisi oleh Yang Amat Berhormat Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak sebagai Perdana Menteri akan memacu dan menggerakkan pembangunan negara yang berpendapatan tinggi dan maju pada tahun 2020 melalui jentera kerajaan yang efisien dan inovatif di samping sokongan padu rakyat 1Malaysia.

Negara Malaysia sudah lama mengorak langkah maju ke hadapan. Kemudahan infrastruktur, jalan, elektrik dan air di luar bandar, perubahan dasar dan sistem pembelajaran rakyat dari serendah sekolah sehingga ke peringkat universiti, sumbangan dan kebajikan kepada rakyat, pembangunan kota dan desa, peluang dan peningkatan berkerajaan serta taraf hidup rakyat, kemasukan pelaburan asing yang menjana ekonomi dan lain-lain telah pun dizahirkan melalui pimpinan UMNO dan Barisan Nasional dan terbukti negara kita telah melangkah maju ke hadapan dan rakyat menikmatinya dengan rasa gembira dan berterima kasih. Cuma, ada sebilangan kecil sahaja rakyat yang tidak berterima kasih kepada kerajaan hari ini sekalipun mereka juga menikmati bersama segala kemudahan yang ada.

Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbilang-banyak terima kasih kepada pucuk pimpinan negara kerana berhasil menangani cabaran kemelesetan ekonomi dunia pada tahun 2008 dan tahun 2009 dengan memperkenalkan Pakej Rangsangan Ekonomi yang bernilai RM67 bilion. *Alhamdulillah*, pertumbuhan yang amat membanggakan pada kadar 10.1% bagi suku pertama 2010 dan merupakan pertumbuhan tertinggi semenjak sepuluh tahun yang lalu. Kita mengharapkan pada tahun 2010 Malaysia akan kembali cergas dengan mencatatkan pertumbuhan sebanyak 6%.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyambut baik langkah kerajaan untuk menubuhkan sebuah institusi perkhidmatan awam bertaraf dunia bagi meningkatkan kompetensi penjawat awam dalam usaha menambahbaikkan pembangunan modal insan dalam sektor awam yang bertujuan bagi mengekalkan bakat berkualiti dalam perkhidmatan awam. Penjawat awam kerajaan adalah jentera kerajaan yang turut sama memainkan peranan dan penyumbang besar ke arah negara berpendapatan tinggi dan maju. Saya ingin bertanyakan apakah..

■1730

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat tanya esok Yang Berhormat.

Tuan Matulidi Jusoh [Dungun]: *[Ketawa]* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ya duduk. Ada lima minit lagi Yang Berhormat ya.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan ditangguhkan dahulu. Dengan itu saya menjemput Menteri membacakan Usul Ucapan Penangguhan.

USUL

MENANGGUHKAN MESYUARAT DI BAWAH PERATURAN MESYUARAT 16(3)

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan;

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 16(3), mesyuarat ini ditangguhkan sekarang.”

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I [Dato' Tan Lian Hoe]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCAPAN-UCAPAN PENANGGUHAN

Kembalikan Kebebasan Media Serta-merta

5.30 ptg.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Ucapan penangguhan saya akan menyentuh isu kebebasan media. Tuan Yang di-Pertua, kebelakangan ini insiden menyekat kebebasan media dan campur tangan politik amat menyedihkan kepada rakyat Malaysia. Insiden pertama penerbit Buletin dan Isu Semasa NTV7, Joshua Wong meletak jawatan sebagai protes campur tangan Jabatan Perdana Menteri dan isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Di samping itu beliau dilarang membincangkan isu politik, dilarang mengundang *panelist* dari pembangkang dan membincangkan isu politik Pilihan Raya Kecil Hulu Selangor.

Di sini saya meminta Yang Berhormat Menteri memberi penjelasan sama ada arahan Jabatan Perdana Menteri daripada isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan ugutan-ugutan seperti tadi merupakan ancaman kepada profesionalisme orang media.

Insiden yang kedua ialah penerbit TV2, Chou Z Lam yang mengarah satu rencana dokumentasi *Galeri Mandarin Nasional* ditarik dan dibatalkan kerana dikhuatiri membawa dampak politik kepada Barisan Nasional Sarawak ketika Pilihan Raya Kecil Sibu yang sedang dijalankan. Rencana dokumentasi ini secara fakta dan objektif telah merakamkan pengalaman penduduk peribumi Sarawak yang menghadapi kesulitan dan kesengsaraan hidup berhubung dengan pembinaan Empangan Bakun. Beliau terima penjelasan dari Ketua Pengarah Bilik Berita, Jumat Angson bahawa kandungan rencana ini terlalu sensitif dan tidak sesuai disiarkan kerana Pilihan Raya Kecil Sibu. Saya pohon Yang Berhormat Menteri menyatakan pendirian dalam persoalan kebebasan asasi berkaitan dengan hak bersuara dan hak menerima maklumat.

Dalam kes ini suara kaum peribumi yang menghadapi ancaman dan penindasan. Jelas orang awam yang merupakan penonton-penonton TV tidak patut dinafikan atau disekat hak menerima maklumat atau pengetahuan.

Ekoran dua insiden di atas, insiden ketiga berulang sekali lagi apabila pembatalan siaran isu pembinaan menara elektrik - *high tension tower* di Rawang, Selangor tanpa sebab. Pada 13 Mei 2010 Chou Z Lam menerima surat penamatan perkhidmatan daripada Bahagian Khidmat Pengurusan dengan alasan mengurangkan kos. Alasan sedemikian agak pelik dan sudah tentu bukan secara kebetulan. Tidak munasabah diterima oleh seorang kakitangan perkhidmatan awam. Oleh itu hak seorang pekhidmat awam harus dihormati dan maruah mereka tidak harus dicabuli oleh kerajaan sendiri. Saya meminta Yang Berhormat Menteri menjelaskan persoalan ini.

Di samping itu saya pohon Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan menjalankan penstrukturan semula dalam pentadbiran RTM supaya memberi ruang

kebebasan untuk membincangkan isu-isu kepentingan awam. Kenapa RTM tidak boleh mencontohi BBC yang diberi pengurusan yang autonomi tanpa campur tangan politik?

Berikutan dengan insiden-insiden ini, Yang Berhormat Menteri telah melantik Yap Shy Cuan dengan tugas memantau rancangan-rancangan Mandarin. Jawatan ini tidak pernah wujud sebelum ini sebagai pegawai khas dalam RTM. Saya minta Yang Berhormat Menteri menjelaskan kenapa membenarkan satu jawatan yang dipegang oleh orang parti, Yap Shy Cuan dalam media rasmi negara? Sungguhpun..

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini ada dalam teks Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Ya, ada dalam teks.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ini ada perubahan sedikit Yang Berhormat.

Tuan Chua Tian Chang @ Tian Chua [Batu]: Kita juga difahamkan bahawa Yap Shy Cuan adalah seorang ahli MCA merupakan perwakilan Pemuda MCA bahagian Bera, Pahang. Rupa-rupanya jawatan ini berperanan untuk menjalankan kawalan terhadap kakitangan profesional dalam RTM dan memastikan perspektif dan kepentingan parti-parti pemerintah dipertahankan. Saya mohon penjelasan. Sekian, terima kasih.

7.36 mlm.

Timbalan Menteri Penerangan, Komunikasi dan Kebudayaan I [Dato' Joseph Salang anak Gandum]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada Yang Berhormat Batu di atas ucapan tersebut.

Berhubung dakwaan campur tangan Jabatan Perdana Menteri dan isteri Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pengurusan NTV7, ingin dijelaskan di sini bahawa dakwaan tersebut adalah tidak benar dan tidak berasas sama sekali. Sebaliknya ia merupakan isu dalaman stesen penyiaran tersebut di mana penerbit berkenaan enggan menerima nasihat pihak pengurusan mengenai dasar yang diamalkan oleh stesen berkenaan. Ini kerana pihak NTV7 telah menerima aduan daripada orang awam yang mendakwa bahawa program tersebut tidak seimbang, topik yang tidak sesuai dan jalan perbincangan yang menyentuh perkara positif.

Sebagai stesen penyiar, pihak NTV7 perlu mengambil kira pandangan tersebut. Selain memastikan pematuhan kepada undang-undang bagi mengelakkan kontroversi yang boleh menyentuh perasaan orang ramai. Oleh itu pihak pengurusan NTV7 telah mengadakan perbincangan bersama penerbit rancangan tersebut iaitu Encik Joshua Wong yang telah mengambil pendirian untuk tidak mahu tertakluk kepada dasar yang telah ditetapkan sebagai seseorang pekerja dan bertegas untuk meletak jawatan.

Berkaitan dokumentari *Galeri Nasional Mandarin* yang disebutkan oleh Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa RTM yang berperanan sebagai media rasmi kerajaan bertanggungjawab menyebarkan maklumat kepada rakyat. Sehubungan itu tiada sebarang campur tangan politik dalam penentuan siaran sesuatu program di RTM.

Pembatalan penyiaran dokumentari yang membincangkan masalah penduduk di tapak pembinaan Empangan Bakun juga tiada kaitan dengan pilihan raya kecil di Sibu. Keputusan menarik balik dokumentari berkenaan dibuat secara profesional memandangkan ia tidak mematuhi garis panduan siaran RTM selain tidak memuatkan tujuan sebenar projek dan faedahnya kepada negara. Berdasarkan *Standard Operating Procedure* atau SOP, penyiaran sesuatu program, RTM bertanggungjawab memastikan bahawa rakyat mendapat maklumat yang seimbang tentang projek-projek yang dilaksanakan.

▪ **1940**

Penamatan perkhidmatan penerbit berkenaan termasuk beberapa orang penerbit sambilan dan kontrak sebelum ini adalah sebagai satu langkah yang mengimbangkan jumlah kakitangan dengan perkhidmatan di RTM. Pelantikan dan penamatan perkhidmatan seseorang petugas adalah mengikut prosedur yang telah ditetapkan.

Penempatan Encik Yap Shy Cuan sebagai Penyelaras Bahasa Mandarin di Bahagian Berita Ehwal Semasa RTM pula adalah untuk memantapkan lagi mutu berita bahasa Mandarin di RTM secara keseluruhannya.

Pengalaman beliau dalam bidang kewartawanan dan bahasa Mandarin dapat meningkatkan lagi mutu program dan menarik minat khalayak. Pelantik beliau di RTM adalah sebagai pegawai sambilan. Penglibatan beliau dalam arena politik tidak bercanggah dan masih tertakluk kepada peruntukan di bawah perintah-perintah am dan arahan pentadbiran kerajaan bagi penjawat awam. Tuan Yang di-Pertua, penstrukturan semula RTM telah dilaksanakan pada Januari 2009. Oleh yang demikian, cadangan Yang Berhormat Batu untuk penstrukturan semula tidak berbangkit. Sekian, terima kasih.

Aduan Penipuan Skim STG Corner

7.41 mlm.

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Skim STG Corner ialah satu skim projek di bawah nama Steven's Tea Garden, rangkaian Steven's Corner yang bertakhta atas nama STG Resources Sdn. Bhd. 811939A iaitu satu rangkaian restoran mamak yang terkenal di Malaysia bagi mempromosi projek restoran mamak nombor satu dan cafe mamak bertaraf lima bintang.

Skim ini mendapat sambutan orang ramai kerana ia menjanjikan keuntungan lumayan menerusi makan minum di rakan Steven's Tea Garden. Orang ramai boleh makan dan minum di mana-mana rangkaian Steven menerusi kredit dalam kad prabayar dan akan memberi hasil pendapatan sebagai ganjaran iklan bulanan dan dikreditkan dalam kad prabayar ahli-ahli yang menyertai dan membawa masuk rakan-rakan sebagai ahli.

Tuan Yang di-Pertua, skim ini beroperasi seperti jualan langsung yang mana ahli-ahli perlu membayar yuran sebagai amaun dan ahli-ahli akan meraih peluang menurut kategori pakej seperti *classic*, *silver*, *gold* dan *platinum*. Orang ramai telah terlibat dalam skim ini dan

ramai yang telah melabur serta ramai yang tertipu. Skim ini tidak berdaftar di bawah Akta Jualan Langsung. Mereka telah membuat aduan polis dan membuat aduan ke Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan tentang kegiatan Steven's Corner yang memujuk orang ramai menjadi ahli.

Saya sendiri telah menulis aduan kepada Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri, Kewangan dan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri pada 14 Disember 2009 tetapi jawapannya masih dalam tindakan lagi. Sementara menunggu hasil siasatan kementerian yang entah bila akan diumumkan, modus operasi skim terus berjalan, mengadakan promosi jualan dan lebih ramai orang akan terperangkap. Malangnya jawapan kementerian bahawa tindakan akan diambil jika STG Corner didaftar di bawah Akta Jualan Langsung. Bagaimanakah pula jika tidak berdaftar, nampaknya para pengarah bebas dari tindakan dan bagaimanakah pula nasib ramai pelabur yang sudah menjadi mangsa? Di manakah mereka boleh mendapat pembelaan jika saluran sedia ada tertutup? Sekian, terima kasih.

7.44 mlm.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan I

[Dato' Tan Lian Hoe]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih saya ucapkan kepada Yang Berhormat Bukit Bintang atas ucapan tadi. Tuan Yang di-Pertua dan untuk makluman Yang Berhormat, STG Corner tidak memiliki lesen jualan langsung kerana tidak berdaftar dengan kementerian.

Sehubungan ini, Bahagian Penguat kuasa Kementerian telah membuat serbuan terhadap Syarikat STG Resources Sdn. Bhd. pada 3 Februari 2010 dan siasatan sedang dijalankan bagi menyasat kesalahan di bawah Akta Jualan Langsung 1993 iaitu disyaki menjalankan aktiviti-aktiviti jualan langsung tanpa lesen yang sah.

Namun demikian, syarikat-syarikat rangkaian Steven's Corner dan pengarah-pengarahnya telah dituduh di bawah Akta Syarikat 1965 dengan tuduhan masing-masing di bawah seksyen-seksyen 143(1), 165(4) dan 169(1) pada bulan April 2010 seperti berikut:

- (i) seksyen 143(1) gagal mengadakan mesyuarat agung tahunan – penalti RM5,000 dan penalti kemungkiran RM100;
- (ii) seksyen 165(4) gagal menyerahkan simpanan penyata tahunan – penalti RM2,000 dan penalti kemungkiran;
- (iii) seksyen 169(1) gagal bentang akaun untung dan rugi dalam mesyuarat agung tahunan dalam masa yang ditetapkan. Penalti hukuman penjara selama lima tahun atau RM30,000. Tindakan-tindakan pendakwaan yang telah diambil terhadap syarikat-syarikat rangkaian Steven's Corners dan pengarah-pengarahnya ialah seperti berikut:
 - (a) Steven's Tea Garden Corp. Sdn. Bhd. – Dua orang pengarah daripada syarikat ini telah dikenakan hukuman denda sebanyak RM3,700 seorang;

- (b) Semangat Teknologi Gagah Sdn. Berhad – Dua orang pengarahnya juga dikenakan hukuman denda sebanyak RM3,700 seorang dan syarikat ini mengaku salah dan dikenakan hukuman denda RM700; dan
- (c) Sri Steven's Corners Holding Sdn. Bhd. – Seorang pengarahnya dikenakan hukuman denda RM3,000 dan empat pengarah lain meminta untuk dibicarakan dan tarikh pembicaraan ditetapkan pada 27 September 2010.

Selain itu, pihak Bank Negara Malaysia telah mengadakan serbuan terhadap syarikat Semangat Teknologi Gagah Sdn. Bhd. pada 4 Februari 2010. Siasatan dibuat bagi menyiasat kesalahan mengambil deposit haram, dengan izin *illegal deposit taking* di bawah Akta Institusi-institusi Perbankan dan Kewangan 1989 (BAFIA). Berdasarkan serbuan-serbuan yang telah dilakukan oleh pihak kementerian dan Bank Negara pada 3 dan 4 Februari 2010, syarikat ini tidak lagi beroperasi. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan telah ditangguhkan tadi dan Dewan akan bersidang semula pada jam 10 pagi, hari Selasa, 22 Jun 2010.

Dewan ditangguhkan pada pukul 7.48 mlm.